

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

# ROMA

RANCANGAN PENYELAMATAN ALLAH MELALUI PENGORBANAN ANAK-NYA YESUS KRISTUS UNTUK PERBENARAN MANUSIA



## **Siri Menjelajah Alkitab Roma**

Penulis : Goh Kim Guat  
Penterjemah : Jacqueline Jose  
Penyunting : Randy Singkee  
Reka Letak : Randy Singkee  
Kulit buku : Chiang Juat Chin

Cetakan Pertama: Julai 2016

Petikan Alkitab diambil dari:  
Alkitab Versi Borneo © 2016, LAB Network

Diterbitkan oleh:  
Wawasan Penabur Sdn. Bhd.  
P.O.Box: 8327, Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, Selangor  
wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

# Daftar Isi

---

1	<b>Prakata</b>
2	<b>Sebelum Anda Bermula</b>
3	<b>Pengenalan Kepada Buku Roma</b>
3	Pengenalan
3	Penulis
3	Tempat dan Tarikh Buku Ditulis
3	Penerima
4	Peristiwa dan Tujuan Penulisan
4	Tema dan Isi Kandungan
4	Garis Kasar Buku Roma
5	Sejarah Ringkas Rasul Paulus
6	Peta Empayar Roma Pada Zaman Paulus
7	<b>Roma</b>
8	Bab 1
16	Bab 2
22	Bab 3
29	Bab 4
34	Bab 5
39	Bab 6
44	Bab 7
50	Bab 8
59	Bab 9
65	Bab 10
69	Bab 11
77	Bab 12
82	Bab 13
86	Bab 14
91	Bab 15
99	Bab 16
105	<b>Senarai Rujukan</b>



## Prakata

Tidak ada buku di seluruh Alkitab yang menerangkan dengan jelas tentang Injil Tuhan kita, Yesus Kristus, seperti surat Paulus kepada jemaah di Roma. Dalam surat itu, Rasul Paulus menghuraikan sepenuhnya keseluruhan kehendak Allah yang berkaitan dengan penyelamatan kita dalam Kristus. Maksud Paulus menulis surat yang agak panjang untuk Jemaah Kristian di Roma itu adalah untuk mendedahkan kepada mereka kepentingan sepenuhnya Injil yang kekal supaya iman Kristian mereka boleh dibangun dan diteguhkan. Atas sebab inilah Luther melabelkan surat ini sebagai “Injil yang paling jelas sekali.”

Tambahan lagi, tiada buku di seluruh Alkitab yang telah membawa kesan kepada Gereja Kristian dalam membawa kebangkitan dan kebangunan rohani seperti buku Roma. Melalui kebenaran tentang pembenaran oleh iman, yang dijelaskan sejelas-jelasnya dalam buku Roma inilah Martin Luther telah diselamatkan daripada legalisme dan menjadi pemimpin Reformasi Protestan. Doktrin yang sama yang dijelaskan oleh Luther, telah membawa kepada pertaubatan John Bunyan. Begitu juga, dengan mendengar seorang lelaki membaca dari kata pengantar dari Komentari Luther tentang buku Roma, John Wesley merasakan “ada sesuatu di dalam hatinya yang membakar dirinya” pada malam 24 Mei 1738, menyebabkan bermulanya Kebangkitan Rohani Inggeris pada abad ke-18. Ada ramai lagi yang mempunyai pengalaman sedemikain melalui buku Roma.

Bukan sahaja adanya keperluan mendesak untuk kebangunan rohani dan reformasi dalam Gereja Kristian di Malaysia pada hari ini, tetapi tidak pernah dalam sejarah umat Allah di Malaysia di mana umat Kristian harus dibangun dan dikuatkan sepenuhnya dalam Kristus di “akhir zaman” ini. Jika Paulus hidup pada zaman akhir dalam sejarah dunia ini, dia pasti akan mempunyai keprihatinan yang sama besarnya ketika dia menulis kepada jemaah Kristian di Roma yang pada zamannya menghadapi penganiayaan yang besar. Walau bagaimanapun, tatkala isi Injilnya adalah sama, namun gaya suratnya amat asing untuk orang Kristian di abad-21 ini. Orang Kristian pada zamannya memiliki budaya, latar belakang, dan mentaliti yang sangat berbeza daripada orang Kristian moden. Ini adalah salah satu sebab mengapa begitu ramai orang Kristian pada hari ini mendapati buku Roma sangat sukar untuk difahami.

Tujuan komentari sederhana ini ditulis adalah untuk merapatkan jurang antara dunia Paulus dengan dunia kita sekarang, supaya mesej surat Roma Paulus boleh menjadi bermakna kepada orang Kristian moden. Kami berharap dengan adanya komentari buku Roma dalam **Siri Menjelajah Alkitab** ini, akan membawa kepada kebangkitan, kebangunan dan reformasi dalam kehidupan semua anak-anak Allah di Malaysia yang lapar dan dahaga akan kebenaran Kristus. Doa kami adalah “kamu akan mengenal kebenaran dan kebenaran akan membebaskanmu” (Yohanes 8:32)



## Sebelum Anda Bermula

Sebelum anda memulakan penjelajahan anda dalam mengenal dan menghayati buku Roma, ada beberapa petunjuk yang akan membantu anda sepanjang pengembaraan anda:

1. Baca bahagian Pengenalan Kepada Roma terlebih dahulu.
2. Baca Roma dalam Alkitab anda paling kurang sekali sebelum anda memulakan pembelajaran dengan mendalam untuk setiap bab.
3. Nota-nota di bahagian bawah setiap halaman (Nota dan Teropong) meediakan beberapa maklumat latar belakang untuk membantu anda memahami Firman Tuhan yang dibaca.
4. Sepanjang penjelajahan anda, anda akan berhenti untuk berfikir sejenak Firman Tuhan yang telah dibaca, mengambil prinsip dan pengajaran untuk dijadikan pegangan dalam hidup, berdoa dan menghafal Firman Tuhan

Dalam buku ini, anda akan bertemu dengan simbol-simbol berikut:



**Nota**

**Ringkasan petikan dan nota tambahan** — ini adalah ringkasan bahagian dan ulasan setiap ayat.



**Teropong**

**Perkara-perkara menarik untuk diketahui** — ini adalah nota-nota yang akan membantu anda memahami ayat atau petikan Alkitab tersebut



**Soalan**

**Sesuatu untuk difikirkan** — ini adalah soalan-soalan yang akan membantu anda untuk membuat refleksi dan renungan, serta bagaimana kebenaran Firman Tuhan itu dapat diterapkan di dalam hidup anda.



**Mari Fikir Sejenak**

**Berhenti sejenak untuk berdoa** — ini menunjukkan bahawa anda mungkin mahu berhenti sejenak untuk berdoa kepada Tuhan tentang apa yang anda telah baca dan pelajari. Ingatlah bahawa Roh Kuduslah guru anda yang terbaik.



**Suatu Pegangan Hidup**

**Untuk pegangan hidup** — ini adalah komentar-komentar yang boleh membantu anda dalam kehidupan sehari-harian anda dengan Tuhan.



**Ayat Hafalan**

**Ayat Firman Tuhan yang menjadi pendorong kepada anda** — ini adalah ayat-ayat Firman Tuhan untuk anda hafal dan simpan di dalam hati anda.

## Pengenalan Kepada Buku Roma

### **Pengenalan**

Kebanyakan sarjana menganggap buku Roma sebagai salah satu tulisan Kristian yang terhebat. Ia telah memberikan kesan kepada ramai tokoh di sepanjang sejarah gereja Kristian. Augustine dari Hippo yang merupakan salah seorang ahli teologi dan bapa gereja awal pada abad kelima, telah bertaubat dan menyerahkan hidupnya kepada Tuhan selepas membaca satu petikan daripada surat tersebut. Sebelas abad kemudian, Martin Luther, tokoh utama yang bertanggungjawab ke atas Reformasi Protestan, juga telah mengalami perubahan dalam hidupnya apabila dia bertemu dengan apa yang ditulis oleh Paulus dalam Roma. Begitu juga dengan John Wesley, pengasas Methodisme, yang hidupnya berubah selepas dia mendengar pembacaan kata pengantar Luther untuk buku Roma.

Roma adalah surat Paulus yang paling panjang, dengan isi kandungan surat yang paling dalam sehingga ia dianggap sebagai sebuah surat yang luar biasa dan penting. Dalam kebanyakan suratnya yang lain, yang ditujukan kepada gereja, Paulus memperkatakan masalah-masalah atau membidas ajaran-ajaran salah yang telah menimbulkan kekacauan kepada gereja. Tetapi dalam Roma, Paulus telah menetapkan teras Injil Kristian dengan sangat sistematik.

Kepentingan buku Roma mungkin telah diringkaskan dengan amat baik oleh Martin Luther melalui kata pengantar komentarnya tentang buku Roma: *'Surat ini adalah buku utama di dalam Perjanjian Baru, Injil yang paling murni. Ia bukan sahaja harus diketahui oleh setiap orang Kristian perkataan demi perkataan, tetapi juga harus menjadi subjek meditasinya hari demi hari.'*

### **Penulis**

Para sarjana bersetuju bahawa surat ini telah ditulis oleh rasul Paulus. Paulus bukan sahaja menyatakan dirinya sebagai penulis, tetapi ada juga bukti luaran dan dalaman yang memberi keterangan dengan jelas tentang penulisannya. Jika dibandingkan dengan surat-surat Paulus yang lain, gaya bahasa dan kandungan doktrin dalam Roma jelas menunjukkan gaya tipikal Paulus. Malah, gereja-gereja pada abad pertama kewujudannya telah pun menerima dan menyebut Paulus sebagai penulis buku Roma.

### **Tempat dan Tarikh Buku Ditulis**

Kebanyakan sarjana percaya bahawa Paulus telah menulis surat ini semasa perjalanannya yang ketiga, ketika dia berada di kota Korintus sekitar 54-59M. Dia bakal kembali ke Yerusalem dengan bantuan persembahan yang dikumpul daripada gereja-gereja bangsa asing di Makedonia dan Akhya untuk orang percaya yang miskin di Yerusalem.

### **Penerima**

Paulus menulis surat ini kepada jemaah Kristian di Roma. Tiada siapa pun yang tahu bagaimana gereja di sana dimulakan. Kemungkinan besar, Injil disebarkan ke Roma oleh perantau-perantau, imigran-imigran atau peniaga-peniaga Kristian, di mana ada di antara mereka yang mungkin berada di Yerusalem pada Hari Pentakosta ketika Roh Kudus datang ke atas dua belas orang rasul Yesus (Kisah Para Rasul 2:10). Para sarjana percaya bahawa masyarakat Kristian terawal di Roma adalah dari bangsa Yahudi. Walau bagaimanapun, berikutan perintah Maharaja Klaudius pada 49 M apabila orang Yahudi diusir dari Roma, gereja di Roma terdiri daripada orang bukan Yahudi. Setelah Klaudius mangkat pada 54 M dan perintah tersebut dimansuhkan, orang Yahudi mula kembali ke Roma dan orang percaya berbangsa Yahudi kembali menjadi sebahagian daripada komuniti Kristian di sana. Para sarjana berpendapat bahawa pada zaman Paulus, jumlah orang bukan Yahudi di gereja Roma lebih ramai daripada orang Yahudi.



### **Peristiwa dan Tujuan Penulisan**

Salah satu impian Paulus ialah melawat dan melayani umat Kristian di Roma, ibu kota Empayar Roma yang besar. Pekerjaannya di sebelah timur empayar tersebut sudah hampir selesai dan dia sudah bersedia untuk memenuhi keinginannya untuk melawat gereja di Roma. Walau bagaimanapun, dia tidak dapat pergi ke Roma pada masa itu kerana dia harus pergi ke Yerusalem untuk melaksanakan sesuatu yang sangat dekat di hatinya. Dia telah mengatur satu pengumpulan bantuan dari gereja-gereja bangsa bukan Yahudi di Makedonia dan Akhaya untuk orang percaya yang miskin di gereja Yerusalem, dan dia sendiri ingin menghantarnya. Oleh itu, dia telah mengirimitkan surat kepada orang Kristian di Roma supaya mereka boleh bersedia menerima lawatannya kelak.

Para sarjana berbelah-bagi pendapat dalam menentukan alasan Paulus menulis surat itu. Tetapi terdapat sekurang-kurangnya tiga perkara yang Paulus ingin capai secara spesifik melalui suratnya. Pertama, dia ingin memaklumkan kepada mereka tentang rancangannya untuk melawat mereka. Kedua, dia ingin memaklumkan kepada mereka tentang rancangannya untuk pergi ke Sepanyol dan meminta sokongan daripada mereka. Ketiga, dia meminta mereka mendoakannya, terutama sekali bagi perlindungan daripada para lawannya dan untuk gereja di Yerusalem supaya dapat menerima bantuan yang dibawanya kepada mereka.

Oleh kerana kandungan utama suratnya adalah berkenaan penjelasan terperinci tentang doktrin-doktrin iman Kristian, sebahagian sarjana berpendapat bahawa salah satu tujuan Paulus menulis surat tersebut adalah untuk memperkenalkan dirinya dengan cara memperlihatkan kewibawaan kerasulannya. Yang lain percaya bahawa Paulus mahu membentangkan rancangan penyelamatan Allah kepada gereja yang belum pernah menerima ajaran seorang rasul sebelum ini. Satu lagi tujuan yang dicadangkan ialah Paulus ingin menulis suatu pernyataan yang komprehensif tentang pendapat dan refleksinya terhadap Injil, bukan sahaja untuk manfaat gereja di Roma, tetapi juga untuk masyarakat Kristian yang lebih besar.

### **Tema dan Isi Kandungan**

Dalam surat ini, Paulus tidak menangani isu-isu setempat dalam gereja seperti surat-suratnya yang lain. Dia lebih menitik-beratkan tema-tema yang benar menurut Injil, tema-tema yang melibatkan belas kasihan Allah dan rancangan penyelamatan-Nya bagi umat manusia melalui pengorbanan Anak-Nya, Yesus Kristus. Paulus bermula dengan melihat pada keadaan rohani manusia. Dia menyatakan bahawa setiap orang, tidak kira orang Yahudi atau pun bukan Yahudi, adalah orang berdosa dan bakal menghadapi penghakiman Allah. Walau bagaimanapun, melalui kasih kurnia Allah, Kristus mati untuk membuka jalan agar semua manusia boleh menjadi benar semula dengan Allah. Manusia tidak boleh mendapat penyelamatan dengan kerja amal mereka, tetapi hanya dengan iman di dalam Kristus. Paulus juga menyatakan bahawa walaupun hanya segelintir orang Yahudi percaya kepada Kristus, orang Yahudi masih mempunyai tempat dalam rancangan penebusan berdaulat Allah. Dia mengakhiri surat itu dengan rayuan kepada pembaca-pembacanya untuk hidup di dalam iman Kristian mereka melalui kuasa Roh Kudus yang bekerja di dalam mereka.

### **Garis Kasar Buku Roma**

Roma adalah sebuah surat yang rumit dan telah disusun dengan teliti. Ia terbahagi kepada empat bahagian umum:<sup>a</sup>

- Bab 1–8      membicarakan tentang tema manusia yang mempunyai hubungan benar dengan Allah melalui iman.
- Bab 9–11    membicarakan tentang masalah orang Yahudi, umat pilihan Allah.
- Bab 12–15   membicarakan tentang persoalan-persoalan praktikal kehidupan Kristian.
- Bab 16      diakhiri dengan senarai ucapan-ucapan peribadi.

---

<sup>a</sup> Diadaptasikan dari pembahagian buku Roma oleh William Barclay dalam bukunya *The New Daily Study Bible: The Letter to the Romans*. Louisville: Westminster John Knox Press, 2002.






## **Sejarah Ringkas Rasul Paulus**

- 34 M Bertaubat dalam perjalanan ke Damsyik
- ✦ Berkhotbah di Damsyik
  - ✦ Tinggal di tanah Arab
  - ✦ Kembali ke Damsyik untuk penginjilan
  - ✦ Melawat Yerusalem dan bertemu Yakobus dan Petrus
  - ✦ Pindah ke Tarsus
- 37-43 M Memusatkan pelayanannya di luar Tarsus
- 43 M Barnabas menemui Paulus dan menajaknya ke Gereja Antiokhia
- 43-47 M Paulus melayani di Gereja Antiokhia
- 47 M Perjalanan Misi Paulus dan Barnabas yang pertama
- 48 M Paulus pergi ke Majlis Yerusalem
- 49 M Paulus menulis surat Galatia
- 50-52 M Paulus & Silas dalam perjalanan misi kedua melalui Asia Kecil, Makedonia & Akhaya.
- 51 M Paulus menulis 1 dan 2 Tesalonika dari Korintus di Akhaya
- 52 M Paulus berlayar dari Korintus ke Efesus dan kembali ke Antiokhia
- 53-56 M Perjalanan Misi Paulus yang ketiga melalui Asia Kecil dan berhenti di Efesus untuk menghabiskan masa tiga tahun di sana.
- 56 M Dia menulis 1 Korintus dari Efesus
- ✦ Paulus meninggalkan Efesus dan melalui Makedonia dalam perjalanan untuk melawat Korintus.
  - ✦ Semasa di Makedonia Paulus menghantar surat ke Korintus yang dipanggil 2 Korintus.
- 56-57 M Paulus menghabiskan di Korintus pada musim dingin. Dari Korintus Paulus menulis surat kepada jemaah di Roma dan menghantarnya dengan Febe yang berasal dari kota Kengkrea, di luar kota Korintus
- 57 M Paulus meninggalkan Korintus dengan melalui Makedonia ke Troas, kemudian belayar dari sana ke Yerusalem di mana dia ditangkap dandipenjarakan di Kaisarea selama 3 tahun
- 57-59 M Paulus dipenjarakan di Kaisarea
- 59-60 M Musim dingin, Paulus dibawa ke Roma sebagai seorang tahanan. Kapal terkandas.
- 60-62 Paulus di kota Roma sebagai seorang banduan. Di sini dia bertemu dengan orang percaya di Roma untuk kali pertamanya. Dia menulis Efesus, Filipi, Kolose, dan Filemon dari penjara Roma.
- 63 M Paulus kembali di kawasan Adriatik dan menulis 1 Timotius dan Titus
- 64-66 M Paulus mungkin telah pergi ke Sepanyol
- 67 M Paulus ditangkap berhampiran Troas dan dibawa kembali ke penjara di Roma.
- ✦ Pada masa ini, dia menulis 2 Timotius
- 68 M Musim bunga, Paulus dipancang oleh Nero.
-




### Peta Empayar Roma Pada Zaman Paulus



Paulus menulis dari kota Korintus, salah sebuah kota terbesar dan paling penting di Akhaya, wilayah Roma yang meliputi seluruh Yunani. Perhatikan lokasi Ilirikum dan Yerusalem di bahagian timur Empayar Roma dan Sepanyol di bahagian barat. Ketika Paulus menulis surat ini, dia menyatakan dirinya sebagai baru sahaja selesai misi penginjilannya kepada bangsa-bangsa asing di bahagian timur dan merancang untuk pergi ke Sepanyol, kemungkinan besar untuk meneruskan misi penginjilannya kepada bangsa-bangsa lain di sana dan di sekitarnya.





# Roma



## I. Pengenalan (ay. 1-7)

**1** Daripada Paulus, hamba Kristus Yesus yang dipanggil untuk menjadi rasul, dan dipilih khas untuk menyebarkan Injil daripada Allah.

<sup>2</sup>Injil ini telah dijanjikan-Nya dahulu melalui nabi-nabi-Nya, sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci,<sup>b</sup> <sup>3</sup>iaitu tentang Anak-Nya. Sebagai manusia Dia telah dilahirkan dari keturunan Daud, <sup>4</sup>namun dengan Roh Kudus, Dia telah diisytiharkan melalui kuasa yang besar sebagai Anak Allah, iaitu dengan kebangkitan-Nya daripada

kematian. Dialah Yesus Kristus, Tuhan kita. <sup>5</sup>Melalui Yesus Kristus dan demi nama-Nya, kami diberi kasih kurnia dan jawatan rasul untuk menyeru manusia dari segala suku bangsa supaya taat dalam iman kepada-Nya. <sup>6</sup>Kamu juga termasuk dalam golongan itu, kerana Allah telah memanggilmu menjadi milik Yesus Kristus.

<sup>7</sup>Aku menulis kepada kamu sekalian di Roma, yang dikasihi oleh Allah yang dipanggil menjadi orang salih. Semoga Allah Bapa kita dan Tuhan Yesus Kristus memberimu kasih kurnia dan damai sejahtera.<sup>d</sup>



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-7

Oleh kerana Paulus tidak mengasas gereja di Roma dan tidak pernah bertemu dengan orang Kristian di sana, dia mula menulis surat dengan menyatakan kelayakannya terlebih dahulu: dia adalah rasul yang telah dipilih khas oleh Allah untuk memberitakan Berita Baik tentang Yesus Kristus (ay. 1). Kemudian dia memberikan satu ringkasan pendek tentang Injil yang dia telah dipanggil untuk memberitakan (ay. 2-4), serta tugas khas yang dia telah dipanggil untuk melakukannya (ay. 5-6). Akhir sekali, dia menambahkan salam dan hormatnya secara peribadi (ay. 7).

**ay.1** Oleh kerana Paulus menulis surat kepada gereja yang tidak dikenalnya secara peribadi, dia memilih kata-kata dan buah fikirannya dengan berhati-hati. Pembukaan surat ini lebih panjang dan lebih rasmi daripada surat-suratnya yang lain. Dia memperkenalkan dirinya dengan menyatakan panggilan ilahi-nya dan menyatakan kelayakannya. Dia ingin orang kristian di Roma tahu bahawa kerasulannya itu adalah panggilan dari Allah sendiri.

Paulus memperkenalkan dirinya terlebih dahulu sebagai seorang hamba (perkataan Yunani ialah *duolos*) Kristus Yesus, secara harfiah ‘seorang hamba abdi Kristus Yesus’. Dia menganggap dirinya sebagai dimiliki oleh Kristus, Tuan dan Tuhannya, kepada siapa dia harus taati dan layani dengan sungguh-sungguh. Di dalam Perjanjian Lama, beberapa orang tokoh dan nabi Allah seperti Musa dan Daud disebut ‘hamba’ atau ‘hamba abdi’ Yahweh.

Kedua, dia menekankan bahawa dia adalah seorang rasul yang telah dipilih dan dipanggil oleh Allah. Perkataan ‘rasul’ bermaksud ‘utusan, seseorang yang dihantar’. Untuk layak sebagai rasul Yesus, seseorang harus dipanggil secara peribadi, ditugaskan oleh Yesus dan telah menjadi saksi kebangkitan-Nya. Malangnya, oleh kerana Paulus tidak pernah bersama-sama Yesus pelayanan-Nya di dunia atau menyaksikan kebangkitan-Nya, ramai orang Yahudi mencabar kerasulannya. Jadi, Paulus perlu mempertahankan dan menegaskan panggilannya sebagai seorang rasul. Paulus menekankan bahawa Kristus yang telah bangkit telah menampakkan diri kepadanya dan memilihnya untuk satu misi istimewa kepada orang bukan Yahudi. Oleh itu, dia juga sama seperti Dua Belas Rasul dan dia mahu gereja Roma tahu

bahawa dia menulis sebagai salah seorang daripada mereka dengan kewibawaan yang sama.

Ketiga, Paulus menyatakan bahawa dia, seperti dalam terjemahan beberapa versi lain, telah ‘diasingkan bagi injil’. Perkataan ‘injil’ bermaksud ‘berita baik’. Ia adalah Berita Baik dari Allah – berita baik yang paling agung dan terbaik yang pernah didengar oleh sesiapa pun – dan ia adalah tentang Anak-Nya Yesus Kristus yang telah mati dan telah dibangkitkan semula dari antara orang mati supaya semua manusia boleh beroleh hidup yang kekal. Itulah inti dan pusat injil yang Paulus akan tekankan berulang-kali di dalam suratnya. Sebagai mana para nabi telah diasingkan atau ‘dipisahkan’ oleh Allah demi pekerjaan mereka, Paulus, sebagai ‘rasul yang dipanggil’, juga telah diasingkan oleh Allah untuk memberitakan berita baik tentang apa yang telah Allah lakukan melalui Kristus bagi penyelamatan umat manusia.

**ay. 2-4** Paulus menekankan di sini bahawa injil adalah sebahagian daripada tujuan abadi Allah yang Dia telah janjikan sejak awal lagi dalam Kitab Suci Perjanjian Lama. Dia mahu orang Kristian di Roma tahu bahawa Injil merupakan kesinambungan Perjanjian Lama dan ia adalah tentang Anak Allah, Yesus.

Dia dilahirkan sebagai manusia, dari keturunan Raja Daud. Tetapi selepas kebangkitan-Nya, Yesus telah diisytiharkan sebagai Anak Allah. Paulus tidak mengatakan bahawa Yesus hanya menjadi Anak Allah pada hari kebangkitan-Nya kerana Dia sememangnya Anak Allah sejak dari abadi. Kebangkitan itu menandakan suatu fasa baru bagi Yesus sebagai Anak

Allah. Sekarang Dia memerintah di dalam kuasa sebagai Anak Allah dan Tuhan yang mampu setiap masa untuk menyelamatkan orang yang percaya kepada-Nya.

**ay. 5** Terjemahan lain menggunakan ‘keistimewaan’ bagi menggantikan ‘kasih kurnia’. ‘Kasih kurnia’ (perkataan Yunani adalah *charis*) merujuk kepada hadiah yang diberikan secara percuma (*gratis*) oleh Allah atau berkat yang diberikan secara percuma kepada kita yang tidak layak menerimanya. Paulus menganggap kerasulannya sebagai hadiah, satu berkat yang diberikan oleh Kristus secara percuma kepada dirinya yang tidak layak bagi kemuliaannya. Pelayanannya adalah kepada orang bukan Yahudi, untuk memanggil mereka agar percaya kepada Yesus dan berjalan di dalam ketaatan kepada-Nya.

**ay. 6-7** Paulus mengingatkan orang percaya di Roma, yang kebanyakannya adalah orang bukan Yahudi, bahawa mereka juga dipanggil untuk menjadi milik Yesus. Mereka dikasihi oleh Allah dan dipanggil untuk menjadi umat-Nya, ‘orang salih’ atau ‘orang kudus’ seperti yang digunakan di dalam terjemahan lain. Maksud dasar perkataan ‘orang salih’ adalah ‘dipisahkan daripada, atau diasingkan’. Orang Israel terlebih dahulu dipanggil sebagai ‘orang salih’ kerana mereka kepunyaan Allah dan diasingkan untuk menjadi umat-Nya. Kini Paulus menggunakan istilah ‘orang salih’ bagi semua orang Kristian, untuk kedua-dua orang Yahudi dan orang bukan Yahudi, kerana mereka telah dipanggil oleh Allah untuk menjadi milik Kristus dan oleh yang demikian turut menjadi umat Allah yang telah ‘diasingkan’.



### Teropong

<sup>a</sup> Seperti surat-surat pada zaman kini, surat pada zaman dahulu juga mempunyai bentuk atau struktur tertentu. Penulis akan mendahului dengan (1) satu ucapan atau salam, diikuti dengan (2) doa yang singkat dan (3) ucapan syukur kepada tuhan-tuhan. Kemudian ada (4) kandungan utama surat yang diikuti dengan (5) salam akhir dan ucapan peribadi. Paulus mengikut pola ini di dalam semua suratnya tetapi mengubahnya dengan menyelitkan salam-salam dan doa-doa Kristian.

<sup>b</sup> Kitab Suci merujuk kepada apa yang kita panggil sebagai Perjanjian Lama pada hari ini. Buku-bukunya adalah sama tetapi susunannya berbeza. Pada zaman Yesus, Kitab Suci terbahagi kepada tiga bahagian: *Torah* (Taurat), *Neviim* (Nabi-nabi) dan *Ketuvim* (tulisan-tulisan).

<sup>c</sup> Nama Yesus bermaksud ‘penyelamat’ atau ‘Allah menyelamatkan’. Perkataan Kristus sebenarnya bukan nama Yesus tetapi merupakan gelarannya. Ia adalah

perkataan Yunani bagi perkataan Ibrani ‘mesias atau yang diurapi’, seseorang yang ditunggu-tunggu oleh bangsa Yahudi untuk menyelamatkan mereka dari dosa-dosa dan musuh-musuh mereka. Dengan menggunakan gelaran mesias ini, Yesus mengumumkan bahawa Dia menggenapi semua nubuat dalam Perjanjian Lama tentang mesias yang ditunggu-tunggu oleh orang Yahudi.

<sup>d</sup> Di kalangan orang Yahudi, ucapan tradisional mereka adalah ‘shalom’ atau ‘salam damai’. Ia bukan sahaja menyatakan ketenangan fikiran, tetapi kesejahteraan secara keseluruhan. Hasrat Paulus untuk orang Kristian di Roma adalah supaya mereka akan mengalami kasih kurnia dan berkat dari Allah dan kesejahteraan yang memenuhi keseluruhan hidup mereka.



### Soalan

- 1) Siapakah penulis surat Roma? Bagaimanakah dia menggambarkan dirinya kepada orang Kristian di Roma? (ay. 1, 5)
- 2) Apakah Berita Baik yang Paulus dipanggil untuk disampaikan? (ay. 2-3a)
- 3) Apakah yang anda boleh pelajari tentang Yesus dari petikan ini? Namakan sekurang-kurangnya tiga perkara. (ay. 1-7)
- 4) Apakah yang Paulus terima dari Allah? Apakah panggilannya? (ay. 5)
- 5) Bagaimanakah Paulus menggambarkan orang Kristian di Roma? (ay. 7)

**Mari Fikir Sejenak**

- Adakah anda memikirkan diri anda seorang hamba Kristus? Apakah yang dimaksudkan untuk anda menjadi hamba Kristus kepada orang di sekeliling anda?
  
- Paulus memberitahu orang Kristian di Roma bahawa Allah sangat mengasihi mereka. Adakah anda tahu Allah juga sangat mengasihi anda? Dalam cara apakah Allah telah menunjukkan bahawa Dia mengasihi anda?

**Suatu Pegangan Hidup**

Paulus juga menyatakan orang kristian di Roma sebagai umat Allah, atau 'orang salih'. Jika anda percaya kepada Yesus, anda juga adalah 'orang salih', bukan kerana anda menjalani kehidupan yang suci tetapi kerana anda telah diasingkan sebagai milik Allah.

**II. Paulus ingin pergi ke Roma (ay. 8-15)**

<sup>8</sup> Pertama sekali, aku bersyukur kepada Allahku<sup>e</sup> melalui Yesus Kristus kerana kamu sekalian, disebabkan seluruh dunia memperkatakan imanmu. <sup>9</sup> Allah, yang kusembah sepenuh hati dalam menyebarkan Injil Anak-Nya, menjadi saksi bahawa aku sentiasa mengingatimu <sup>10</sup> dalam doaku, dan memohon semoga dengan izin Allah aku dapat mengunjungimu. <sup>11</sup> Aku sungguh ingin berjumpa dengan kamu untuk menyampaikan sesuatu pemberian rohani bagi menguatkanmu; <sup>12</sup> maksudku, supaya kita saling meneguhkan semangat: aku mendapat keteguhan daripada imanmu, dan kamu daripada imanku.

<sup>13</sup> Ketahuilah wahai saudara-saudaraku, aku telah merancang berkali-kali untuk mengunjungimu, namun hingga kini ada sahaja aral melintang. Aku ingin agar pelayananku dalam kalanganmu membuahkan hasil, seperti dalam kalangan bangsa asing yang lain. <sup>14</sup> Aku memikul kewajiban terhadap orang Yunani dan yang bukan orang Yunani, yang bertamadun dan yang tidak bertamadun,<sup>f</sup> yang berpendidikan dan yang tidak berpendidikan. <sup>15</sup> Inilah sebabnya aku amat ingin dan bersedia menyampaikan Injil dalam kalanganmu yang di Roma juga.

**Nota****Ringkasan ay. 8-15**

Setelah mengucapkan salam, Paulus berdoa sebuah doa kesyukuran untuk orang kristian di Roma dan berkongsi isi hatinya dengan mereka. Dia berterima kasih kepada Allah untuk iman mereka yang sering diperkatakan dan sentiasa berdoa untuk mereka (ay. 8-10). Dia rindu untuk mengunjunginya dan memberkati mereka serta saling meneguhkan (ay. 11-12). Dia mengingatkan mereka bahawa dia telah merancang untuk melawat mereka tetapi dia tidak dapat berbuat demikian (ay. 13-15). Dia juga tidak sabra-sabar untuk menyampaikan Injil kepada orang di Roma.

**ay. 8-10** Untuk mendorong mereka, Paulus memberitahu orang kristian di Roma betapa dia bersyukur kepada Allah kerana iman mereka di dalam Kristus telah tersebar khususnya di tempat-tempat di mana agama Kristian telah bertapak. Dia meyakinkan mereka bahawa dia sentiasa berdoa untuk mereka dan memohon agar Allah memberinya peluang untuk mengunjunginya. Walaupun dia sangat

ingin berjumpa dengan mereka, Paulus menyerahkan kehendaknya kepada Allah dan membiarkan Allah memimpin dan menentukan rancangan-Nya untuk dia.

**ay. 11-12** Tujuan Paulus untuk mengunjunginya adalah untuk berkongsi sesuatu berkat rohani atau kurnia rohani (*charismata*) dengan mereka. 'Kurnia rohani' ini bukan



merujuk kepada kurnia Roh seperti yang tersenarai di dalam 1 Korintus 12 dan kurnia yang Paulus akan senaraikan di dalam Roma bab 12. Kemungkinan besar, dia berfikir tentang berkat yang Allah akan berikan kepada orang Kristian di Roma melalui pelayanannya kepada mereka. Apa pun itu, tujuan Paulus adalah untuk meneguhkan iman mereka. Pada masa yang sama, dia menambah dengan berhati-hati bahawa dia berharap untuk menerima keteguhan daripada iman mereka juga, supaya saling dikuatkan.

**ay. 13** Paulus meyakinkan mereka bahawa dia tidak mengunjungi mereka bukan kerana dia tidak peduli tentang mereka. Dia sangat ingin mengunjungi mereka tetapi sering menghadapi halangan daripada melaksanakan rancangannya. Dia tidak menjelaskan sebabnya di sini, tetapi kemudian (15:22) dia menyatakan bahawa kerja-kerja penginjilannya di bahagian timur Empayar Roma yang menghalangnya daripada datang. Semangat dan beban yang sama untuk membawa orang kepada Kristus itulah yang mendorongnya untuk mahu datang dan melakukan hal yang sama di Roma.

**ay. 14-15** Maksud harfiah ‘aku memikul kewajipan’ adalah ‘aku berhutang’. Yesus telah meletakkan ‘hutang’ kepada Paulus dengan mengamanahkan Injil kepadanya. Oleh itu, Paulus ingin ‘melunaskan hutang tersebut’ dengan membuat Injil diketahui oleh setiap orang, termasuk mereka yang berada di Roma.



### Teropong

<sup>e</sup> Surat-surat orang Yunani biasanya disertakan dengan ucapan syukur atau rayuan kepada tuhan-tuhan di dalam bahagian utama kedua surat tersebut. Paulus menggunakan struktur itu untuk tujuannya sendiri dan menyelitkan kesyukuran, serta doa untuk para pembacanya. Dalam ayat 8, dia menambah doa kesyukuran untuk penerima-penerima surat tersebut. Sebagai cara untuk menjalinkan perhubungan yang erat dengan mereka, dia turut meyakinkan mereka akan terus berdoa untuk mereka.

<sup>f</sup> Beberapa versi lain menterjemah perkataan ini sebagai ‘orang yang tidak beradab’. Ia berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud ‘membuat sesuatu bunyi dalam suatu bahasa yang tidak difahami oleh orang lain’. Orang Yunani dan orang Roma memanggil sesiapa sahaja yang tidak bertutur dalam bahasa mereka sebagai ‘orang yang tidak beradab’ kerana mereka memandang rendah terhadap orang tersebut dan menganggap mereka sebagai kurang bertamadun.



### Soalan

- 1) Lihat ayat 8–10. Apakah yang anda boleh pelajari tentang hubungan Paulus dengan Allah-Nya?
- 2) Jelaskan sikap Paulus terhadap orang Kristian di Roma (ay. 8–13).
- 3) Kepada siapakah Paulus mempunyai kewajipan (ay. 14)? Mengapakah dia berfikir bahawa dia mempunyai kewajipan sedemikian?
- 4) Apakah yang Paulus ingin lakukan akibat daripada kewajipan itu? (ay. 15)



### Mari Fikir Sejenak

- Fikirkan beberapa orang yang anda ingin bersyukur kepada Allah. Luangkan sedikit masa untuk berdoa bagi mereka dan bersyukur kepada Allah kerana telah membawa mereka ke dalam hidup anda.

**III. Kuasa Injil (ay. 16-17)**

<sup>16</sup>Aku tidak teragak-agak menyebarkan Injil, kerana ia adalah kuasa daripada Allah untuk menyelamatkan setiap orang yang beriman, mula-mula kepada orang Yahudi kemudian kepada

orang Yunani. <sup>17</sup>Kerana di dalamnya perbenaran Allah dinyatakan dari iman ke iman, sebagai mana tersurat dalam Kitab Suci: “Orang benar akan hidup dengan iman.”

**Nota****Ringkasan ay. 16-17**

Kedua-dua ayat ini meringkaskan tema Injil dan juga tema utama surat Paulus – Berita Baik penyelamatan di dalam Kristus. Paulus tidak sabar-sabar untuk menyampaikan Injil kerana dia tidak berasa malu dengannya. Hal ini kerana menurut Paulus, Injil adalah kuasa Allah untuk menyelamatkan sesiapa sahaja yang percaya, baik orang Yahudi mahu pun orang Yunani (ay. 16). Injil menunjukkan bagaimana Allah menjadikan hubungan manusia dengan Allah baik semula melalui iman (ay.17).

**ay. 16** Versi lain menterjemah ayat ini sebagai ‘aku tidak berasa malu dengan Injil’. Paulus menulis ini kerana dia pernah bertemu orang yang merendah-rendahkan Injil, melihatnya sebagai suatu mesej yang bodoh (lihat 1 Korintus 18, 23). Dia menekankan bahawa dia tidak malu dengan Injil yang disampaikan kerana ia bukan bergantung pada kebolehan atau kuasa pujukannya tetapi ia adalah kuasa Allah yang menyelamatkan setiap manusia daripada penghakiman-Nya. Respons yang menerima seruan Injil ialah untuk percaya kepada Kristus. Sebagai umat pilihan-Nya, orang Yahudi yang menerima Injil terlebih dahulu. Tetapi Paulus menambah bahawa bangsa-bangsa lain juga termasuk di dalam rancangan Allah. Terjemahan perkataan ‘kuasa’ ialah *dunamis*, di mana kita mendapat perkataan seperti ‘dinamit’. Injil adalah kuasa Allah yang membawa penyelamatan kepada umat manusia.

**ay. 17** Versi lain menterjemah ‘perbenaran Allah’ sebagai ‘nyata kebenaran Allah’ atau ‘hubungan manusia dengan Allah menjadi baik semula’, konsep yang amat penting dalam ajaran-ajaran Paulus. Terdapat banyak maksud bagi perkataan ‘benar’ ini, tetapi kebanyakan sarjana percaya bahawa Paulus menggunakannya di sini untuk merujuk kepada Allah menjadikan hubungan manusia dengan-Nya baik semula. Injil menunjukkan perbenaran Allah, suatu fakta bahawa Allah menyelamatkan manusia dengan menjadikan mereka baik dengan-Nya supaya mereka tidak lagi berada di bawah penghakiman-Nya oleh kerana dosa-dosa mereka. Ramai orang Yahudi percaya bahawa Allah akan mengurniakan perbenaran-Nya kepada semua umat Israel. Walau bagaimanapun, Paulus menjelaskan bahawa hanya orang yang percaya sahaja yang akan menerima perbenaran Allah.

Untuk ‘percaya’ adalah untuk meletakkan sepenuh kepercayaan atau beriman di dalam Kristus. Setiap orang

yang selamat diselamatkan dengan cara yang sama, iaitu hanya dengan tindakan beriman dalam Kristus, percaya kepada-Nya untuk melakukannya kerana kita tidak boleh melakukannya sendiri – menghapuskan dosa-dosa kita dan menjadikan kita benar semula dengan Allah. Percaya dan iman adalah tema kunci yang ditekankan oleh Paulus di dalam suratnya. Paulus memetik Habakuk 2:4 untuk menyokong hujahnya bahawa perbenaran hanya diterima melalui asas dasar iman. Seseorang yang diperbenarkan dengan Allah melalui imannya, adalah orang yang akan hidup selamanya.

Kebanyakan sarjana percaya bahawa tindakan perbenaran yang Allah nyatakan adalah sama dengan suatu tindakan undang-undang yang sah. Allah adalah seperti seorang hakim yang menyelamatkan umat manusia daripada menghadapi penghakiman kerana dosa mereka dan mengisytiharkan mereka tidak bersalah di hadapan-Nya. Sekarang mereka benar dan telah berbaik semula dengan Allah.

**Soalan**

- 1) Mengapakah Paulus tidak teragak-agak (atau malu) menyampaikan Injil (ay. 16 – 17)? Mengapakah dia merasakan dia perlu berkata demikian (lihat 1 Korintus 1:18 – 25)?
- 2) Bagaimanakah Injil itu berkuasa (ay. 16)?






3) Apakah yang tersurat dalam Injil (ay. 17)?

4) Walaupun Injil adalah untuk semua orang, terdapat satu syarat yang Paulus berikan untuk orang diselamatkan. Apakah syarat itu?

Fikirkan satu atau dua orang yang belum pernah anda beritahu tentang Yesus. Mengapa tidak anda mengambil sedikit masa sekarang untuk berdoa dan meminta Allah memberikan keyakinan yang sama seperti yang Paulus miliki untuk berkongsi Injil dengan mereka?



Adakah anda mempunyai keyakinan untuk bebas berkongsi berita baik Allah dengan orang di sekeliling anda? Berbuatlah demikian kerana Paulus berkata Injil tidak bergantung dengan kebolehan atau kekurangan kita, tetapi ia adalah kuasa Allah yang menyelamatkan.



#### IV. Murka Allah terhadap manusia (ay. 18-32)

<sup>18</sup>Kemurkaan Allah ternyata dari syurga terhadap segala kefasiqan dan kedurjanaannya yang dilakukan oleh manusia, yang menyembunyikan kebenaran dengan kedurjanaannya, <sup>19</sup> kerana segala yang mungkin diketahui oleh manusia tentang Allah telah nyata<sup>9</sup> bagi mereka; Allah sendiri telah menyatakannya kepada mereka. <sup>20</sup> Sejak dunia diciptakan, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, iaitu kuasa-Nya yang kekal dan keilahian-Nya, semuanya jelas ternyata serta difahami melalui segala ciptaan-Nya. Oleh itu mereka tidak dapat berdalih lagi. <sup>21</sup> Walaupun mereka telah mengenal Allah, mereka tidak memuliakan-Nya sebagai Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya, sebaliknya mereka memikirkan yang sia-sia dan hati mereka yang tolol diliputi kegelapan. <sup>22</sup> Mereka mengaku diri bijaksana, tetapi sebenarnya mereka tolol. <sup>23</sup> Mereka berpaling daripada kemuliaan Allah yang kekal abadi lalu menyembah patung-patung yang diperbuat seperti bentuk manusia yang fana, burung, haiwan berkaki empat dan binatang yang menjalar.

<sup>24</sup>Oleh itu Allah membiarkan mereka menurut keinginan hati mereka melakukan pelbagai noda, maka mereka mencemari tubuh sesama sendiri. <sup>25</sup> Mereka merangkul yang palsu dan berpaling daripada kebenaran Allah serta memuja dan menyembah makhluk ciptaan dan bukan Pencipta yang patut dipuji selama-lamanya. Amin.<sup>h</sup>

<sup>26</sup>Itulah sebabnya Allah membiarkan mereka didorong hawa nafsu yang keji. Kaum wanita mereka pun berpaling daripada yang tabii kepada yang di luar tabii. <sup>27</sup> Demikian juga kaum lelaki. Mereka berpaling daripada hubungan tabii dengan wanita dan dibakar nafsu keberahian terhadap sama sejenis. Lelaki dengan lelaki melakukan perkara yang aib, lalu menerima dalam diri mereka hukuman yang setimpal.

<sup>28</sup>Oleh sebab mereka enggan mengenal Allah, maka Allah membiarkan mereka dikuasai fikiran yang hina, sehingga mereka melakukan perkara-perkara yang tidak wajar. <sup>29</sup> Mereka dipenuhi segala kemungkaran, kedurjanaannya, ketamakan dan kecabulan. Mereka diselubungi hasad dengki, pembunuhan, persengketaan, penipuan dan niat durjana. Mereka pengumpat, penyebar fitnah, <sup>30</sup> pembenci Allah, biadab, angkuh, bercakap besar, pereka perkara durjana, ingkar kepada ibu bapa, <sup>31</sup> tidak tahu membezakan buruk dan baik, tidak boleh dipercayai, tidak mengasih, tidak berhati perut, tidak mempunyai belas kasihan. <sup>32</sup> Mereka mengetahui hukum Allah yang adil, iaitu sesiapa yang melakukan perkara demikian wajar dihukum mati. Namun demikian, mereka bukan sahaja melakukannya malah juga menyokong orang lain yang mengamalkannya.

**Ringkasan ay. 18-32**

Sebelum Paulus menjelaskan dengan terperinci tentang penyelamatan menakjubkan yang Allah berikan kepada orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain di dalam bahagian utama suratnya, dia terlebih dahulu menjelaskan mengapa kita memerlukan penyelamatan ini. Dia menunjukkan bahawa kerana dosa umat manusia, Allah telah menyatakan kemurkaan-Nya. Walaupun bangsa-bangsa asing tidak mempunyai hukum Allah yang diberikan kepada mereka seperti yang diberikan kepada orang Yahudi, Allah telah menyatakan dengan jelas tentang kewujudan-Nya kepada semua orang melalui ciptaan-Nya (ay. 18-20). Namun mereka enggan mengakui dan memuliakan-Nya serta berpaling untuk menyembah berhala-berhala dan tuhan-tuhan lain (ay. 21-23). Oleh kerana mereka menolak dan enggan memuliakan-Nya, Allah membiarkan mereka menghadap akibat-akibat daripada dosa mereka (ay. 24-32).

**ay. 18-20** Versi-versi lain menterjemah 'kemurkaan' sebagai 'kemarahan'. Kemarahan Allah sememangnya berbeza daripada kemarahan manusia. Ini tidak bermaksud Allah naik berang dan melepaskan amarah-Nya kepada manusia. Kemurkaan-Nya adalah sifat-Nya yang kudus bertindak-balas terhadap segala yang jahat. Salah satu tema utama Paulus dalam Roma adalah bahawa Allah tidak membiarkan dan terlepas pandang akan dosa. Kemurkaan-Nya ditunjukkan terhadap dosa manusia kerana walaupun Allah telah menyatakan dengan jelas melalui dunia yang dicipta-Nya bahawa Dia wujud, manusia memilih untuk bukan sahaja mengabaikan kebenaran, tetapi juga turut menentangnya dengan perbuatan-perbuatan jahat mereka. Oleh yang demikian, mereka tidak dapat berdalih lagi apabila Allah menghakimi mereka.

**ay. 21-23** Versi-versi lain menterjemah 'tolol' sebagai 'hati yang bodoh'. Bagi orang Yahudi, perkataan 'hati' ialah istilah menyeluruh yang merujuk kepada seluruh batiniah seseorang – fikiran, emosi dan kehendaknya. Oleh itu apabila seseorang menolak Allah, setiap aspek dirinya terjejas dan fikiran mereka menjadi kabur dan keliru. Walaupun manusia tahu tentang Allah, mereka gagal meresponi-Nya dengan penyembahan dan kesyukuran. Walaupun mereka menganggap diri mereka bijak, di mata Allah mereka adalah bodoh kerana mereka tidak memuliakan Allah kekal yang hidup, sebaliknya mereka menyembah patung-patung yang menyerupai manusia dan binatang.

Dalam ayat-ayat selebihnya di dalam bab 1, Paulus menggambarkan kesan-kesan membinasakan akibat keputusan manusia berpaling daripada Allah. Dia menggambarkan manusia sebagai membuat 'pertukaran' dan Allah meresponinya dengan 'membiarkan' mereka menjadi hamba kepada dosa mereka. Allah membiarkan manusia mengikut cara mereka sendiri. Tiga kali Paulus menulis 'Allah membiarkan mereka' sebagai akibat daripada dosa mereka.

**ay. 24-25** Oleh kerana mereka lebih suka menyembah berhala berbanding Allah yang benar, Allah membiarkan mereka menjadi hamba kepada dosa-dosa mereka sendiri. Mereka menurut keinginan hati mereka yang berdosa sehingga mereka terjerumus ke dalam dosa seksual. Paulus tidak menyatakan dengan jelas perbuatan cabul yang difikirkannya selain menyatakan bahawa mereka menyalahguna dan mencemari tubuh mereka sendiri. Mereka telah menggantikan kebenaran tentang Allah dengan apa yang mereka fikirkan benar dan berpaling daripada Allah Pencipta serta memuliakan diri mereka sendiri.

**ay. 26-27** Memandangkan manusia meresponi Allah dengan cara demikian, Paulus berkata bahawa Allah membiarkan mereka didorong oleh hawa nafsu mereka. Hawa nafsu lelaki dan perempuan mendorong mereka untuk menjerumuskan diri mereka dalam perkara aib yang bertentangan dengan apa yang telah dicipta oleh Allah. Hubungan sama sejenis bukan sesuatu yang Allah ingini ketika Dia mencipta manusia lelaki dan perempuan.

**ay. 28** Oleh kerana manusia tidak menganggap ia berbaloi untuk mengenal Allah dalam pemikiran mereka, Allah membiarkan mereka melakukan apa yang mereka ingini. Sebagai akibatnya, fikiran mereka yang binasa kerana dosa tidak lagi dapat membezakan hal yang benar dengan yang salah, dan mereka melakukan apa yang jahat dan salah di mata Allah.

**ay. 29-32** Paulus menekankan keseriusan dosa dengan memberikan satu senarai dosa-dosa yang mewakili fikiran manusia yang rosak. Fikiran yang rosak mendorong mereka untuk saling menentang satu sama lain. Dia menyimpulkan dengan menekankan sekali lagi bahawa tanggungjawab akibat dosa ditanggung oleh mereka sendiri. Mereka tahu apa yang hukum Allah nyatakan, tetapi mereka terus melakukannya, dan mereka tahu mereka layak menerima penghakiman Allah. Apa yang lebih buruk ialah mereka juga bersetuju dengan orang yang melakukan dosa yang sama.



### Teropong

- <sup>g</sup> Alam semesta yang telah dicipta oleh Allah menyatakan kekuasaan dan keilahian-Nya dengan jelas. Inilah apa yang para sarjana sebut sebagai wahyu umum Allah, yang berlainan dengan wahyu khusus-Nya ketika Dia menunjukkan rahmat-Nya dengan memberikan Yesus Kristus kepada kita.
- <sup>h</sup> Biasanya 'amin' merupakan respons jemaah apabila seorang pemimpin menyatakan sesuatu, biasanya doa bagi pihak jemaah. Ia adalah cara jemaah bersetuju dan menjadikan kata-kata pemimpin sebagai kata-kata mereka sendiri.
- <sup>i</sup> Di sini, mati bukan sahaja merujuk kepada mati secara jasmani, tetapi kematian yang kekal sebagai hukuman dosa pada hari penghakiman Allah.



### Soalan

- 1) Apakah yang Allah murkai? (ay. 18)
- 2) Apakah yang Allah telah tunjukkan tentang diri-Nya kepada manusia? Bagaimanakah Dia melakukannya? (ay. 20; lihat Mazmur 19:1-6)
- 3) Mengapakah manusia tidak dapat beralih sekiranya mereka tidak mengenali Allah? (ay. 20)
- 4) Bagaimanakah manusia sepatutnya meresponi Allah hasil dari wahyu umum ini? (ay. 21)
- 5) Apakah akibat dari kegagalan manusia meresponi Allah? (ay. 21-22)

- 6) Bagaimanakah manusia melihat diri mereka dan bagaimana pula Allah melihat mereka? (ay. 22) Mengapakah Allah melihat mereka sedemikian? (ay. 23)
- 7) Bagaimanakah respons Allah terhadap perbuatan manusia berpaling daripada-Nya dan berpaling kepada hawa nafsu serta penyembahan berhala? (ay. 24, 26, 28)
- 8) Apakah yang terjadi apabila fikiran kita menjadi rosak kerana berpaling daripada kebenaran Allah? (ay. 28, 32) Namakan beberapa contoh.



### Mari Fikir Sejenak

- Orang sering membangkitkan persoalan bagaimana Allah boleh menghukum orang yang tidak pernah mendengar tentang Dia. Bagaimanakah petikan ini dapat membantu anda menjawab persoalan mereka?
- Apakah bukti yang anda lihat dalam dunia hari ini yang menunjukkan bahawa manusia telah berdosa dan berpaling daripada Allah?



### Suatu Pegangan Hidup

Apa kata luangkan sedikit masa untuk berbicara kepada Allah tentang beberapa berhala di dalam hidup anda yang telah mengganggu anda daripada menyembah-Nya?

Apakah yang akan anda lakukan terhadap perkara-perkara tersebut?

**I. Hukuman Allah ayang adil (ay. 1-16)**

**2** Oleh itu kamu tidak boleh beralih, hai manusia<sup>a</sup> walau siapa pun kamu, apabila kamu menghakimi orang. Pada waktu kamu hakimi orang lain, kamu juga menjatuhkan hukuman kepada dirimu sendiri; kerana kamu yang menghakimi juga melakukan perkara yang sama. <sup>2</sup>Tetapi kita tahu bahawa hukuman Allah berdasarkan kebenaran dijatuhkan ke atas mereka yang mengamalkan perkara demikian. <sup>3</sup>Wahai manusia, apabila kamu menghakimi orang yang mengamalkan perkara demikian sedangkan kamu sendiri melakukannya juga, adakah kamu sangka kamu akan terlepas daripada hukuman Allah? <sup>4</sup>Atau adakah kamu memperkecil kebaikan, kemurahan serta kesabaran Allah yang amat besar, dan tidak tahu bahawa kebaikan Allah membawamu ke pintu taubat? <sup>b</sup> <sup>5</sup>Dengan hati batumu yang tidak bertaubat, kamu mengumpul musibah kemurkaan Allah yang akan menimpamu pada hari<sup>c</sup> kemurkaan dan ternyata hukuman Allah yang adil. <sup>6</sup>Allah akan "membalas kepada setiap orang setimpal dengan perbuatannya". <sup>7</sup>Bagi mereka yang terus berbuat baik dengan sabar demi mendapatkan kemuliaan, kehormatan dan keabadian, Dia akan memberikan hidup yang kekal; <sup>8</sup>manakala bagi mereka yang mementingkan diri dan tidak taat

akan kebenaran tetapi menjunjung kedurjanaan, maka kemarahan dan kemurkaan Allah akan menimpa mereka. <sup>9</sup>Kesusahan dan kesengsaraan akan menimpa diri setiap orang yang melakukan kedurjanaan: mula-mula kepada orang Yahudi, kemudian kepada orang Yunani; <sup>10</sup>tetapi kemuliaan, kehormatan dan kesejahteraan akan dicurahkan kepada setiap orang yang berbuat baik: mula-mula orang Yahudi, kemudian orang Yunani juga. <sup>11</sup>Allah tidak menghakimi berat sebelah.

<sup>12</sup>Sekalian yang telah melakukan dosa tanpa mengenal hukum Taurat akan binasa tanpa hukum Taurat.<sup>d</sup> Sekalian yang melakukan dosa sedangkan mereka mengenal hukum Taurat akan dihakimi menurut hukum Taurat. <sup>13</sup>Ini kerana orang yang benar di mata Allah bukanlah mereka yang mendengar hukum Taurat, tetapi mereka yang mengamalkan ajarannya. <sup>14</sup>Apabila orang bukan Israel, yang tidak mempunyai hukum Taurat, secara tabii melakukan perkara-perkara yang terkandung di dalam hukum Taurat, maka mereka ini adalah hukum bagi diri mereka sendiri. <sup>15</sup>Hukum itu tersurat di hati mereka dan hati nurani mereka juga naik saksi. Fikiran mereka menuduh atau membela mereka, <sup>16</sup>pada hari Allah menghakimi segala rahsia manusia melalui Kristus Yesus, menurut Injil yang kuberitakan.

**Nota****Ringkasan ay. 1-16**

Di dalam bab 1, ay. 18-32, Paulus menerangkan umat manusia, khususnya dunia orang bukan Yahudi, telah menolak pengenalan akan Allah dan berada di bawah penghakiman Allah kerana kelakuan mereka yang berdosa. Dia kini menjelaskan mengenai penghakiman Allah dan menyebut secara khusus mereka yang menghakimi orang lain kerana sikap tersebut tetapi gagal menyedarinya di dalam diri mereka sendiri.

Paulus berdepan dengan orang yang berfikir mereka lebih baik dari segi moral dan duduk menghakimi orang lain. Dia menyatakan bahawa mereka juga bersalah seperti orang yang mereka hakimi kerana mereka juga berbuat demikian. Dalam menghakimi orang lain, mereka juga mengutuk diri mereka sendiri (ay. 1-4). Pada Hari Penghakiman, Allah akan bertindak adil dan menghakimi setiap orang dengan standard yang sama, setimpal dengan bagaimana mereka menjalani hidup mereka (ay. 5-11). Bangsa-bangsa lain akan dihakimi menurut keperluan hukum yang tertulis di dalam hati mereka, sementara orang Yahudi akan dihakimi menurut hukum Taurat yang Allah telah berikan kepada mereka (ay. 12-16).

**ay. 1** Di sini Paulus merujuk kepada sekumpulan orang yang berfikir mereka lebih baik dari segi moral daripada orang lain. Seseorang sarjana percaya bahawa Paulus secara khusus berfikir tentang orang Yahudi. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat dia berbicara kepada manusia secara umum kerana bahasa yang digunakan cukup umum dan boleh diaplikasikan untuk bangsa-bangsa lain juga. Dia masuk ke dalam perbincangan tentang imaginari seorang yang menghakimi orang lain kerana kesalahan mereka.

Paulus menekankan bahawa orang ini juga bersalah di hadapan Allah kerana dia juga melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukan oleh orang yang dihakiminya.

**ay. 2-3** Paulus memberitahu para pembacanya bahawa mereka, termasuk dirinya sendiri, tahu bahawa penghakiman Allah terhadap dosa adalah adil dan berdasarkan kebenaran. Dia akan menghakimi orang yang bersalah atas perbuatannya. Oleh itu, apabila seseorang menghakimi orang lain

tetapi melakukan perkara yang sama, dia juga akan dihakimi oleh Allah. Paulus juga mungkin merujuk kepada orang Yahudi yang bertentangan dengan kepercayaan popular Yahudi, yang bertindak sedemikian tidak akan terlepas daripada penghakiman Allah hanya kerana mereka adalah umat pilihan Allah.

**ay. 4** Paulus sering menggunakan perkataan ‘kebaikan’ untuk dihubungkan kepada penyelamatan bagi orang yang percaya. Oleh itu dia berkata bahawa orang yang berfikir dia boleh berbuat dosa tetapi mengelakkan penghakiman adalah, sebenarnya, menunjukkan penghinaan terhadap kebaikan dan kemurahan Allah yang telah bersabar dengan dosanya. Mengetahui kemurahan Allah seharusnya membawa dia bertaubat daripada dosanya. Bagi Allah, kebaikan-Nya bukan untuk membenarkan dosa, tetapi untuk membawa kepada pertaubatan. Kesabaran-Nya terhadap dosa tidak seharusnya diambil sebagai tanda bahawa Allah membiarkan dosa atau Allah tidak akan menghakimi dosa manusia.

**ay. 5-8** Paulus memberi amaran kepada mereka bahawa jika mereka terus berdegil dan tidak mahu bertaubat daripada dosa mereka, mereka akan mengumpul hukuman yang besar bagi diri mereka pada hari Kristus kembali nanti. Pada hari itu, Allah akan menghakimi setiap orang setimpal dengan perbuatan mereka. Orang yang menyenangkan hati Allah akan diberikan ganjaran manakala orang yang menentang Allah akan dihukum. Paulus tidak mengatakan bahawa penyelamatan adalah berdasarkan perbuatan kita. Sebab walaupun kita telah diselamatkan oleh iman, Allah akan tetap menghakimi kita menurut tindakan kita. Tindakan kita yang menyenangkan hati Allah adalah hasil daripada iman yang dinyatakan dalam kehidupan kita.

**ay. 9-11** Allah tidak berat sebelah kerana setiap orang adalah sama di hadapan-Nya. Dia tidak memberikan keistimewaan kepada orang Yahudi hanya kerana mereka adalah umat pilihan-Nya. Dia akan menghakimi setiap orang dengan standard yang sama rata tetapi penghakiman bermula dengan orang Yahudi terlebih dahulu kerana mereka adalah umat pilihan Allah, kemudian diikuti dengan bangsa-bangsa lain.

**ay. 12-13** Oleh kerana orang bukan Yahudi tidak mempunyai Taurat Musa, Allah akan menghakimi mereka di luar hukum-Nya. Sebaliknya, orang Yahudi yang mempunyai hukum Taurat akan dihakimi berdasarkan hukum Taurat. Hanya dengan mendengar Taurat (cth. pada setiap hari Sabat di mana Firman Allah dibacakan di rumah ibadat) tidak akan menjadikan mereka benar dengan Allah. Orang yang dijadikan benar dengan-Nya ialah orang yang mentaati hukum Taurat.

**ay. 14-15** Dia kini menjelaskan bagaimana bangsa-bangsa lain yang tidak mempunyai hukum Taurat bertanggungjawab atas perbuatan mereka. Oleh kerana manusia dicipta menurut imej Allah, kita mempunyai hati nurani, suara hati yang tahu apa yang benar dan salah. Oleh itu walaupun bangsa-bangsa asing tidak mempunyai Taurat, mereka mempunyai sedikit pengetahuan tentang keperluan moral yang Allah tuntut dalam diri mereka. Melalui gerak hati, mereka tahu apa yang benar dan apa yang salah dan Allah akan menghakimi mereka setimpal dengan perbuatan mereka menurut ‘hukum’ di dalam hati mereka sendiri.

**ay. 16** Paulus mengakhiri bahagian ini dengan mengingatkan orang Kristian di Roma supaya mereka yakin bahawa Allah akan mengambil kira perbuatan setiap orang apabila Dia menghakimi semua rahsia tersembunyi dalam kehidupan mereka pada Hari Penghakiman. Orang Yahudi diajar bahawa pada akhirnya, Allah sendiri akan menghakimi dunia. Walau bagaimanapun, di sini Paulus berkata bahawa Allah akan menghakimi melalui Kristus, Mesias, Dia yang telah menyelamatkan mereka. Ini adalah injil Paulus, berita baik yang telah diberikan kepadanya untuk diberitakan.



### Teropong

- <sup>a</sup> Sebenarnya, Paulus tidak berbicara tentang sesiapa pun di dalam bahagian ini. Dia menggunakan gaya sastera pada zamannya yang dipanggil sindiran. Sindiran biasanya dalam bentuk dialog yang menggunakan soalan dan jawapan bagi menyampaikan maksud tertentu. Penulis akan berbincang dengan seorang lawan fiksyen atau bayangan (imaginari) sebagai cara untuk memajukan perbahasannya.
- <sup>b</sup> Istilah ‘taubat’ bermaksud ‘berpaling atau mengubah fikiran’, khususnya mengubah fikiran tentang dosa. Ia merujuk kepada perubahan apabila seseorang menyesali kesalahannya lalu berpaling daripada dosa, dan berpaling kepada Allah. Dalam Perjanjian Baru, pertaubatan bukan semata-mata bermaksud negatif kerana ia juga bermaksud beralih kepada kehidupan baru dalam Kristus.
- <sup>c</sup> ‘Hari’ merujuk kepada Hari Penghakiman di mana zaman akan berakhir dan Yesus akan kembali untuk kedua kalinya. Pada hari tersebut, Allah akan membuat perhitungan dengan semua manusia. Dia akan menunjukkan penghakiman-Nya yang benar dan tiada seorang pun boleh melepaskan diri.
- <sup>d</sup> Dalam surat Paulus, ‘hukum’ biasanya merujuk kepada



hukum Musa, iaitu Taurat, yang mana terdapat di dalam lima kitab pertama (disebut Pentateuch) dalam Perjanjian Lama. Kadang-kadang ia diperluaskan kepada tradisi lisan juga. Jadi perkataan ‘hukum’ selalu digunakan secara umum, merujuk kepada hukum-hukum keagamaan yang mengawal kehidupan orang Yahudi.

**Soalan**

- 1) Menurut Paulus, apakah kesalahan yang dilakukan oleh manusia? (ay. 1a)
  
- 2) Mengapakah Paulus berkata bahawa manusia tidak terlepas daripada apa yang dilakukannya? (ay. 1b)
  
- 3) Adakah orang ini akan dihakimi oleh Allah? (ay. 2-3) Berikan alasan bagi jawapan anda.
  
- 4) Mengapakah orang ini berfikir dia tidak akan dihakimi oleh Allah? (ay. 3-4) Apakah akibat daripada fikiran sedemikian? (ay. 5)
  
- 5) Apakah yang menjadi dasar penghakiman Allah? (ay. 6) Terangkan dua kumpulan manusia dan jenis penghakiman yang mereka akan hadapi daripada Allah. (ay. 7-10)

6) Mengapakah orang Yahudi akan menghadapi penghakiman Allah terlebih dahulu sebelum bangsa-bangsa lain?

7) Adakah Allah mempunyai standard yang sama dalam menghakimi orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain? (ay. 12-15) Jelaskan jawapan anda.



Sangat mudah untuk kita mengkritik orang lain berbanding mengkritik diri kita sendiri. Fikirkan beberapa contoh di mana anda telah menghakimi seseorang. Setelah itu fikirkan masa di mana anda telah melakukan perkara yang sama seperti yang anda telah kritikkan itu.

Apakah yang Allah akan katakan kepada anda?



Apa kata anda meluangkan sedikit masa untuk bercakap kepada Allah tentang apa yang Dia telah tunjukkan mengenai diri anda sendiri?

## II. Orang Yahudi dan Taurat Musa (ay. 17-29)

<sup>17</sup>Kamu memanggil dirimu orang Yahudi, dan bergantung kepada hukum Taurat serta berbangga kerana hubunganmu dengan Allah. <sup>18</sup>Kamu mengetahui kehendak-Nya, dan menyokong segala yang baik, kerana kamu telah diajarkan hukum Taurat. <sup>19</sup>Kamu yakin bahawa kamulah yang memimpin orang buta, yang menerangi orang dalam kegelapan, <sup>20</sup>yang mengajar orang bodoh, yang mengasuh anak kecil, kerana kamu mempunyai garis-garis ilmu dan kebenaran dalam hukum Taurat. <sup>21</sup>Dengan demikian, kamu yang mengajar orang lain, tidakkah kamu mengajar diri sendiri? Kamu yang berkhutbah melarang orang mencuri, adakah kamu sendiri mencuri? <sup>22</sup>Kamu yang berkata, “Jangan berzina,” adakah kamu melakukan zina? Kamu yang membenci berhala, adakah kamu merompak tempat ibadat? <sup>23</sup>Kamu yang bangga dengan hukum Taurat, adakah kamu menghina Allah dengan melanggar hukum itu? <sup>24</sup>“Nama Allah dikufuri dalam kalangan

bangsa asing akibat perbuatanmu” – demikianlah yang telah tersurat.

<sup>25</sup>Persunatan<sup>e</sup> memang bermanfaat jika kamu taat akan hukum Taurat, batallah persunatan itu. <sup>26</sup>Oleh yang demikian, jika seorang yang tidak bersunat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam hukum Taurat, tidakkah dia dikira sebagai telah bersunat? <sup>27</sup>Jika orang tidak bersunat mematuhi hukum Taurat, tidakkah dia menghakimi kamu kerana walaupun kamu mempunyai hukum bertulis dan persunatan namun kamu melanggar hukum itu? <sup>28</sup>Seseorang dikira Yahudi bukanlah berasaskan keadaan lahiriah; dan persunatan bukanlah bergantung pada keadaan jasmani. <sup>29</sup>Seseorang dikira orang Yahudi berasaskan keadaan batiniah; dan persunatan adalah di hati dan bersifat rohani bukan mengikut hukum yang tersurat dalam Taurat. Orang sedemikian mendapat pujian bukan daripada manusia tetapi daripada Allah.



### Nota

#### Ringkasan ay. 17-29

Sekarang Paulus secara khusus mula melihat orang Yahudi. Dia mahu menunjukkan kepada mereka bahawa mereka telah salah dalam anggapan mereka bahawa status mereka sebagai umat pilihan Allah akan menyelamatkan mereka daripada penghakiman-Nya. Paulus memberi tumpuan kepada dua perkara utama berkaitan perjanjian Allah dengan mereka: hukum, yang menyatakan tanggungjawab mereka di bawah perjanjian; dan persunatan, tanda dari perjanjian tersebut. Matlamatnya adalah untuk menunjukkan bahawa kedua-dua perkara ini tidak boleh menyelamatkan mereka daripada penghakiman Allah.

Dalam bahagian pertama (ay. 17-24), Paulus menunjukkan bahawa pengetahuan dan memiliki hukum Allah tidak bermakna jika ia tidak disertakan dengan ketaatan. Dia bercakap tentang seorang lawan bayangan yang bercakap besar kerana dia adalah seorang Yahudi dan memiliki hukum Allah, tetapi tidak mengamalkan apa yang dia tahu atau apa yang telah dia beritahukan kepada orang lain.

Dalam bahagian kedua (ay. 25-29), dia menyatakan bahawa persunatan jasmani atau luaran tiada nilainya jika tidak disertai dengan ‘persunatan di hati’ atau iman. Seorang Yahudi yang benar adalah Yahudi secara ‘batiniah’, seorang yang hatinya telah bersunat.

**ay. 17-20** Sekarang Paulus kembali menggunakan gaya sindiran dan buat pertama kali, dia menyebut lawan bayangannya sebagai seorang Yahudi. Paulus menjelaskan semua keistimewaan dan faedah yang diperoleh oleh orang Yahudi yang menjadikan mereka angkuh kerana menjadi seorang Yahudi. Mereka berbangga dengan hakikat bahawa Allah telah memeteraikan hubungan istimewa dengan mereka sebagai suatu bangsa dan telah memberi mereka hukum-Nya. Mereka bersandar kepada hukum sebagai bukti Allah memilih mereka dan bercakap besar tentang hubungan mereka dengan Allah, yakin bahawa mereka akan selamat daripada penghakiman Allah.

Seorang Yahudi menganggap dirinya lebih baik daripada bangsa-bangsa lain kerana dia menganggap dia tahu kehendak Allah dan mampu untuk membuat pertimbangan yang baik kerana dia mempunyai hukum untuk mengajarnya. Dia percaya bahawa Allah telah memilih bangsa Israel untuk membawa cahaya Allah ke dalam kegelapan dunia, untuk menjadi pembimbing bangsa-bangsa lain yang tidak memiliki hukum. Baginya, semua orang lain adalah buta, sementara dia yang mempunyai hukum Allah adalah pembimbing mereka. Kerana dia memiliki pengetahuan dan kebenaran Allah yang dinyatakan melalui hukum-Nya, orang Yahudi itu dengan yakin menganggap dirinya sebagai guru



bangsa-bangsa lain yang jahil, orang yang tidak mempunyai pengetahuan tentang Allah yang hidup.

**ay. 21-23** Setelah mendedahkan sikap meninggi diri orang Yahudi, kini Paulus mengembalikan hal itu kepada mereka. Dia menanyakan lima soalan retorik yang menarik perhatian kepada kemunafikan mereka. Dia menuduh mereka tidak hidup mengikut apa yang mereka tahu kerana mereka tidak mengamalkan apa yang mereka khutbahkan. Mereka melanggar hukum yang sangat mereka banggakan dan membawa kehinaan kepada nama Allah.

Biasanya, orang Yahudi tidak akan menjejakkan kaki ke mana-mana tempat berhampiran dengan kuil berhala (ay. 22b) kerana mereka benci kepada penyembahan berhala. Kebanyakan sarjana percaya bahawa Paulus mungkin menuduh orang Yahudi mencuri dari tempat ibadat pagan. Maksudnya tidak begitu jelas sama ada Paulus bermaksud secara literal apabila dia mengatakan mereka mendapatkan keuntungan dengan mengambil dan menjualnya kepada bangsa lain, atau mereka melakukan amalan-amalan tidak jujur yang berkaitan dengan penyembahan berhala.

**ay. 24** Paulus meringkaskan keseluruhan hujahnya dengan mengatakan bahawa mereka bukannya sumber berkat kepada bangsa-bangsa lain dan membawa mereka untuk memuji Allah, tetapi mereka menyebabkan orang bukan Yahudi mencemuh dan mengutuk Allah atau perkara-perkara Allah.

**ay. 25-27** Sekarang Paulus beralih kepada upacara persunatan orang Yahudi. Persunatan merupakan tanda yang sangat penting dalam identiti orang Yahudi kerana ia merupakan tanda dan meterai perjanjian Allah dengan mereka. Paulus tidak melihat daripada pandangan tradisi dan berkata bahawa sekiranya orang yang bersunat tidak mematuhi hukum, orang itu dianggap tidak bersunat. Ia sama dengan menyatakan bahawa dia tidak lebih daripada seorang bangsa asing, yang merupakan suatu penghinaan besar kepada seorang Yahudi.

Begitu juga dengan hal sebaliknya. Sekiranya seorang bukan Yahudi yang tidak bersunat mentaati hukum Allah, mereka akan dianggap bersunat oleh Allah dan mereka akan dikira sebagai anggota umat perjanjian Allah. Dengan itu, Paulus menambah bahawa orang bukan Yahudi yang mentaati hukum Allah akan mengutuk orang Yahudi kerana mereka mengenal hukum tetapi tidak mengamalkannya. Hal ini lebih mengejutkan bagi orang Yahudi. Paulus membahaskan bahawa pada akhirnya, tanda utama untuk menjadi umat Allah bukanlah persunatan atau pemilikan hukum tetapi ketaatan yang dituntut oleh kedua-dua persunatan dan hukum.

**ay. 28-29** Sekarang Paulus mentakrif semula apa yang dimaksudkan dengan menjadi seorang Yahudi yang sebenar, anggota umat Allah. Dia menyatakan bahawa ia tiada kenamengena dengan hal-hal luaran atau jasmani seperti persunatan. Menjadi milik Allah adalah hal dalaman. Bukan persunatan jasmani yang diambil kira tetapi persunatan di dalam hati yang dibawa oleh Roh Allah, bukan hukum. Dan hal itu mendapat persetujuan dari Allah, bukan manusia.



### Teropong

<sup>e</sup> Sebagai tanda perjanjian Allah kepada Abraham untuk menjadikannya bapa segala bangsa, Abraham dan keturunan laki-laknya harus disunat (Kejadian 17:9-14). Oleh itu, dalam ketaatan kepada perintah Allah, orang Yahudi menyunat bayi lelaki mereka pada hari kelapan selepas dilahirkan sepanjang tempoh Perjanjian Lama. Ibu bapa Yesus adalah orang Yahudi yang salih yang menuruti hukum, oleh itu, mereka telah membawa-Nya ke Bait Allah untuk disunat pada hari kelapan (Lukas 2:21).



### Soalan

- 1) Siapakah yang dikatakan oleh Paulus di dalam bahagian suratnya ini? (ay. 17)
- 2) Apa yang Paulus rujukkan apabila dia menggunakan perkataan 'hukum'?
- 3) Bagaimanakah mereka melihat diri mereka jika dibandingkan dengan orang yang tidak mempunyai hukum? (ay. 18-20)





4) Apakah tuduhan Paulus terhadap mereka? (ay. 21-23)  
Ringkaskan masalah utama mereka dalam satu ayat.



5) Apakah akibat daripada perbuatan mereka? (ay. 24)

- Kita sering mendengar orang memanggil orang Kristian sebagai hipokrit atau munafik kerana mereka menganggap orang Kristian tidak mengamalkan apa yang mereka khutbahkan. Pernahkah anda mendengar kata-kata tersebut? Bagaimanakah anda memberi respons kepada mereka?

6) Adakah dengan persunatan sahaja mempunyai nilai?  
(ay. 25) Apakah hal lain yang diperlukan?

- Paulus berkata bahawa bukan persunatan secara jasmani sahaja, tetapi persunatan di dalam hati yang menjadikan seseorang Yahudi yang sebenar. Begitu juga, seorang Kristian yang 'sebenar' bukan seseorang yang menunjukkan sikap 'Kekristianan' secara luaran sahaja tetapi dia adalah seseorang yang telah berubah secara dalaman oleh pekerjaan Roh Allah.

7) Apa yang akan berlaku jika orang yang tidak bersunat taat kepada hukum? (ay. 26)

8) Apakah kesimpulan Paulus tentang siapa seorang Yahudi yang sebenar di mata Allah? (ay. 28-29)

- Bagaimanakah anda melihat kehidupan Kristian anda sendiri? Bagaimanakah anda boleh hidup dengan cara yang menunjukkan iman yang ada di dalam hati anda?

9) Apakah yang dimaksudkan dengan memiliki 'hati yang bersunat'? Bagaimanakah kita boleh memiliki 'hati yang bersunat'?

**I. Kesetiaan Allah (ay. 1-8)**

**3** Oleh itu apakah kelebihan seorang Yahudi, dan apakah manfaat persunatan? <sup>2</sup>Sungguh banyak dalam segala hal! Terutamanya kerana Firman Allah dipercayakan kepada mereka. <sup>3</sup>Jika sesetengah mereka tidak beriman, adakah ini menjadikan kesetiaan Allah tidak berkesan? <sup>4</sup>Sama sekali tidak! Allah tetap benar biarpun setiap manusia itu pembohong. Sebagaimana tersurat:

“Supaya Engkau didapati benar dalam kata-kata-Mu, dan akan menang apabila Engkau dihakimi.”

<sup>5</sup>Tetapi jika kemungkaran kita menunjukkan

perbenaran Allah, apa yang harus kita katakan? Adakah Allah tidak adil menimpakan kemurkaan-Nya? (Aku bercakap sebagai seorang manusia.) <sup>6</sup> Sama sekali tidak! Kerana jika demikian, bagaimana Allah dapat menghakimi dunia!

<sup>7</sup>Jika kebenaran Allah bertambah kerana aku mendustai kemuliaan-Nya, mengapa aku tetap dihakimi sebagai orang berdosa? <sup>8</sup>Dan mengapa tidak dikatakan, “Mari kita berbuat jahat supaya hasilnya baik.” Demikian orang memfitnahkan kita berkata dan sesetengahnya menegaskan bahawa kita berkata begitu. Hukuman atas mereka itu memang wajar.

**Nota****Ringkasan ay. 1-8**

Paulus tahu bahawa hujahnya dalam bab 2 mungkin menimbulkan fikiran bahawa tidak ada lagi apa-apa kelebihan dalam menjadi seorang Yahudi. Oleh itu dalam ayat 1-4, dia cuba menjelaskan bahawa ini adalah jauh dari kebenaran. Dia mengakui bahawa keistimewaan sebagai orang Yahudi tidak memberi mereka apa-apa kelebihan mutlak daripada orang bukan Yahudi apabila penghakiman Allah tiba, tetapi ini tidak bermakna tiada kelebihan menjadi orang Yahudi. Sebaliknya, Paulus menegaskan bahawa orang Yahudi memiliki kelebihan yang besar kerana mereka telah diamanahkan dengan firman Allah. Walaupun mereka tidak setia, Allah akan sentiasa setia dengan Firman-Nya.

Paulus menjangka soalan-soalan yang bakal timbul lalu menjawabnya dalam ay. 5-8. Dia menolak kesimpulan salah yang mengatakan dosa akan menyatakan kebaikan dan kebenaran Allah dengan lebih jelas, dan Allah adalah tidak adil sekiranya Dia menghukum orang-orang berdosa. Paulus juga menepis hujah bahawa manusia harus terus berdosa kerana ia mendatangkan hasil yang baik.

**ay. 1** Paulus telah menyimpulkan dalam bahagian akhir bab dua bahawa hukum dan persunatan tidak menjamin orang Yahudi akan terlepas daripada dihakimi oleh Allah. Ini merupakan masalah yang Paulus jangkakan akan ditanya oleh orang Kristian di Roma. Jadi apakah faedah menjadi seorang Yahudi? Lawan bayangannya bertanya sama ada status sebagai orang Yahudi dan persunatan yang menandakan mereka sebagai umat Allah memberikan mereka apa-apa kelebihan. Soalan ini menyentuh langsung identiti orang Yahudi kerana mereka melihat diri mereka sebagai satu bangsa yang istimewa, yang dipilih dari antara segala bangsa di bumi untuk menjadi umat kesayangan Allah (Ulangan 7:6-10).

**ay. 2** Mengikuti hujah-hujah Paulus setakat ini, jawapan yang dijangka adalah ‘Tidak’. Walau bagaimanapun, Paulus mengejutkan para pembacanya dengan menjawab sudah tentu ada banyak kelebihan. Merendahkan orang Yahudi seperti bangsa-bangsa lain adalah menuduh Kitab Suci Perjanjian Lama, dan Allah gagal menepati janji-Nya kepada umat-Nya. Berkat atau manfaat pertama bagi orang Yahudi adalah mereka telah dipercayakan dengan firman Allah. Wahyu

Allah kepada umat manusia telah diberikan kepada mereka dan bukan kepada bangsa-bangsa lain di dunia. Tetapi dengan keistimewaan yang besar itu datang tanggungjawab yang besar, sesuatu yang telah mereka abaikan. Paulus tidak terus menyenaraikan kelebihan-kelebihan lain di sini tetapi akan menyebutnya kembali (bermula pada 9:4). Dia lebih mementingkan untuk mengulas lanjut isu-isu ini di sini.

**ay. 3-4** Soalan berikutnya adalah adakah Allah akan tetap setia kepada umat-Nya jika mereka gagal untuk memberi respons dalam iman kepada-Nya. Paulus lebih empati bahawa ini adalah satu soalan yang tidak masuk akal untuk ditanya. Dia menyatakan bahawa Allah akan sentiasa benar kepada Firman-Nya dan setia kepada semua kata-kata atau janji-Nya walaupun umat-Nya tidak setia. Allah sememangnya boleh dipercayai dan setia walaupun semua orang di bumi ini adalah pendusta. Dia akan memberkati umat-Nya jika mereka setia tetapi akan menghakimi mereka jika mereka ingkar kerana itulah janji-Nya kepada umat-Nya. Paulus menggunakan Mazmur 51:4 bagi menyokong hujahnya. Di sini Daud mengakui dua dosa yang telah dilakukannya, iaitu berzina dan membunuh (lihat 2 Samuel

11) dan mengakui bahawa Allah benar dalam apa yang Dia katakan dan patut menghukumnya kerana dosa-dosanya.

**ay. 5-6** Lawannya membangkitkan soalan lain adakah adil atau benar bagi tindakan Allah menghukum manusia untuk dosa mereka kerana dosa manusia menjadikan perbenarannya lebih jelas. Dia menganggap soalan ini bodoh tetapi dia tetap menjawabnya. Bagi Paulus, adalah tidak patut untuk menganggap Allah tidak adil apabila Dia menghukum dosa. Allah tidak boleh membiarkan dosa kerana keadilan-Nya menuntut dosa dihukum. Oleh kerana Allah adalah hakim dunia, tidak mungkin Allah tidak adil kerana Dia harus menghakimi dunia dengan saksama.

**ay. 7-8** Lawannya meneruskan hujah yang sama bahawa jika pembohongannya menjadikan kebenaran Allah lebih nyata, dan ia memberi kelebihan kepada Allah sehingga orang itu tidak harus dihukum sebagai orang berdosa. Sebaliknya dia perlu didorong untuk terus berdosa kerana dosa mendatangkan sesuatu yang baik. Paulus tidak menjawab soalan ini secara langsung tetapi menambah bahawa sesetengah orang telah memfitnahnya dengan menyatakan dia telah mengajar tentang hal ini. Dia menolak tuduhan-tuduhan lawanya dengan berkata bahawa orang yang memutarbelitkan kebenaran injil akan perlu menjawab kepada Allah sendiri dan patut menerima kutukan dari-Nya untuk kebinasaan yang mereka sebabkan kepada umat Allah.

 **Soalan**

1. Menurut Paulus, apakah kelebihan yang diperolehi oleh orang Yahudi berbanding dengan bangsa-bangsa lain? (ay. 1-2) Mengapakah Paulus membangkitkan soalan tersebut?
2. Jika seorang Yahudi tidak setia kepada Allah, adakah Allah akan tetap setia kepadanya? (ay. 3-4) Mengapa?

3. Adakah salah bagi Allah untuk menghukum dan mengutuk kita sebagai orang berdosa apabila salah laku kita akan lebih menambahkan kebenaran dan keadilan-Nya (ay. 5-8)? Berikan alasan bagi jawapan anda.
4. Bagaimanakah Paulus menjawab mereka yang menuduhnya menggalakkan orang untuk berbuat dosa supaya hasilnya baik (ay. 7-8)?



- Oleh kerana anda telah diselamatkan oleh Yesus Kristus dari dosa anda, mustahakkah sama ada anda berhenti atau teruskan berdosa dengan melakukan perbuatan yang mengingkari cara Allah? Mengapa?
- Bolehkah anda memikirkan beberapa situasi yang mungkin menggoda anda untuk tidak menghiraukan bagaimana anda berkelakuan sebagai seorang Kristian?

**II. Semua manusia berdosa (ay. 9-20)**

<sup>9</sup>Jadi bagaimana? Adakah kita lebih baik daripada mereka? Tidak sekali-kali. Kerana dahulu kita telah mengatakan bahawa baik orang Yahudi mahupun orang Yunani, semuanya berada di bawah kuasa dosa.

<sup>10</sup>Sebagaimana tersurat:

*“Tiada yang benar, seorang pun tidak.*

*<sup>11</sup>Tiada yang mengerti, tiada yang mencari Allah.*

*<sup>12</sup>Semuanya telah berpaling, semuanya tidak berguna; tiada yang berbuat baik, tiada seorang pun.*

*<sup>13</sup>Kerongkong mereka seperti kubur terbuka; tiap daya mengalir dari lidah mereka; dan racun ular kapak berbisa di bawah bibir mereka*

*<sup>14</sup>Mulut mereka penuh sumpah seranah dan*

*kepahitan.*

*<sup>15</sup>Kaki mereka cepat menumpahkan darah.*

*<sup>16</sup>Kemusnahan dan kesengsaraan mereka timbulkan merata-rata,*

*<sup>17</sup>sedangkan jalan damai tidak dikenal mereka.*

*<sup>18</sup>Rasa takut terhadap Allah tiada di jiwa mereka.”*

*<sup>19</sup>Kita tahu bahawa segala yang tersurat dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Oleh itu tiada siapa pun dapat beralih dan seluruh umat manusia akan dihakimi oleh Allah.*

*<sup>20</sup>Oleh itu tiada siapa pun akan diperbenar di mata Allah kerana mengamalkan hukum Taurat. Sebaliknya hukum Taurat hanya menyedarkan manusia bahawa mereka berdosa.*

**Nota****Ringkasan ay. 9-20**

Dari 1:18, Paulus telah membangun hujahnya bahawa semua manusia telah berdosa. Dia telah mendedahkan dosa dunia orang Yunani purba, kepura-puraan orang yang menghakimi orang lain tetapi mereka sendiri tidak lebih baik daripada orang lain, dan sikap orang Yahudi yang memperbenar diri mereka kerana berbangga memiliki hukum Allah tetapi tidak mentaatinya.

Sekarang dia membuat kesimpulan dengan menyatakan semua orang - Yahudi dan Yunani - berada di bawah kuasa dosa (ay. 9). Tiada seorang pun boleh mengaku dirinya benar-benar baik dan benar di mata Allah. Dia menyokong hujahnya dengan menggabungkan satu siri petikan ayat dari Perjanjian Lama yang menguatkan lagi pernyataannya bahawa semua orang adalah orang berdosa (ay. 10-18). Dia menyimpulkan bahawa seluruh dunia tidak terlepas dan semua akan menghadapi penghakiman Allah (ay. 19-20). Menuruti hukum tidak boleh menyelamatkan sesiapa pun kerana hukum hanya membuat mereka sedar akan dosa mereka.

**ay. 9** Dari ayat 1 lagi, Paulus telah membawa seluruh perbincangan kepada suatu kesimpulan dengan bertanya soalan lain. Walaupun pada mulanya dia menyatakan bahawa ada kelebihan sebagai seorang Yahudi, kini dia mengatakan bahawa mereka tidak lebih baik daripada bangsa-bangsa lain. Paulus tidak bercanggah dengan dirinya tetapi bercakap tentang dua hal yang berbeza. Orang Yahudi mungkin mempunyai keistimewaan dan kelebihan sebagai umat Allah yang telah menerima perjanjian dan hukum-Nya. Tetapi apabila berbicara tentang isu dosa, orang Yahudi tidak mempunyai apa-apa kelebihan berbanding bangsa-bangsa lain kerana kedua-duanya berada di bawah kuasa dosa.

**ay. 10-18** Seperti yang selalu dilakukannya, Paulus menegaskan apa yang dikatakannya dengan merujuk kepada Kitab suci. Dia mengikuti amalan mengajar para rabi yang disebut sebagai ‘merangkai mutiara’ di mana mereka merangkai petikan-petikan seperti mutiara. Dia memetik petikan-petikan Perjanjian Lama (terutamanya Mazmur dan Yesaya) untuk menekankan apa yang dikatakannya itu bukan ajaran baru

tetapi konsisten dengan ajaran Kitab Suci Yahudi. Semua ayat ini menjadi saksi dalam cara yang berbeza untuk dosa dan kefasiqan seluruh umat manusia.

Dia menggunakan ayat-ayat ini untuk menekankan bahawa semua orang berada di bawah kuasa dosa tanpa pengecualian. Tidak ada seorang pun yang benar, tidak ada seorang pun yang apa yang benar dan baik di mata Allah. Manusia bukan sahaja mengabaikan Allah, tetapi juga berpaling daripada-Nya. Paulus juga menggunakan ayat-ayat tersebut untuk menunjukkan kejahatan dan kebinasaan akibat perkataan dan perbuatan mereka yang menjadi inti pati sifat semula jadi manusia yang berdosa. Kerana dosa-dosa mereka, manusia tidak tahu bagaimana untuk saling berdamai di antara mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga tidak takut akan Allah.

**ay. 19-20** Dari ayat-ayat ini, Paulus menunjukkan bahawa adalah jelas apa yang hukum katakan kepada orang Yahudi dan mereka tidak boleh mendakwa mereka boleh



dikecualikan daripada dihakimi. Jika umat Allah sendiri akan diadili, maka seluruh dunia juga akan dihakimi di hadapan Allah kerana dosa mereka. Paulus menggambarkan seluruh umat manusia, termasuk umat Allah sendiri, berdiri bersalah di mahkamah syurga di hadapan Allah yang menjadi Hakim.

Versi lain menterjemahkan 'Diperbenar' sebagai 'berbaik semula' atau 'dinyatakan benar'. 'Dinyatakan benar' adalah istilah undang-undang yang bermaksud 'dibebaskan' atau 'disahkan tidak bersalah'. Di sini ia membawa maksud dibebaskan atau dibersihkan daripada segala dosa di mahkamah Allah. Paulus merumuskan seluruh hujahnya dengan mengatakan bahawa manusia tidak boleh berbuat apa-apa untuk membebaskan diri mereka sendiri daripada tuduhan dosa dan diisytiharkan 'tidak bersalah'. Mentaati hukum tidak boleh membenarkan mereka kerana hukum hanya menjadikan manusia sedar akan dosa mereka. Ia tidak boleh membawa kepada pengampunan dosa. Kemudian Paulus beralih kepada soalan bagaimana dosa-dosa kita boleh diampuni dan bagaimana kita boleh dinyatakan benar, diisytiharkan tidak bersalah dan diperbenar dengan Allah.



### Soalan

- 1) Mengapakah orang Yahudi tiada lebih baik daripada orang Yunani walaupun mereka mempunyai segala kelebihan (ay. 9-10)?
- 2) Bagaimanakah Paulus menyokong kesimpulannya (ay. 11-18)?
- 3) Menurut petikan ini, apakah yang dilakukan oleh hukum (ay. 19)?

- 4) Apakah yang tidak boleh dilakukan oleh hukum (ay. 20)? Jelaskan jawapan anda.



- Alkitab menyatakan bahawa kita semua telah berdosa. Tidak ada seorang pun yang boleh berkata bahawa dia tidak pernah berdosa dalam hidupnya. Dosa tidak perlu sesuatu yang besar atau serius. Dosa boleh dianggap 'kehilangan tanda Allah', berpaling daripada-Nya atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hukum-Nya.
- Apakah dosa-dosa dalam hidup anda yang Allah sedang bicarakan kepada anda?
- Apakah yang anda akan lakukan mengenainya?

**III. Manusia diperbenar kerana iman (ay. 21-31)**

<sup>21</sup>Tetapi sekarang, tanpa hukum Taurat, perbenaran Allah telah dinyatakan. Hukum Taurat dan para nabi<sup>9</sup> telah memberikan kesaksian tentang hal itu. <sup>22</sup>Perbenaran Allah hanya melalui iman kepada Yesus Kristus bagi semua yang percaya. Hal ini berlaku kepada semua orang tanpa membezakan sesiapa pun. <sup>23</sup>Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. <sup>24</sup>Namun demikian, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Kristus Yesus. <sup>25</sup>Allah menjadikan Yesus korban pendamaian supaya dengan kematian-Nya, dosa orang yang beriman kepada-Nya diampunkan. Allah berbuat demikian untuk memperlihatkan keadilan-Nya kerana pada masa silam, Allah bersabar terhadap dosa manusia dan tidak menghukum mereka. <sup>26</sup>Tetapi sekarang Dia

bertindak terhadap dosa untuk menyatakan keadilan-Nya. Allah menunjukkan bahawa Dia benar dan memperbenar semua mereka yang beriman kepada Yesus.

<sup>27</sup>Dengan demikian, apakah yang dapat dibanggakan? Tidak ada sama sekali! Adakah melalui ketaatan akan hukum Taurat? Tidak, tetapi melalui iman. <sup>28</sup>Kerana kami yakin bahawa manusia diperbenar atas iman kepada Yesus Kristus, bukan kerana dia mengamalkan apa yang diwajibkan oleh hukum Taurat.

<sup>29</sup>Atau adakah Allah itu Tuhan orang Yahudi sahaja? Pasti tidak. Dia Tuhan bangsa-bangsa lain juga. <sup>30</sup>Allah itu esa. Dia memperbenar orang yang bersunat melalui iman mereka. Demikian juga Dia memperbenar orang yang tidak bersunat melalui iman mereka. <sup>31</sup>Maka adakah kita memansuhkan hukum Taurat dengan iman? Sama sekali tidak! Malah kita menegakkan Taurat.

**Nota****Ringkasan ay. 21-31**

Setelah membuatnya sangat jelas bahawa semua manusia terperangkap dalam dosa, Paulus beralih kepada cara yang telah dirancang oleh Allah untuk mengurus dosa manusia. Di hadapan Hakim seluruh bumi, manusia menghadapi penghakiman bagi dosanya. Tetapi Allah telah mengambil inisiatif untuk membolehkan manusia diperbenar, iaitu mengisytiharkannya 'tidak bersalah' dan membebaskannya daripada tuduhan dosa. Bahagian ay. 21-26 mengandungi salah satu petikan paling penting dalam Kitab Suci.

Dalam ay. 21-26, Paulus menjelaskan isi penting injil. Martin Luther, orang yang bertanggungjawab dalam Reformasi Protestan, menyebut Roma 3:21-26 sebagai 'isi penting, dan yang terutama dalam Surat itu dan seluruh Alkitab'. Ia mendedahkan rancangan Allah untuk menyelamatkan dunia daripada kuasa dosa. Semua manusia telah berdosa tetapi Allah telah memungkinan hubungan mereka dengan-Nya diperbenarkan melalui iman kepada Yesus Kristus yang telah diserahkan sebagai korban. Dengan kematian-Nya, Yesus telah menebus manusia daripada dosa mereka. Allah memperbenar dengan rela melalui kasih kurnia-Nya kepada semua orang yang percaya kepada Yesus.

Dalam ay. 27-31, Paulus menarik tiga implikasi dari kenyataan bahawa semua manusia telah diperbenar oleh iman dalam Yesus dan bukan berdasarkan ketaatan kepada hukum: (i) Tiada sesiapa pun boleh berbangga (ay. 27-28); (ii) Orang Yahudi dan orang Yunani boleh menerima hadiah percuma kasih kurnia Allah melalui iman (ay. 29-30); (iii) Hukum tidak diketepikan malah ditegakkan (ay. 31).

**ay. 21** Versi lain menterjemahkan 'perbenaran Allah' sebagai 'cara Allah memperbenarkan manusia dengan-Nya'. Ungkapan 'Tetapi sekarang' menunjukkan bahawa sesuatu telah berubah. Setelah berhujah dalam 1:18-3:20 bahawa seluruh dunia berada di bawah penghakiman Allah kerana dosa, Paulus kini mengumumkan berita baik Allah. Kini Allah telah menunjukkan cara-Nya untuk memulihkan kembali hubungan mereka dengan-Nya. Injil bukan sesuatu yang difikirkan kemudian oleh Allah kerana Dia sememangnya telah merancang untuk menyelamatkan

manusia seperti yang tersurat dalam Kitab Suci Perjanjian Lama. Walaupun rancangan Allah berasingan daripada hukum, apa yang telah Allah lakukan dalam Kristus adalah kesinambungan daripada Perjanjian Lama secara keseluruhannya.

**ay. 22** Paulus seterusnya menjelaskan bahawa perbenaran Allah, tindakan penyelamatan-Nya yang membawa manusia ke dalam hubungan yang benar dengan-Nya, datang melalui iman dalam Yesus Kristus. Manusia harus percaya kepada



Kristus untuk menerima perbenaran Allah. Dia menambah 'bagi semua yang percaya' bagi menekankan tidak ada perbezaan di antara orang Yahudi dan orang Yunani kerana semua orang telah berdosa seperti yang dia nyatakan dalam ay. 23. Semua orang mempunyai masalah yang sama dan hanya ada satu penyelesaian bagi masalah tersebut – iman dalam Kristus.

**ay. 23** Versi Berita Baik ialah "Semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka". Para sarjana berbelah-bagi dengan apa yang dirujuk oleh 'kemuliaan'. Paulus mungkin bermaksud bahawa kerana dosa kita, kita sekarang telah kehilangan kemuliaan asal yang kita pernah miliki sewaktu kita mula-mula dicipta dalam imej Allah. Manusia telah diciptakan menurut imej Allah dan untuk mencerminkan kemuliaan-Nya, tetapi kerana dosa, kita tidak lagi mempunyai kepenuhan sifat Allah dalam diri kita.

**ay. 24** 'Manusia dapat diperbenar' kadang-kadang diterjemah sebagai 'dinyatakan benar' (lihat ay. 20), yang bermaksud "dilepaskan dari tuduhan dosa" atau "diisytiharkan benar". Di sini kita sekali lagi mempunyai gambaran mahkamah di mana orang yang bersalah dibebaskan dari hukuman dan tidak lagi dianggap bersalah. Allah memperbenar manusia dengan bebas melalui kasih kurnia-Nya, sesuatu yang Dia lakukan kerana sifat-Nya yang pengasih. Perkataan 'kasih kurnia' boleh diertikan sebagai berkat yang tidak layak kita terima, yang diberikan secara percuma oleh Allah, sesuatu yang kita tidak boleh peroleh.

Perbuatan Yesus membebaskan kita daripada dosa kita juga diterjemah sebagai 'penebusan'. Allah memperbenarkan kita dengan bebas kerana kasih kurnia-Nya melalui tindakan penebusan oleh Yesus Kristus. Idea utama di sebalik makna perkataan 'penebusan' adalah 'harga yang dibayar untuk pembebasan'. Ia digunakan untuk merujuk kepada seorang hamba yang dibebaskan atau ditebus dengan bayaran harga penebusan. Ia juga digunakan untuk merujuk kepada penebusan bangsa Israel oleh Allah daripada perhambaan di Mesir. Oleh itu menurut Paulus, Yesus membayar kebebasan kita keluar daripada belenggu perhambaan dosa dan menyelamatkan kita dari penghakiman Allah yang kekal.

**ay. 25-26** Kristus telah menebus kita daripada dosa-dosa kita melalui kematian-Nya, darah-Nya yang telah dicurahkan. Kematian-Nya sebagai korban merupakan bayaran penebusan bagi dosa kita. Dengan itu, kemurkaan Allah terhadap orang berdosa diselesaikan dan dosa-dosa kita tidak lagi diperhitungkan sekiranya kita beriman dalam Kristus. Walaupun Allah telah bersabar dengan dosa-dosa manusia pada masa lalu dan tidak menghukum mereka, Allah tidak boleh kekal adil dengan membiarkan dosa. Bagi memenuhi

keadilan-Nya, Allah menyerahkan Anak-Nya sebagai korban bagi dosa manusia, dahulu, sekarang dan yang akan datang. Begitulah kedalaman kasih Allah untuk kita. Apa yang telah ditunjukkan oleh Allah ialah keadilan-Nya kerana Dia menghukum dosa dan kasih kurnia-Nya yang mengampuni kerana Dia memperbenar orang yang percaya kepada Yesus.

**ay. 27-28** Memandangkan hakikat manusia hanya boleh menjalinkan hubungan dengan Allah melalui iman, Paulus menyatakan bahawa tiada apa yang boleh kita banggakan. Kerja amal kita, sama ada dilakukan kerana ketaatan kepada hukum atau kod etika moral, tidak akan dapat memulihkan hubungan kita dengan Allah. Hanya dengan iman dan menerima dengan rendah hati kurnia penebusan Allah boleh melakukannya. Sama seperti seseorang yang menerima hadiah tidak mempunyai hak untuk bermegah, begitu juga dengan orang berdosa yang menerima kurnia penyelamatan Allah tidak mempunyai asas untuk berbangga kerana dia langsung tidak menyumbang apa-apa pun.

**ay. 29-30** Di sini Paulus menggunakan salah satu ajaran penting orang Yahudi, iaitu kepercayaan mereka kepada Allah yang esa, sebagai perbincangan untuk Injil. Orang Yahudi amat sedar akan hubungan perjanjian mereka yang istimewa dengan Allah, yang tidak dimiliki oleh bangsa-bangsa lain. Apa yang mereka tidak pertimbangkan ialah sekiranya mereka menegaskan hanya ada satu Allah, maka Allah juga adalah Allah bagi semua orang, termasuk bangsa-bangsa lain. Dan sekiranya hanya ada satu Allah bagi semua orang, maka apa-apa penyelamatan tidak terhad kepada orang Yahudi sahaja. Jadi Allah yang sama ini akan memperbenar kedua-dua orang Yahudi dan bukan Yahudi melalui iman yang sama dalam Kristus kerana hanya ada satu jalan sahaja untuk diperbenar dengan Allah.

**ay. 31** Paulus mengakhiri hujahnya dengan menegaskan orang Yahudi yang beriman tidak bermakna hukum itu tidak mempunyai tempat. Ia bukan menghapuskan hukum, tetapi sebenarnya mengesahkannya. Ia selaras dengan tujuan dan pengajaran hukum bahawa manusia memerlukan kurnia pengampunan Allah. Ia juga menunjukkan bahawa Allah menganggap semua orang seperti leluhur mereka, Abraham (Kejadian 15:6) yang diperbenar kerana iman mereka. Hukum itu adalah persediaan Allah untuk jalan penyelamatan melalui iman dalam Kristus.



### **Teropong**

<sup>a</sup> Ungkapan 'Hukum dan Para Nabi' merujuk kepada seluruh Perjanjian Lama.



**Soalan**

- 1) Paulus mengatakan bahawa kini perbenaran Allah, iaitu tindakan penyelamatan-Nya untuk memperbenarkan manusia dengan-Nya, telah ditunjukkan. Bagaimanakah seseorang boleh menerima perbenaran Allah? (ay. 21-22)
  
- 2) Mengapakah Allah tidak membeza-bezakan antara orang Yahudi dan bukan Yahudi? (ay. 22-23)
  
- 3) Mengapakah kasih kurnia Allah adalah percuma? (ay. 24)
  
- 4) Apakah yang ditebus oleh Yesus Kristus bagi kita? Bagaimanakah Dia menyempurnakan penebusan kita? (ay. 25-26)
  
- 5) Bagaimanakah pengorbanan Yesus sebagai korban menunjukkan Allah adalah Allah yang adil? (ay. 25-26)
  
- 6) Apakah sebab-sebab yang diberikan oleh Paulus bagi menunjukkan tidak ada asas bagi orang Yahudi untuk bermegah? (ay. 27-29)
  
- 7) Mengapakah Allah adalah Allah orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain (ay. 30)? Apakah yang Paulus rumuskan dari hal ini?



- Bagaimanakah perasaan anda apabila mengetahui bahawa Allah telah menyerahkan Anak-Nya Yesus sebagai korban bagi anda?
  
- Fikirkan bagaimana kehidupan anda sebelum anda percaya kepada Yesus. Apakah yang telah ditebus dan diselamatkan oleh Yesus untuk anda?



Apa kata anda meluangkan sedikit masa sekarang untuk memuji dan berterima kasih kepada Allah kerana tidak memperlakukan anda setimpal dengan dosa anda. Bersyukurlah kepada-Nya kerana Dia telah memberikan Anak-Nya demi anda.



Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah. Namun demikian, dengan kasih kurnia Allah yang dikurniakan-Nya dengan rela, manusia dapat diperbenar melalui penebusan yang terdapat dalam Kristus Yesus.  
(Roma 3:23-24)



### 1. Abraham diperbenar melalui iman (ay. 1-12)

**4** Oleh demikian, apakah yang akan kita katakan tentang Abraham, nenek moyang jasmaniah kita? <sup>2</sup> Jika Abraham telah diperbenar kerana kerja amalnya dapatlah dia berbangga tetapi bukan di mata Allah. <sup>3</sup> Apakah yang tersurat dalam Kitab Suci? "Abraham percaya kepada Allah,<sup>a</sup> dan hal itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran." <sup>4</sup> Bagi seseorang yang membuat kerja, gajinya tidak dikira sebagai anugerah tetapi sebagai haknya. <sup>5</sup> Sebaliknya, bagi seseorang yang tidak membuat kerja amal tetapi percaya kepada Allah yang telah memperbenar orang yang mungkar, imannya diperhitungkan sebagai perbenaran. <sup>6</sup> Demikianlah Daud<sup>b</sup> berkata tentang berkat ke atas orang yang diperbenar Allah tanpa mengira kerja amalnya. Kata Daud :

<sup>7</sup>"Diberkatilah orang yang diampuni kemungkarananya dan yang dihapuskan dosa-dosanya.

<sup>8</sup>Diberkatilah orang yang dosanya tidak diperhitungkan Tuhan"

<sup>9</sup>Maka adakah berkat ini untuk orang yang bersunat, atau untuk orang yang tidak bersunat juga? Kerana kita berkata, "Iman Abraham diperhitungkan baginya sebagai perbenaran."<sup>10</sup> Jadi, bagaimana iman itu diterima? Semasa dia sudah bersunat, atau sebelum bersunat? Bukan semasa dia sudah bersunat, tetapi ketika dia belum bersunat; <sup>11</sup> lalu dia menerima tanda persunatan, materai kebenaran yang didapatinya melalui iman semasa dia masih belum bersunat. Dengan demikian, dia menjadi bapa kepada semua orang yang beriman tanpa bersunat, supaya perbenaran juga diperhitungkan kepada mereka.<sup>12</sup> dan dia juga menjadi bapa kepada orang bersunat yang bukan sahaja bersunat tetapi juga mengikuti jejak langkah moyang bangsa kita, Abraham yang beriman sebelum dia bersunat.



#### Nota

##### Ringkasan ay. 1-12

Setelah Paulus menyatakan dalam bab 3 bahawa inti berita baik Allah adalah kita diselamatkan oleh iman dan bukan oleh ketaatan kepada hukum, kini dia menunjukkan bahawa Perjanjian Lama telah bersaksi tentang hal itu. Jadi langkah seterusnya dalam hujahnya adalah untuk memberikan contoh-contoh dari Perjanjian Lama bagi membuktikan pernyataannya. Dia memilih Abraham, moyang leluhur Israel yang paling dihormati dan Daud, raja Israel yang paling terkenal.

Selepas memperkenalkan Abraham sebagai subjek (ay. 1), Paulus menunjukkan bahawa Allah memperbenarkan Abraham bukan kerana 'kerja amalnya' (ay. 2-8). Dia menunjukkan bahawa Abraham diperbenar kerana imannya dan bukan kerana kerja-kerjanya, kerana itu dia tidak mempunyai alasan untuk bermegah. Dia percaya kepada Allah dan diperbenarkan dengan-Nya. Kemudian Paulus menunjukkan kerana imannya, Allah telah memperbenar Abraham ketika dia belum bersunat (ay. 9-12). Dengan demikian, Abraham telah menjadi 'bapa' bukan sahaja kepada orang Yahudi, tetapi semua orang yang percaya, sama ada orang Yahudi atau bukan Yahudi.

**ay. 1-3** Paulus telah menyatakan dengan jelas dalam bab 3 bahawa Allah memperbenar manusia dengan iman, bukan dengan ketaatan mereka kepada hukum. Sekarang dia meneruskan hujahnya untuk membuktikannya dengan menunjukkan bahawa ini juga benar untuk Abraham, yang disanjung oleh orang Yahudi sebagai bapa bangsa Israel. Dia adalah moyang yang daripadanya mereka menerima status istimewa sebagai umat perjanjian Allah. Ramai guru agama Yahudi pada zaman Paulus percaya bahawa Abraham diperbenarkan oleh Allah kerana ketaatannya yang mempersembahkan Ishak anaknya sebagai korban kepada Allah. Oleh itu Paulus ingin menunjukkan menurut Kitab Suci, Allah telah memperbenarkan Abraham kerana Abraham percaya bahawa Allah akan memenuhi janji-Nya untuk memberinya seorang anak lelaki. Perbenaran itu

adalah kerana iman Abraham dan bukan kerana kerja amalnya. Oleh yang demikian tiada apa-apa yang boleh Abraham banggakan di hadapan Allah.

**ay. 4-5** Paulus cuba menjelaskan hujahnya dengan menggunakan sebuah ilustrasi sehari-hari. Apabila seseorang bekerja, apa yang dibayar oleh majikannya adalah kerana pekerjaan yang dilakukannya. Upah yang diterimanya bukan satu anugerah. Tetapi seseorang yang diperbenarkan oleh Allah tidak bekerja untuk mendapatkannya. Dia menerimanya sebagai suatu anugerah kerana imannya kepada Allah yang mengampuni orang-orang berdosa.

**ay. 6-8** Paulus memetik ayat dari Mazmur 32:1-2 untuk terus menyokong hujahnya. Dia berkata Daud bercakap tentang



perkara yang sama apabila dia bercakap tentang berkat atau kebahagiaan (perkataan 'berkat' juga diterjemah kepada 'bahagia') orang yang dosanya diampuni oleh Allah dan Allah telah melupakannya. Itu adalah pengalaman Daud sendiri apabila dia telah berdosa terhadap Allah. Allah telah memulihkan hubungan Daud dengan-Nya tanpa Daud melakukan apa-apa untuk layak mendapatkannya.

**ay. 9-12** Paulus terus menjelaskan bahawa berkat ini adalah untuk semua orang, bukan kepada orang Yahudi yang bersunat sahaja. Dia menyatakan bahawa Allah telah memperbenarkan Abraham ketika dia belum bersunat. Oleh itu perbenarannya tiada kena-mengena dengan persunatannya. Sekurang-kurang empat belas tahun selepas Allah mengisytiharkan perbenaran Abraham (Kejadian 15:6) barulah Allah mengikat janji-Nya dan memerintahkan setiap keturunan lelaki Abraham disunat (Kejadian 17:1-14). Oleh itu persunatan adalah tanda bahawa Abraham sudah beriman dan bahawa Allah telah menerimanya serta mengisytiharkan perbenarannya sebelum dia bersunat. Ia merupakan satu materi hubungan antara Allah dengan Abraham yang telah terjalin kerana imannya beberapa tahun yang lalu.

Jadi Abraham adalah bapa rohani bagi semua orang yang tidak bersunat tetapi percaya kepada Allah, dan diperbenarkan oleh Allah kerana iman mereka. Dia juga adalah bapa bagi orang yang bukan sahaja telah bersunat, tetapi yang hidup dalam iman yang sama dengan Abraham sebelum dia bersunat.



### Teropong

<sup>a</sup> Apabila Allah memanggil Abraham untuk meninggalkan tempat asalnya, Dia telah berjanji bahawa Dia akan menjadikan Abraham bangsa yang besar (Kejadian 12:1-3). Pada waktu itu Abraham berumur 75 tahun. Walau bagaimanapun, dia harus menunggu sehingga dia berumur 100 tahun sebelum Allah memenuhi janji-Nya dan akhirnya anak lelakinya lahir. Walaupun bertahun-tahun menunggu, Abraham masih percaya kepada Allah dan sebab imannya itulah Allah memperbenarkan dia.

<sup>b</sup> Daud merujuk kepada kedua-dua dosa yang telah dilakukannya, iaitu berzina dan membunuh (2 Samuel 11). Dia bersekotiduran dengan Batsyeba, isteri Uria orang Het, salah seorang daripada tiga puluh orang kuatnya. Dan kerana dia sungguh tertawan dengan Batsyeba, dia telah mengatur supaya suaminya terbunuh dan Batsyeba bebas untuk berkahwin dengannya. Apa yang telah dilakukan oleh Daud menjadikan Allah murka. Dia menghukum Daud kerana dosanya dengan membiarkan anak lelakinya dengan Batsyeba mati. Tetapi oleh kerana Daud bertaubat

dari dosanya, Allah mengampuninya dan memulihkan hubungan Daud dengan-Nya.



### Soalan

- 1) Bagaimanakah tanggapan orang Yahudi terhadap Abraham? (ay. 1)
- 2) Paulus mengandai bahawa para pembacanya mengenali Abraham serta janji-janji Allah kepadanya. Baca petikan-petikan Alkitab di bawah dan rekodkan janji-janji tersebut:  
Kejadian 12:1-3  
Kejadian 15:1-5  
Kejadian 17:1-8
- 3) Mengapakah Abraham tidak mempunyai apa-apa untuk dibanggakan? (ay. 1-2)
- 4) Bagaimanakah Abraham diperbenarkan oleh Allah? (ay. 3)
- 5) Apakah persamaan antara situasi Daud dengan Abraham? (ay. 6-8)
- 6) Adakah Abraham diperbenar kerana iman sebelum atau selepas dia bersunat (ay. 10-11)? Jadi apakah tujuan persunatannya?

- 7) Sesetengah orang Kristian Yahudi pada zaman Paulus mengajar bahawa melainkan seseorang itu disunat, dia tidak mempunyai harapan untuk diselamatkan (lihat Kisah Rasul-Rasul 15:1). Bagaimanakah pengalaman Abraham membuktikan mereka salah?
- 8) Siapakah anak-anak rohani Abraham (ay. 11-12)? Apakah syarat yang diperlukan untuk menjadi anak-anaknya?



- Kita sering merasakan bahawa kita perlu menjadi baik sebelum Allah menerima kita. Bagaimanakah contoh dari Abraham dan Daud boleh membantu anda apabila anda berasa sedemikian?

## II. Janji Allah diterima melalui iman (ay. 13-25)

<sup>13</sup>Kerana janji kepada Abraham dan keturunannya bahawa mereka akan menjadi waris dunia ini bukanlah melalui hukum Taurat tetapi melalui perbenaran yang diperolehi dengan iman. <sup>14</sup>Kerana jika orang yang mengamalkan hukum Taurat menjadi waris, maka iman tidak bernilai dan janji itu mansuh. <sup>15</sup>Kerana hukum Taurat membawa kemurkaan Allah dan tanpa hukum Taurat, tiadalah kemungkaran.

<sup>16</sup>Oleh demikian janji itu melalui iman, supaya datangnya melalui kasih kurnia dan dapat dipastikan bagi semua keturunan Abraham; bukan hanya yang mengamalkan hukum Taurat tetapi juga yang mempunyai iman Abraham, bapa kepada kita semua. <sup>17</sup>Sebagaimana tersurat dalam kitab suci, "Aku telah menjadikanmu bapa kepada beberapa bangsa." Abraham bapa kita di mata Allah. Dia beriman kepada Allah yang memberikan nyawa kepada yang mati dan menyeru yang tidak wujud menjadi wujud. <sup>18</sup>Meski bagaikan tiada harapan, Abraham berharap dan beriman, maka

dia menjadi bapa kepada beberapa banyak bangsa, sebagai mana telah dikatakan kepadanya, "Demikian jugalah keturunanmu kelak." <sup>19</sup>Tanpa terjejas imannya, dia menghadapi kenyataan bahawa tubuhnya samalah seperti sudah mati – kerana dia sudah berusia kira-kira seratus tahun – dan Sara juga sudah mati. <sup>20</sup>Namun demikian, Abraham tidak digugat kesangsian terhadap janji Allah, tetapi telah diteguhkan lagi dalam imannya lalu memuliakan Allah. <sup>21</sup>Dia yakin sepenuhnya bahawa Allah berkuasa melakukan apa yang telah dijanjikan-Nya. <sup>22</sup>Maka "imannya itu diperhitungkan baginya sebagai perbenaran." <sup>23</sup>Kata-kata "diperhitungkan baginya" telah tersurat bukan untuknya sahaja, <sup>24</sup>tetapi juga untuk kita: Allah akan menerima kita sebagai orang yang benar, kita yang beriman terhadap Dia yang telah membangkitkan Tuhan Yesus daripada kematian. <sup>25</sup>Dia telah diserahkan kepada kematian kerana dosa kita dan dibangkitkan semula kepada kehidupan untuk pembenaran kita.



### Nota

#### Ringkasan ay. 13-25

Selepas membahas bahawa Allah memperbenar Abraham kerana imannya dalam ay. 9-12, sekarang Paulus meneruskan bahawa Abraham dan keturunannya tidak menerima janji Allah yang mereka miliki kemudiannya kerana dia mentaati hukum Taurat tetapi kerana imannya (ay. 13-17). Janji tersebut diberikan sebagai kasih kurnia dan diterima kerana iman. Semua keturunan Abraham, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Yahudi, akan menerimanya jika mereka mempunyai iman yang sama sepertinya.

Paulus kemudian menerangkan sifat iman Abraham (ay. 18-21). Dia memberi tumpuan kepada objek iman tersebut iaitu Allah sendiri, Allah yang memberikan nyawa kepada yang mati dan menyeru yang tidak wujud menjadi wujud. Dia mengingatkan para pembacanya bagaimana Abraham, yang meski pun bagai tiada harapan, terus beriman dan percaya akan janji Allah. Apa yang mustahil secara manusiawi, Abraham terus percaya kepada Allah untuk memenuhi janji-Nya. Sebab itulah dia diperbenar di hadapan Allah. Paulus meneruskan dengan menerangkan implikasi daripada iman Abraham (ay. 23-25). Sebagaimana Allah memperbenar Abraham kerana imannya, Dia akan melakukan perkara yang sama kepada sesiapa yang datang kepada-Nya dan beriman kepada Allah yang telah membangkitkan Yesus daripada kematian.



ay. 13-15 Sekarang Paulus beralih kepada perjanjian yang telah dibuat oleh Allah dengan Abraham. Pertama, dia menyatakan bahawa Abraham menerima janji Allah bahawa akhirnya dia akan menjadi mewarisi dunia kerana imannya dan bukan melalui hukum Taurat (Kejadian 22:15-18). Kedua, Paulus menyatakan bahawa iman tidak akan bermakna jika orang menurut hukum Taurat adalah untuk menerima janji kerana ketaatan, dan bukannya iman, sebagai syarat untuk menerima warisan yang dijanjikan. Sekiranya warisan bergantung kepada hukum, ia tidak lagi bergantung pada janji, dan janji Allah tidak akan bernilai apa-apa. Apa yang hukum lakukan adalah untuk mendedahkan dosa kita. Ia menunjukkan kepada kita sejauh mana kemungkaran kita terhadap Allah dan sejauh mana kita layak dihakimi oleh Allah. Oleh yang demikian ia tidak boleh dijadikan asas untuk janji Allah.

ay. 16-17 Oleh itu Paulus mengisytiharkan bahawa janji, iman dan kasih kurnia adalah satu. Dengan kasih kurnia-Nya, Allah menyatakan janji-Nya yang hanya memerlukan iman di pihak kita. Kasih kurnia membolehkan bukan sahaja orang Yahudi yang mempunyai hukum Taurat boleh menerimanya, tetapi juga bangsa-bangsa lain yang beriman seperti Abraham. Kerana jika janji itu berdasarkan hukum, hanya mereka yang mempunyai kelebihan memiliki hukum yang boleh berharap untuk mewarisi janji itu. Oleh yang demikian, Abraham adalah bapa kepada semua orang yang percaya – Kristian Yahudi dan Yunani yang percaya – dan Paulus memetik Kejadian 17:4-6 untuk menyokong pernyataannya ini.

Paulus berkata bahawa Allah yang Abraham percaya adalah Allah yang berkuasa mutlak. Dia boleh memberikan nyawa kepada yang mati dan mewujudkan yang tidak wujud. Ada yang berpendapat ketika Paulus berkata Allah boleh memberikan nyawa kepada yang mati, dia sedang berfikir tentang rahim Sara yang telah mati. Keyakinan Abraham akan kuasa Allah itulah yang membolehkannya percaya kepada janji Allah bahawa keturunannya akan menjadi sebanyak bintang-bintang walaupun dia dan Sara masih tidak mempunyai anak pada masa itu.

ay. 18-22 Paulus sekarang terus menggambarkan iman Abraham. Dia mengingatkan para pembacanya bagaimana Abraham percaya kepada Allah walaupun terdapat dua perkara realiti yang mustahil bagi dia dan Sara untuk mempunyai anak. Dia bukan sahaja berusia kira-kira seratus tahun, tetapi rahim Sara juga tidak lagi boleh menampung bayi kerana dia sudah berusia sembilan puluh tahun (Kejadian 17:17). Namun Abraham percaya kepada Allah dan Allah memenuhi janji-Nya dan menjadikan dia bapa kepada banyak bangsa.

Paulus seterusnya menjelaskan walaupun Abraham berhadapan dengan realiti secara manusiawi, di mana dia dan Sara sudah terlalu tua untuk mendapatkan anak, dia tidak membenarkan hal itu melemahkan kepercayaannya kepada Allah atau menggoyahkan imannya serta meragui janji Allah kepadanya. Sebaliknya, Abraham menguatkan iman kepercayaannya, yakin sepenuhnya bahawa Allah berkuasa untuk memenuhi dan melaksanakan janji-Nya. Dengan cara ini, Allah dimuliakan kerana Abraham mengakui Allah sebagai Allah dan benar-benar percaya kepada kuasa, kesetiaan dan khususnya janji Allah. Iman Abraham bukan sahaja melibatkan kepercayaannya kepada Allah, tetapi juga percaya bahawa Allah berkuasa untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan-Nya. Paulus kemudian memetik Kejadian 15:6 sekali lagi untuk menekankan hujahnya bahawa kerana iman Abraham yang tidak berbelah bagi, dia telah diperbenarkan oleh Allah.

ay. 23-25 Paulus menyimpulkan bahagian ini dengan menggunakan pelajaran daripada iman Abraham kepada gereja di Roma. Dia mengingatkan mereka bahawa cerita tentang Abraham, seperti semua bahagian dalam Kitab Suci, telah ditulis sebagai petunjuk untuk mereka. Allah Abraham yang memperbenarkannya kerana imannya, juga akan memperbenarkan orang yang percaya kepada-Nya yang telah membangkitkan Yesus, Tuhan mereka dari antara orang mati.

Dia mengakhiri dengan suatu ringkasan tentang injil dalam ay. 25: Allah telah menyerahkan Anak-Nya untuk mati bagi dosa kita dan kemudian membangkitkan Dia dari antara orang mati supaya hubungan kita dengan Allah dapat dipulihkan. Para sarjana berpendapat bahawa ini mungkin adalah sebahagian daripada pernyataan iman orang Kristian yang sudah digunakan oleh gereja awal, sesuatu yang mungkin telah diketahui oleh gereja di Roma.

### Soalan

- 1) Apakah dasar janji Allah kepada Abraham dan keturunannya (ay. 13-14)? Apakah yang akan menjadi hasilnya sekiranya janji tersebut adalah berdasarkan kepada hukum?



- 2) Oleh kerana janji Allah adalah berdasarkan iman, apakah hasilnya? (ay. 16)




- Situasi apakah yang anda hadapi sekarang yang memerlukan anda untuk percaya kepada Allah?

- 3) Apakah keadaan Abraham dan Sara ketika Allah memperbaharui janji-Nya kepada mereka? (ay. 19)

- Apakah pengajaran yang anda boleh belajar daripada Abraham mengenai mempunyai iman kepercayaan kepada Allah walaupun ia kelihatan mustahil pada pandangan manusia?

- 4) Apakah yang Abraham percaya tentang Allah yang membolehkan dia berharap walaupun segalanya kelihatan amat mustahil? (ay. 17-21)

- 5) Apakah hasil daripada iman Abraham kepada Allah? (ay. 22)



- 6) Untuk siapakah pengalaman Abraham direkodkan (ay. 23-24)? Mengapa?

- 7) Apakah yang Yesus lakukan untuk membolehkan kita diperbenar dengan Allah? (ay. 25)

**I. Damai dan sukacita (ay. 1-11)**

**5** Oleh demikian, kerana kita telah diperbenar melalui iman, kita telah berdamai dengan Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus. <sup>2</sup>Melalui-Nya kita telah mencapai dengan iman kasih kurnia yang meliputi kita sekarang. Dan kita bersukacita dengan harapan akan kemuliaan Allah. <sup>3</sup>Bukan itu sahaja, tetapi kita juga bersukacita dengan penderitaan kita, kerana kita tahu bahawa penderitaan membina ketabahan. <sup>4</sup>Ketabahan membina budi pekerti;<sup>a</sup> dan budi pekerti membina harapan. <sup>5</sup>Dan harapan tidak mengecewakan kita, kerana Allah telah mencurahkan kasih-Nya ke dalam hati kita melalui Roh Kudus, yang telah dikurniakan-Nya kepada kita.

<sup>6</sup>Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, Kristus telah mati untuk orang

yang fasiq. <sup>7</sup>Jarang sekali seseorang mahu mati untuk orang yang benar, meski untuk orang yang baik mungkin ada yang sanggup mati. <sup>8</sup>Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita. <sup>9</sup>Oleh sebab sekarang kita telah diperbenar dengan darah-Nya, lebih-lebih lagilah kita akan diselamatkan daripada kemurkaan Allah melalui-Nya. <sup>10</sup>Kerana jika semasa kita seteru Allah, kita telah didamaikan<sup>b</sup> dengan-Nya melalui kematian Anak-Nya, lebih-lebih lagilah, setelah didamaikan, kita akan diselamatkan melalui kehidupan-Nya! <sup>11</sup>Bukan ini sahaja, tetapi kita juga bersukacita dalam Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus yang melalui-Nya kita telah menerima pendamaian.

**Nota****Ringkasan ay. 1-11**

Setelah menjelaskan tentang apa yang dimaksudkan dengan diisytiharkan tidak bersalah dan diperbenar dengan Allah dalam bab-bab lepas, kini Paulus menerangkan tentang kebaikan yang dinikmati oleh mereka yang diperbenar dengan Allah. Mereka telah berdamai dengan Allah dan boleh bersukacita dengan harapan untuk berkongsi kemuliaan-Nya (ay. 1-2). Mereka juga boleh bersukacita dalam penderitaan kerana mereka tahu Allah menggunakan hal ini untuk membina budi pekerti, dan budi pekerti akan membina harapan (ay. 3-4). Paulus meyakinkan para pembacanya mengenai harapan ini dan mengapa ia tidak akan mengecewakan mereka (ay. 5-8). Dengan menyerahkan Anak-Nya untuk mati bagi orang yang telah berpaling daripada-Nya dan tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong diri mereka, Allah menunjukkan kasih-Nya yang lebih besar daripada kasih yang kita pernah alami sebagai manusia.

Paulus mengingatkan pembacanya bahawa jika Allah amat mengasihi mereka sedangkan mereka masih musuh-Nya, sudah tentu Dia akan menyelamatkan mereka daripada penghakiman Allah melalui kehidupan Kristus kerana sekarang Dia telah menjadikan mereka damai dengan-Nya (ay. 9-11). Oleh itu mereka boleh bersukacita untuk apa yang telah Allah lakukan bagi mereka melalui Tuhan mereka Yesus Kristus.

**ay. 1** Setelah menjelaskan bagaimana kita telah diperbenar melalui iman dalam bab sebelumnya, Paulus menyambung dengan memberitakan kepada orang Kristian di Roma tentang berkat-berkat menakjubkan yang orang percaya akan terima. Sekarang kita telah berdamai dengan Allah. Ini bukan damai perasaan emosi tetapi suatu kenyataan yang menyatakan kita bukan lagi musuh Allah. Sebelum Yesus datang, kita tidak boleh mendekati Allah kerana dosa kita. Tetapi melalui pengorbanan Yesus bagi pihak kita, dosa kita tidak lagi diperhitungkan dan kita sekarang memiliki hubungan baru dengan Allah.

**ay. 2** Perkataan 'melalui' membawa maksud seseorang yang berpengaruh memperkenalkan atau mengiringi seseorang memasuki hadirat seorang raja. Paulus seolah-olah berkata sebelum ini kita tidak layak untuk masuk sendiri, tetapi

sekarang, oleh kerana iman kita dalam Yesus, kita ada Dia sebagai 'pengiring' kita. Dia mengiringi kita masuk ke dalam hadirat Allah, Raja segala raja, di mana kita tidak menemui kutukan tetapi kasih kurnia, kebaikan Allah untuk menerima kita. Oleh yang demikian, kita boleh bersukacita dengan yakin dalam harapan bahawa kita, yang pada asalnya dicipta untuk menjadi imej dan kemuliaan Allah, tetapi kerana dosa kita telah kehilangan kemuliaan-Nya, dan kini kita akan berkongsi kembali kepuhan kemuliaan-Nya.

**ay. 3** Kemungkinan Paulus berfikir tentang penganiayaan dan penderitaan yang dihadapi oleh orang Kristian di Roma kerana iman mereka apabila dia menambah orang percaya juga boleh bersukacita ketika menghadapi masalah dan kesukaran. Ini kerana kita tahu bahawa Allah sentiasa bekerja walaupun kita melalui penderitaan untuk kebaikan



kita. Penderitaan akan membina ketabahan dalam hidup kita, keupayaan untuk menghadapi kesukaran dengan sabar dan kuat, serta untuk melihat lebih jauh dan mencari maksud penderitaan dalam Allah.

Versi lain menterjemah ‘budi pekerti’ sebagai ‘tahan uji’ (TB), ‘diperkenankan oleh Allah’ (BB) atau ‘karakter’ (watak). Ketabahan akan menghasilkan budi pekerti yang telah diuji dan diperkenankan oleh Allah. Ini seterusnya akan menghasilkan harapan kerana seorang yang budi pekertinya telah diuji tidak akan bersandar kepada diri sendiri tetapi akan mencari Allah dengan harapan. Dia mengingatkan orang Kristian di Roma bahawa harapan dan kepercayaan mereka kepada Allah tidak akan sia-sia. Mereka boleh yakin akan itu kerana mereka telah mengalami kasih Allah yang berlimpah-limpah dalam hati mereka oleh Roh Kudus yang adalah anugerah Allah kepada mereka.

**ay. 6-8** Paulus kemudian menyatakan bukti yang paling jelas tentang kasih Allah kepada manusia. Semasa kita masih berdosa dan lemah untuk membantu diri sendiri, Allah telah mengutus Yesus, pada waktu yang tepat, untuk mati bagi kita. Semua ini adalah rancangan penyelamatan Allah sejak dari awal dan ia menunjukkan betapa besar kasih Allah kepada kita. Paulus menekankan hujahnya dengan membandingkan kesediaan Yesus untuk mati bagi orang-orang yang berdosa dengan keengganan manusia untuk mati walaupun untuk orang yang baik. Oleh itu, dia menyimpulkan bahawa kasih Allah sungguh besar kerana Kristus telah mati ketika kita masih berdosa dan menjadi musuh-musuh Allah. Itulah bukti terakhir kasih Allah kerana tiada kasih lain yang lebih besar daripada itu.

**ay. 9-11** Di samping itu, Paulus menyatakan bahawa sekiranya Allah telah mengisytiharkan kita bebas daripada dosa melalui kematian Kristus, kita juga yakin bahawa Dia akan menyelesaikan pekerjaan-Nya untuk menyelamatkan kita daripada penghakiman-Nya. Sekarang kita bukan lagi musuh-Nya tetapi kita telah mempunyai hubungan baru dengan-Nya melalui kematian Anak-Nya. Sekarang kita telah menjadi sahabat Allah dan kerana itu, kita yakin bahawa kita akan diselamatkan melalui hidup Yesus. Paulus mengakhiri bahagian suratnya ini dengan menambah kini kita boleh bersukacita dengan hubungan baru yang menakjubkan bersama Allah kerana Tuhan kita Yesus telah menjadikan kita sahabat Allah.

membawa maksud ‘untuk menguji atau untuk meluluskan’. Ia digunakan untuk besi yang telah dipanaskan dalam api supaya semua kekotoran dikeluarkan. Apabila penderitaan dihadapi dengan ketabahan, kita menjadi lebih kuat, suci dan dekat kepada Allah.

- <sup>b</sup> Versi lain menggunakan perkataan ‘berbaik’. Berbaik tidak sama dengan perbenaran meski pun kedua-dua istilah ini mempunyai maksud yang hampir sama. Perbenaran pada asasnya merupakan istilah undang-undang yang berkaitan dengan keputusan mahkamah undang-undang, manakala berbaik adalah satu istilah peribadi berkaitan dengan pemulihan hubungan. Diperbenar bermaksud kita tidak lagi bersalah akibat dosa-dosa kita; berbaik bermaksud kita sekarang mempunyai hubungan peribadi dengan Allah dan tiada lagi halangan dosa yang memisahkan kita daripadanya.

### Soalan

- 1) Apakah berkat-berkat hasil daripada kita diperbenar dengan Allah melalui iman? (ay. 1-2)
- 2) Menurut Paulus, apakah alasan-alasan untuk berbangga dan bersukacita? (ay. 2-5)
- 3) Bagaimanakah Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita (ay. 6-8)? Bagaimanakah kasih Allah berbeza daripada kasih manusia?
- 4) Apakah yang telah dicapai oleh Kristus bagi kita melalui pertumpahan darah-Nya (ay. 9-10)? Bagaimanakah kita seharusnya memberi respons? (ay. 11)



### Teropong

<sup>a</sup> Perkataan yang digunakan dalam terjemahan ini ialah ‘budi pekerti’. Perkataan Yunani kata ini ialah *dokime* yang

**Mari Fikir Sejenak**

- Bagaimanakah kesusahan atau penderitaan mendatangkan kebaikan kepada kita? Fikirkan beberapa waktu susah yang anda telah lalui. Adakah anda melihat anda telah menjadi matang hasil daripada apa yang telah berlaku? Mengapa atau mengapa tidak?

**Suatu Pegangan Hidup**

Apabila anda menghadapi kesusahan atau penderitaan, ingatlah jaminan Paulus yang menyatakan penderitaan tidak akan memusnahkan anda. Allah akan menggunakannya untuk membina ketabahan dalam diri anda dan ketabahan akan membina budi pekerti anda.

**II. Mati kerana Adam, hidup kerana Kristus (ay. 12-21)**

<sup>12</sup>Oleh itu, sebagaimana dosa memasuki dunia ini melalui seorang manusia, dan dengan demikian kematian menimpa semua manusia, kerana semuanya berdosa. <sup>13</sup>Kerana sebelum hukum diberikan, dosa sudah ada di dunia. Tetapi dosa tidak diperhitungkan apabila hukum tidak ada. <sup>14</sup>Namun demikian, kematian telah bertakhta dari zaman Adam<sup>c</sup> hinggalah zaman Musa, dan merajai semua orang termasuklah yang tidak melakukan pelanggaran sebagaimana yang telah dilakukan oleh Adam, yang merupakan gambaran Dia yang akan datang.

<sup>15</sup>Tetapi pemberian tidaklah seperti pelanggaran. Kerana jika ramai manusia mati akibat pelanggaran seorang manusia, lebih-lebih lagi kasih kurnia Allah dan pemberian melalui kasih kurnia seorang manusia, Yesus Kristus, melimpahi manusia yang banyak! <sup>16</sup>Demikian juga, pemberian Allah tidaklah seperti dosa seseorang manusia: Penghakiman datang selepas satu dosa dan membawa hukuman, tetapi pemberian itu datang selepas beberapa banyak pelanggaran

yang membawa pembenaran. <sup>17</sup>Kerana jika dengan dosa seorang manusia, kematian telah bertakhta melalui seorang manusia itu, maka lebih-lebih lagi orang yang menerima peruntukan kasih kurnia dan pemberian perbenaran yang melimpah-limpah akan bertakhta dalam kehidupan melalui seorang manusia, Yesus Kristus.

<sup>18</sup>Oleh demikian, sebagaimana satu pelanggaran itu membawa hukuman bagi semua manusia, maka satu perbuatan benar membawa pembenaran yang memberikan kehidupan bagi semua manusia. <sup>19</sup>Kerana sebagaimana melalui pelanggaran oleh seorang manusia, ramai telah menjadi orang berdosa, maka melalui ketaatan seorang Manusia, ramai akan diperbenar.

<sup>20</sup>Hukum Taurat telah diadakan supaya pelanggaran bertambah. Tetapi dengan bertambahnya dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia. <sup>21</sup>Oleh itu, sebagaimana dosa telah bertakhta dalam kematian, maka kasih kurnia akan bertakhta melalui perbenaran untuk membawakan kehidupan kekal melalui Yesus Kristus, Tuhan kita.

**Nota****Ringkasan ay. 12-21**

Paulus terus menjelaskan apa yang Allah telah lakukan melalui Yesus Kristus dengan membandingkan Adam dan Kristus, apa yang mereka lakukan dan kesan tindakan mereka pada umat manusia. Satu-satunya persamaan antara apa yang mereka lakukan ialah perbuatan seorang mempunyai kesan kepada seluruh umat manusia. Pertama, Paulus menyatakan bahawa Adam bertanggungjawab membawa dosa dan kematian ke dalam dunia (ay. 12). Kemudian dia menerangkan dosa sudah ada di dunia sebelum Taurat Musa diberikan (ay. 13-14). Kedua, dia berbicara tentang perbezaan antara kesan-kesan pemberian Allah dan dosa Adam. Dia menyatakan bahawa pemberian Allah lebih besar daripada dosa Adam (ay. 15-17).

Ketiga, dia meringkaskan hasil perbuatan Adam dan Kristus (ay. 18-19). Melalui satu ketidaktaatan Adam, semua manusia menjadi orang berdosa dan dikutuk. Tetapi oleh satu perbuatan-Nya yang taat, Kristus telah memperbenar dan memberikan kehidupan baru kepada semua manusia. Akhir sekali, Paulus berkata bahawa jika dosa telah meningkat dengan pemberian hukum, kasih kurnia bertambah dengan lebih lagi (ay. 20-21). Kasih kurnia Allah sekarang bertakhta; memperbenarkan kita dengan Allah dan memberi kita kehidupan kekal melalui Yesus Kristus.





**ay. 12** Apabila Paulus menyatakan dosa masuk ke dalam dunia, dia merujuk kepada akibat keingkaran Adam yang telah memakan buah terlarang dari pokok pengetahuan mengenai perkara yang baik dan yang jahat (lihat Kejadian 3). Melalui dosa Adam, kematian telah masuk ke dalam dunia dan menjejaskan seluruh umat manusia. Para sarjana percaya bahawa Paulus memahami kematian ini merujuk kepada kematian jasmani dan rohani, yang terpisah daripada jasad dan terpisah daripada Allah.

Kemudian Paulus mengatakan bahawa kematian tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada Adam tetapi semua manusia kerana kita semua telah berdosa. Para sarjana memahami perkara ini dengan dua cara. Pertama, kita semua telah berdosa dengan meniru dan mengulangi dosa Adam, sebab itu kita mati akibat dosa-dosa kita sendiri. Pandangan kedua yang diterima secara meluas, adalah Adam adalah seperti ketua wakil umat manusia dan apabila dia berdosa, kita semua telah berdosa melaluinya.

**ay. 13-14** Sebelum meneruskan hujahnya, Paulus menyimpang sedikit dengan cuba menjelaskan bahawa dosa sudah ada di dunia sebelum hukum Taurat diberikan kerana ramai orang Yahudi percaya bahawa dosa tidak diperhitungkan apabila tiada hukum. Manusia tetap akan dikutuk kerana dosa mereka walaupun mereka tidak melakukan dosa yang sama dengan Adam kerana dosa adalah satu realiti dalam kehidupan semua orang, dari zaman Adam hingga zaman Musa.

Paulus melihat Adam sebagai satu gambaran atau wakil Kristus yang akan datang. Ertinya, sama seperti Adam, Kristus mewakili ketua bagi umat manusia dan perbuatan-Nya memberikan kesan kepada semua umat manusia. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara Kristus dan Adam yang Paulus akan jelaskan dalam ayat-ayat seterusnya.

**ay. 15-17** Sekarang Paulus menegaskan perbezaan yang ketara antara mereka. Jelas sekali apa yang Kristus lakukan adalah jauh lebih besar daripada apa yang Adam lakukan. Dia menjelaskan bahawa pemberian Allah sama sekali berbeza dengan dosa Adam. Perbuatan ketidaktaatan Adam mengakibatkan kematian kepada manusia tetapi kasih kurnia Allah, yang dinyatakan melalui pemberian Anak-Nya Yesus Kristus, melebihi dosa Adam. Kasih kurnia Allah jauh lebih besar kerana ia membawa kehidupan yang melimpah-limpah kepada semua orang yang percaya kepada-Nya.

Kesan kedua-duanya juga berbeza. Kerana satu dosa yang Adam lakukan, ia telah mengakibatkan penghakiman yang membawa kutukan kepada umat manusia. Namun, pemberian kasih kurnia Allah yang percuma menyingkirkan kesalahan dosa-dosa yang tidak terkira banyaknya terkumpul sepanjang

sejarah manusia, dan memulihkan hubungan kita dengan Allah. Itulah kasih kurnia, yang sememangnya tidak layak bagi kita. Oleh itu, walaupun dosa Adam menyebabkan kematian menguasai umat manusia, pemberian Allah melalui Kristus adalah lebih besar. Semua orang yang menerima kasih kurnia dan kemurahan Allah diperbenarkan dengan-Nya, diselamatkan daripada kuasa kematian dan dikuatkan untuk hidup dalam kemenangan atas dosa dan kematian melalui Kristus.

**ay. 18-19** Paulus menyimpulkan hujahnya dalam bahagian ini. Dalam ay. 12, Paulus mula dengan mengatakan bahawa hasil daripada satu dosa Adam telah menyebabkan semua manusia dihakimi. Kini dia mengulangi itu dan menambah bahawa satu perbuatan benar Kristus telah membebaskan manusia dari kutukan itu, membawa hubungan yang diperbenar dengan Allah dan kehidupan baru untuk semua orang. Dan seperti semua orang menjadi orang berdosa kerana ketidaktaatan satu orang Adam, begitu jugalah semua orang diperbenar dengan Allah melalui ketaatan satu orang, iaitu Kristus.

**ay. 20-21** Sekarang Paulus beralih untuk menjelaskan tujuan hukum dalam rancangan Allah. Hukum Allah telah diberikan supaya manusia boleh melihat betapa mereka telah berdosa. Tetapi ketika mereka semakin berdosa, kasih kurnia Allah menjadi semakin melimpah. Dia menyatakan bahawa walaupun dosa telah membawa kematian kepada umat manusia, kasih kurnia mulia Allah lebih besar dan sekarang bertakhta atas dosa. Kasih kurnia Allah mengalahkan dosa dan memperbenarkan kita untuk berdiri bersama Allah, dan hal ini menyebabkan hidup yang kekal melalui Yesus Kristus Tuhan kita.



### **Teropong**

<sup>c</sup> Perkataan Ibrani 'Adam' bermaksud 'lelaki atau manusia'. Para sarjana menghadapi kesulitan besar untuk menentukan terjemahan 'lelaki', 'manusia' atau nama peribadi Adam dalam buku Kejadian. Tetapi cerita Kejadian memperlihatkan bahawa Adam lebih daripada sekadar seorang individu. Dalam pemikiran tradisional Yahudi, orang bukan dilihat sebagai individu sahaja, tetapi juga sebagai suatu komuniti besar. Oleh itu Paulus menganggap Adam lebih daripada seseorang dalam sejarah; dia mungkin melihat Adam sebagai wakil bagi seluruh umat manusia. Dosanya pula mewakili dosa seluruh umat manusia.



**Soalan**

- 1) Apakah akibat daripada dosa Adam? (ay. 12)
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 2) Sekiranya dosa tidak diperhitungkan sebelum Taurat Musa diberikan, mengapakah manusia masih mati kerana dosa mereka? (ay. 12-14)
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 3) Bagaimanakah pemberian Allah berbeza daripada dosa Adam? (ay. 15-17)
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- 4) Apakah kesan dosa seorang Adam dan kesan perbuatan benar seorang Yesus (ay. 18-19)? Bagaimanakah Adam dan Kristus serupa?

- 6) Apakah perbezaan antara dikuasai dosa dan dikuasai kasih kurnia Allah? (ay. 21)



- Walaupun kita telah diperbenarkan dengan Allah, kita masih terus melakukan dosa. Dengan cara apakah anda membenarkan dosa untuk memerintah dalam hidup anda? Bagaimanakah anda boleh membenarkan Kristus dan bukannya dosa, untuk menjadi raja dan memerintah dalam hidup anda?



Apa kata luangkan sedikit masa untuk berbicara kepada Allah? Berdoalah untuk meminta ampun kerana telah berkali-kali membenarkan dosa dan bukannya Kristus untuk menguasai hidup anda. Minta Allah untuk menolong anda belajar untuk hidup bebas daripada dosa seperti yang telah diberikan oleh Kristus dan benarkan Dia untuk memerintah sebagai Tuhan dalam hidup anda.

- 5) Mengapakah hukum diberikan (ay. 20)? Apakah hasil daripada dosa yang semakin bertambah?



## I. Mati kepada dosa, hidup dalam Kristus (ay. 1-14)

**6** Oleh yang demikian, apa akan kita katakan? <sup>1</sup>Patutkah kita terus melakukan dosa supaya kasih kurnia bertambah. <sup>2</sup>Sama sekali tidak! Kita telah mati kepada dosa; betapa mungkin kita terus hidup dalamnya? <sup>3</sup>Atau tidakkah kamu tahu bahawa semua kita yang dibaptiskan dalam Kristus Yesus telah dibaptiskan ke dalam kematian-Nya? <sup>4</sup>Melalui baptisan itu, kita dikuburkan dengan Dia dan ikut mati bersama-Nya. Demikian juga, sebagaimana Kristus dibangkitkan daripada kematian melalui kemuliaan Allah Bapa, kita juga dapat menikmati kehidupan yang baru.

<sup>5</sup>Jika kita telah disatukan dengan Kristus kerana kita turut mati bersama-Nya, maka tentulah kita akan disatukan juga dengan-Nya dalam kebangkitan semula-Nya. <sup>6</sup>Kerana kita tahu bahawa diri kita yang dahulu telah disalib bersama-Nya supaya tubuh dosa itu dapat dihapuskan, dan kita tidak lagi diperhamba oleh dosa. <sup>7</sup>Kerana sesiapa yang telah mati, dia dibebaskan daripada dosa. <sup>8</sup>Jika kita telah mati

bersama Kristus, kita percaya bahawa kita akan hidup dengan-Nya juga. <sup>9</sup>Kerana kita tahu bahawa oleh sebab Kristus telah dibangkitkan daripada kematian, Dia tidak mungkin mati lagi; kematian tidak berkuasa atas-Nya lagi. <sup>10</sup>Dengan kematian-Nya, Dia telah mati kepada dosa sekali untuk selama-lamanya; tetapi dengan kehidupan-Nya, Dia hidup kepada Allah. <sup>11</sup>Demikian juga, anggaplah dirimu telah mati kepada dosa tetapi hidup kepada Allah dalam Kristus Yesus.

<sup>12</sup>Oleh itu jangan biarkan dosa bertakhta dalam tubuhmu yang fana sehingga kamu menurut kemahuannya yang durjana. <sup>13</sup>Janganlah persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu epada dosa, sebagai alat-alat kedurjanaan; sebaliknya persembahkanlah dirimu kepada Allah, sebagai orang yang telah dibawa daripada kematian kepada kehidupan; dan persembahkan bahagian-bahagian tubuhmu kepada-Nya sebagai alat-alat kebenaran. <sup>14</sup>Kerana dosa tidak akan menjadi tuanmu, disebabkan kamu bukan di bawah hukum, tetapi di bawah kasih kurnia.



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-14

Paulus menjangkakan bahawa kenyataannya dalam 5:20 “dengan bertambahnya dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia” akan menyebabkan lawannya salah-faham dan menuduhnya menggalakkan orang untuk terus berdosa. Dalam bahagian ini tujuannya adalah untuk membidas bantahan mereka bahawa penerimaan injil tentang kasih kurnia membawa kepada bertambahnya dosa.

Paulus bermula dengan mengajukan soalan sama ada seorang yang percaya harus terus berbuat dosa supaya kasih kurnia bertambah (ay. 1-2). Responsnya ialah menolaknya dengan keras kerana orang percaya telah mati kepada dosa dan oleh yang demikian tidak boleh lagi hidup di dalamnya. Dia menggunakan gambaran pembaptisan mereka untuk menyokong hujahnya (ay. 3-10). Dia mengingatkan mereka bahawa dalam pembaptisan mereka, mereka bersatu dengan Kristus dalam kematian dan kebangkitan-Nya. Mereka telah mati kepada dosa dan telah dibebaskan daripada kuasanya, dan diberikan kehidupan baru untuk hidup dalam Allah. Dia kemudian menggesa mereka untuk tidak membiarkan dosa mengawal cara kehidupan mereka (ay. 11-13). Sebaliknya, mereka harus mempersembahkan hidup mereka sebagai alat untuk melakukan apa yang benar bagi kemuliaan Allah.

**ay. 1-2** Paulus tahu bahawa ada segelintir orang akan membuat kesimpulan yang salah daripada apa yang dia telah nyatakan dalam 5:20b, ‘*Tetapi dengan bertambahnya dosa, semakin bertambahlah kasih kurnia,*’ dan menuduhnya mendorong orang untuk terus berdosa supaya lebih banyak kasih kurnia akan diberikan. Oleh itu dia sekali lagi menggunakan sindiran dan menyatakannya sebagai suatu soalan daripada lawan bayangannya. Dia kemudian menjawab dengan bantahan tegas. Dia menjelaskan bahawa apabila mereka percaya kepada Yesus, mereka telah mati kepada dosa, iaitu mereka telah dibebaskan daripada kuasa dan pengaruh dosa dalam kehidupan mereka. Oleh itu menurut Paulus, mereka tidak sepatutnya terus melakukan

dosa. Bagaimana seseorang boleh hidup dalam sesuatu yang dia telah mati kepadanya? Kemudian dia menjelaskan dari ay. 3-10 dan seterusnya mengapa mereka seharusnya menganggap diri mereka telah mati kepada dosa.

**ay. 3-5** Untuk mengukuhkan dan menjelaskan pernyataannya, Paulus merujuk mereka kepada satu peristiwa yang mereka sudah tahu – pembaptisan mereka. Dia mengingatkan mereka bahawa apabila mereka dibaptiskan ke dalam Kristus, mereka memasuki hubungan dengan-Nya atau bersatu dengan-Nya. Mereka berkongsi dalam kematian dan penguburan-Nya supaya sebagaimana Dia telah dibangkitkan daripada kematian oleh kuasa Allah, mereka juga akan



menerima kehidupan baru dari Allah. Oleh kerana mereka telah bersatu dengan Yesus dalam kematian-Nya, mereka juga bersatu dengan-Nya dengan dibangkitkan untuk menikmati kehidupan baru.

**ay. 6-7** 'Diri kita yang dahulu' adalah cara Paulus merujuk kepada diri setiap daripada kita sebelum penukaran kita, yang masih berada di bawah kuasa dosa. Dia menambah bahawa tujuan diri lama mereka disalibkan dengan Kristus adalah supaya kuasa dosa boleh dimusnahkan. Akibatnya, mereka tidak lagi dibelenggu oleh dosa. Setiap orang yang mati telah dibebaskan daripada menjadi hamba dosa.

**ay. 8-10** Paulus terus menekankan bahawa mereka bukan sahaja mati bersama Kristus, tetapi mereka juga berkongsi kehidupan baru-Nya yang Dia hidup dalam Allah. Semua ini boleh dilakukan kerana Kristus telah dibangkitkan daripada kematian dan dengan itu telah memusnahkan kuasa maut. Kematian tidak lagi mempunyai kuasa ke atas-Nya kerana Dia tidak boleh mati lagi. Kematian-Nya adalah cukup untuk mengatasi masalah dosa manusia. Sekarang hubungan-Nya dengan Allah telah dipulihkan supaya Dia boleh hidup semula dalam persekutuan dengan Allah dan untuk kemuliaan Allah seperti yang Dia telah lakukan sebelum ini.

**ay. 11-14** Dalam cara yang sama, Paulus menggesa orang Kristian di Roma untuk menganggap diri mereka telah mati kepada dosa dan dengan itu telah dibebaskan dari kuasanya dalam kehidupan mereka. Mereka harus menganggap diri mereka hidup untuk Allah dan sekarang harus menjalani kehidupan baru dalam Kristus. Sebagai hasilnya, seluruh sikap mereka terhadap dosa dan Allah mesti diubah. Walaupun mereka telah dibebaskan daripada kuasa dosa, mereka masih boleh memilih sama ada untuk membenarkan dosa menguasai kehidupan mereka atau tidak. Jadi Paulus menggesa mereka untuk berdiri teguh dan tidak membiarkan dosa menguasai dan mengikut keinginan berdosa dalam tubuh mereka. Sebaliknya, mereka harus menyerahkan kehidupan baru mereka untuk dipakai oleh Allah bagi tujuan-Nya yang kudus. Allah ialah pemerintah dan tuan mereka yang baru kerana mereka bukan lagi hamba dosa mahu pun hukum tetapi mereka sekarang hidup di bawah kasih kurnia-Nya.

 **Soalan**

1) Apakah kesimpulan salah yang dibuat atas ajaran Paulus tentang dosa dan kasih kurnia dari bab sebelumnya? (ay. 1)

2) Apakah respons Paulus (ay. 2)? Apakah alasan yang diberikannya?

3) Menurut Paulus, ke dalam apakah kita dibaptis (ay. 3)? Apakah simbol pembaptisan kita itu? (ay. 4-5)

4) Apakah yang membolehkan kita dibebaskan daripada menjadi hamba kepada dosa? (ay. 6-7)

5) Apakah yang boleh dilakukan melalui penyaliban kita dengan Kristus? (ay. 8)

6) Apakah maksud kematian dan kebangkitan bagi Kristus dan kita? (ay. 9-11)


7) Apakah yang Paulus minta kita lakukan memandangkan kini kita hidup bersekutu dengan Allah? (ay. 12-14)

8) Jika kita telah dibebaskan daripada dosa yang menguasai kehidupan kita, mengapakah kita masih berdosa?

- 9) Apakah maksudnya menyerahkan kehidupan kita untuk dipakai bagi tujuan baik Allah? (ay. 14)



**Ayat Hafalan**



**Mari Fikir Sejenak**

- Paulus mengingatkan kita bahawa apabila kita beriman dalam Kristus, kuasa dosa dalam kehidupan kita akan dipatahkan dan kita boleh memilih untuk tidak berdosa lagi. Bagaimanakah anda boleh hidup kehidupan anda secara berbeza memandangkan dosa tidak lagi menjadi tuanmu?

**II. Hamba kepada perbenaran (ay. 15-23)**

<sup>15</sup>Jadi bagaimana? Patutkah kita melakukan dosa kerana kita bukan di bawah hukum tetapi di bawah kasih kurnia? Sama sekali tidak! <sup>16</sup>Tidakkah kamu tahu bahawa jika kamu mempersembahkan dirimu kepada seseorang dan mentaatinya sebagai hamba,<sup>o</sup> maka kamu menjadi hamba kepada orang yang kamu taati – sama ada kamu hamba kepada dosa, yang membawa kepada kematian, atau kamu hamba kepada ketaatan, yang membawa kepada perbenaran. <sup>17</sup>Tetapi bersyukurlah kepada Allah! Dahulu kamu diperhamba oleh dosa, tetapi kini kamu telah taat sepenuh hati akan bentuk ajaran yang telah diamanahkan kepadamu. <sup>18</sup>Kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba kepada perbenaran. <sup>19</sup>Aku menyampaikan perkara ini melalui istilah kehidupan manusia kerana kamu lemah dalam diri tabiimu. Sebagaimana dahulu

kamu telah mempersembahkan bahagian-bahagian tubuhmu sebagai hamba kepada kekejian dan kedurjanaan yang sentiasa meningkat, maka sekarang kamu hendaklah mempersembahkan dirimu sebagai hamba kepada perbenaran yang membawa kepada penyucian.

<sup>20</sup>Sewaktu kamu diperhamba dosa dahulu, kamu tidaklah dikuasai oleh kawalan perbenaran. <sup>21</sup>Tetapi apakah manfaat yang kamu dapati daripada perkara-perkara yang kini membuatmu berasa malu? Perkara-perkara itu membawa kematian. <sup>22</sup>Kini kamu telah dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba Allah, manfaat yang kamu dapati membawa kepada kesucian, dan hasilnya ialah kehidupan kekal. <sup>23</sup>Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.



**Nota**

**Ringkasan ay. 15-23**

Dalam bahagian kedua ini, Paulus menjangka satu lagi salah-faham lain yang mungkin akan timbul berikutan pernyataan yang dibuatnya dalam ay. 14, bahawa orang percaya bukan hidup 'di bawah hukum, tetapi di bawah kasih kurnia'. Mungkin ada yang berpendapat bahawa kerana kasih kurnia yang menyelamatkan mereka, jadi tidak menjadi hal sama ada mereka berdosa atau tidak.

Paulus menggunakan gaya sindiran yang sama dan bermula sekali lagi dengan bertanya sama ada pengalaman kasih kurnia Allah bererti bahawa dosa tidak ada apa-apa lagi (ay. 15-16). Dia sekali lagi membidas kesimpulan yang tidak benar itu. Dia menggunakan ilustrasi perhambaan untuk menunjukkan bahawa mereka menjadi hamba kepada tuan yang



mereka taati, sama ada dosa yang membawa kepada kematian atau ketaatan yang memperbenarkan mereka dengan Allah. Selepas itu dia menyatakan bahawa mereka pernah menjadi hamba kepada dosa tetapi mereka telah dibebaskan untuk menjadi hamba kepada kehidupan yang benar (ay. 17-18). Kemudian dia menggesa orang Roma untuk mempersembahkan diri mereka untuk melayani tuan baru mereka iaitu Allah, kerana dengan melakukan sedemikian mereka akan mendapat hidup yang kekal (ay. 19-23). Paulus menyimpulkan bahawa dosa akhirnya mendatangkan kematian tetapi kasih kurnia Allah membawa kepada kurnia hidup yang kekal.

**ay. 15-16** Mengetahui bahawa ada orang yang membuat kesimpulan yang salah daripada pernyataannya sebelum ini dalam ay. 14 bahawa mereka bukan lagi di bawah hukum tetapi kasih kurnia, Paulus menggunakan gaya sindiran untuk berhujah. Lawan bayangannya menyatakan bahawa memandangkan mereka hidup di bawah kasih kurnia dan tidak lagi ditentukan oleh hukum, mereka tidak perlu lagi risau tentang dosa. Mereka boleh terus menjalani kehidupan yang biasa mereka jalani. Paulus menolak hal itu dan menganggapnya tidak berasas kerana mereka telah salah faham sifat injil.

Dia memulakan hujahnya dengan menggunakan contoh hubungan antara tuan dan hamba bagi menggambarkan maksudnya, sesuatu yang orang Kristian di Roma ketahui. Paulus mengatakan bahawa pada akhirnya, kehidupan ini adalah berdasarkan ketaatan kepada seorang tuan sahaja. Tuan yang mereka taati adalah tuan yang mereka layani sebagai hamba. Mereka boleh jadi hamba kepada dosa yang membawa kepada kematian atau mereka boleh memilih untuk mentaati Allah, yang membolehkan mereka diperbenar dengan-Nya.

**ay. 17-18** Sekarang Paulus beralih kepada satu '*doksologi*', suatu ungkapan puji syukur kepada Allah, apabila dia mengingatkan orang Kristian di Roma bahawa mereka telah memilih untuk bertukar tuan ketika mereka percaya dalam Kristus dan mentaati ajaran yang telah diberikan kepada mereka. Mereka telah dibebaskan daripada perhambaan kuasa dosa dan sekarang mempunyai tuan yang baru, iaitu perbenaran. Jadi berada di bawah kasih kurnia tidak membawa kepada dosa kerana tuan baru mereka adalah kehidupan yang benar, bukan dosa lagi.

**ay. 19** Sebelum dia meneruskan, Paulus menambah bahawa dia menggunakan contoh perhambaan kerana ia adalah contoh harian yang boleh mereka fahami. Dia tidak mengkritik mereka kerana mereka lemah. Tetapi kerana mereka tidak memahami sepenuhnya makna kehidupan baru dalam Kristus, dia menggunakan contoh perhambaan untuk membantu mereka memahaminya. Sebagaimana mereka telah menyerahkan diri mereka sebagai hamba rela kepada kekejian dan kedurjanaan yang telah membawa mereka jauh ke dalam dosa, dengan cara yang sama, mereka

mempersembahkan diri mereka sebagai hamba kepada kehidupan yang benar supaya mereka akan menjadi kudus.

**ay. 20-23** Paulus meminta mereka untuk membayangkan kehidupan mereka yang dahulu ketika mereka masih berada di bawah kawalan dosa dan tidak perlu melakukan apa yang benar. Dia memberitahu mereka bahawa mereka tidak menerima apa-apa manfaat daripada kehidupan sedemikian. Apa yang mereka telah lakukan menjadikan mereka berasa malu sekarang kerana perkara-perkara itu berakhir dengan penghakiman Allah. Kemudian dia menggambarkan keadaan mereka sekarang dan mengingatkan mereka betapa kehidupan mereka telah berubah sejak mereka dibebaskan daripada dosa dan menjadi hamba Allah. Mereka mendapat kehidupan yang diperbenar dengan Allah yang membawa kepada hidup yang kekal, bukan penghakiman.

Dia menyimpulkannya dengan membandingkan hasil daripada mengikuti dua tuan: dosa atau Allah. Dosa memberi ganjaran kepada hamba-hambanya tetapi upahnya adalah kematian. Tetapi Allah memberi kurnia dengan rela kepada orang yang melayani-Nya, iaitu kurnia kehidupan kekal melalui Yesus Kristus Tuhan mereka.



### Teropong

<sup>a</sup> Selalunya kita berfikir hamba-hamba orang Roma sebagai tawanan dalam peperangan atau dibeli dari pasar. Di Roma, terdapat hamba sukarela. Orang yang amat miskin atau dibelunggu hutang akan menyerahkan diri mereka sebagai hamba kepada orang lain supaya mereka diberi makanan dan tempat tinggal.



### Soalan

1) Apakah soalan yang ditanya oleh Paulus dalam petikan ini dan apakah responsnya? (ay. 15)

2) Apakah sebab yang diberikannya kerana memberikan respons sedemikian? (ay. 16-18)



Adakah anda melihat diri anda lebih kepada hamba dosa atau hamba kepada Allah? Apakah perasaan anda apabila mendengar perkataan ‘hamba’?

3) Bagaimanakah kita tahu kepada siapa dan kepada apa kita memperhambakan diri (ay. 16)? Adakah kita mempunyai pilihan kepada tuan yang manakah yang kita ingin memperhambakan diri? Berikan alasan bagi jawapan anda.

Pada pendapat anda, apakah yang Allah ingin anda lakukan apabila Dia memanggil anda untuk menjadi hamba-Nya?

4) Apakah dua jenis perhambaan yang digambarkan oleh Paulus (ay. 16-19)? Apakah yang kita akan terdorong lakukan bagi setiap jenis perhambaan? Apakah hasil akhirnya?




Apa kata luangkan sedikit masa untuk berbicara kepada Allah tentang pergelutan-pergelutan yang menghalang anda menjadi ‘hamba’ Allah? Mungkin anda tidak memahami akan apa yang dimaksudkannya dan mungkin anda tidak suka pada apa yang Allah ingin anda lakukan. Ketahuilah bahawa Allah memahami dan sentiasa bersedia untuk mendengarkan anda.

5) Apakah manfaat yang kita peroleh daripada berada di bawah setiap jenis perhambaan? (ay. 20-22)



6) Apakah perbezaan antara ‘upah’ dan ‘kurnia’ (ay. 23)? Jelaskan perbezaan antara ganjaran dosa dan kehidupan kekal yang diberikan sebagai kurnia.



**I. Suatu contoh perkahwinan (ay. 1-6)**

**7** Tidakkah kamu tahu, saudara-saudaraku – kerana aku sedang berkata-kata kepada orang yang mengetahui hukum Taurat – bahawa hukum itu berkuasa atas seseorang hanya selagi dia masih hidup? <sup>2</sup>Misalnya, menurut hukum, seorang perempuan yang berkahwin terikat kepada suaminya hanya selagi suaminya itu masih hidup, tetapi jika suaminya mati, perempuan itu dibebaskan daripada hukuman perkahwinan. <sup>3</sup>Oleh itu, jika dia berkahwin dengan lelaki lain ketika suaminya masih hidup, perempuan itu dipanggil penzina. Tetapi jika suaminya mati, perempuan itu bebas daripada hukum tersebut dan bukanlah penzina

sekiranya dia berkahwin dengan lelaki lain. <sup>4</sup>Oleh itu saudara-saudaraku, kamu juga telah mati kepada hukum Taurat melalui tubuh Kristus, supaya kamu menjadi milik kepada yang lain, iaitu kepada Dia yang telah dibangkitkan daripada kematian, dan dengan demikian kita dapat menghasilkan buah kepada Allah. <sup>5</sup>Kerana dahulu ketika kita dikawal oleh sifat tabii<sup>a</sup> yang berdosa, hawa nafsu berdosa yang ditimbulkan oleh hukum telah bekerja dalam tubuh kita, sehingga kita menghasilkan buah untuk kematian.<sup>6</sup>Tetapi sekarang, kita telah mati kepada apa yang membelenggu kita dahulu, maka kita telah dibebaskan daripada hukum untuk berkhidmat dalam cara baru Roh, tidak lagi dalam cara lama yang berasaskan peraturan bersurat.


**Nota**
**Ringkasan ay. 1-6**

Dalam bab lepas, Paulus menunjukkan kepada orang Kristian di Roma bahawa injil tidak bermakna orang percaya harus terus berdosa kerana mereka telah mati kepada dosa dan sekarang menjadi hamba kepada kehidupan benar. Setelah menyatakan bahawa mereka tidak lagi berada di bawah kekuasaan dosa, dia beralih dalam bab 7 untuk fokus kepada tempat Taurat Musa dalam rancangan penyelamatan Allah. Dalam bahagian ini, dia menerangkan bagaimana mereka telah dibebaskan daripada belenggu hukum.

Dia bermula dengan menyatakan bahawa kekuasaan hukum atas seseorang bertahan hanya selagi orang itu masih hidup (ay. 1). Dia memberi suatu contoh perkahwinan untuk menggambarkan hal ini. Seorang perempuan bebas untuk berkahwin lagi hanya setelah suaminya meninggal dunia kerana dia tidak lagi terikat kepada suaminya (ay. 2-3). Dia menyimpulkan bahawa dengan cara yang sama, orang Kristian terlepas daripada ikatan hukum apabila dia mati bersama Kristus (ay. 4). Dengan cara demikian, mereka menjadi milik-Nya sehingga mereka boleh berbuah untuk Allah. Kemudian dia menjelaskan sebab mengapa perlepasan ini harus berlaku dan hasil daripada perlepasan tersebut (ay. 5-6). Mereka harus mati kepada dosa yang telah membelenggu mereka supaya mereka boleh dibebaskan untuk berkhidmat kepada Allah melalui Roh Allah di dalam mereka.

**ay. 1** Sekali lagi Paulus menjangkakan soalan-soalan yang mungkin akan ditanya oleh lawan-lawannya berkenaan dengan hukum. Jadi dia membawa mereka kepada prinsip hukum yang sepatutnya mereka telah ketahui bagi menyokong hujahnya. Dia menganggap orang Kristian di Roma akan bersetuju dengannya bahawa hukum mempunyai kuasa ke atas seseorang hanya selagi dia masih hidup. Setelah dia mati, hukum tidak lagi mempunyai kuasa ke atasnya. Di sini, ‘hukum’ boleh jadi merujuk kepada kedua-dua hukum Yahudi dan undang-undang Roma.

**ay. 2-3** Selepas itu dia mengemukakan contoh daripada perkahwinan bagi menunjukkan kematian harus berlaku jika seseorang dilepaskan dari kekuasaan hukum. Seorang perempuan dicegah oleh hukum daripada berkahwin dengan lelaki lain selagi suaminya masih hidup. Jika dia melanggar hukum ini dengan berkahwin dengan lelaki lain, dia dipanggil penzina. Walau bagaimanapun, apabila suaminya mati, dia bebas daripada hukum yang mengikatnya kepada

suaminya dan boleh berkahwin lagi dengan sesiapa yang dipilihnya. Hanya kematian yang memberi kebebasan daripada hukum perkahwinan dan membolehkannya berkahwin lagi.

**ay. 4** Sekarang Paulus mengaplikasikan prinsip ini kepada orang Kristian di Roma. Sama seperti seorang isteri berada di bawah kuasa suaminya, mereka juga berada di bawah kuasa hukum Yahudi. Tetapi apabila mereka berpaling kepada Kristus dalam iman, mereka berkongsi dalam kematian-Nya melalui pembaptisan mereka (lihat 6:3), suatu kematian yang telah melepaskan mereka daripada kuasa hukum. Sama seperti kematian suami membebaskan isterinya untuk berkahwin dengan lelaki lain, begitu jugalah kematian mereka kepada hukum telah membebaskan mereka bersatu dengan Kristus. Sekarang mereka milik Kristus. Dan kerana Kristus telah bangkit untuk memberi mereka hidup yang baru, mereka boleh hidup dalam perkhidmatan yang menghasilkan buah kepada Allah.



ay. 5-6 Paulus menambah bahawa ketika mereka dikawal oleh sifat tabii mereka yang dahulu, hukum menimbulkan keinginan berdosa dalam diri mereka, sehingga membawa mereka hidup dalam dosa yang menuju kepada kematian. Tetapi sekarang mereka telah mati kepada hukum, dan mereka telah dibebaskan daripada menjadi tawanan kuasanya. Kini mereka boleh melayani Allah, bukan dengan cara lama yang mentaati hukum dengan bersungguh-sungguh, tetapi dengan cara baru yang dipimpin oleh Roh Allah.



### Teropong

<sup>a</sup> ‘Sifat tabii’ turut diterjemah sebagai ‘kedagingan’. Ia berlaku sebanyak 91 kali dalam tulisan Paulus daripada 147 kali dalam Perjanjian Baru. Paulus menggunakannya dalam pelbagai cara. Di sini Paulus menyatakan ‘sifat tabii’ sebagai sesuatu yang boleh rosak dan fana, berbanding ‘roh’ yang tidak akan rosak dan abadi. Sifat tabii juga terdedah kepada kuasa dosa yang menakluki dan memperhambakannya.



### Soalan

1) Apakah prinsip tentang hukum secara umum yang digunakan oleh Paulus untuk membuat pernyataannya? (ay. 1)

2) Menurut ilustrasi perkahwinan yang digunakan oleh Paulus, berapa lamakah seorang perempuan terikat kepada suaminya? (ay. 2)

3) Apakah yang terjadi sekiranya dia mengahwini lelaki lain manakala suaminya masihnya hidup (ay. 3)? Bilakah dia boleh mengahwini lelaki lain? (ay. 3)

4) Bagaimanakah hal ini diaplikasikan kepada hubungan kita dengan hukum dan dengan Kristus? (ay. 4)

5) Apakah perbezaan antara kehidupan lama dan kehidupan baru? (ay. 5-6)

6) Pada pendapat anda bagaimanakah berkhidmat kepada Allah dalam ‘cara baru Roh’ berbeza daripada berkhidmat kepada-Nya dalam ‘cara lama yang berasaskan hukum tertulis’?



### Mari Fikir Sejenak

Adakah anda rasa menjadi seorang Kristian hanyalah mengikuti satu set peraturan yang dibuat oleh Allah? Mengapa atau mengapa tidak?

Apa yang anda boleh pelajari daripada apa yang Paulus nyatakan di sini?

## II. Menentang dosa (ay. 7-13)

<sup>7</sup>Jadi, apakah yang akan kita katakan? Adakah hukum itu dosa? Sama sekali tidak! Memang aku tidak mungkin tahu apa itu dosa kecuali melalui hukum.<sup>b</sup> Kerana aku tidak mungkin tahu apa sebenarnya keinginan jahat jika hukum tidak mengatakan, “Jangan ingini milik orang”.<sup>8</sup>Tetapi dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu menimbulkan dalam diriku segala jenis keinginan jahat. Kerana tanpa hukum, dosa tidak wujud. <sup>9</sup>Satu masa dahulu, aku hidup tanpa hukum; tetapi apabila datang perintah<sup>c</sup> itu, hiduplah dosa dan matilah aku. <sup>10</sup>Aku mendapati bahawa perintah yang dimaksudkan membawa

kehidupan itu telah membawa kematian. <sup>11</sup>Kerana dosa telah merebut peluang yang diberikan oleh perintah itu lalu memperdayaku, dan melalui perintah itu telah menjerumuskanku ke dalam kematian.

<sup>12</sup>Jadi, hukum itu suci, dan perintah itu suci, benar serta baik. <sup>13</sup>Maka adakah sesuatu yang baik itu menjadi kematian kepadaku? Sama sekali tidak! Tetapi, supaya dosa dikenal sebagai dosa, dosa telah menimbulkan kematian dalam diriku melalui sesuatu yang baik; dengan demikian, melalui perintah itu, dosa dapat menjadi dosa sepenuhnya.

**Nota****Ringkasan ay. 7-13**

Dalam bahagian ini, Paulus menjelaskan bahawa hukum itu sendiri bukan dosa tetapi sesuatu yang suci dan baik. Kuasa dosa yang tinggal di dalam kita itulah yang pelakunya, bukan hukum. Hasilnya, walaupun seseorang tahu dan mahu mentaati hukum Allah, dia tidak boleh melakukannya kerana dia dikuasai oleh dosa yang tinggal di dalam dirinya.

Paulus bermula dengan bertanya soalan retorik sama ada hukum itu dosa (ay. 7-8). Dia menentang dengan keras dan menjelaskan bahawa hukum bukan dosa tetapi ia menunjukkan apa itu dosa. Dosalah yang memutarbelitkan hukum untuk mendorong dan menimbulkan sikap berdosa. Dia meneruskan penjelasannya bagaimana hukum bukan dosa dan ia juga tidak bertanggungjawab menyebabkan dosa (ay. 9-11). Dosa sendirilah yang menggunakan hukum untuk menyebabkan manusia berbuat dosa dan mati. Paulus merumuskan bahawa hukum adalah suci, benar dan baik (ay. 12-13). Ia tidak sama dengan dosa kerana melalui hukum, dosa dikutuk sebagai kejahatan.

**ay. 7-8** Terdapat banyak kontroversi mengenai siapakah Paulus merujuk ketika dia menggunakan 'aku' dalam ay. 7-25. Para sarjana berpendapat dia mungkin merujuk kepada dirinya sendiri, bangsa Israel, orang Kristian atau manusia secara amnya. Walau bagaimanapun, kebanyakan bersetuju bahawa ini adalah sebahagian daripada autobiografi di mana Paulus merujuk kepada pengalaman-pengalamannya sendiri.

Paulus mengajukan soalan retorik ini kerana dia berpendapat bahawa ada yang mungkin membuat rumusan salah dengan menyatakan hukum itu adalah jahat berdasarkan apa yang telah dituliskan dalam ay. 5. Dia menolak idea ini dengan sekeras-kerasnya dan menegaskan bahawa apa yang hukum lakukan adalah untuk menunjukkan kepada manusia, termasuk dirinya, akan dosa mereka. Sebelum Allah memberikan hukum-Nya, manusia tidak sedar bahawa mereka telah berdosa kepada Allah. Paulus memberikan suatu contoh dengan memetik hukum terakhir dalam Sepuluh Hukum.

Dia berkata bahawa dia tidak akan tahu mengingini milik orang adalah salah sekiranya hukum itu tidak menyatakan manusia tidak boleh mengingini apa yang menjadi milik orang lain. Tetapi dosa menggunakan perintah ini untuk membangkitkan pelbagai keinginan sehingga menyebabkan dia berdosa. Dia merumuskan bahawa sekiranya tiada hukum, dosa tidak akan mempunyai kuasa ke atasnya. Bukan hukum tetapi dosalah yang bersalah.

**ay. 9-11** Paulus meneruskan penjelasannya bahawa sebelum dia mengenal hukum, dia hidup dengan hati nurani yang tidak terganggu kerana dia belum lagi mengetahui apa yang benar dan salah di hadapan Allah. Tetapi setelah dia mengetahui apa yang hukum ingin dia patuhi, dia sedar bahawa dia tidak boleh mentaatinya. Akibatnya, dosa muncul dalam hidupnya sehingga dia melihat dirinya yang sebenar dikutuk sebagai orang berdosa di hadapan Allah. Dia mendapati hukum yang

sepatutnya membawa kehidupan, sebaliknya telah membawanya kepada kematian, kerana seperti orang lain, dia tidak dapat mentaatinya dengan setia. Oleh kerana orang menjangka hukum membawa kehidupan dan bukan kematian, dosa telah mengambil kesempatan terhadap hukum lalu memperdaya Paulus dan membawanya kepada kematian.

**ay. 12-13** Hujah Paulus membawanya kepada suatu kesimpulan bahawa bukan hukum yang bermasalah. Dia menyatakan bahawa hukum adalah suci, benar dan baik kerana ia telah diberikan oleh Allah dan Dia sendiri adalah suci, benar dan baik. Dia mengemukakan satu soalan yang mungkin akan menjadi kesimpulan, iaitu bagaimanakah hukum yang baik boleh menjadi satu sumber kematian. Dia menyatakan bahawa dosa telah menggunakan hukum yang baik untuk membawa kepada sesuatu yang jahat. Hukum diberikan supaya dosa dilihat sebagai dosa. Tanpa hukum, kita tidak akan mengenal dosa yang jahat yang mengakibatkan kematian.

**Teropong**

<sup>b</sup> Sekiranya 'aku' diambil sebagai merujuk kepada Paulus sendiri, para sarjana percaya bahawa di sini Paulus berbicara tentang kehidupannya; walaupun dia mengenal hukum, dia belum sedar sepenuhnya akan perintah hukum tersebut. Walau bagaimanapun, sarjana lain berfikir ia boleh diaplikasi secara lebih menyeluruh kepada Israel, atau mewakili manusia secara amnya. Di sini, kita akan merujuk sepenuhnya kepada Paulus sendiri.

<sup>c</sup> Di sini 'perintah' boleh merujuk kepada hukum atau Hukum Kesepuluh yang menyatakan jangan mengingini milik orang lain yang Paulus utarakan dalam ay. 7.



### Soalan

- 1) Apakah yang Paulus bertanyakan tentang hukum? (ay. 7)
- 2) Mengapakah dia menentang sekeras-kerasnya persoalan tersebut? (ay. 7)
- 3) Apakah contoh yang digunakannya bagi menggambarkan hal itu? (ay. 7-8)
- 4) Walaupun hukum tidak jahat, apakah masalah yang timbul daripadanya? (ay. 8)
- 5) Jelaskan apakah yang telah berlaku yang membawa kematian kepada Paulus. (ay. 9-11)
- 6) Apakah kesimpulan Paulus tentang hukum? (ay. 12-13)

7) Apakah kesimpulannya tentang hubungan antara hukum dan dosa? (ay. 12-13)

8) Mengapakah kita tidak boleh menyalahkan hukum bagi tingkah laku kita yang berdosa?



- Menegathui apa yang Allah ingin kita lakukan dan cuba untuk mentaati-Nya adalah lebih mudah dikatakan berbanding dilakukan, bukan? Mengapakah amat susah untuk kita melakukan apa yang seharusnya kita lakukan?



Apa kata anda mengambil sedikit masa sekarang untuk bercakap kepada Allah mengenai hal ini dan meminta pertolongan-Nya?

### III. Konflik dalam diri kita (ay. 14-25)

<sup>14</sup>Kita tahu bahawa hukum bersifat rohani; tetapi aku tidak bersifat rohani, aku telah dijual sebagai hamba kepada dosa. <sup>15</sup>Aku tidak mengerti apa yang kulakukan. Apa yang kuhendaki, tidak kulakukan, sebaliknya aku melakukan apa yang kubenci. <sup>16</sup>Dan jika aku melakukan apa yang tidak mahu kulakukan, aku setuju bahawa hukum itu baik. <sup>17</sup>Nyatalah bahawa bukan aku yang melakukannya, tetapi dosa yang hidup dalam diriku. <sup>18</sup>Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu yang baik dalam hidup diriku, iaitu dalam sifat tabiiku yang

berdosa. Kerana aku hendak melakukan apa yang baik, tetapi aku tidak mampu melaksanakannya. <sup>19</sup>Kerana yang kulakukan bukanlah kebaikan yang hendak kulakukan; tidak, kejahatan yang tidak hendak kulakukan – itulah yang kulakukan terus-menerus. <sup>20</sup>Jika aku melakukan sesuatu yang tidak ingin kulakukan, bukanlah lagi aku yang melakukannya tetapi dosa yang hidup dalam diriku yang melakukan. <sup>21</sup>Oleh itu aku mendapati hukum ini berlangsung; apabila aku hendak melakukan kebaikan, kejahatan bertapak di sisiku. <sup>22</sup>Kerana dalam jiwaku aku suka akan hukum Allah



*<sup>23</sup>tetapi aku melihat hukum lain bertindak dalam anggota-anggota tubuhku, memerangi hukum jiwaku dan membuat aku terpenjara dalam hukum dosa yang bertindak dalam anggota-anggota tubuhku. <sup>24</sup>Alangkah sengsaranya aku! Siapa yang*

*akan menyelamatkanku daripada tubuh kematian ini? <sup>25</sup>Syukur kepada Allah melalui Yesus Kristus, Tuhan kita! Oleh itu, dalam jiwaku aku mengabdikan kepada hukum Allah, tetapi dalam sifat tabii yang berdosa aku mengabdikan kepada hukum dosa.*

**Nota****Ringkasan ay. 14-25**

Dalam bahagian ini, Paulus terus menjelaskan bagaimana hukum tidak boleh ditaati sepenuhnya walaupun ia baik. Dia memulakannya dengan meringkaskan situasi ini (ay. 14). Hukum bersifat 'rohani', iaitu diberi secara ilahi, tetapi manusia 'tidak bersifat rohani', iaitu telah dijual sebagai hamba kepada dosa. Dia menyatakan konflik dalaman yang timbul dalam kehidupannya ketika dia cuba mengikut hukum (ay. 15-20). Dia mahu mentaatinya tetapi dia mendapati dirinya sentiasa gagal kerana dosa yang hidup di dalamnya terus memenjarakannya. Dia membuat kesimpulan bahawa hukum dosalah yang bekerja di dalamnya sehingga dia menjadi semakin berdosa walaupun dia menyukai hukum Allah dan tahu bahawa dia harus mengikutinya (ay. 21-23).

Dia mengakhiri dengan melahirkan kegembiraannya kerana walaupun hukum tidak boleh menyelamatkannya daripada kematian, Allah telah menyediakan jalan penyelesaian melalui Yesus Kristus (ay. 24-25). Kemudian dia memberikan ringkasan hujahnya bahawa walaupun fikirannya bergembira dalam hukum Allah, dalam sifat berdosanya, dia adalah hamba kepada dosa.

**ay. 14** Paulus meneruskan dengan mengatakan bahawa masalah itu bukan dengan hukum kerana dia dan orang Kristian di Roma tahu, hukum bersifat rohani, yang pada dasarnya mengesahkan bahawa ia berasal dan merupakan kuasa dari Allah. Masalahnya adalah dirinya sendiri. Berbeza dengan hukum, dia bersifat 'tidak rohani', secara harfiah ia disebut 'kedagingan' (iaitu makhluk yang lemah), sebahagian daripada dunia fana dan berada di bawah kawalan dosa.

**ay. 15-17** Perbuatannya sendiri mengelirukannya. Dia mendapati walaupun dia ingin melakukan apa yang benar, dia tidak melakukannya. Sebaliknya, dia melakukan apa yang dibencinya dan yang tidak mahu dilakukannya. Dia mendapati dosa begitu berkuasa dan kawalannya tidak boleh dielak. Tetapi hakikat bahawa dia tahu apa yang dilakukannya itu adalah salah menunjukkan bahawa dia bersetuju hukum adalah baik, walaupun dia sendiri tidak dapat mengamalkannya.

Dosa digambarkan sebagai telah tinggal di dalam Paulus. Dari satu segi, Paulus sendirilah yang melakukan perbuatan-perbuatan jahat. Pada segi yang lain pula, dosa yang melakukannya kerana dosa tinggal di dalam dia dan mengawalinya sebagai hamba. Paulus tidak boleh menentang dosa kerana hukum tidak memberinya kuasa untuk berbuat demikian. Apa yang dosa mahu, dia lakukan, sama ada dia mahu atau tidak.

**ay. 18-20** Paulus baru sahaja berkata bahawa dosa tinggal di

dalam dia. Sekarang dia menyatakan dengan lebih lanjut bahawa tiada kebaikan yang tinggal dalam sifat tabiinya kerana walaupun dia ingin melakukan apa yang baik, dia tidak mampu melakukannya. Dia sebenarnya mengulang apa yang telah ditulisnya sebelum ini dalam ay. 14-17. Dia menyatakan bahawa dia mahu melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya manakala dia tidak mahu melakukan kejahatan tetapi dia tetap melakukannya. Selepas itu dia berhujah bahawa memandangkan sebenarnya dia menentang kesalahan yang dilakukannya, bukan dia tetapi dosa yang tinggal di dalam dirinya yang bertanggungjawab atas perbuatannya.

**ay. 21-23** Paulus menyimpulkan hujahnya di sini dengan memberitahu orang Kristian di Roma bahawa dia mendapati prinsip ini bekerja dalam kehidupannya, iaitu dia mahu melakukan apa yang baik, tetapi akhirnya dia melakukan apa yang jahat. Walaupun dia mengasihi hukum Allah dengan sepenuh hati, dia mendapati mentaatinya adalah satu perkara yang lain sama sekali. Dia melihat kuasa lain bekerja di dalam dirinya, berperang dengan fikirannya yang ingin melakukan apa yang baik. Dia memanggil perkara ini 'hukum dosa'. Malangnya, dia mendapati dirinya tewas kepada hukum dosa yang bekerja di dalam dirinya.

**ay. 24-25** Paulus menggambarkan kesengsaraan dan tangisan yang terdesak memerlukan pertolongan kerana dia mahu dibebaskan daripada dosa yang menawannya dan kematian yang dibawa oleh dosa. Hukum tidak boleh menyelamatkan-

nya tetapi dia tahu penyelesaian yang telah disediakan oleh Allah. Oleh itu Paulus berseru mengucap syukur kepada Allah yang telah menyelamatkannya melalui Yesus Kristus, Tuhan mereka. Dia meringkaskan apa yang telah dihujahkannya setakat ini; manakala dalam fikirannya dia bergembira dengan hukum Allah dan ingin mentaatinya, namun oleh kerana sifat semula jadi manusia yang berdosa yang tinggal di dalam dirinya, dia adalah seorang hamba dosa.

### Soalan

1) Dalam cara apakah Paulus tidak mengerti akan perbuatannya? Pada pendapat anda, apakah alasannya? (ay. 14-15)

2) Bagaimanakah tindakan Paulus menunjukkan bahawa dia bersetuju bahawa hukum adalah baik? (ay. 16)

3) Bagaimanakah keinginannya berlainan daripada apa yang dipraktikkannya? (ay. 18-19)

4) Mengapakah Paulus tidak dapat berbuat baik sebaliknya melakukan apa yang dibenci atau yang tidak mahu dilakukannya? (ay. 17-20)

5) Terangkan masalah yang Paulus bergelut dalam ay. 21-23.

6) Mengapakah Paulus berasa sengsara? (ay. 24)

7) Siapakah yang boleh menyelesaikan masalahnya (ay. 25)?

8) Mengapakah penting untuk menyedari bahawa hanya Kristus yang boleh menyelamatkan kita daripada kuasa dosa?



Apakah jenis pergelutan yang anda hadapi dengan dosa dalam hidup anda?

Bagaimanakah kita dapat mengetahui bahawa Yesus telah menyelamatkan anda daripada kuasa dosa dalam pergelutan anda?



Kristus telah mematahkan kuasa dosa dalam hidup anda. Dia berkuasa menguatkan anda untuk hidup dalam kemerdekaan daripada dosa anda.



## I. Kehidupan melalui Roh (ay. 1-17)

**8** Dengan demikian, sekarang tidak ada hukuman bagi orang yang ada dalam Kristus Yesus. <sup>2</sup>Kerana melalui Kristus Yesus hukum Roh kehidupan telah membebaskanku daripada hukum dosa dan kematian. <sup>3</sup>Apa yang tidak dapat dilakukan oleh Taurat kerana lemahnya tabii manusia, telah dilakukan oleh Allah dengan menghantar Anak-Nya dalam bentuk manusia berdosa untuk menjadi persembahan menebus dosa. Dengan demikian Dia menghukum dosa dalam diri manusia berdosa. <sup>4</sup>Allah berbuat demikian supaya kita dapat menunaikan kehendak-kehendak hukum dalam diri kita dengan sepenuhnya, mengikut kehendak Roh dan bukan mengikut kehendak sifat tabii. <sup>5</sup>Bagi orang yang hidup menurut sifat tabii yang berdosa, fikirannya tertumpu kepada apa yang diinginkan oleh sifat tabii<sup>a</sup> itu; tetapi bagi orang yang hidup menurut Roh, jiwanya tertumpu kepada apa yang diinginkan oleh Roh. <sup>6</sup>Fikiran yang dikuasai oleh sifat tabii yang berdosa, adalah kematian. Tetapi fikiran yang dikuasai oleh Roh, adalah kehidupan dan kesejahteraan. <sup>7</sup>Fikiran sifat tabii yang berdosa memusuhi Allah kerana fikiran demikian tidak tunduk kepada hukum Allah dan tidak dapat berbuat demikian. <sup>8</sup>Orang yang dikawal oleh sifat tabii yang berdosa tidak berupaya mendapat keredaan Allah.

<sup>9</sup>Tetapi kamu dikawal bukan oleh sifat tabii yang berdosa tetapi oleh Roh, jika Roh Allah hidup dalam dirimu. Dan jika seseorang tidak ada Roh Kristus, dia bukanlah milik Kristus. <sup>10</sup>Sebaliknya jika Kristus ada dalam dirimu, tubuhmu mati kerana dosa, namun rohmu hidup dengan perbenaran. <sup>11</sup>Dan jika Roh Dia yang telah membangkitkan Kristus Yesus daripada kematian akan juga memberikan kehidupan kepada tubuhmu yang fana melalui Roh-Nya, yang hidup dalam dirimu. <sup>12</sup>Dengan demikian, saudara-saudaraku, kita ada kewajiban tetapi bukan terhadap sifat tabii yang berdosa dan hidup menurut sifat tabii itu. <sup>13</sup>Kerana jika kamu hidup menurut sifat tabii yang berdosa, kamu akan mati; tetapi jika dengan Roh itu kamu memamatkan perbuatan-perbuatan salah tubuhmu, kamu akan hidup, <sup>14</sup>kerana orang yang dipimpin oleh Roh Allah ialah anak-anak Allah. <sup>15</sup>Kerana kamu bukanlah menerima Roh yang menyebabkan kamu diperhamba lagi oleh ketakutan, tetapi telah menerima Roh yang menjadikanmu anak Allah.<sup>b</sup> Dan dengannya kita berseru, "Abba,<sup>c</sup> Bapa." <sup>16</sup>Roh itu sendiri memberikan kesaksian dengan roh kita bahawa kita anak Allah. <sup>17</sup>Jika kita anak, maka kita waris-waris Allah, waris bersama dengan Kristus, jika kita benar-benar berkongsi penderitaan-Nya supaya dapat berkongsi kemuliaan-Nya kelak.



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-17

Setakat ini Paulus tidak banyak menyebut tentang Roh Kudus. Tetapi dalam bab 8, dia menumpukan kepada kurnia Roh Kudus Allah bagi membolehkan mereka tergolong dalam Yesus hidup dalam kehidupan baru yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka. Roh Kuduslah yang memberi kuasa kepada orang percaya untuk melawan dosa (ay. 1-14), mengesahkan status mereka sebagai anak-anak Allah (ay. 15-17) dan meyakinkan mereka akan kemuliaan utama mereka kelak (ay. 18-30).

Dalam bahagian ini, Paulus bermula dengan mengisytiharkan bahawa dengan mengutus Yesus untuk menjadi manusia seperti kita, Allah telah membereskan dosa dan mengakhiri kuasanya ke atas kita (ay. 1-4). Allah melakukan hal ini supaya kita boleh menjalani kehidupan benar yang dituntut oleh hukum oleh kuasa Roh Kudus. Dia membandingkan kehidupan yang dikawal oleh Roh dengan kehidupan yang dikawal oleh sifat tabii manusia yang berdosa (ay. 5-8).

Sekarang dia bercakap langsung kepada orang Kristian di Roma, memberitahu mereka bahawa jika Roh hidup dalam mereka, dan dia percaya akan hal itu, mereka tidak lagi dikawal oleh sifat tabii mereka (ay. 9-11). Sesiapa yang menjadi milik Kristus, Roh Kristus tinggal di dalamnya. Roh itu memberikan kepadanya kehidupan sekarang dan akan datang apabila dia dibangkitkan.

Oleh yang demikian, Paulus menegaskan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk menjauhi dosa dalam kehidupan mereka dan harus menjalani kehidupan yang dikehendaki Allah melalui Roh (ay. 12-13). Sesiapa yang hidupnya dipimpin oleh Roh adalah anak-anak Allah kerana mereka tidak diperhambakan oleh roh yang menyebabkan mereka ketakutan tetapi mereka menerima Roh yang meyakinkan mereka akan pengangkatan mereka sebagai anak-anak Allah (ay. 14-17).

**ay. 1-2** Setelah mengakhiri bab 7 dengan bersyukur kepada Allah kerana menyediakan penyelamatan dari dosa dan kematian melalui Yesus Kristus, Paulus sekarang berbicara tentang kehidupan baru dalam Kristus. Dia mengatakan bahawa mereka yang hidup dalam Kristus bebas daripada hukum dan oleh itu tidak lagi berada di bawah kutukan, iaitu mereka tidak lagi perlu menghadapi hukuman mati dan penghakiman pada Hari Kiamat. Dengan kuasa dosa yang telah dihancurkan, kini terdapat satu hukum atau prinsip baru yang bekerja di bawah kuasa Roh Kudus dalam hidup mereka yang di dalam Kristus. Roh membebaskan seseorang daripada kuasa dosa dan menguatkannya untuk menjalani kehidupan baru yang tidak lagi dikawal oleh dosa yang membawa kepada kematian. Jadi walaupun orang percaya mungkin masih hidup dengan kesan-kesan dosa, mereka tidak lagi hidup di bawah kuasanya.

**ay. 3-4** Dia terus menjelaskan bahawa hukum tidak dapat menyelamatkan kita daripada dosa kerana kelemahan sifat manusia kita. Oleh itu Allah melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan dengan hukum. Dia mengutus Anak-Nya, dalam sifat manusia seperti kita, bagi mengakhiri kuasa dosa ke atas manusia. Melalui kematian dan pengorbanan Yesus, Allah dapat mengutuk dosa dalam umat manusia. Dia melakukan hal ini supaya kita boleh memenuhi apa yang dituntut oleh hukum Allah dan tidak lagi menurut sifat berdosa kita, tetapi sebaliknya mengikuti Roh-Nya yang menguatkan kita.

**ay. 5-8** Paulus meneruskan dengan membandingkan kehidupan orang yang hidup mengikut pimpinan Roh dengan orang yang hidup mengikut sifat berdosa mereka. Fikiran orang yang dikuasai oleh sifat berdosa akan tertuju kepada hal-hal keduniaan dan hidup menurut cara dunia. Mereka hanya ingin memuaskan diri sendiri. Orang yang mempunyai Roh yang tinggal di dalam dirinya akan mengarahkan fikiran mereka kepada perkara-perkara yang menyenangkan dan memuliakan Allah.

Kehidupan yang dikawal oleh sifat berdosa dan fokus pada hal-hal dan keinginan-keinginan dunia ini akan membawa kepada kematian kekal kerana kita menjauhkan diri kita daripada Allah, sumber kehidupan itu. Sebenarnya Paulus menyatakan bahawa orang seperti itu adalah memberontak terhadap Allah dan tidak akan mentaati-Nya. Mereka tidak akan menyenangkan hati Allah. Sebaliknya apabila seseorang dikawal oleh Roh, dia akan menitikberatkan hal-hal Allah dan akan memiliki hidup dan kesejahteraan.

**ay. 9-11** Sekarang Paulus beralih kepada orang Kristian di Roma. Dia yakin bahawa apa yang dikatakannya tentang dikawal oleh sifat tabii berdosa tidak berlaku kepada mereka

sekiranya Roh tinggal di dalam diri mereka. Paulus menyatakan bahawa tanda seorang Kristian adalah kehadiran Roh Kudus yang tinggal di dalam mereka kerana jika mereka tidak memiliki Roh Kristus di dalam mereka, mereka bukan milik Kristus. Paulus tidak membuat perbezaan apabila dia bercakap tentang Kristus yang hidup di dalam mereka dan Roh yang tinggal di dalam mereka. Baginya, Roh adalah Kristus yang hadir bersama mereka, yang meneruskan pekerjaan penyelamatan Kristus dalam kehidupan mereka.

Dia menyambung dengan memberitahu mereka bahawa terdapat dua kesan penting kepada mereka sekiranya Kristus ada di dalam diri mereka. Pertama, Roh memberi mereka kehidupan. Walaupun tubuh mereka telah mati kerana dosa, Roh Allah memberi mereka kehidupan baru kerana mereka telah dipisahkan daripada dosa dan diperbenar dengan Allah. Kedua, Roh bukan sahaja memberi mereka kehidupan tetapi Dia juga memberi kehidupan baru kepada tubuh mereka yang fana pada masa akan datang kerana destinasi tubuh mereka bukan kematian tetapi kebangkitan. Roh Kudus bukan sahaja Roh kehidupan tetapi juga Roh kebangkitan. Sebab sama seperti Allah Bapa telah membangkitkan Yesus daripada kematian melalui Roh, Bapa juga akan membangkitkan mereka daripada kematian melalui Roh yang sama yang tinggal di dalam mereka dan memberi mereka tubuh baru apabila Yesus datang kembali.

**ay. 12-13** Paulus mengingatkan orang Kristian di Roma bahawa mereka berhutang atau mempunyai kewajiban kepada Roh untuk hidup dengan cara berbeza. Dengan menuruti sifat tabii mereka, mereka akan berhadapan dengan kematian. Tetapi jika dengan kuasa dan pertolongan Roh mereka boleh terus menjauhi segala perkara yang bertenangan dengan tujuan Allah bagi mereka, mereka akan menikmati kehidupan penuh yang dijanjikan oleh Allah.

**ay. 14-16** Paulus menekankan bahawa sesiapa yang membenarkan diri mereka dipimpin oleh Roh Allah adalah anak-anak Allah. Dia mahu meyakinkan mereka bahawa Roh yang telah diberikan Allah kepada mereka tidak menjadikan mereka hamba lagi supaya mereka tidak perlu takut lagi. Sebaliknya Roh membawa kepada pengangkatan mereka sebagai anak-anak Allah. Dalam dunia Yunani-Roma, seseorang boleh mengambil anak angkat yang akan diberikan hak dan keistimewaan penuh sebagai anak dalam keluarga dan menjadi waris yang sah bagi segala-galanya. Dengan cara yang sama, orang percaya yang diangkat ke dalam keluarga Allah mendapat semua hak dan keistimewaan sebagai anak-anak Allah.

Roh memberikan kuasa kepada mereka sebagai anak-anak Allah untuk memanggil Allah 'Abba', yang bermaksud



'papa'. Ia adalah istilah penuh kasih dan intim yang digunakan oleh kanak-kanak Yahudi untuk memanggil bapa mereka dan yang digunakan oleh Yesus sendiri untuk memanggil Allah. Paulus mahu mereka faham bahawa Allah tidak jauh tetapi dekat dan intim dengan mereka. Roh-Nya bersatu dengan roh mereka dan menjadi saksi di dalam mereka bagi meyakinkan mereka akan identiti baru mereka sebagai anak-anak Allah.

**ay. 17** Selain itu, Paulus menyatakan bahawa jika mereka adalah anak-anak Allah, mereka juga adalah waris-waris-Nya dan akan menerima warisan mereka, semua berkat yang Dia akan berikan kepada mereka pada akhir zaman. Sebagai waris-waris Allah, mereka juga adalah waris bersama Anak-Nya Yesus. Tetapi Paulus menambah satu pertimbangan, iaitu jika mereka adalah pewaris bersama Kristus, mereka akan berkongsi kemuliaan dengan-Nya sekiranya mereka turut berkongsi penderitaan-Nya. Bagi Paulus, penderitaan adalah bahagian yang perlu dalam kehidupan sebagai pengikut-pengikut Kristus. Penderitaan mereka tidak sia-sia kerana mereka menderita untuk berkongsi kemuliaan dengan Kristus.



### Teropong

<sup>a</sup> Terdapat suatu fahaman gereja awal yang dipanggil Docetism yang mengajar bahawa Yesus menjadi seperti manusia tetapi sebenarnya Dia bukan manusia. Oleh itu Paulus berhati-hati menulis bahawa Yesus bukan sahaja dalam bentuk manusia, tetapi Dia benar-benar manusia. Bukan itu sahaja, Dia juga tidak berdosa. Dia datang, 'bukan dengan sifat tabii berdosa' kerana sifat Yesus tidak berdosa, seperti 'sifat tabii manusia'. Sifat manusia Yesus adalah nyata. Dia datang 'dalam bentuk manusia berdosa' kerana sifat manusia Yesus tidak berdosa dan nyata.

<sup>b</sup> Para sarjana percaya bahawa idea pengambilan anak angkat berasal dari dunia Yunani-Roma kerana orang Yahudi tidak mengamalkannya. Orang Yunani, khususnya orang Roma, menjadikan pengambilan anak angkat sebagai suatu undang-undang yang sah. Seseorang boleh mengambil anak angkat dan anak tersebut akan menjadi waris yang sah kepada semua harta milik orang yang mengambilnya sebagai anak angkat. Maharaja Roma Julius Caesar mengambil seorang pemuda bernama Octavian sebagai anak angkatnya, yang kemudiannya menjadi pewaris Empayar Roma. Akhirnya dia menjadi maharaja dan namanya ditukar kepada Augustus. Dengan cara yang sama, Paulus menyatakan bahawa Allah adalah pemerintah alam semesta yang telah mengambil kita untuk menjadi waris-waris-Nya.

<sup>c</sup> *Abba* adalah perkataan Aramaic untuk istilah 'bapa'. Biasanya orang Yahudi tidak memanggil Allah sebagai 'Bapaku', apatah lagi dengan perkataan *Abba*. Mereka tidak pernah memanggil Allah *Abba* kerana perkataan ini biasanya digunakan oleh anak-anak dan hanya digunakan apabila berbicara kepada bapa mereka yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan mereka. Ia sama seperti perkataan moden 'papa' atau 'daddy'. Orang Yahudi berpendapat bahawa panggilan tersebut tidak sesuai digunakan apabila berbicara kepada TUHAN, Allah yang empunya syurga dan bumi. Mereka mengelak daripada menyebut nama Allah sedapat mungkin dan jika mereka tidak dapat berbuat demikian, mereka akan mengiringi nama-Nya dengan berkat kerana takut mereka tidak menghormati nama Allah. Walau bagaimanapun, Yesus menggunakan perkataan ini apabila Dia berbicara kepada Allah dan Dia juga mengajar murid-murid-Nya untuk mencontohi-Nya.



### Soalan

- 1) Apakah yang mengutuk seseorang di hadapan Allah?
- 2) Mengapakah Kristian tidak lagi dikutuk oleh Allah? (ay. 1-2)
- 3) Apakah yang tidak dilakukan oleh hukum? Mengapa? (ay. 3)
- 4) Apakah jalan penyelesaian Allah? (ay. 3)
- 5) Apakah Paulus maksudkan apabila dia berkata Yesus datang 'dalam bentuk manusia berdosa'? (ay. 3)





- 5) Dalam ay. 5-8, Paulus membahagikan semua manusia kepada dua kategori. Bandingkan ciri-ciri kedua-dua kumpulan manusia ini:

	<i>Hidup menurut sifat tabii yang berdosa</i>	<i>Hidup menurut Roh</i>
ay. 5		
ay. 6		
ay. 7		
ay. 8		

- 6) Menurut ay. 9, bagaimanakah kita tahu kategori yang manakah kita berada?

- 7) Apakah hasilnya mempunyai Roh yang hidup dalam diri orang Kristian? (ay. 10-11)

- 8) Dalam ay. 12, Paulus menyatakan bahawa sebagai orang Kristian, kita mempunyai suatu kewajipan. Apakah kewajipan itu? (ay. 12-14)

- 9) Apakah yang dianggap 'perbuatan yang berdosa' (ay. 13)? Bagaimanakah anda mematikan perbuatan-perbuatan yang berdosa itu?

- 10) Apakah peranan Roh Kudus dalam kehidupan orang percaya? (ay. 14-16)

- 11) Apakah berkat-berkat yang orang percaya terima sebagai anak-anak Allah? (ay. 17)



- Paulus mengatakan bahawa kehidupan yang dikawal oleh Roh akan menghasilkan gaya hidup yang menyenangkan hati Allah. Bagaimanakah anda memupuk hati dan fikiran yang dikawal oleh Roh dan bukan oleh sifat tabii berdosa anda?

- Bagaimanakah anda memanggil Allah ketika anda berdoa kepada-Nya? Adakah anda melihat Allah sebagai Bapa anda di syurga yang boleh anda datangi bila-bila masa dan berbicara kepada-Nya tentang segala sesuatu, walaupun ia bukan perkara penting?

- Apa kata luangkan sedikit masa untuk memberitahu Allah bagaimana perasaan anda tentang-Nya dan berkongsi dengan-Nya apa yang ada di hati anda?



Ketahui bahawa anda sangat istimewa dan berharga kepada Allah. Dia bukan sahaja mengasihi anda tetapi Dia sangat gembira kerana anda adalah anak-Nya.



Bapa sendiri mengasihimu, kerana kamu mengasihi-Ku dan percaya Aku datang daripada Bapa.  
(Yohanes 16:27)

**II. Kemuliaan akan datang (ay. 18-30)**

<sup>18</sup>Aku menganggap bahawa penderitaan kita sekarang terlalu kecil untuk dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita. <sup>19</sup>Seluruh ciptaan menanti-nantikan<sup>d</sup> saatnya Allah menyerlahkan anak-anak-Nya. <sup>20</sup>Kerana seluruh ciptaan telah ditundukkan dalam kebuntuan, bukan dengan pilihannya sendiri, tetapi dengan kehendak Dia yang telah menundukkannya, dengan harapan <sup>21</sup>bahawa ciptaan itu sendiri akan dibebaskan daripada belenggu kemusnahan dan dibawa ke dalam kebebasan penuh kemuliaan anak-anak Allah.

<sup>22</sup>Kita tahu bahawa sampai ke saat ini seluruh ciptaan mengerang bagaikan sakit melahirkan anak. <sup>23</sup>Lebih daripada itu, kita sendiri yang mendapat buah pertama Roh Allah<sup>e</sup>, turut mengerang dalam batin sambil menanti-nantikan pengangkatan sebagai anak Allah, iaitu penebusan tubuh kita. <sup>24</sup>Melalui harapan ini, kita telah diselamatkan. Tetapi harapan yang dilihat bukanlah harapan. Siapa yang mengharapkan apa yang sudah ada padanya? <sup>25</sup>Sebaliknya, jika kita

mengharapkan apa yang belum ada pada kita, maka kita menantikannya dengan sabar.

<sup>26</sup>Demikian jugalah, Roh menolong kita dalam kelemahan kita. Kita tidak tahu apa yang patut kita doakan, tetapi Roh itu sendiri berdoa syafaat untuk kita dengan rintihan yang tidak dapat disampaikan melalui kata-kata. <sup>27</sup>Dan Dia yang menyoroti hati kita tahu akan fikiran Roh, kerana Roh berdoa syafaat bagi pihak orang yang salih menurut kehendak Allah.

<sup>28</sup>Dan kita tahu bahawa dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya, yang telah dipanggil menurut rancangan-Nya. <sup>29</sup>Kerana dari mulanya dahulu Allah telah menentukan mereka yang dipilih-Nya supaya menjadi selaras dengan rupa Anak-Nya, Yesus Kristus, maka Anak itu merupakan yang sulung di antara saudara-saudara yang ramai. <sup>30</sup>Dan orang yang ditentukan Allah dari mulanya dahulu dipanggil-Nya; orang yang dipanggil-Nya itu diperbenar-Nya; orang yang diperbenar-Nya itu dipermulia-Nya pula.

**Nota****Ringkasan ay. 18-30**

Paulus terus berbicara tentang kemuliaan akan datang bagi ciptaan Allah dan anak-anak-Nya. Penderitaan dan kemuliaan adalah tema di bahagian ini. Dia memulakannya dengan menyentuh tema penderitaan dalam orang-orang percaya dalam ay. 17.

Paulus percaya bahawa walaupun penderitaan yang dialami itu teruk dan berpanjangan, ia tidak boleh dibandingkan dengan kemuliaan yang akan datang (ay. 18). Dia mengatakan bahawa ciptaan Allah mengerang kecewa sementara menunggu ia dibebaskan bersama orang-orang percaya (ay. 19-22). Orang-orang percaya juga mengerang sementara menanti-nantikan penebusan terakhir mereka (ay. 23-25). Roh Kudus berdoa syafaat bagi mereka dengan rintihan yang tidak dapat disampaikan melalui kata-kata (ay. 26-27). Dia menyatakan bahawa rintihan tersebut hanya membawa maksud apabila dilihat dalam cahaya rancangan Allah yang kekal (ay. 28-30). Allah akan memastikan semua hal bekerja untuk kebaikan bagi mereka yang mengasihi-Nya, dan yang dipanggil menurut kehendak-Nya yang kekal.

Keseluruhan bahagian ini diselitkan dalam tema kemuliaan. Dia memulakan bahagian ini dengan menunjukkan kepada kita kemuliaan yang akan ditunjukkan kepada orang percaya (ay. 18) dan mengakhirinya dengan penekanan yang sama bahawa Allah akan memuliakan mereka yang telah dipanggil dan diperbenarkan-Nya (ay. 30).

**ay. 18-22** Paulus menyambung tema ini dalam ay. 17 bahawa orang percaya harus menderita bersama Kristus jika mereka ingin berkongsi kemuliaan-Nya. Dia meyakinkan orang Kristian di Roma bahawa penderitaan yang mereka lalui tidak boleh dibandingkan dengan masa hadapan yang indah dan kemuliaan yang telah dirancang oleh Allah bagi mereka. Ciptaan berjengket, menanti-nanti hal itu berlaku dengan penuh semangat, hari di mana Allah akan mendedahkan kepada anak-anak-Nya. Kerana dosa Adam, ciptaan berada di bawah kutukan Allah dan tidak dapat lagi memenuhi tujuan

mengapa ia dicipta. Walau bagaimanapun, ciptaan menanti dengan harapan untuk hari tersebut di mana ia akan dibebaskan daripada ikatan dan berkongsi kebebasan dan kemuliaan anak-anak Allah.

Paulus menambah bahawa telah nyata kepada semua orang semua ciptaan mengerang sehingga sekarang. Rintihan itu tidak sia-sia atau merupakan gejala putus harapan. Ia 'mengerang bagaikan sakit melahirkan anak', seperti seorang perempuan yang kesakitan sebelum melahirkan tetapi



bergembira apabila teringat akan anaknya yang akan dilahirkan.

**ay. 23-25** Walau bagaimanapun, bukan ciptaan sahaja yang mengerang, orang percaya turut mengerang, menanti-nanti tubuh kita dibebaskan daripada dosa dan penderitaan, walaupun kita mempunyai Roh Kudus dalam diri kita sebagai pengalaman sebelum berkat Allah pada masa akan datang. Dan Paulus mengatakan bahawa orang percaya menanti dengan bersemangat akan hari di mana Allah akan memberi kita hak penuh sebagai anak-anak yang diangkat-Nya, termasuklah tubuh baru yang telah dijanjikan-Nya bagi kita. Ini adalah harapan di mana kita akan diselamatkan tetapi harapan ini belum lagi dinyatakan sepenuhnya.

Kemudian Paulus menyatakan maksud harapan dengan memberitahu kita bahawa harapan yang boleh dilihat bukanlah harapan. Tetapi sekiranya kita belum melihat sesuatu yang sangat kita ingini, harapan tersebut menjadi bermakna dan kita menanti dengan bersemangat dan sabar. Oleh itu harapan adalah bahagian penting dalam menjadi seorang Kristian. Kita adalah orang-orang yang sentiasa menanti apa yang belum datang tetapi kita menanti dengan sabar.

**ay. 26-27** Paulus menerangkan bagaimana Roh menolong orang percaya dalam kelemahan mereka ketika mereka menanti dan berharap akan apa yang dijanjikan oleh Allah. Dia menyebut berdoa sebagai contoh. Dia berkata bahawa oleh kerana kita tidak tahu bagaimana kita sepatutnya berdoa sebagai anak-anak Allah, Roh berdoa syafaat atau merayu kepada Bapa bagi kita dengan rintihan yang tidak boleh digambarkan dengan kata-kata. Walaupun manusia tidak mengerti akan rintihan Roh, Allah mengetahuinya. Dan Allah, yang mengenal seluruh hati kita, tahu apa yang dikatakan oleh Roh kerana Roh berdoa bagi kita dan selaras dengan kehendak Allah.

**ay. 28-30** Selain itu, Paulus mengisytiharkan bahawa kita tahu segala yang berlaku kepada kita mendatangkan kebaikan kepada mereka yang mengasihi Allah dan yang dipanggil menurut rancangan-Nya. Kita seringkali tidak mengerti apa yang dilakukan oleh Allah atau mengalu-alukannya tetapi kita tahu bahawa dalam semua situasi kita, apa yang kita lalui adalah sebahagian daripada rancangan Allah dan Dia bekerja ke arah kebaikan yang kekal bagi kita. Kita yang mengasihi Allah adalah orang yang telah dipanggil menurut rancangan ilahi.

Allah sudah mengenali kita sebelum kita dilahirkan dan Dia telah memilih kita untuk menjadi seperti Anak-Nya, Yesus. Tujuan-Nya adalah Yesus menjadi yang paling sulung di antara kita, iaitu saudara-saudara-Nya. Kemudian Dia

memanggil kita melalui pemberitaan injil untuk datang ke dalam hubungan dengan-Nya. Dia menjadikan kita benar di hadapan-Nya dan setelah itu memberi kita kemuliaan-Nya, sesuatu yang akan kita kongsi bersama Kristus apabila Dia datang untuk kali kedua.



### Teropong

- <sup>d</sup> Frasa 'menanti-nantikan' membawa maksud 'menjenguk' atau 'menjengah'. Oleh itu Paulus menggambarkan semua ciptaan menjengket kaki, menjengah kerana ia bersemangat mengharap hari di mana orang percaya akhirnya akan diserlahkan sepenuhnya sebagai anak-anak Allah.
- <sup>e</sup> Versi lain menterjemah perkataan ini sebagai 'buah pertama Roh'. 'Buah pertama' merujuk kepada tradisi orang Yahudi yang membawa hasil tuaian pertama ke rumah ibadat dan mempersembahkannya kepada Allah (Imamat 23:10-11). Ini mentahbiskan seluruh tuaian dan membawa jaminan bahawa akan ada tuaian seterusnya. Roh adalah jaminan atau buah pertama Allah, asas bagi harapan bahawa Allah mempunyai lebih banyak berkat untuk diberikan kepada umat-Nya pada hari penghakiman.



### Soalan

- 1) Pada pendapat anda, apakah jenis penderitaan yang Paulus nyatakan dalam ay. 18?
- 2) Mengapakah penderitaan kita tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan Allah tunjukkan dalam kita, anak-anak-Nya?
- 3) Mengapakah seluruh ciptaan menanti-nanti Allah menyerlahkan kemuliaan-Nya dalam anak-anak-Nya? (ay. 19-21)



- 4) Paulus menyebut tiga jenis rintihan dalam petikan ini. Kenalpasti siapa, sebab dan hasil yang diharapkan bagi setiap jenis rintihan.

	<i>Siapa</i>	<i>Sebab</i>	<i>Hasil</i>
ay. 22			
ay. 23			
ay. 26			

- 5) Bagaimanakah Paulus menjelaskan apakah harapan tersebut? (ay. 24-25)

- 6) Bagaimanakah Roh Kudus membantu kita di saat kita lemah? (ay. 26-27)

- 7) Apakah dorongan selanjutnya yang Paulus berikan kepada mereka yang mengasihi Allah (ay. 28)? Apakah tujuan Allah bagi mereka? (ay. 29-30)



### Mari Fikir Sejenak

- Apakah yang akan anda lakukan apabila menghadapi kesukaran ketika berdoa? Bagaimanakah petikan ini mendorong anda ketika anda menghadapi situasi demikian?
- Apakah yang anda biasanya lakukan apabila anda menghadapi masalah atau kesukaran? Bagaimana ay. 28 boleh menjadi pendorong kepada anda?



### Ayat Hafalan

Dan kita tahu bahawa dalam semua hal Allah bekerja untuk kebaikan orang yang mengasihi-Nya, yang telah dipanggil menurut rancangan-Nya.  
(Roma 8:28)

### III. Lebih daripada penakluk (ay. 31-39)

<sup>31</sup>Jadi, apakah yang akan kita katakan sebagai sambutan kepada hal ini? Jika Allah memihak kepada kita, siapa dapat melawan kita? <sup>32</sup>Dia tidak mengecualikan Anak-Nya sendiri, tetapi menyerahkan-Nya untuk kita semua. Oleh itu, tidakkah Dia, bersama Anak-Nya itu, juga akan memberikan segala-galanya kepada kita dengan rela? <sup>33</sup>Siapa yang mendakwa orang pilihan Allah? Allah yang memperbenar. <sup>34</sup>Siapakah yang dapat mempersalahkan kita? Kristus Yesus, yang telah mati, bahkan lebih daripada itu, yang telah dibangkitkan, berada di sebelah kanan Allah dan juga berdoa syafaat bagi pihak kita. <sup>35</sup>Siapa yang akan memisahkan kita daripada kasih Kristus? Kekacauan atau kesusahan atau penganiayaan atau kebuluran atau ketelanjangan atau bahaya atau pedang?

<sup>36</sup>Sebagaimana tersurat dalam Kitab Suci:  
"Kerana-Mu kami menghadapi maut sepanjang hari;  
Kami dianggap sebagai domba untuk disembelih."

<sup>37</sup>Tidak! Dalam semua hal ini kita lebih daripada para penakluk melalui Dia yang mengasihi kita. <sup>38</sup>Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para malaikat mahupun para penguasa, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apa pun, <sup>39</sup>ketinggian mahupun kedalaman, baik apa pun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

**Nota****Ringkasan ay. 31-39**

Petikan ini adalah kemuncak di mana Paulus menyimpulkan hujah-hujah yang telah dinyatakannya dalam penjelasan dan pembelaannya tentang injil. Dia bertanya beberapa soalan retorik sebagai cara untuk mendorong para pembacanya supaya mereka yakin akan kasih dan kesetiaan Allah.

Pertama, dia bercakap tentang kemustahilan sebarang tuduhan yang dibawa kepada orang percaya di hadapan Allah (ay. 31-34). Kemudian dia menyatakan keustahilan akan sesuatu yang boleh memisahkan orang percaya daripada kasih Allah dalam Kristus (ay. 35-39).

**ay. 31-32** Paul merumuskan hujahnya dengan beberapa soalan retorik, soalan-soalan yang tidak perlu dijawab kerana jawapannya begitu jelas. Berdasarkan hujahnya setakat ini tentang injil dan tentang apa yang telah Allah lakukan bagi kita, Paulus mengatakan bahawa tiada apa yang perlu diperkatakan lagi. Memandangkan Allah, Pencipta Yang Maha Kuasa berada di pihak kita, tiada sesiapa atau apa pun yang boleh melawan kita. Tiada apa pun yang boleh mereka lakukan untuk mengancam penyelamatan kita atau memisahkan kita daripada kasih Allah. Paulus menyatakan Allah telah mengorbankan bagi kita sesuatu yang amat berharga kepada-Nya, iaitu kehidupan Anak-Nya sendiri. Jika Allah tidak teragak-agak berbuat demikian, bolehkah kita tidak percaya bahawa Allah memberi kita setiap hal baik yang kita perlukan?

**ay. 33-34** Paulus bertanya soalan retorik lain, kali ini dia menggunakan semula gambaran Allah sebagai hakim dan umat manusia menghadap-Nya di ruang penghakiman. Dia berhujah bahawa Allah hakim kita tidak akan melayan sebarang kesalahan yang dijatuhkan kepada kita kerana Dia sendiri telah membebaskan kita daripada dosa melalui kematian Yesus, Anak-Nya. Banyak suara seperti suara Iblis atau musuh-musuh kita yang mungkin menuduh kita tetapi tiada satu pun tuduhan yang boleh ditegakkan kerana Allah telah memperbenarkan kita.

‘Dikutuk’ dalam satu ruang mahkamah bererti dijatuhkan hukuman kepada seseorang setelah dia diumumkan bersalah. Jawapan bagi soalan retorik ini sekali lagi *tiada seorang pun*. Dengan kematian-Nya, Kristus telah menyelamatkan kita daripada kutukan yang sepatutnya kita terima oleh kerana dosa-dosa kita. Selepas kematian-Nya, Dia telah dibangkitkan oleh Bapa, iaitu Hakim itu Sendiri, yang menerima korban Anak-Nya sebagai suatu dasar supaya kita diumumkan bebas daripada dosa. Setelah selesai pekerjaan penyelamatan, Yesus sekarang berada di tempat paling mulia, berdoa syafaat bagi kita di hadapan Allah dan melindungi kita dengan manfaat kerana kematian-Nya. Dengan Kristus sebagai Penyelamat kita, Paulus yakin boleh berkata bahawa

tiada seorang pun boleh mengutuk orang-orang yang percaya kepada-Nya.

**ay. 35-36** Berdasarkan semua yang telah dilakukan oleh Kristus bagi kita, Paulus bertanya jika ada sesiapa atau apa-apa pun yang boleh memisahkan kita daripada kasih Kristus. Dia menyenaraikan cubaan atau kesusahan yang mungkin menimbulkan keraguan dalam fikiran orang Kristian di Roma tentang kasih Kristus untuk mereka. Ini adalah penderitaan-penderitaan yang dihadapi oleh ramai orang Kristian gereja awal apabila mereka mempertahankan iman mereka. Kemungkinan orang Kristian Roma sendiri turut menghadapi cubaan yang sama dan ramai antara mereka yang menghadapinya beberapa tahun kemudian di bawah pemerintahan Maharaja Nero. Paulus sendiri telah mengalami situasi yang sama. Oleh itu dia tahu apa yang dikatakannya apabila dia menulis biar penderitaan pun tidak boleh memisahkan kita daripada kasih Kristus.

Kemudian Paulus memetik Mazmur 44:22 untuk mengukuhkan lagi apa yang baru dikatakannya. Pemazmur mengeluh kerana umat Allah mengalami penderitaan walaupun mereka setia. Oleh itu, dia memanggil Allah, yang kasih-Nya tidak berkesudahan, untuk menebus mereka. Paulus menyebut tentang hal ini bagi menunjukkan kebenaran bahawa walaupun kasih Allah tidak berkesudahan bagi umat-Nya, penderitaan adalah sebahagian daripada hidup mereka meskipun mereka sentiasa setia kepada-Nya.

**ay. 37-39** Sekarang barulah Paulus menjawab soalan yang diajukannya dalam ay. 35 sama ada sesuatu boleh memisahkan kita daripada kasih Kristus. Jawapannya bergema ‘Tidak’! Apa pun dilalui oleh umat Allah, dalam semua penderitaan yang kita alami, kita lebih daripada pemenang melalui Kristus yang telah membuktikan kasih-Nya kepada kita. Yesus memberikan kita yang dikasihi-Nya keupayaan untuk memenangi segala kesusahan.

Paulus mengakhirinya dengan suatu nota kemenangan yang sangat peribadi. Dia sangat pasti dan yakin sepenuhnya



bahawa tiada apa pun yang boleh memisahkan orang percaya daripada kasih Kristus. Dia menyenaraikan pelbagai perkara bagi menguatkan hujahnya bahawa sesungguhnya tiada apa pun yang boleh memisahkan mereka daripada kasih Allah yang menjadi milik mereka melalui Kristus Tuhan mereka.

**Soalan**

- 1) Apakah dorongan yang anda peroleh daripada jawapan Paulus bagi soalan pertamanya dalam ay. 31?
  
- 2) Apakah dasar keyakinan Paulus? (ay. 32)
  
- 3) Mengapakah Paulus begitu yakin bahawa tiada seorang pun yang boleh mengutuk atau mendakwa umat Allah? (ay. 33-34)
  
- 4) Bagaimanakah kekacauan, kesusahan, penganiayaan, kebuluran, kemiskinan, bahaya atau kematian boleh menyebabkan kita meragui kasih Allah kepada kita? (ay. 35-36)
  
- 5) Menurut Paulus, adakah yang boleh memisahkan kita daripada kasih Kristus (ay. 37-39)? Mengapakah Paulus amat yakin tentang hal ini?

**Mari Fikir Sejenak**

- Daripada semua perkara yang disenaraikan oleh Paulus dalam ay. 35-38, perkara manakah yang paling memberi kesan kepada anda?
  
- Apakah dorongan yang boleh anda peroleh daripada kata-kata Paulus bagi membantu anda mempunyai kemenangan mengatasi keraguan atau ketakutan akan Allah tidak mengasihi anda atau tidak ada di sisi anda ketika anda sangat memerlukan-Nya?

**Suatu Pegangan Hidup**

Apabila anda menghadapi kesukaran atau anda tertanya-tanya sama ada Allah benar-benar mengasihi anda, ingatlah kata-kata Paulus: Baik apa pun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

**Ayat Hafalan**

Kerana aku yakin bahawa kematian mahupun kehidupan, para malaikat mahupun para penguasa, masa kini mahupun masa depan, baik kuasa apa pun, ketinggian mahupun kedalaman, baik apa pun yang lain dalam seluruh ciptaan, tidak akan dapat memisahkan kita daripada kasih Allah yang di dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.  
(Roma 8:38-39)



## I. Pilihan Allah yang utama (ay. 1-18)

**9** Aku berkata benar dalam Kristus. Aku tidak berdusta, hati nuraniku mengesahkannya dalam Roh Kudus. <sup>2</sup>Aku teramat sedih dan gundah dalam hatiku. <sup>3</sup>Kerana aku rela terkutuk<sup>a</sup> dan terpisah daripada Kristus untuk kepentingan saudara-saudara sebangsaku. <sup>4</sup>Mereka itu orang Israel. Untuk mereka pengangkatan sebagai anak Allah; untuk mereka kemuliaan ilahi; perjanjian-perjanjian; penerimaan hukum, ibadat di rumah ibadat, dan janji-janji. <sup>5</sup>Mereka ialah keturunan nenek moyang yang termasyhur. Bahkan dari antara mereka jugalah Kristus lahir sebagai manusia. Dialah yang terutama dari segala sesuatu. Terpujilah Allah selama-lamanya. Amin.

<sup>6</sup>Ini tidaklah bererti Firman Allah telah gagal. Kerana bukan semua keturunan Israel itu diterima sebagai Israel. <sup>7</sup>Juga bukan semua keturunan Abraham diterima sebagai anak-anak Abraham. Sebaliknya, "Melalui Ishak benih keturunanmu akan dipanggil." <sup>8</sup>Ini bererti, anak-anak Allah bukanlah keturunan tabii Abraham tetapi anak-anak janji Allah. <sup>9</sup>Kerana demikianlah kata-kata janji itu: "Pada masa yang ditetapkan Aku akan kembali, dan Sara akan mendapat seorang anak lelaki."

<sup>10</sup>Bukan itu sahaja, malah kedua-dua anak lelaki Ribkah mempunyai bapa yang sama, iaitu

Ishak, bapa kita. <sup>11</sup>Namun demikian, sebelum anak kembar itu dilahirkan dan sempat berbuat baik atau jahat – untuk menegakkan kehendak Allah dalam pemilihan: <sup>12</sup>bukan dengan kerja amal tetapi dengan Dia yang memanggil – Ribkah telah diberitahu: "Yang tua akan melayan yang muda." <sup>13</sup>Sebagai mana tersurat dalam kitab suci: "Yakub Kukasihi, tetapi Esau Kubenci."

<sup>14</sup>Jadi, apa yang akan kita katakan? Adakah Allah tidak adil? Sama sekali tidak!

<sup>15</sup>Kerana Dia telah berkata kepada Musa,

"Aku akan mengasihani sesiapa yang Kukasihani. Dan Aku akan berbelas kasihan kepada sesiapa yang Kubelaskasihi."

<sup>16</sup>Oleh itu hal demikian bergantung bukan kepada keinginan atau usaha manusia tetapi kepada belas kasihan Allah. <sup>17</sup>Kerana Kitab Suci berkata kepada Firaun: Aku telah mengangkatmu untuk tujuan ini, iaitu menunjukkan kekuasaan-Ku melaluimu dan supaya nama-Ku termasyhur di seluruh bumi. <sup>18</sup>Dengan demikian Allah mengasihani sesiapa yang hendak dikasihani-Nya, dan mengeraskan hati sesiapa yang hendak dikeraskan-Nya hati.

### Nota

Roma 9-11<sup>b</sup> memainkan peranan penting dalam injil Paulus tentang kebenaran Allah. Kebimbangan yang Paulus utamakan dalam bab 9-11 adalah bangsanya sendiri, iaitu bangsa Yahudi, satu kebimbangan yang didorong oleh kegagalan majoriti daripada mereka untuk meresponi injil dengan positif. Dia perlukan orang Kristian di Roma untuk memahami bagaimana rancangan penyelamatan Allah melalui Kristus sejajar dengan apa yang telah dijanjikan-Nya dalam Perjanjian Lama. Kerana sehingga zamannya, jelas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Yahudi tidak mepedulikan injil. Menyedari bahawa takdir Israel berkait rapat dengan soal kebenaran Allah, Paulus akan berhujah bahawa cara Allah tidak pernah berubah kerana Dia sentiasa dan akan terus setia kepada janji-janji-Nya. Penolakan bangsa Israel tidak akan menggagalkan tujuan ilahi Allah tetapi Allah menggunakan-nya untuk memasukkan bangsa-bangsa lain – dan akhirnya bangsa Israel sendiri – dalam rancangan penyelamatan-Nya.

### Ringkasan ay. 1-18

Dalam bahagian ini, Paulus menunjukkan bahawa firman Allah tidak gagal dalam tujuannya walaupun ramai orang Yahudi gagal untuk percaya kepada Mesias. Bukan semua orang Yahudi tergolong dalam keluarga Allah. Hanya mereka yang benar-benar dipilih oleh Allah sahaja yang boleh dianggap sebagai umat-Nya. Paulus bermula dengan menyatakan kesakitan dan kesedihannya yang mendalam atas penolakan bangsanya terhadap injil yang diberitakannya (ay. 1-5).

Walaupun Allah telah memberikan banyak berkat dan janji kepada orang Yahudi, umat pilihan-Nya, majoriti daripada mereka tidak menerima penyelamatan yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dalam Kristus. Dia meneruskan hujahnya dengan berkata tidak semua orang Israel dianggap sebagai umat-Nya (ay. 6-13). Bukan semua keturunan



Abraham dianggap keturunan sebenar Allah tetapi hanya mereka yang dilahirkan melalui Ishak dan Yakub. Paulus kemudian mempertahankan keadilan Allah dalam membuat pilihan tersebut (ay. 14-18). Oleh kerana Allah adalah Pencipta, Allah berhak penuh untuk memilih sesiapa yang ingin diberi belas kasihan-Nya. Soalan mengenai siapa yang menerima berkat atau siapa yang dipilih untuk menunjukkan kuasa-Nya bukan atas keputusan atau usaha manusia melainkan Allah sendiri.

**ay. 4-5** Dia menunjukkan keistimewaan dan berkat yang telah diberikan kepada bangsa Israel sebagai umat Allah. Allah telah memilih dan mengangkat Israel sebagai bangsa-Nya. Mereka telah mengalami kehadiran-Nya yang mulia di antara mereka. Allah telah membuat perjanjian dengan mereka dan memberikan hukum-Nya kepada mereka. Dia juga memberi mereka keistimewaan untuk menyembah-Nya dan menerima janji-janji-Nya yang menakjubkan. Mereka adalah keturunan Abraham, Ishak dan Yakub, nenek moyang bangsa Israel. Kemuncak senaia berkat Paulus ialah mengingatkan mereka bahawa Kristus sendiri adalah seorang Israel yang lahir sebagai manusia daripada nenek moyang mereka. Kemudian Dia berhenti seketika untuk memuji Allah yang berkuasa ke atas segala-galanya dan layak menerima segala pujian yang kekal.

**ay. 6-9** Paulus seterusnya menunjukkan bahawa Allah tidak pernah gagal untuk memenuhi janji-Nya. Bertentangan dengan kepercayaan orang Yahudi, lahir sebagai orang Israel tidak menjadikan orang Yahudi anak-anak Allah. Menjadi keturunan Abraham juga tidak menjadikan mereka anak-anak Abraham dan anak-anak Allah. Sebelum bangsa Israel ada, Allah telah merancang janji-Nya kepada Abraham (Kejadian 17:5-7, 19) akan dipenuhi melalui Ishak, anak lelaki Abraham yang lahir dari Sara dan bukan dari Hagar, orang suruhan Sara. Dan Allah memelihara janji-Nya kepada Sara dan memberinya seorang anak lelaki, iaitu Ishak, walaupun usianya tidak memungkinkannya mengandung.

**ay. 10-13** Paulus meneruskan hujahnya dengan memberikan contoh tentang Ishak dan isterinya, Ribka dan dua orang anak lelaki mereka, Yakub dan Esau. Mungkin ada yang beranggapan Allah memilih Ishak berbanding Ismael (anak lelaki Abraham dari Hagar) kerana Ismael hanyalah anak seorang perempuan suruhan. Namun, Paulus menyatakan bahawa status Yakub dan Esau adalah sama kerana mereka mempunyai bapa yang sama, iaitu Ishak. Mereka juga belum dilahirkan ketika Allah memberitahu Ribka Dia telah memilih Yakub, bukannya Esau. Paulus membahas bahawa Allah sendiri yang menentukan siapa keturunan sebenar Abraham. Pilihan-Nya adalah berdasarkan kehendak dan rancangan-Nya sendiri dan bukan berdasarkan nenek-moyang seseorang atau apa yang telah dilakukannya. Oleh itu bukan semua anak-anak Abraham adalah keturunannya yang

sebenar. Keturunannya yang sebenar adalah mereka yang lahir dari Ishak dan Yakub.

**ay. 14-18** Paulus tahu bahawa apa yang telah dikatakannya tentang kedaulatan Allah dalam memilih siapa yang Dia mahu akan membuat orang menganggap Allah tidak adil. Dia menolak hal ini dengan tegas. Bagi Paulus, tidak mungkin Allah yang adil bertindak tidak adil. Paulus berkata apabila Allah memilih, ia tiada kena-mengena dengan ketidakadilan Allah; ia berkenaan dengan belas kasihan Allah ketika Dia memilih. Dia menyebut firman Allah kepada Musa untuk menyokong hujahnya bahawa Allah adalah benar dan bebas memilih siapa yang dikehendaki-Nya untuk menerima rahmat-Nya. Dia mengeraskan hati Firaun supaya kuasa-Nya boleh ditunjukkan dan menjadikan-Nya masyhur di mana sahaja. Sangat nyata dari Kitab Suci bahawa Allah memilih sesiapa yang hendak dikasihani-Nya dan siapa yang hendak dikeraskan hatinya dalam dosa mereka. Kita tidak boleh memilih atau berusaha untuk itu.



### Teropong

<sup>a</sup> Perkataan Yunani bagi 'terkutuk' adalah *anathema* dan ia menggambarkan seseorang yang disingkirkan atau dipulaukan daripada umat Allah. Dalam Perjanjian Baru, ia merujuk kepada seseorang yang dipulaukan daripada komuniti gereja. Keinginan Paulus yang ingin menerima kutukan Allah bagi bangsanya menggambarkan kasihnya yang begitu besar bagi bangsanya Israel.

<sup>b</sup> Satu ciri penting Roma 9-11 adalah panjang yang berjela-jela. Ia mengandungi 90 ayat yang jauh lebih panjang dengan surat-surat Paulus yang lain. Para sarjana percaya ini menggambarkan apa yang ditulis oleh Paulus di sini pastinya mempunyai kepentingan besar kepadanya. Ia juga mengandungi sejumlah besar petikan ayat-ayat dari Perjanjian Lama. Dalam 90 ayat ini sahaja terdapat 35 petikan secara langsung (seluruh buku Roma mengandungi 51) serta banyak lagi rujukan dan ringkasan bahan Perjanjian Lama. Paulus pasti telah bekerja keras dalam mengarang teks-teks alkitabiah dalam satu hujah yang begitu teknikal dan terperinci seperti yang satu ini.





### Soalan

- 1) Bagaimanakah Paulus menggambarkan perasaannya terhadap bangsanya? (ay. 1-3)
  
- 2) Mengapakah Paulus berperasaan demikian tentang bangsa Israel? (ay. 4-5)
  
- 3) Adakah janji Allah kepada Israel telah gagal (ay. 6)? Mengapa?
  
- 4) Menurut Paulus, siapakah keturunan sebenar Abraham? (ay. 7-9)
  
- 5) Apakah contoh-contoh yang diberikan oleh Paulus bagi menyokong hujahnya bahawa janji Allah tidak pernah gagal (ay. 7-13)? Apakah yang cuba disampaikan oleh Paulus?
  
- 6) Mengapakah sesetengah orang mungkin menuduh Allah tidak adil? (ay. 14)

- 7) Bagaimanakah Paulus menjawab tuduhan tersebut? (ay. 15-18)



- Pada pendapat anda, apakah janji-janji dalam Alkitab yang Allah belum penuhi untuk anda? Adakah Allah telah gagal dalam menepati janji-Nya kepada anda? Mengapa tidak anda berbicara kepada Allah tentang hal ini sekarang?
  
- Apakah dorongan yang boleh anda peroleh dari Paulus bahawa Allah sentiasa memegang janji-janji-Nya?



Allah bukanlah manusia sehingga Dia berbohong, bukan anak manusia sehingga Dia menyesal dan berubah fikiran. Jika Dia berfirman, masakan Dia melakukannya? Jika Dia berbicara, tidak akankah Dia laksanakannya?  
(Bilangan 23:19)

**II. Kemarahan dan belas kasihan Allah (ay. 19-29)**

<sup>19</sup>Seorang daripadamu akan berkata kepadaku, “Kalau begitu, mengapa masih menyalahkan kita? Kerana siapa yang dapat menentang kehendak-Nya?” <sup>20</sup>Tetapi siapakah engkau, hai manusia, maka engkau menghujahi Allah? “Adakah ciptaan berkata kepada penciptanya, ‘Mengapa kau buat aku begini?’” <sup>21</sup>Tidakkah tukang tembikar berhak membuat daripada segumpal tanah liat yang sama, beberapa bekas tembikar untuk tujuan mulia dan yang lain untuk kegunaan biasa?

<sup>22</sup>Bagaimana jika Allah, untuk menunjukkan kemurkaan-Nya dan menyatakan kekuasaan-Nya, setelah begitu bersabar terhadap orang yang dimurkai-Nya, membuat persediaan untuk membinasakan? <sup>23</sup>Bagaimana jika Dia berbuat demikian untuk memperlihatkan betapa besar kemuliaan-Nya kepada orang yang menjadi tumpuan belas kasihan-Nya, yang telah disediakan-Nya terlebih dahulu untuk kemuliaan, <sup>24</sup>justeru kita, yang telah dipanggil-Nya, bukan hanya daripada kalangan orang Yahudi tetapi juga daripada

kalangan bangsa asing? <sup>25</sup>Sebagaimana telah disampaikan-Nya melalui Hosea:

“Aku akan memanggil mereka ‘umat-Ku’ sedangkan mereka bukan umat-Ku; dan Aku akan memanggil dia ‘orang yang Kukasihi’ sedangkan dia bukan orang yang Kukasihi.”

<sup>26</sup>Dan, akan terjadi bahawa di mana telah dikatakan kepada mereka,

‘Kamu bukan umat-Ku,’  
di situlah mereka akan dipanggil anak-anak Allah yang hidup.”

<sup>27</sup>Yesaya juga telah berseru tentang umat Israel:

“Walaupun bilangan anak Israel seperti pasir di tepi laut, hanya segelintir baki akan diselamatkan.

<sup>28</sup>Kerana Tuhan akan menjalankan hukumannya di atas bumi dengan segera dan muktamad.”

<sup>29</sup>Samalah seperti kata Yesaya sebelum itu:

“Sekiranya Tuhan alam semesta tidak membiarkan keturunan kita hidup, kita tentu telah menjadi seperti Sodom, tentu kita seperti Gomora.”

**Nota****Ringkasan ay. 19-29**

Paulus seterusnya membidas tuduhan yang mengatakan bahawa Allah tidak adil untuk meletakkan kesalahan ke atas manusia sedangkan Dia yang membuat pilihan. Paulus menegaskan lagi kedaukatan Allah dan membandingkan Dia dengan tukang tembikar yang berhak membuat tembikar mengikut tanah liat yang dipilihnya. Oleh yang demikian, manusia tidak berhak mencabar-Nya (ay. 19-21). Dia mengatakan bahawa Allah telah bersabar dengan hal yang menjadi kemurkaan-Nya supaya kemuliaan-Nya yang besar ditunjukkan kepada orang pilihan yang dibelas-kasihani-Nya (ay. 22-24). Ini termasuklah bangsa-bangsa asing dan hanya baki Israel seperti yang telah dinubuat dalam Kitab Suci (ay. 25-29).

**ay. 19-21** Paulus menjangka soalan yang mungkin mempersoalkan mengapa Allah boleh menyalahkan manusia kerana tindakan mereka sedangkan tiada manusia yang boleh menolak rancangan-Nya. Jadi dia menunjukkan bahawa mereka telah terlepas pandang hakikat bahawa mereka hanya manusia biasa, tidak berhak menyatakan hal sedemikian kepada Allah. Dengan cara yang sama, kita tidak boleh menjangka bentuk tembikar yang dibuat oleh pembuatnya dan mempersoalkan mengapa ia dibuat sedemikian rupa. Paulus berkata, tukang tembikar berhak membentuk apa sahaja daripada tanah liat mengikut kehendaknya. Dia boleh menghasilkan tembikar-tembikar daripada gumpalan tanah liat bagi tujuan istimewa atau tujuan biasa. Dengan cara yang sama, oleh kerana Allah adalah Pencipta, Dia berhak membuat keputusan tentang siapa yang dipilih-Nya.

**ay. 22-24** Dalam cara yang sama, Paulus menyambung, oleh kerana Allah adalah Pencipta kita, Dia mempunyai hak untuk

melakukan apa yang dikehendaki-Nya. Jadi, walaupun Dia berhak menunjukkan kuasa dan penghakiman-Nya kepada manusia kerana dosa kita, Dia telah memilih untuk menghadapi dengan sabar kedegilan manusia yang tidak menerima-Nya dan mereka yang telah ditakdirkan untuk kemusnahan. Allah juga telah merancang untuk memperlihatkan betapa besar kemuliaan-Nya kepada orang yang menjadi tumpuan belas kasihan-Nya, yang telah disediakan-Nya terlebih dahulu untuk menerima kemuliaan-Nya. Paulus mengingatkan orang Kristian di Roma bahawa mereka yang terdiri daripada orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing, termasuk dirinya sendiri, adalah antara orang-orang yang dipilih oleh Allah.

**ay. 25-26** Tambahnya lagi, hal ini telah dinubuatkan dalam Kitab Suci. Dia memetik dari Hosea (2:23, 1:10) untuk menunjukkan bahawa Allah telah merancang pada suatu hari nanti Dia akan membawa bangsa-bangsa asing ke dalam

keluarga-Nya. Walaupun di sini Hosea merujuk kepada kembalinya sepuluh suku utara Israel, maksud hujah Paulus cukup jelas. Bangsa-bangsa lain yang pada asalnya bukan sebahagian daripada umat pilihan Allah, orang Israel, suatu hari nanti akan turut menjadi kesayangan Allah dan sebahagian daripada keluarga-Nya.

**ay. 27-29** Sekarang dia beralih kepada bangsa Israel. Dia memetik dari Yesaya untuk menjelaskan jika bukan kerana rancangan penyelamatan Allah, Israel mungkin telah dimusnahkan sepenuhnya seperti Sodom dan Gomora. Dia menepati janji-Nya kepada orang Israel dengan menyelamatkan baki daripada mereka. Janji tersebut tidak gagal walaupun ia dipenuhin dengan cara yang tidak mereka jangkakan.

Petikan pertama sebenarnya merujuk kepada baki tawanan Asyria yang terselamat tetapi Paulus mengenal pasti hal itu sebagai sebahagian daripada orang Israel, termasuk dirinya sendiri, yang telah percaya kepada Kristus. Oleh itu fakta bahawa ramai orang Yahudi pada zaman Paulus belum lagi menerima Kristus tidak bermaksud firman Allah telah gagal. Firman Allah sendiri menyatakan 'hanya sebahagian kecil daripada mereka' yang akan diselamatkan. Mereka yang tidak setia akan dihakimi tetapi Allah setia kepada janji-Nya untuk memelihara suatu baki keturunan yang akan meneruskan warisan berkat dan misi Israel.

 **Soalan**

- 1) Apakah bantahan yang dijangkakan oleh Paulus dalam ay. 19?
  
- 2) Bagaimanakah Paulus menjawab bantahan itu (ay. 20)? Bagaimanakah ilustrasi tukang tembikar dan tanah liatnya membantu kita memahami jawapan Paulus? (ay. 20-22)
  
- 3) Dengan cara apakah Allah telah berpanjang sabar? (ay. 20-22)

- 4) Siapakah tumpuan atau wadah belas kasihan Allah (ay. 23-24)? Apakah yang telah disediakan oleh Allah untuk mereka?
  
- 5) Apakah tujuan Paulus memetik Hosea? (ay. 25-26)
  
- 6) Apakah tujuan Paulus memetik Yesaya? (ay. 27-29)



Dengan cara apakah anda telah diberkati oleh Allah dengan kasih dan belas kasihan-Nya yang berlimpah-limpah? Senaraikan berkat-berkat Allah kepada anda dan berdoa serta berterima kasihlah kepada-Nya.



Bagaimanakah anda menjadikan sikap bersyukur kepada Allah bagi berkat-berkat-Nya sebagai suatu rutin dalam kehidupan anda? Contohnya, sebelum anda masuk tidur pada setiap malam, ambil masa lima minit untuk memikirkan perkara-perkara yang telah berlaku sepanjang hari tersebut yang anda ingin mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Allah.

Atau anda boleh cadangkan idea anda sendiri!

**III. Israel yang tidak beriman (ay. 30-33)**

<sup>30</sup>Jadi, apa yang akan kita katakan? Bahawa bangsa-bangsa asing, yang tidak mengejar<sup>c</sup> perbenaran, telah mendapatinya, iaitu perbenaran berasaskan iman. <sup>31</sup>Sebaliknya orang Israel, yang mengejar<sup>d</sup> perbenaran berasaskan hukum, tidak dapat mencapainya. <sup>32</sup>Mengapa tidak? Kerana mereka mengejarnya bukan dengan iman, tetapi seolah-olah dengan mengamalkan kerja amal.

Mereka tersandung pada batu sandungan.

<sup>33</sup>Sebagai mana telah tersurat:

“Aku telah meletakkan di Sion seketul batu yang menyebabkan orang tersandung dan sebuah batu pejal yang membuat mereka terjatuh, dan orang yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan.”

**Nota****Ringkasan ay. 30-33**

Paulus kini merumus hujah-hujahnya mengapa orang Israel, walaupun telah menjadi penerima janji dan berkat Allah, telah menolak injil. Bangsa-bangsa asing telah dimasukkan ke dalam umat baru Allah kerana mereka telah meresponi mesej injil dalam iman walaupun mereka tidak mengejarnya. Namun, Israel telah gagal diperbenar dengan Allah walaupun mereka mengejarnya kerana mereka cuba mencapai matlamat mereka melalui kerja amal mereka. Mereka tidak sedar bahawa kebenaran Allah terletak dalam Kristus dan kerana itu Kristus telah menjadi ‘batu sandungan’ mereka.

**ay. 30-32** Paulus merumus hujahnya dengan berkata pada akhirnya bangsa-bangsa asing, dan bukannya Israel, yang diperbenar dengan Allah. Paulus menggunakan metafora atau gambaran suatu perlumbaan bagi menunjukkan perbandingan antara bangsa-bangsa asing dengan orang Israel. Israel digambarkan sebagai pelari yang berlumba menuju matlamat hukum, iaitu diperbenar dengan Allah tetapi telah gagal. Sebaliknya, bangsa-bangsa asing, meskipun mereka tidak mengejarnya, telah diperbenar dengan Allah melalui iman. Sebab kegagalan Israel adalah kerana mereka berfikir mereka boleh mencapainya dengan mengamalkan hukum dan bukan dengan menerimanya sebagai kurnia daripada Allah dengan percaya kepada Kristus.

**ay. 33** Paulus menutup bahagian ini dengan mengutip dua petikan dalam Yesaya (8:14; 28:16). Dia melihat Kristus sebagai suatu dasar di mana mereka boleh membina sesuatu. Walaupun Dia adalah sumber pertolongan mereka, Dia juga seperti batu sandungan bagi orang yang tidak mahu percaya. Batu tersebut bukan sahaja batu sandungan malah seketul batu yang membuatkan mereka terjatuh. Orang Yahudi ‘tersandung’ dan ‘terjatuh’ ke atas Kristus kerana mereka tidak mahu percaya kepada-Nya. Tetapi bagi sesiapa yang percaya kepada Kristus, Paulus meyakinkan mereka bahawa mereka tidak akan diaibkan.

**Soalan**

- 1) Apakah kesimpulan yang dibuat oleh Paulus tentang bangsa-bangsa asing? (ay. 30)
- 2) Mengapakah orang Israel tidak menemui hukum Allah yang akan memperbenar mereka dengan Allah? (ay. 31-32)
- 3) Siapakah atau apakah yang menjadi batu sandungan kepada orang Yahudi (ay. 32)? Dengan cara apakah Dia menjadi batu sandungan? (ay. 33)

**Teropong**

<sup>c,d</sup> Terjemahan paling tepat bagi kedua-dua perkataan ini adalah ‘meneruskan’. Dalam fikirannya, Paulus membayangkan seseorang yang sedang berlari dalam suatu perlumbaan menuju ke garisan penamat.



**10** *Saudara-saudaraku, hasrat hatiku dan doaku kepada Allah tentang orang Israel ialah semoga mereka akan diselamatkan. <sup>2</sup>Aku dapat memberi kesaksian bahawa mereka bersungguh-sungguh dalam ibadat kepada Allah, tetapi kesungguhan mereka tidak berasaskan*

*pengetahuan yang benar. <sup>3</sup>Oleh sebab mereka tidak mengetahui perbenaran yang datang daripada Allah dan mereka berusaha menegakkan perbenaran mereka sendiri, maka mereka tidak tunduk kepada perbenaran Allah. <sup>4</sup>Kristus adalah titik tamat<sup>a</sup> hukum supaya perbenaran didapati oleh setiap orang yang beriman.*



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-4

Dalam bahagian ini Paulus menawarkan penjelasan kedua tentang kegagalan orang Israel menerima perbenaran Allah dan diselamatkan. Dia meluahkan kebimbangan yang mendalam bagi umatnya dan berdoa kepada Allah supaya mereka diselamatkan (ay. 1). Dia mengakui kesungguhan mereka kepada Allah tetapi dia menambah bahawa kesungguhan mereka tidak berasaskan pengetahuan (ay. 2). Mereka menegakkan perbenaran mereka sendiri melalui hukum dan tidak menerima kurnia Allah untuk memperbenarkan mereka melalui iman kepada Kristus (ay. 3). Mereka gagal mengetahui bahawa tujuan hukum adalah Kristus yang telah memungkinkan semua orang yang percaya diperbenarkan dengan Allah (ay. 4).

**ay. 1** Walaupun orang Yahudi telah menolak injil, Paulus tidak berputus asa dengan mereka. Sekali lagi dia berkongsi kasih dan keprihatinannya yang mendalam terhadap mereka. Dia mengingatkan orang Kristian di Roma betapa dia rindu dan berdoa untuk penyelamatan orang Yahudi yang belum percaya supaya mereka akan memahami bahawa kritiknya terhadap bangsanya sendiri datang kerana keprihatinannya kepada mereka.

**ay. 2-3** Dia mengakui bahawa kesungguhan bangsa Yahudi dalam beribadat kepada Allah. Walau bagaimanapun, ia tidak cukup ikhlas dan boleh disalah-ertikan. Kesungguhan mereka untuk mentaati Hukum Allah telah menjadikan mereka buta kepada rancangan besar Allah. Mereka terlalu berusaha untuk diperbenar dengan Allah tetapi mereka telah mengikut jalan yang salah kerana mereka menyangka bahawa mereka boleh mencapainya melalui mentaati hukum dengan bersungguh-sungguh. Mereka gagal memahami bahawa Allah dalam kasih kurnia-Nya telah melakukannya bagi mereka melalui Anak-Nya Yesus. Oleh yang demikian mereka tidak mahu menerima cara yang telah disediakan oleh Allah di mana semua orang boleh diperbenar dengan-Nya melalui iman kepada Anak-Nya.

**ay. 4** Paulus tiba di kemuncak bahagian ini. Dia mengatakan bahawa Israel telah gagal untuk menyedari bahawa Kristus adalah matlamat hukum yang mereka kejar dengan bersungguh-sungguh. Apa yang ditunjukkan oleh hukum sepanjang masa ini adalah tidak lain daripada hakikat bahawa Allah akan memperbenarkan mereka melalui Kristus. Kini Kristus telah datang, zaman hukum telah berakhir dan semua orang yang percaya dapat diperbenar dengan Allah, sama ada orang Yahudi atau bukan Yahudi.



### Teropong

<sup>a</sup> Jika kita membayangkan hukum sebagai suatu perlumbaan, Kristus adalah garisan penamatnya. Orang Yahudi terlalu menumpukan kepada perlumbaan sehingga mereka terlupa tentang garisan penamat. Dengan kedatangan Kristus, garisan penamat tersebut telah dicapai tetapi orang Israel gagal untuk mengenalnya.



### Soalan

- 1) Apakah keinginan dan doa Paulus terhadap Israel? (ay. 1)
- 2) Menurut Paulus, adakah dengan beribadat kepada Allah sahaja yang diperlukan untuk diselamatkan? Apa yang salah dengan kesungguhan orang Yahudi? (ay. 2-3)
- 3) Apakah hasil Kristus menjadi titik penamat kepada hukum? (ay. 4)



### Mari Fikir Sejenak

- Sekiranya seseorang memberitahu anda bahawa ia tidak kisah apa yang anda percaya asalkan anda ikhlas, bagaimanakah respons anda?
- Sebagai seorang Kristian, apakah yang anda fahami tentang bagaimana Allah memperbenarkan anda dengan-Nya?

**II. Penyelamatan untuk semua (ay. 5-21)**

<sup>5</sup>Musa telah menulis tentang perbenaran berasaskan hukum Taurat, "Sesiapa yang melakukan hal-hal ini akan hidup mengikutnya."<sup>b</sup> <sup>6</sup>Tetapi perbenaran berasaskan iman berkata demikian, "Jangan bertanya dalam hatimu, 'Siapa yang akan naik ke syurga?' (untuk membawa Kristus turun) <sup>7</sup>atau, 'Siapa yang akan turun ke alam kubur?'<sup>c</sup> (untuk membawa Kristus naik daripada kematian)." <sup>8</sup>Apakah yang dikatakan? "Firman itu begitu dekat denganmu, dimulutmu dan dihatimu (iaitu firman tentang iman yang kami isytiharkan): <sup>9</sup>Jika kamu akui dengan mulutmu bahawa Yesus ialah Tuhan<sup>d</sup> dan percaya dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan-Nya daripada kematian, kamu akan diselamatkan; <sup>10</sup>kerana dengan hatimu kamu beriman dan diperbenar, dan dengan mulutmu kamu mengaku lalu diselamatkan."<sup>11</sup> Sebagai mana tersurat dalam Kitab Suci, "Sesiapa yang percaya kepada-Nya tidak akan diaibkan."<sup>12</sup> Kerana tidak ada perbezaan antara orang Yahudi dengan orang Yunani, kerana Tuhan yang sama berkuasa atas semuanya dan melimpahkan berkat ke atas semua yang menyeru kepada-Nya. <sup>13</sup>Kerana "Sesiapa yang menyeru nama Tuhan akan diselamatkan."<sup>e</sup>

<sup>14</sup>Jadi, bagaimana mereka dapat menyeru kepada-Nya sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya? Dan bagaimana mereka dapat beriman kepada-Nya sedangkan mereka tidak

pernah mendengar tentang-Nya? Dan bagaimana mereka dapat mendengar sedangkan tiada sesiapa pun yang mengkhabarkan tentang-Nya? <sup>15</sup>Dan bagaimana orang dapat mengajar kecuali dihantar? Sebagaimana tersurat dalam kitab suci, "Alangkah indahnya kaki mereka yang membawa berita baik!" <sup>16</sup>Sebagaimana kata Yesaya, "Tuhan, siapa yang percaya akan perkhabaran yang kami sampaikan?" <sup>17</sup>Oleh itu, iman datang daripada mendengar perkhabaran itu, dan perkhabaran itu didengar melalui sabda Kristus. <sup>18</sup>Tetapi aku bertanya, "Tidakkah mereka mendengar?" Tentu sekali:

"Suara mereka telah tersebar ke serata bumi, dan kata-kata mereka telah sampai ke hujung dunia."

<sup>19</sup>Sekali lagi aku bertanya, "Tidakkah orang Israel mengerti?" Pertama, Musa berkata:

'Aku akan membuatmu iri hati dengan orang yang bukan satu bangsa;  
Aku akan membuatmu marah dengan satu bangsa yang tidak mengerti.'<sup>f</sup>

<sup>20</sup>Kemudian Yesaya lantang berkata, 'Aku telah ditemui oleh mereka yang tidak mencari-Ku; Aku menyatakan diri-Ku kepada orang yang tidak memohon kehadiran-Ku.'<sup>21</sup> Tetapi kepada orang Israel dia berkata, 'Sepanjang hari telah Kuhulurkan tangan-Ku kepada bangsa yang ingkar dan keras kepala.'

**Nota****Ringkasan ay. 5-21**

Paulus menyambung dalam ay. 5-13 dengan menjelaskan bagaimana Allah menjadikan manusia diperbenar dengan-Nya. Dengan berpandukan Kitab Suci, dia berhujah bahawa mesej mengenai diperbenar dengan Allah melalui iman bukan sesuatu yang jauh atau sukar ditemui (ay. 5-8). Ia terdapat dalam mesej yang dihutuhkannya dan ia berkenaan dengan mengakui Yesus sebagai Tuhan serta percaya bahawa Allah telah membangkitkan Dia dari kematian (ay. 9-11). Pengakuan dan iman sedemikian menuju akan membawa kepada penyelamatan bagi semua orang yang berseru kepada nama Yesus, baik orang Yahudi atau Yunani (ay. 12-13).

Dalam bahagian kedua dari ay. 14-21, dia mentakrifkan sebab-sebab bagi ketidaktaatan Israel dalam menolak injil. Dia bermula dengan mengatakan bahawa manusia hanya boleh memanggil Allah sekiranya ada orang utusan yang diutus bagi mengisytiharkan mesej injil kepada mereka dan mereka menjadi percaya kepada itu (ay. 14-15). Walau bagaimanapun, Israel telah menolak injil bukan kerana mereka belum mendengar mesej injil yang dikhabarkan ke seluruh bumi (ay. 16-18), ataupun mereka tidak memahami mesej tersebut (ay. 19-21). Paulus menyatakan bahawa Musa dan Yesaya telah bernubuat tentang hal itu dan oleh kerana umat-Nya sendiri keras kepala dan tidak taat, Allah akan menyatakan diri-Nya kepada bangsa-bangsa lain.



**ay. 5-8** Paulus meneruskan dengan menjelaskan mengapa cara orang Yahudi sendiri yang cuba mengamalkan hukum tidak membolehkan mereka diperbenar dengan Allah. Menurutnya, Musa menulis bahawa perbenaran manusia dengan Allah melalui hukum memerlukan ketaatan penuh kepada semua perintahnya, namun tiada seorang pun yang benar-benar boleh melakukannya. Walau bagaimanapun, cara iman melalui Kristus sangat dekat dengan mereka. Mereka tidak perlu naik ke syurga untuk mencari Kristus atau turun ke tempat orang mati untuk membangkitkan Kristus kerana Dia telah dibangkitkan dari kematian. Menurut Paulus, iman ada di mulut dan di hati mereka, iaitu injil yang dia isytiharkan.

**ay. 9-10** Paulus kini menjelaskan bahawa mesej itu adalah sekiranya kita percaya di dalam hati dan mengaku dengan mulut kita bahawa Yesus adalah Tuhan, yang telah dibangkitkan dari kematian oleh Allah Bapa, kita akan diselamatkan daripada penghakiman Allah. Bagi Paulus, iman melibatkan percaya dalam hati yang memperbenar seseorang dengan Allah dan pengakuan dengan mulut yang mengesahkan dia sudah diselamatkan. Percaya dalam hati dan pengakuan dengan mulut adalah dua tindakan berbeza tetapi keduanya adalah gambaran iman secara dalaman dan luaran.

**ay. 11-13** Paulus merujuk kepada Kitab Suci lagi untuk meyakinkan orang Kristian di Roma bahawa tidak ada orang yang percaya kepada Kristus yang akan menyesalinya. Ini adalah kerana tiada perbezaan antara orang Yahudi dengan bangsa-bangsa lain kerana kita semua mempunyai Allah yang sama yang merupakan Tuhan kepada semua orang dan yang memberkati semua orang yang datang kepada-Nya dalam iman. Selepas itu dia memetik Yoel 3:5 untuk menegaskan bahawa Allah memang akan menyelamatkan semua orang yang memanggil nama-Nya saat memerlukan pertolongan.

**ay. 14-15** Dari ay. 14-21 dan seterusnya, Paulus ingin menekankan ketidaktaatan Israel yang gagal menerima mesej injil walaupun ia telah dikhutbahkan kepada mereka. Dia bermula dengan mengajukan empat soalan retorik yang mengandungi bantahan terhadap pernyataannya bahawa 'semua orang yang berseru kepada Tuhan untuk pertolongan akan diselamatkan'. Alasannya adalah bahawa orang tidak dapat berseru kepada Allah kecuali Allah menghantar seseorang untuk mengkhabarkan berita baik supaya mereka boleh mendengar dan percaya. Itulah sebabnya Kitab Suci menyatakan orang yang dihantar untuk membawa berita baik disambut dengan kegembiraan yang besar.

**ay. 16-18** Walau bagaimanapun, Paulus mengisytiharkan bahawa bukan semua orang telah menyambut dan menerima berita baik injil walaupun telah mendengar ia dikhutbahkan.

Dia memetik dari Yesaya untuk menunjukkan bahkan pada zaman Yesaya sekali pun, bangsa Israel tidak percaya kepada mesej Allah kepada mereka. Paulus sekali lagi menekankan bahawa untuk percaya, seseorang harus mendengar tetapi untuk mendengar, mesej tentang Kristus harus diberitakan kepada mereka.

Paulus kemudian bertanya sebab orang Israel tidak menerima mesej tersebut kerana mereka sebenarnya belum mendengarnya. Jawapannya adalah mereka telah mendengarnya. Dia menyebutkan Mazmur 19:4 untuk menunjukkan sebagaimana wahyu Allah melalui ciptaan telah tersebar ke seluruh dunia, begitu juga melalui pelayanannya, mesej tentang injil telah disebarkan seluas-luasnya. Masalahnya adalah dengan pendengar, bukan mesej atau orang yang memberitakannya. Masalah orang Israel adalah bukan kerana mereka tidak mendengar mesej tersebut tetapi mereka tidak mempercayainya.

**ay. 19-21** Kemudian dia bertanya sama ada masalah ini adalah kerana orang Israel tidak memahami mesej tersebut. Paulus mengacu pada kata-kata Musa dan Yesaya untuk menunjukkan kegagalan orang Israel untuk menerima Kristus bukan kerana kekurangan pengertian, tetapi kedegilan dan keengganan mereka untuk mentaatinya. Allah telah bernubuat bahawa umat-Nya yang Dia kasihi dan terus menghulurkan tangan-Nya kepada mereka itu akan menjadi ingkar dan keras kepala. Mereka akan menolak-Nya dan menyebabkan Dia berpaling kepada bangsa-bangsa lain, orang yang tidak mencari atau meminta kepada-Nya. Oleh itu, masalahnya bukan kerana orang Yahudi gagal memahami injil tetapi mereka tidak mahu menerimanya.



### Teropong

- <sup>b</sup> Ini diambil dari Imamat 18:5. Di sini Musa mendesak orang Israel untuk mentaati hukum Allah dan memberi amaran kepada mereka bahawa orang yang gagal mentaati hukum ini akan diasingkan daripada bangsa mereka, manakala orang yang mentaatinya akan terus menikmati kehidupan di Tanah Perjanjian.
- <sup>c</sup> Ini adalah kata-kata Musa kepada orang Israel dalam Ulangan (9:9; 30:11-14) apabila orang Israel ingin memperbaharui perjanjian mereka dengan Allah. Paulus mahu menekankan bahawa sebagaimana hukum bukan sesuatu yang tersembunyi dan jauh dari bangsa Israel, begitu juga injil bukan sesuatu yang tersembunyi atau jauh dari sesiapa. Ia terbuka kepada orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain melalui mesej yang diisytiharkannya.



<sup>d</sup> Dalam Septuagint, iaitu Perjanjian Lama yang diterjemah ke dalam Bahasa Yunani, perkataan 'Tuhan' digunakan lebih daripada enam ribu kali bagi mewakili nama Allah, Yahweh. Oleh itu bagi Paulus, pengakuan bahawa 'Yesus adalah Tuhan' bermaksud Kristus adalah Allah sendiri, yang berkongsi nama, sifat, kesucian, kekuasaan, kedaulatan dan keabadian dengan Allah Yang Maha Esa.

Pengakuan 'Yesus adalah Tuhan' mungkin merupakan yang terawal antara semua pengakuan iman yang digunakan berhubung dengan pembaptisan dan dalam ibadat Kristian di kalangan orang Kristian awal. Hakikat bahawa Paulus memetikinya di sini menunjukkan bahawa ia adalah mungkin satu pengakuan yang terkenal di kalangan orang percaya di Roma.

<sup>e</sup> Pilihan kebangkitan sebagai sebahagian daripada mesejnya adalah penting kerana bagi Paulus kepercayaan bahawa Allah telah membangkitkan Yesus daripada kematian adalah kepercayaan Kristian yang khusus dan tersendiri. Seperti yang telah dikatakannya (1 Korintus 15:14) bahawa jika Kristus tidak dibangkitkan, maka khutbahnya adalah sia-sia, begitu juga iman kita. Kematian dan kebangkitan Kristus adalah doktrin-doktrin asas Injil Kristian kerana peristiwa itulah yang membuktikan kemenangan Kristus ke atas dosa dan kematian bagi pihak kita.

<sup>f</sup> Petikan dari Nyanyian Musa (Ulangan 32:21) di mana Musa menceritakan kembali betapa banyak berkat yang Tuhan telah anugerahkan kepada umat Israel dan menegur mereka kerana berpaling kepada tuhan-tuhan lain. Umat Israel telah membuat Tuhan cemburu ketika mereka berpaling kepada tuhan-tuhan lain, dan membuat-Nya marah dengan berhala-berhala mereka; oleh itu apabila Tuhan membawa penghakiman ke atas mereka, Dia akan membangkitkan cemburu mereka dengan bangsa-bangsa asing yang melalui mereka Tuhan akan menghukum Israel. Dalam ay. 20, dia menyebut Yesaya 65:1-2 bagi menjelaskan dengan lebih lanjut mengapa Israel tidak mengerti.

**Soalan**

1) Menurut Paulus, apakah yang dikatakan oleh Kitab Suci tentang diperbenar dengan Allah melalui iman (ay. 6-8)? Bagaimanakah ia berbeza daripada hukum? (ay. 5)

2) Apakah mesej tentang iman yang disampaikan oleh Paulus? (ay. 8-10)

3) Pada zaman Paulus, orang Kristian mengaku secara terbuka bahawa 'Yesus adalah Tuhan' pada pembaptisan mereka. Pada pendapat anda, mengapakah pengakuan dengan mulut penting bagi kepercayaan dalam hati? (ay. 9-10)

4) Berdasarkan ay. 14-17, apakah langkah-langkah penting yang diperlukan sebelum seseorang boleh beriman kepada Yesus?

5) Apakah alasan-alasan yang diberikan untuk penolakan umat Israel terhadap Injil (ay. 18-19)? Apakah respons Paulus?



Sekiranya rakan anda bertanya apakah yang dia harus lakukan untuk diselamatkan, bagaimanakah anda akan menjawabnya?

Paulus berkata melainkan ada orang yang diutus untuk berkongsi injil, orang lain tidak akan tahu mengenai mesej penyelamatan Allah. Siapakah orang yang anda terpenggil untuk berkongsi injil?



Orang Yahudi yang tidak percaya tidak menghalang Paulus daripada berdoa bagi mereka (ay. 1). Mengapa tidak anda mengambil sedikit masa untuk berdoa bagi nama-nama yang telah anda senaraikan di atas?





## I. Orang Israel (ay. 1-12)

**11** Oleh itu aku bertanya, “Adakah Allah telah menyingkirkan umat-Nya?” Sama sekali tidak! Aku sendiri seorang berbangsa Israel, keturunan Abraham, daripada suku Benyamin. <sup>2</sup>Allah tidak menyingkirkan umat-Nya yang telah dipilih-Nya dari dahulu. Tidakkah kamu tahu apa yang telah tersurat dalam Kitab Suci, di dalam petikan tentang Elia, betapa dia mengadu kepada Allah tentang Israel; <sup>3</sup>“Ya Tuhan, mereka telah membunuh nabi-nabi-Mu dan meruntuhkan mazbah-Mu; dan hanya aku yang tinggal, dan mereka sedang berusaha untuk mengambil nyawaku”? <sup>4</sup>Dan apakah jawapan Allah kepadanya? “Aku telah menyimpan untuk diri-Ku tujuh ribu orang yang tidak bertekuk lutut kepada Baal.” <sup>5</sup>Begitu jugalah, pada zaman ini, ada baki yang dipilih berasaskan kasih kurnia. <sup>6</sup>Jika dengan kasih kurnia, maka tidaklah lagi dengan kerja amal; sekiranya masih dengan kerja amal, kasih kurnia bukanlah kasih kurnia lagi.

<sup>7</sup>Jadi, bagaimana? Apa yang dicari Israel dengan begitu bersungguh-sungguh tidak didapati

oleh mereka, tetapi orang pilihan mendapatinya. Yang lain telah dikeraskan hatinya, <sup>8</sup>sebagaimana telah tersurat:

“Allah telah membuat mereka tidak sedar, mata tidak melihat, telinga tidak mendengar, sampailah hari ini.”

<sup>9</sup>Dan Daud berkata:

“Semoga meja perjamuan mereka menjadi jerat dan perangkap, batu sandungan dan balasan kepada mereka;

<sup>10</sup>Kelamkan mata mereka agar tidak dapat melihat, dan bongkokkan belakang mereka selama-lamanya!”

<sup>11</sup>Oleh itu aku bertanya, “Adakah mereka tersandung dan tidak dapat bangun semula?” Sama sekali tidak! Sebaliknya, kerana pelanggaran yang dilakukan oleh mereka, penyelamatan telah datang kepada bangsa-bangsa lain untuk membuat Israel iri hati. <sup>12</sup>Tetapi jika pelanggaran Israel bermakna kekayaan bagi dunia, dan kerugian mereka bermakna kekayaan bagi orang bukan orang Israel, betapa bergandanya lagi kekayaan yang akan dibawa oleh ketaatan mereka!



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-12

Tema bab 11 adalah Firman Allah tidak menggagalkan Israel dan penolakan-Nya terhadap umat-Nya, sama ada secara total atau terakhir. Dalam bab 10, Paulus telah merumuskan kegagalan Israel untuk menerima Injil adalah kerana ketidaktaatan dan kedegilan mereka. Ini membawa Paulus bertanya sama ada Allah telah benar-benar menolak umat-Nya (ay. 1-6). Dia menjawab ‘tidak’ dan terus berbicara tentang sebilangan kecil orang percaya yang telah dipilih oleh Allah dengan kasih kurnia-Nya.

Paulus kemudian menunjukkan satu perbezaan antara baki yang setia ini yang telah mencapai apa yang dicari oleh Israel, dan Israel ‘yang lain’ telah dikeraskan hatinya (ay. 7-10). Bertanya sama ada penolakan Israel terhadap Allah telah menyebabkan mereka tidak dapat diselamatkan, Paulus sekali lagi dengan tegas menjawab ‘tidak’ (ay. 11-12). Dia mengatakan bahawa kejatuhan mereka hanya sementara. Dia menegaskan bahawa sekiranya pelanggaran Israel menghasilkan berkat yang tidak terjangka untuk bangsa-bangsa lain, betapa besar lagi berkat yang akan terhasil apabila Israel kembali kepada Allah.

**ay. 1** Dalam bab 10, Paulus telah membuat kesimpulan bahawa sebab mengapa Israel secara keseluruhannya tidak mentaati Injil adalah kerana kedegilan mereka sendiri. Oleh kerana Israel telah menolak Injil Allah, soalan yang jelas untuk diajukan adalah sama ada Allah juga telah menolak Israel. Paulus menegaskan jawapannya adalah ‘tidak’. Fakta bahawa dia sendiri telah diselamatkan adalah bukti yang hidup bahawa Allah tidak meninggalkan umat-Nya. Ini bermakna Allah masih mempunyai tempat bagi mereka di dalam rancangan-Nya.

**ay. 2-4** Dia beralih kepada Perjanjian Lama untuk menunjukkan bahawa walau pada zaman Elia sekali pun, ketika seluruh bangsa berpaling kepada penyembahan berhala, Allah tidak menolak umat yang telah dipilih-Nya. Dengan kasih kurnia Allah, Dia memelihara sekumpulan kecil orang Israel yang taat berjumlah tujuh ribu orang yang tidak menyembah Baal. Baki ini yang diselamatkan oleh Allah menggambarkan komitmen-Nya yang berterusan kepada umat-Nya walaupun mereka tidak setia.



ay. 5-6 Begitu juga, Paulus berpendapat sama seperti terdapat baki di zaman Elia kerana Allah memelihara mereka untuk diri-Nya, begitu juga pada zaman ini terdapat baki kerana mereka telah dipilih dengan kasih kurnia Allah. Mereka ini adalah orang Yahudi, seperti dirinya, yang telah menerima Injil. Baki tersebut terpilih dengan kasih kurnia, bukan kerana kerja amal mereka. Sebagaimana Allah telah bertindak dalam sejarah Israel dengan kasih kurnia dan belas kasihan, begitu juga Allah bertindak dengan cara sama pada zaman sekarang.

ay. 7-10 Oleh itu Paulus merumuskan bahawa meskipun baki yang dipilih oleh Allah tersebut telah menerima Injil melalui kasih kurnia, sebahagian besar Israel yang sepatutnya diperbenar dengan Allah dengan menurut hukum telah mengeraskan hati mereka dan tidak mahu mendengar panggilan Allah. Dia menyebutkan dari beberapa petikan Kitab Suci (Ulangan 29:4, Yesaya 29:10, Mazmur 69: 22-23) bagi menekankan kekerasan hati dan kebutaan rohani Israel walaupun telah menerima kasih kurnia Allah. Kekerasan hati ini adalah hukuman Allah ke atas Israel. Allah mengeraskan hati mereka supaya mereka tidak dapat melihat apa yang mereka tidak akan dapat lihat atau mendengar apa yang mereka tidak akan dengar.

ay. 11-12 Paulus sekarang mengajukan soalan keduanya iaitu sama ada orang Yahudi yang tersandung adalah kekal dan tidak dapat dipulihkan semula. Sekali lagi dia menjawab 'tidak'. Penolakan orang Yahudi terhadap Kristus telah menyebabkan Injil disebarkan dengan jayanya di antara bangsa-bangsa asing. Niat Allah yang sementara dalam mengeraskan hati orang Yahudi bukanlah untuk meniggalkan mereka buat selama-lamanya. Tujuan-Nya adalah untuk menyediakan peluang bagi bangsa-bangsa lain untuk diselamatkan supaya apabila umat-Nya melihat bangsa-bangsa asing mengalami berkat-berkat Injil, mereka mungkin iri hati dan bertaubat, dan menerima Injil dengan hati yang rela. Jika keingkaran orang Yahudi membawa berkat berlimpah kepada bangsa-bangsa asing sekarang, kita menjangka berkat-berkat bagi dunia bangsa asing akan menjadi lebih besar apabila kesemua orang Yahudi bertaubat dan berpaling untuk beriman kepada Kristus.

**Soalan**

- 1) Apakah soalan yang ditanya oleh Paulus dalam ay. 1? Apakah jawapannya?

- 2) Apakah bukti yang digunakan oleh Paulus bagi menyokong jawapannya? (ay. 1)
- 3) Apakah yang cuba disampaikan oleh Paulus melalui ilustrasinya tentang Elia? (ay. 2-5)
- 4) Siapakah kumpulan manusia pada zaman kini yang dipilih oleh Allah (ay. 5-6)? Atas dasar apakah mereka diselamatkan?
- 5) Apakah yang terjadi kepada baki orang Yahudi? (ay. 7-8)
- 6) Apakah soalan yang ditanya oleh Paulus dalam ay. 11? Apakah jawapan yang diberikan olehnya?
- 7) Jelaskan alasan bagi jawapannya (ay. 11-12).



- Apabila orang Yahudi terus berdegil untuk menolak injil, Allah mengeraskan hati mereka dan mereka semakin jauh daripada-Nya. Apakah pelajaran yang anda peroleh daripada hal ini?

**Suatu Pegangan Hidup**

Firman Allah meyakinkan kita bahawa Allah selalu setia kepada umat-Nya. Oleh kerana Dia mengasihi kita, Dia akan menerima kita sekiranya kita bertaubat daripada ketidaktaatan kita dan kembali mencari-Nya.



## II. Cabang-cabang yang dicantumkan (ay. 13-24)

<sup>13</sup>Sekarang aku berkata kepadamu, wahai bangsa asing: Oleh sebab aku ini rasul kepada orang bukan orang Israel, aku membesarkan pelayananku <sup>14</sup>dengan harapan dapat menimbulkan iri hati bangsaku sendiri dan menyelamatkan sesetengah mereka. <sup>15</sup>Jika penyingkiran mereka mendatangkan perdamaian bagi seisi dunia, lebih-lebih lagilah kalau mereka diterima semula oleh Allah! Bukankah hal ini seperti hidup kembali selepas mati?

<sup>16</sup>Sekiranya gumpalan pertama suci, maka sucilah seluruh adunan. Jika suci akar pokok, maka demikian jugalah cabang-cabangnya. <sup>17</sup>Andainya beberapa cabang itu dipatahkan dan kamu, walaupun pucuk zaitun liar, dicantumkan lalu berkongsi akar dengan pokok zaitun yang subur itu, <sup>18</sup>janganlah bercakap besar kepada cabang-cabang lain. Kalau kamu bermegah juga, ingatlah bahawa bukan kamu yang menyokong akar tetapi akar yang menyokong kamu.

<sup>19</sup>Ketika itu kamu akan berkata: "Cabang-cabang itu dipatahkan supaya aku dapat dicantumkan." <sup>20</sup>Memang benar. Oleh sebab tidak beriman, cabang-cabang itu dipatahkan, dan kamu dapat berada di situ kerana iman! Janganlah angkuh; sebaliknya takutlah. <sup>21</sup>Kerana jika Allah tidak mengampuni cabang-cabang tabii itu, Dia tidak akan mengampunimu juga. <sup>22</sup>Oleh itu, fikirkanlah belas ihsan Allah dan juga kekerasannya; kekerasan kepada mereka yang terjerumus; belas ihsan kepada kamu, asalkan kamu berterusan dalam belas ihsan-Nya. Jika tidak, kamu juga akan dibuangkan. <sup>23</sup>Mereka juga, jika mengubah sikap tidak percaya, akan dicantumkan semula, kerana Allah berupaya berbuat demikian. <sup>24</sup>Kalau kamu yang telah dipotong dari pokok zaitun liar dapat dicantumkan ke pokok zaitun yang baik dan berbeza tabiinya, lebih-lebih lagilah cabang-cabang tabii itu dapat dicantumkan ke pokok zaitunnya sendiri!



### Nota

#### Ringkasan ay. 13-24

Dalam bahagian ini, Paulus mengingatkan orang bukan Yahudi yang percaya untuk tidak bermegah dengan status baru mereka sebagai umat Allah kerana kegagalan Israel. Dalam bahagian pertama (ay. 13-15), Paulus berbicara khususnya kepada jemaah bangsa asing di gereja Roma. Dia berbicara tentang harapannya bahawa pelayanannya kepada bangsa-bangsa asing akan membuat Israel iri hati dan membawa mereka kembali kepada Allah.

Dalam bahagian kedua (ay. 16-24), dia menggunakan metafora segumpal adunan serta pokok zaitun dan cabang-cabangnya bagi mengingatkan bangsa-bangsa asing untuk tidak sombong terhadap orang Yahudi yang tidak percaya kerana orang Yahudi merupakan sumber berkat bagi mereka. Dengan membandingkan mereka dengan pucuk zaitun liar yang telah dicantumkan dengan pokok zaitun yang subur, dia mengingatkan mereka sama seperti Allah boleh mematahkan cabang-cabang asal kerana keingkaran mereka, Dia juga boleh mematahkan cabang-cabang lain, iaitu mereka sendiri.

**ay. 13-15** Sekarang Paulus berbicara kepada jemaah gereja Roma yang bukan Yahudi. Dia mahu mereka tahu bahawa dia berharap kejayaan dalam pelayanannya sebagai rasul Allah kepada bangsa-bangsa asing akan membangkitkan iri hati bangsanya sendiri dan membawa sebahagian daripada mereka untuk percaya kepada Kristus.

Paulus menjelaskan bahawa penolakan Israel terhadap Injil hanya sementara. Sekiranya penolakan mereka terhadap Injil telah membenarkan seluruh dunia diperdamaian dengan Allah dan menjadi sahabat-sahabat-Nya, maka penerimaan mereka akan menjadi lebih menakjubkan. Ia akan menjadi kehidupan bagi orang yang telah mati. Apabila semua orang Yahudi diterima oleh Allah, maka masa kebangkitan bagi semua orang yang percaya, sama ada orang Yahudi atau pun

bangsa-bangsa asing, akan tiba dan rancangan Allah akan dipenuhi. Kemenangan ke atas musuh muktamad iaitu kematian akan tercapai.

**ay. 16** Menurut Perjanjian Lama, persembahan buah pertama kepada Allah mewakili seluruh adunan, menjadikannya diterima di hadapan Allah. Begitu juga, sekiranya akar-akar sephohon pokok diasingkan bagi Allah, cabang-cabangnya juga akan diterima oleh Allah. Kebanyakan sarjana percaya bahawa adunan dan akar mungkin merujuk kepada bapa leluhur, khususnya kepada Abraham. Jadi maksud Paulus di sini adalah bahawa sekiranya leluhur telah diasingkan dan diterima oleh Allah, bangsa Israel yang berasal dari mereka juga akan diasingkan dan diterima walaupun mereka ingkar kepada Allah.



ay. 17-18 Paulus menghuraikan ilustrasinya tentang akar dan cabang-cabang dengan mengenal pasti pokok tersebut sebagai pokok zaitun, iaitu simbol yang sering digunakan dalam Perjanjian Lama untuk merujuk kepada bangsa Israel. Dia mengingatkan orang percaya berbangsa asing bahawa mereka hanya cabang-cabang liar yang telah dicantumkan dengan pokok zaitun subur bagi menggantikan cabang-cabang asal, iaitu orang Yahudi yang tidak percaya. Cabang-cabang asal tersebut telah dipatahkan kerana mereka tidak mahu menerima Injil. Bangsa-bangsa asing sekarang berkongsi dengan orang Yahudi berkat yang telah dijanjikan oleh Allah kepada Abraham dan keturunannya. Oleh itu, mereka tiada alasan untuk bermegah atau memandang rendah orang Yahudi yang tidak percaya. Mereka perlu ingat bahawa mereka berhutang sokongan dari akar kerana mereka hanya cabang-cabang.

ay. 19-21 Paulus menyatakan sikap lain yang tidak sihat di kalangan orang percaya berbangsa asing. Dalam keangkuhan mereka, mereka menganggap bahawa Allah telah menolak orang Yahudi yang tidak percaya kerana Dia mahu menggantikan mereka dengan orang percaya berbangsa asing. Walaupun benar bahawa orang Yahudi disingkirkan kerana mereka tidak percaya dan bangsa asing diterima kerana iman mereka, ini tidak bermakna mereka boleh berbangga dengan diri mereka. Sebaliknya, Paulus berkata, mereka harus takut dengan apa yang boleh berlaku.

Dia mengingatkan mereka bahawa sekiranya Allah boleh mematahkan cabang-cabang asal kerana ketidakpercayaan mereka, Dia juga boleh mematahkan cabang-cabang bukan asal sekiranya mereka jatuh ke dalam sikap kekufuran. Bangsa-bangsa asing tidak seharusnya beranggapan bahawa Allah mengutamakan mereka sehingga mereka boleh meremehkan penyelamatan sejati yang mereka terima. Allah boleh mematahkan cabang-cabang yang telah dicantumkan kerana hal itu lebih mudah berbanding dengan mematahkan cabang-cabang asal.

ay. 22-24 Paulus mengingatkan mereka bahawa Allah boleh berbelas-ihsan dan juga berkeras. Allah telah menunjukkan kekerasan-Nya kepada orang Yahudi yang telah menolak Injil tetapi menunjukkan belas-ihsan kepada bangsa-bangsa asing yang menerima Injil. Oleh itu orang percaya berbangsa asing harus mengetahui bahawa mereka telah menerimanya kerana belas-ihsan Allah telah diteruskan kepada mereka. Paulus memberitahu mereka bahawa kerana itulah mereka harus terus berada dalam kebaikan-Nya dengan terus setia; jika tidak, mereka juga akan dipatahkan.

Selepas itu Paulus memberitahu mereka bahawa sebagaimana sikap tidak percaya menyebabkan orang Yahudi telah

dipatahkan, sikap percaya akan membolehkan mereka dicantumkan semula. Dia memberitahu mereka bahawa sekiranya Allah boleh mencantumkan bangsa asing yang merupakan cabang-cabang liar dengan pokok zaitun subur, iaitu Israel sebenar, Dia pasti mempunyai kuasa untuk mencantumkan cabang-cabang asal, iaitu orang Yahudi yang tidak percaya, kembali kepada pokok zaitun mereka jika mereka berpaling daripada ketidakpercayaan mereka. Ini adalah lebih mudah bagi Allah berbanding dengan mencantumkan bangsa-bangsa asing.



### Soalan

- 1) Kepada siapakah Paulus berbicara pada awal ay. 13? Mengapakah dia berbicara kepada mereka?
- 2) Apakah yang diharapkan dapat dilaksanakannya sebagai hasil? (ay. 14-15)
- 3) Apakah tujuan Paulus menggunakan ilustrasi adunan dan akar? (ay. 16)
- 4) Dalam ilustrasi Paulus tentang pokok zaitun untuk menerangkan hubungan antara orang Yahudi dengan bangsa asing (ay. 17-24), apakah yang diwakili oleh:  
*Pokok zaitun yang subur:*

*Pokok zaitun liar:*

*Cabang-cabang pokok zaitun subur yang dipatahkan:*

*Cabang-cabang pokok zaitun liar yang dicantum:*



- 5) Mengapakah ada cabang-cabang yang dipatahkan dan ada pula yang dicantumkan? (ay. 17)
- 11) Apakah pelajaran yang boleh anda pelajari di sini?

- 6) Apakah peringatan Paulus kepada bangsa asing yang percaya? (ay. 18)



- 7) Apakah jawapan yang mungkin mereka berikan mengenai sikap mereka? (ay. 19)

- Paulus mengingatkan orang percaya bangsa asing bahawa mereka tidak seharusnya bermegah dan berpendapat mereka lebih baik daripada orang Yahudi hanya kerana Allah telah menerima mereka sebagai umat-Nya. Fikirkan salah satu bahagian dalam kehidupan anda di mana anda merasakan diri anda lebih baik daripada rakan-rakan anda yang bukan Kristian.

- 8) Apakah respons Paulus terhadap jawapan mereka? (ay. 20-21)

- Pada pendapat anda, apa yang Allah mungkin minta anda lakukan terhadap sikap sedemikian?

- 9) Apakah yang akan berlaku kepada orang percaya bangsa asing sekiranya mereka tidak terus berada dalam kebaikan Allah? (ay. 22)



- 10) Apakah sebab yang diberikan oleh Paulus bagi menerangkan bagaimana hal ini boleh berlaku? (ay. 23-24)

Apa kata anda bawakan sikap anda ini kepada Allah dalam doa sekarang? Berbicaralah kepada Allah tentang pergelutan anda dalam bahagian ini dan minta Dia menolong anda untuk berubah.

**III. Seluruh Israel akan diselamatkan (ay. 25-32)**

<sup>25</sup>Saudara-saudaraku, aku tidak mahu kamu jahil tentang rahsia ini, supaya kamu tidak berasa megah: Sebahagian daripada orang Israel telah menjadi keras hati sehingga genap jumlah bangsa asing telah masuk. <sup>26</sup>Kemudian seluruh orang Israel akan diselamatkan, sebagai mana yang telah tersurat:

“Penyelamat akan datang dari Sion, dan Dia akan menjauhkan kemungkaran daripada Yakub;

<sup>27</sup>Kerana inilah perjanjian-Ku dengan mereka ketika Aku menghapuskan dosa-dosa mereka.”

<sup>28</sup>Dari segi Injil, orang Israel dimusuhi keranamu, tetapi dari segi pilihan, mereka dikasihi kerana nenek moyang mereka; <sup>29</sup>kerana kurnia dan panggilan Allah tidak akan ditarik kembali selamanya. <sup>30</sup>Sebagaimana kamu dahulu ingkar kepada Allah namun kini telah mendapat belas kasihan kerana keingkaran mereka, <sup>31</sup>demikian jugalah mereka yang kini telah ingkar, melalui belas kasihan yang kamu peroleh, mereka juga mungkin mendapat belas kasihan. <sup>32</sup>Allah telah mengeraskan hati mereka dalam keingkaran, supaya Dia dapat mengasihani semuanya.

**Nota****Ringkasan ay. 25-32**

Kini Paulus mendedahkan rancangan rahsia Allah kepada bangsa asing untuk membantu mereka faham mengapa orang percaya berbangsa asing tidak seharusnya bersikap sombong. Inilah rancangan rahsia tersebut iaitu penolakan orang Yahudi terhadap Kristus tidak kekal (ay. 25-27). Allah hanya mengeraskan hati Israel buat sementara waktu untuk membuka jalan bagi bangsa-bangsa asing. Apabila jumlah bangsa asing yang berpaling kepada Kristus genap, Allah akan membuka mata orang Yahudi dan mereka akan diselamatkan.

Selepas itu dia menjelaskan sebab Allah lakukan itu adalah kerana janji-janji Allah kepada orang Yahudi yang telah dipanggil oleh-Nya untuk menjadi umat-Nya tidak berubah (ay. 28-32). Sebagaimana Allah telah menunjukkan belas kasihan kepada bangsa asing yang tidak taat, Dia juga akan menunjukkan belas kasihan kepada umat-Nya, Israel yang tidak taat.

**ay. 25-27** Sekarang Paulus mendedahkan bahawa Allah mempunyai suatu rancangan rahsia. Dia mahu mereka sedar supaya mereka tidak berbangga diri. Rahsia tersebut adalah kekerasan hati bangsa Israel hanya bersifat sementara. Ia hanya akan berlanjutan sehingga jumlah bangsa asing yang datang kepada Kristus menjadi genap. Apabila hal ini berlaku, semua orang Israel akan diselamatkan. Sarjana percaya bahawa Paulus bukan merujuk kepada kenyataan bahawa semua bangsa Israel akan diselamatkan tetapi untuk Israel secara keseluruhan. Paulus menambah bahawa inilah yang Allah telah janjikan dalam Kitab Suci (Yesaya 59:20-21; 27:9), bahawa Dia akan mengutus Penyelamat-Nya untuk menghapus dosa-dosa mereka.

**ay. 28-29** Paulus terus menjelaskan mengapa Israel pada akhirnya akan diselamatkan. Orang Yahudi menjadi musuh Allah apabila mereka tidak menerima Berita Baik Allah dan ini akan mendatangkan manfaat kepada bangsa-bangsa asing. Walau bagaimanapun mereka masih adalah umat yang dikasihi-Nya kerana janji-Nya kepada nenek moyang mereka. Ini bererti Allah tidak akan menolak Israel kerana Allah tidak mengubah fikiran-Nya. Dia tidak akan menarik balik kurnia dan panggilan-Nya.

**ay. 30-32** Paulus mengatakan bahawa semua orang telah ingkar kepada Allah – orang Yahudi yang tidak menerima Injil dan juga bangsa-bangsa asing yang pernah memberontak terhadap Allah. Walau bagaimanapun, mereka telah beroleh belas kasihan pada waktunya sendiri. Dia mengingatkan bangsa asing secara khusus bahawa dahulu mereka pernah ingkar tetapi sekarang mereka telah menerima belas kasihan Allah kerana keingkaran orang Yahudi. Dengan itu, Israel yang ingkar juga boleh menerima belas kasihan Allah. Oleh itu, Paulus membuat kesimpulan bahawa Allah telah menyebabkan mereka ingkar supaya Dia boleh berbelas kasihan kepada semua orang.

**Soalan**

- 1) Apakah kebenaran atau rancangan rahsia yang sekarang didedahkan oleh Paulus kepada pembaca-pembacanya yang berbangsa asing? (ay. 25-26)



- 2) Adakah seluruh umat Israel akan diselamatkan (ay. 26)? Jelaskan jawapan anda.
- 6) Dalam cara apakah orang Yahudi dan bangsa asing mempunyai persamaan? (ay. 30-31)
- 3) Bagaimanakah dengan mengetahui kebenaran rahsia ini akan membantu mereka? (ay. 25)
- 7) Apakah kesimpulan Paulus mengenai Allah? (ay. 32)
- 4) Siapakah musuh-musuh Allah (ay. 28)? Mengapakah mereka menjadi musuh-musuh-Nya?
- 5) Bagaimanakah mereka boleh turut menjadi sahabat-sahabat Allah? (ay. 28-29)
- Dalam cara apakah Allah telah menunjukkan kebaikan dan belas kasihan-Nya kepada anda?
- Apa kata luangkan sedikit masa sekarang untuk berterima kasih kepada-Nya bagi waktu-waktu di mana Allah telah begitu baik kepada anda?



#### IV. Pemberkatan (ay. 33-36)

<sup>33</sup> Oh, betapa kaya kebijaksanaan dan pengetahuan Allah!  
Penghakiman-Nya tidak terduga, dan jalan-jalan-Nya tidak mungkin diselami!

<sup>34</sup> "Kerana siapakah yang mengetahui fikiran Tuhan? Siapa yang menjadi penasihat-Nya?"

<sup>35</sup> Atau siapakah yang pernah memberi-Nya sesuatu, maka Dia harus membalasnya?"

<sup>36</sup> Segala-galanya daripada Dia, melalui Dia dan kepada Dia. Bagi Allah kemuliaan selama-lamanya. Amin.



#### Nota

##### Ringkasan ay. 33-36

Paulus memberi respons kepadasesua yang Allah telah lakukan untuk Israel dan bangsa-bangsa asing dengan satu doksologi yang besar. Ia menyatakan kekaguman dan kehairanannya terhadap rancangan penebusan Allah yang menakjubkan. Dia bermula dengan menyanjung tiga sifat Allah: kekayaan-Nya, kebijaksanaan-Nya dan pengetahuan-Nya (ay. 33). Kemudian dia menyatakan beberapa soalan retorik bagi menekankan ketiga-tiga sifat tersebut (ay. 34-35). Dia menyimpulkan pujian syukur (doksologi) itu dengan menaikkan segala kemuliaan kepada Allah yang menjadi sumber dan pemilik segala sesuatu (ay. 36).



ay. 33 Paulus meresponi semua yang Allah telah lakukan kepada Israel dan bangsa-bangsa asing dengan mengucapkan satu pujian syukur (doksologi). Dia meraikan tiga sifat Allah – kekayaan, kebijaksanaan dan pengetahuan-Nya. Bagi Paulus, kekayaan, kebijaksanaan dan pengetahuan Allah terselah dalam rancangan-Nya untuk membawa penyelamatan kepada orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing melalui karya Kristus. Tiada seorang pun menjangka bahawa Allah akan membawa keelamatan kepada bangsa-bangsa asing oleh ketidaktaatan orang Yahudi, atau berkat-berkat yang dinikmati oleh bangsa-bangsa asing akan membawa penyelamatan bagi orang Yahudi. Tiada seorang pun boleh menjelaskan sebab-sebab di sebalik perbuatan Allah atau memahami jalan-jalan-Nya.

ay. 34-36 Untuk menggariskan kebijaksanaan, pengetahuan dan kekayaan kurnia Allah yang tidak terselami, Paulus mengajukan tiga soalan retorik berasaskan dua teks dari Perjanjian Lama (Yesaya 40:13, Ayub 41:11). Jawapan bagi ketiga-tiga soalan tersebut adalah 'Tiada seorang pun!' Tiada seorang pun yang boleh menyelami fikiran Allah atau menjadi penasihat kepada Allah. Tiada seorang pun yang pernah memberi kepada-Nya sehingga Allah perlu membalasnya kerana tiada seorang pun boleh menandingi belas kasihan dan kasih kurnia Allah. Paulus merumuskan pujian syukurnya dengan mengisytiharkan bahawa semua kemuliaan diberikan kepada Allah selama-lamanya. Allah layak menerima pujian yang tinggi kerana Dia telah mencipta segala sesuatu dan mereka wujud kerana kuasa dan kemuliaan-Nya.



### Teropong

<sup>a</sup> Ini adalah salah satu daripada tujuh lagu-lagu pujian (doksologi) yang serupa dalam surat-surat Paulus. Setiap satunya menyatakan keinginan supaya kemuliaan diberikan kepada Allah selama-lamanya.



### Soalan

- 1) Apakah yang membuat Paulus memuji Allah?
- 2) Bagaimanakah Paulus menggambarkan Allah dalam pujiannya? (ay. 33-36)
- 3) Bagaimanakah gambaran Paulus tentang Allah mendorong anda untuk percaya dan memuji-Nya?



### Mari Fikir Sejenak

- Ambil sedikit waktu untuk memikirkan semua perkara menakjubkan yang Allah telah lakukan untuk anda. Kemudian tulis suatu nota pendek kepada-Nya untuk mengucap syukur dan memuji-Nya bagi semua perkara yang telah Dia lakukan.





## I. Persembahan yang benar (ay. 1-8)

**12** Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan<sup>a</sup> tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar.<sup>b</sup> <sup>2</sup>Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu. Dengan demikian, kamu dapat memastikan apa kehendak Allah itu, apa yang baik, yang diredai-Nya dan yang sempurna.

<sup>3</sup>Aku berkata kepada setiap orang daripadamu, melalui kasih kurnia yang diberikan kepadaku: Janganlah nilai dirimu lebih tinggi daripada sepatutnya, sebaliknya nilailah dirimu sewajarnya, selaras dengan kadar iman yang diberikan Allah kepada setiap orang. <sup>4</sup>Sebagaimana tubuh manusia terdiri daripada beberapa

anggota yang berbagai-bagai tugasnya dan bukan semua anggota itu mempunyai tugas yang sama, <sup>5</sup>begitu jugalah kita yang ramai ini, semuanya anggota satu tubuh dalam Kristus, dan saling memiliki. <sup>6</sup>Kita mempunyai kurnia<sup>c</sup> yang berlainan menurut kasih kurnia yang diberikan kepada kita. Sekiranya kita diberikan kepada kita. Sekiranya kita dianugerahi kurnia untuk bernubuat, maka bernubuatlah menurut kadar iman kita; <sup>7</sup>kalau untuk melayani, gunakanlah dalam pelayanannya; jika untuk mengajar, gunakanlah dalam pengajaran. <sup>8</sup>Orang yang dianugerahi kurnia untuk menasihati, hendaklah dia menggunakannya dalam memberikan nasihat; kalau untuk memberi, lakukanlah dengan murah hati; kiranya untuk memimpin, berilah pimpinan dengan bersungguh-sungguh; dan jika untuk menunjukkan belas kasihan, lakukanlah dengan sukacita.



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-8

Setelah menjelaskan dan mempertahankan Injil (bab 1-11), kini Paulus merayu kepada orang Kristian di Roma untuk menjalani kehidupan mereka dalam cahaya Injil yang mereka percayai. Dari 12:1-15:13, dia beralih kepada situasi dan masalah sebenar yang mereka hadapi dan membimbing mereka bagaimana menjalani hidup dalam iman.

Dia bermula dengan menetapkan asas rayuannya, iaitu belas kasihan Allah telah ditunjukkan kepada mereka (12:1-2). Dia menggesa mereka untuk mempersembahkan tubuh mereka sebagai korban yang hidup kepada Allah dan diubah dengan pembaharuan fikiran supaya mereka dapat membezakan kehendak Allah. Dia menggesa mereka untuk menjadi rendah hati dalam menilai diri mereka dengan orang lain (12:3-8). Oleh kerana orang percaya adalah satu tubuh di dalam Kristus, mereka harus saling melayani antara satu sama lain dengan melatih kurnia yang telah mereka terima demi satu sama lain.

**ay. 1-2** Untuk sebelas bab, Paulus telah menjelaskan tentang belas kasihan Allah kepada manusia dengan mengorbankan Anak-Nya supaya dengan iman, kita diperbenarkan semula dengan-Nya. Berbekalkan belas kasihan yang menakjubkan tersebut, Paulus meminta Orang Kristian di Roma untuk memberikan respons dengan mendedikasikan diri mereka sepenuhnya kepada Allah, menjauhi sifat dunia untuk melayani-Nya dan benar-benar menyenangkan-Nya. Bagi Paulus, inilah cara sebenar untuk menyembah Allah.

Pada masa yang sama, Paulus menggesa mereka untuk tidak membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh tingkah laku dan budaya masyarakat di sekeliling mereka. Sebaliknya, mereka harus membenarkan Allah mengubah mereka menjadi manusia baru dengan memperbaharui fikiran mereka – cara mereka berfikir, cara mereka menilai sesuatu dan bagaimana mereka mengambil keputusan. Ini bukan berlaku sekali sahaja, tetapi adalah suatu proses yang perlu mereka kerjakan supaya mereka diubah dari segi dalaman untuk menjadi lebih seperti Kristus. Ketika fikiran mereka diperbaharui, mereka

akan lebih berupaya untuk membezakan kehendak Allah bagi diri mereka sendiri. Apabila mereka hidup dengannya di dalam kehidupan mereka, mereka akan mendapati bahawa rancangan-Nya untuk mereka sentiasa baik, menyenangkan dan sempurna.

**ay. 3-5** Paulus kini berbicara tentang bagaimana mereka menjalani kehidupan baru dengan saling berhubung antara satu sama lain dalam komuniti Kristian. Sebagai seorang yang telah mengalami kasih kurnia Allah dalam kehidupan dan pelayanannya, dia meminta agar saudara-saudaranya tidak menilai diri mereka lebih baik atau lebih penting daripada yang sebenarnya. Mereka harus jujur dan realistik dalam memandang diri dan kebolehan mereka, serta menilai diri mereka menurut iman yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka.

Paulus menggunakan ilustrasi tubuh manusia bagi menerangkan hujahnya bahawa mereka semua mungkin berbeza tetapi secara rohani, mereka bersatu sebagai satu



tubuh dalam Kristus. Walaupun tubuh adalah satu, ia mempunyai anggota-anggota berbeza yang memainkan fungsi yang berlainan. Dalam cara yang sama, mereka mungkin memiliki kurnia yang berbeza untuk digunakan tetapi kurnia tersebut saling dipunyai dan saling bergantung antara satu sama lain seperti anggota-anggota tubuh.

**ay. 6-8** Paulus mengingatkan mereka bahawa dalam kasih kurnia Allah, Dia telah memberi mereka kurnia-kurnia yang berlainan untuk melakukan hal-hal tertentu dengan baik. Oleh itu mereka harus merendah diri dalam menggunakan kurnia masing-masing untuk kemuliaan-Nya, untuk saling melayani dan membina antara satu sama lain. Paulus tidak menyenaraikan semua kurnia tetapi dia mengenalpasti tujuh daripadanya. Dia menggesa orang Kristian di Roma untuk menggunakan kurnia mereka sebaik mungkin menurut kebolehan, semangat dan keinginan mereka, sama ada ia adalah untuk menyampaikan Firman-Nya, melayani orang lain, mengajar, mendorong, memberi, membimbing atau menunjukkan kebaikan.



### Teropong

- <sup>a</sup> Perkataan ‘mempersembahkan’ adalah perkataan yang digunakan bagi mempersembahkan satu korban. Manusia pada abad pertama termasuk Yahudi sudah biasa dengan mempersembahkan korban. Mereka berdiri di mazbah-mazbah mereka dan melihat binatang yang mereka persembahkan dibunuh dengan cara ritual dan seluruh atau sebahagian daripada binatang dibakar di atas mazbah kepada dewa yang mereka sembah. Dengan menyatakan bahawa mereka harus mempersembahkan diri mereka sendiri sebagai korban hidup, Paulus memberikan gambaran yang begitu jelas bahawa seluruh kehidupan mereka harus diberikan sepenuhnya kepada Allah dalam bentuk korban.
- <sup>b</sup> Terjemahan lain menggunakan perkataan ‘ibadat rohani’. Perkataan ‘rohani’ boleh membawa maksud ‘rasional’ atau ‘wajar’. Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa Paulus menyatakan ibadat kita rasional, iaitu ia hanya logik dalam belas kasihan Allah yang menakjubkan dan oleh itu kita harus mempersembahkan seluruh hidup kita kepada-Nya sebagai suatu tindakan ibadat.
- <sup>c</sup> Ini merujuk kepada kurnia-kurnia rohani yang Allah berikan menurut kasih kurnia-Nya kepada setiap orang yang percaya untuk membina tubuh Kristus. Ia bukan bertujuan untuk orang Kristian berbangga dan meninggikan diri. Sesetengah kurnia muncul secara semula jadi yang mana Allah kembangkan atau kebolehan-kebolehan baru yang Dia berikan melalui Roh-Nya. Kurnia-kurnia yang secara

bumum (bukan senarai yang lengkap) turut disebut dalam 1 Korintus (12:1-11) dan Efesus (4:11-13).



### Soalan

- 1) Apakah permintaan Paulus kepada orang Kristian di Roma? (ay. 1)
- 2) Apakah sebab Paulus meminta mereka berbuat demikian? (ay. 1)
- 3) Pada pendapat anda apakah yang dimaksudkan dengan ‘mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup’?
- 4) Apa lagi yang Paulus minta mereka lakukan? (ay. 2)
- 5) Dalam cara apakah kita ditekan dan dipengaruhi untuk mengikut cara dunia ini (ay. 2)? Bagaimanakah kita boleh membenarkan Allah memperbaharui fikiran kita?
- 6) Bagaimanakah dengan mengetahui kita adalah anggota-anggota dalam satu tubuh mengelakkan kita daripada berbangga dengan diri sendiri? (ay. 3-5)



- 7) Bagaimanakah kita seharusnya menggunakan kurnia-kurnia yang telah berikan oleh Allah kepada kita? (ay. 6-8)



- Berdasarkan minat dan pengalaman anda, senaraikan satu atau dua kurnia rohani yang anda fikir anda mungkin memiliki. Adakah anda pernah menggunakan kurnia tersebut untuk memberkati komuniti atau kumpulan belia di gereja anda? Jika ya, dalam cara yang bagaimana? Jika tidak, tanya diri anda sendiri mengapa tidak?



Bersyukurlah kepada Allah atas kurnia-kurnia yang telah diberikan-Nya kepada anda. Minta Allah membantu anda untuk setia dan tekun dalam menggunakannya untuk memberkati orang di sekeliling anda.

Jika anda tidak pasti kurnia apa yang anda miliki atau anda bermasalah untuk menggunakannya, berbicaralah kepada Allah tentangnya. Minta pertolongan-Nya untuk mengenalpasti kurnia anda atau cari seorang rakan yang boleh membantu anda untuk mengenalpasti kurnia anda.

## II. Hidup dalam kasih (ay. 9-21)

<sup>9</sup>Kasih<sup>d</sup> hendaklah bersih daripada pura-pura.<sup>e</sup> Bencilah kejahatan. Berpeganglah kepada kebaikan. <sup>10</sup>Hendaklah kamu bersikap baik dan mengasihi sesama sendiri dengan kasih persaudaraan, serta saling menghormati dan mengutamakan; <sup>11</sup>jangan biarkan kerajinanmu berkurangan; hendaklah semangat rohanimu tetap berkobar-kobar; sentiasa abadikan diri kepada Tuhan. <sup>12</sup>Bergembiralah dalam harapan, tabah menghadapi kesusahan, dan terus-menerus berdoa. <sup>13</sup>Berilah bantuan untuk memenuhi keperluan orang salih, dan berikan tempat menumpang.

<sup>14</sup>Pohonlah berkat bagi orang yang menganiaya kamu, dan jangan kutuk mereka. <sup>15</sup>Bergembiralah dengan orang yang bergembira, dan menangislah dengan orang yang menangis. <sup>16</sup>Bersatu hatilah sesama kamu. Jangan tinggi hati,

sebaliknya bergaullah dengan golongan yang sederhana. Jangan anggap dirimu bijaksana.

<sup>17</sup>Jangan balas kejahatan dengan kejahatan. Perhatikan apa yang baik di mata semua orang. <sup>18</sup>Setakat yang mungkin, jika dalam keupayaanmu, hiduplah dalam damai dengan semua manusia. <sup>19</sup>Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah berusaha membalas dendam, serahkanlah kepada kemurkaan Allah, kerana telah tersurat: "Pembalasan adalah hak-Ku. Akulah yang akan membalas," demikian firman Tuhan. <sup>20</sup>Oleh itu:

"Jika musuhmu lapar, berilah dia makan;  
jika dia dahaga, beri dia minum;  
Kerana dengan berbuat demikian,  
kamu menimbunkan bara api ke atas kepalanya."

<sup>21</sup>Jangan ditewaskan oleh kejahatan, tetapi tewaskanlah kejahatan dengan kebaikan.



### Ringkasan ay. 9-21

Dalam bahagian ini Paulus berbicara tentang hubungan yang seharusnya dimiliki oleh orang percaya antara satu sama lain dalam komuniti Kristian (12:9-13). Akhir sekali, dia menyatakan prinsip-prinsipnya untuk bagaimana mereka boleh berhubung dengan orang yang berada di luar gereja khususnya orang yang memusuhi mereka (12:14-21).



ay. 9-10 Paulus sekarang berckap tentang bagaimana mereka boleh menunjukkan kasih, kurnia yang terbesar, dalam kehidupan mereka. Kasihlah yang seharusnya membentuk semua hubungan mereka baik dalam komuniti Kristian, mahu pun dengan orang luar. Dia memberitahu bahawa kasih mereka haruslah ikhlas, iaitu mereka mesti benar-benar mengasihi antara satu sama lain dan bukan hanya berpura-pura berbuat demikian. Mereka harus membenci apa yang salah dan jahat, dan setia untuk melakukan apa yang baik. Mereka harus saling mengasihi, menghormati dan mengutamakan antara satu sama lain.

ay. 11-13 Paul menyeru mereka supaya tidak kehilangan semangat untuk Tuhan dan menjadi malas, tetapi terus bekerja keras dan melayani-Nya dengan bersemangat dan tekun. Dia mendorong mereka untuk tetap bergembira dan teguh dalam menghadapi saat sukar. Mereka boleh yakin dalam harapan bahawa apa pun masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan ini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang sedang menunggu mereka apabila Kristus datang kembali. Mereka harus meneruskan tabiat berdoa kerana doa akan menjadikan mereka mampu menghadapi kesukaran.

Dia menekankan keperluan untuk bermurah hati bagi membantu rakan seiman yang memerlukan dan menumpangkan rumah mereka kepada yang memerlukan. Ramai daripada mereka yang menjadi Kristian pada zaman gereja awal adalah orang miskin. Oleh itu Paulus mengingatkan gereja Roma untuk berkongsi dengan rela hati apa yang mereka ada dengan saudara-saudara yang miskin dan memerlukan. Layanan baik dengan memberi tumpangan sangat penting pada zaman Paulus kerana rumah tumpangan pada zaman itu sangat sedikit dan jauh, dan biasanya ia tidak begitu selamat untuk ditumpangi oleh para penjelajah. Oleh yang demikian orang Kristian digalakkan untuk menerima tetamu dan membuka rumah mereka kepada pengembara, khususnya para pengkhotbah dan penginjil yang sering bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.

ay. 14-16 Sebagai anak-anak Allah yang fikirannya telah diperbaharui serta Roh Kudus hadir di dalam hati mereka, orang Kristian diseru untuk memberi respons kepada dunia di sekeliling mereka dengan cara yang berbeza. Dari ay. 14-21, Paulus berbicara tentang bagaimana mereka sepatutnya memberi respons kepada orang yang di luar komuniti beriman, terutama sekali apabila mereka menghadapi permusuhan dan penganiayaan.

Dia mengajar mereka untuk mengampuni dan tidak membalas perbuatan orang yang menganiayai mereka, sebaliknya mengharapkan yang baik serta meminta Allah

memberkati orang yang memusuhi mereka. Dengan cara ini, mereka menunjukkan kasih Allah dalam diri mereka kerana Allah juga baik kepada orang yang tidak bersyukur dan jahat. Mereka diminta untuk mengenal pasti dan berkongsi kegembiraan serta kesedihan mereka dengan orang lain. Kasih bererti hidup dalam damai antara satu sama lain dan tidak tinggi hati untuk bergaul dengan orang yang kedudukannya lebih rendah. Mereka harus tidak bersikap sombong untuk berfikir mereka mengetahui segala-galanya.

ay. 17-21 Paulus beralih untuk menangani masalah bagaimana orang percaya harus memberi respons kepada orang yang memusuhi mereka. Dia mengingatkan Orang Kristian di Roma supaya jangan membalas dendam atau membalas kejahatan dengan kejahatan. Mereka tidak seharusnya membalas dendam tetapi menyerahkan hal tersebut kepada Allah. Mereka harus percaya bahawa Allah Yang Maha Benar akan memastikan keadilan dilaksanakan pada waktu-Nya.

Paulus menyeru mereka untuk mentaati apa yang terkandung dalam Firman Tuhan. Kitab Suci mengajar mereka untuk mengasihi musuh mereka dengan berbuat baik kepada mereka walaupun mereka telah berbuat jahat. Mereka harus menunjukkan kebaikan kepada musuh mereka, bukan membalas dendam. Kebaikan mereka akan membuatkan musuh mereka melihat kebaikan tersebut dan membuat mereka malu lalu membawa kepada pertaubatan. Pendek kata, mereka tidak boleh membenarkan kejahatan menawan mereka, tetapi mereka harus mengalahkan kejahatan dengan kebaikan.



### Teropong

<sup>d</sup> Orang Yunani mempunyai sekurang-kurangnya empat perkataan berbeza untuk menyatakan bentuk kasih yang berbeza. Perkataan 'kasih' di sini adalah *agape* yang bermaksud kasih yang tidak mementingkan diri sendiri. Orang Kristian awal telah mengambil perkataan ini bagi merujuk kepada kasih yang rela mengorbankan diri sendiri yang dimiliki oleh Allah untuk umat-Nya, seperti yang ditunjukkan dalam pengorbanan Anak-Nya yang tunggal, Yesus, di mana mereka juga telah alami.

<sup>e</sup> Perkataan 'bersih daripada pura-pura' bererti 'tidak hipokrit' atau 'tidak berlakon'. Dalam drama Yunani, seorang pelakon (*hypokrites*) biasanya memainkan beberapa watak dengan memakai topeng-topeng berlainan bagi setiap karakter yang dilakonkannya. Tetapi kasih yang sebenar, kata Paulus, tidak bersifat hipokrit kerana ia tidak memakai topeng.



### Soalan

1) Berdasarkan ay. 9, apakah jenis kasih yang seharusnya kita miliki?



### Mari Fikir Sejenak

Dari pada perintah-perintah yang tersenarai dalam ayat 9-21, yang mana satukah yang anda dapati lebih mudah untuk dipatuhi?

2) Bagaimanakah Paulus menyuruh kita menjalani kehidupan dengan orang lain? (ay. 10-13)

Perintah yang manakah anda dapati sukar untuk dipatuhi? Mengapa?

3) Bagaimanakah kita telah dipanggil untuk memberi respons kepada orang yang telah menganiaya atau berbuat jahat kepada kita? (ay. 14, 17-21)


Pilih salah satu daripadanya dan fikirkan bagaimana anda boleh meminta pertolongan Allah untuk mengamalkannya dalam kehidupan anda.

4) Mengapakah Kitab Suci memberitahu kita untuk tidak membalas dendam? (ay. 19)



### Ayat Hafalan

5) Menurut Paulus, bagaimanakah kita boleh menewaskan kejahatan? (ay. 21)



**I. Tunduk kepada pemerintah (ay. 1-7)**

**13** Setiap orang harus tunduk kepada pihak berkuasa,<sup>a</sup> kerana tidak ada kekuasaan yang tidak datang daripada Allah, dan pihak berkuasa yang ada telah ditetapkan oleh Allah.<sup>2</sup>Oleh itu sesiapa yang menentang pihak berkuasa menentang peraturan Allah, dan sesiapa yang menentang membawa hukuman ke atas dirinya.<sup>3</sup>Pemerintah tidak menakutkan orang yang berbuat baik, hanya mereka yang berbuat jahat. Inginkan kamu bebas daripada rasa takut terhadap pemerintah? Lakukan kebajikan, pasti kamu akan dipujinya.<sup>b</sup> <sup>4</sup>Pemerintah adalah hamba<sup>c</sup> yang diamanahkan oleh Allah untuk membawa kebaikan kepadamu. Tetapi jika kamu melakukan kejahatan, wajarlah kamu takut, kerana pedang yang

dibawanya tentu sekali untuk digunakan. Pemerintah adalah hamba yang diamanahkan oleh Allah untuk menjalankan pembalasan dengan menimpakan kemurkaan Allah ke atas orang yang berbuat jahat.<sup>5</sup>Oleh itu tunduklah, bukan hanya kerana takut dimurkai Allah tetapi juga kerana menurut hati nuranimu sendiri.

<sup>6</sup>Dengan sebab itu jugalah kamu harus membayar cukai. Pemerintah ialah penjawat yang ditugaskan Allah untuk mengendalikan hal itu.<sup>7</sup>Oleh itu bayarlah apa yang wajar dibayar kepada setiap pihak: Sekiranya cukai, bayarlah cukai; sekiranya hasil, bayarlah hasil. Dan takutilah orang yang patut ditakuti, dan hormatilah orang yang patut dihormati.

**Nota****Ringkasan ay. 1-7**

Paulus terus memberi arahan mengenai hubungan orang Kristian di Roma dengan orang luar, khususnya hubungan mereka dengan pihak berkuasa. Dia mengingatkan mereka bahawa pihak berkuasa yang memerintah telah ditentukan oleh Allah, dan oleh yang demikian semua orang harus taat kepada mereka (ay. 1-2). Sekiranya mereka memberontak terhadap pihak berkuasa, mereka juga memberontak terhadap Allah sendiri. Paulus menganggap pihak berkuasa sebagai hamba Allah untuk mengekalkan keadilan dan menghukum orang yang berbuat jahat (ay. 3-5). Orang yang berbuat baik tidak perlu takut kepada pihak berkuasa tetapi tunduk kepada mereka kerana ia adalah perkara baik untuk dilakukan. Orang percaya harus membayar cukai mereka dan menunjukkan rasa hormat kepada pihak berkuasa kerana mereka telah diletakkan oleh Allah di sana untuk menjalankan tugas mereka (ay. 6-7).

**ay. 1-2** Dalam bahagian sebelum ini, Paulus telah memberikan arahan kepada orang Kristian di Roma mengenai cara mereka harus berkelakuan di kalangan orang yang tidak seiman. Dia meneruskan dalam bahagian ini dengan tumpuan khusus kepada hubungan mereka dengan pihak berkuasa yang memerintah. Dengan tegas, Paulus meyakinkan hal itu kerana Allah berkuasa ke atas dunia ini; semua kuasa di bumi datang daripada-Nya. Dia menganggap pihak berkuasa atau kerajaan sebagai agen yang dipilih oleh Allah untuk membasmi kejahatan dan mengekalkan keadilan di bumi. Oleh itu, orang percaya harus tunduk kepada mereka. Apabila mereka mentaati kerajaan di bumi, mereka juga mentaati Allah. Begitu juga, sekiranya mereka memberontak terhadap pihak berkuasa yang telah ditetapkan oleh Allah, mereka juga memberontak terhadap Allah dan mereka akan menghadapi hukuman akibat tindakan mereka.

**ay. 3-5** Paulus meyakinkan mereka bahawa tiada apa-apa yang mereka perlu takut dari pemerintah-pemerintah Roma sekiranya mereka adalah rakyat yang mematuhi peraturan dan berbuat baik, iaitu mereka melakukan perkara-

perkara yang berguna dan bermanfaat bagi rakyat lain dan masyarakat. Dia melihat kerajaan sebagai suatu kuasa positif untuk kebaikan rakyat kerana mereka adalah hamba Allah, yang memberikan ganjaran kepada orang yang berbuat baik dan menghukum orang yang berbuat jahat. Apabila mereka menghukum orang yang berbuat kesalahan, secara tidak langsung mereka juga menjalankan hukuman Allah terhadap kejahatan. Oleh itu, orang Kristian harus tunduk kepada pihak berkuasa kerana ia adalah perkara yang baik, bukan hanya kerana takut dijatuhkan hukuman.

**ay. 6-7** Paulus menambah bahawa dengan sebab yang sama inilah, orang Kristian harus membayar cukai mereka. Oleh kerana pihak berkuasa bertindak sebagai hamba-hamba Allah, membayar cukai adalah perkara baik yang dilakukan dan merupakan kewajipan orang Kristian di Roma supaya kerajaan boleh berfungsi dalam tugas-tugas yang diberikan Allah kepada mereka. Paulus turut mengingatkan mereka untuk menghormati dan memuliakan pihak berkuasa tersebut kerana dengan menjalankan tanggungjawab mereka, mereka juga berkhidmat sebagai hamba-hamba yang telah dipilih



oleh Allah.



### Teropong

<sup>a</sup> Ini membangkitkan soalan-soalan lain sama ada orang Kristian perlu taat sekiranya pemerintah itu tidak adil atau memerintahkan kita untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah, atau tidak melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah. Paulus tidak cuba untuk menjawab soalan-soalan ini tetapi hanya memberitahu orang Kristian secara umum, mereka bertanggungjawab untuk tunduk kepada pihak berkuasa kerana Allah telah memberi mereka kuasa itu.

Seperti semua penulis Perjanjian Baru yang jelas bahawa mereka harus lebih taat kepada Allah daripada kepada manusia, Paulus tidak menyatakan bahawa kita harus selalu bersetuju dengan pihak berkuasa yang memerintah terutamanya jika mereka melanggar hukum Allah. Tetapi sebagai peraturan umum, dia mengharapkan orang Kristian menjadi warganegara contoh. Setiap negeri mempunyai kelemahannya dan Roma pada abad pertama mempunyai banyak kelemahan. Tetapi ia masih perlu dianggap pihak berkuasa tersebut telah dipilih oleh Allah dan oleh itu dia adalah hamba Allah.

<sup>b</sup> Apabila dia berkata bahawa sesiapa yang berbuat kebajikan akan mendapat pujian daripada pihak berkuasa, dia mungkin berfikir apa yang berlaku dalam masyarakat pada zamannya. Pemerintah-pemerintah Yunani dan Roma akan memuji dan memuliakan orang yang berbuat kebajikan yang mendatangkan manfaat kepada kota. Berbuat 'kebajikan' diertikan sebagai melakukan perkara-perkara baik yang berguna untuk masyarakat, bernilai dan mempunyai kepentingan sosial.

<sup>c</sup> Perkataan 'hamba' bermaksud seseorang yang melayani di meja-meja dan dianggap perkhidmatan yang paling hina secara amnya. Tetapi setinggi mana pun seorang pemerintah, dia hanyalah seorang hamba yang hina di hadapan Allah.



### Soalan

1) Menurut Paulus, kepada siapakah kita harus taat (ay. 1)? Apakah alasan yang diberikannya?

2) Apa yang berlaku apabila kita tidak mentaati pihak berkuasa? (ay. 2-4)

3) Adakah kita perlu takut kepada pihak berkuasa (ay. 3-4)? Berikan alasan anda.

4) Apakah sebab lain yang diberikan oleh Paulus supaya kita mentaati pihak berkuasa? (ay. 5)

5) Dalam ay. 6-7, Paulus menyenaraikan beberapa cara bagaimana kita harus tunduk kepada pihak berkuasa. Apakah cara-cara tersebut? Apakah cara praktikal lain yang boleh anda fikirkan?

6) Adakah pendapat Paulus tentang mentaati pihak berkuasa boleh diaplikasikan apabila kita mempunyai pemerintah yang kejam seperti Maharaja Nero (yang menganiayai orang Kristian pada Abad Pertama Masihi) atau Hitler (yang telah membunuh berjuta-juta orang Yahudi pada Perang Dunia ke-2)? Mengapa atau mengapa tidak?



### Mari Fikir Sejenak

Apakah yang dimaksudkan dengan menghormati orang yang berkuasa ke atas anda? Fikirkan beberapa cara praktikal di mana anda boleh menunjukkan rasa hormat kepada guru anda, atau pemimpin di gereja anda.

**I. Kasih-mengasihi (ay. 8-14)**

<sup>8</sup>Jangan merasa terhutang apa-apa kepada sesiapa pun kecuali kasih-mengasihi, kerana seseorang yang mengasihi sesama manusia telah memenuhi hukum; <sup>9</sup>kerana perintah-perintah, “Jangan berzina”, “Jangan membunuh”, “Jangan mencuri”, “Jangan ingini milik orang lain” dan perintah-perintah yang lain adalah terangkum dalam perintah ini, “Kasihilah sesama manusia sebagai mana kamu mengasihi dirimu sendiri”. <sup>10</sup>Kasih tidak berbuat jahat kepada sesama manusia. Oleh itu kasih memenuhi hukum.

<sup>11</sup>Kamu tahu bahawa sudah sampai

waktunya kamu bangun dari tidur, kerana kini penyelamatan lebih dekat lagi kepada kita daripada dahulu, ketika kita baru beriman. <sup>12</sup>Malam sudah hampir berlalu, dan siang hampir tiba. Oleh itu lucutkanlah segala kerja kegelapan dan kenakan kelengkapan senjata<sup>d</sup> cahaya. <sup>13</sup>Kutlah tingkah laku yang wajar, sebagaimana orang berjalan pada siang hari. Jangan berpesta liar dan mabuk, jauhi noda dan pencabulan, singkirkan pergaduhan dan iri hati. <sup>14</sup>Kenakan Tuhan Yesus Kristus sebagai kelengkapan senjata dan jangan hidup mengikut sifat tabii untuk memuaskan hawa nafsu.

**Nota****Ringkasan ay. 8-14**

Paulus terus mengingatkan mereka bahawa mereka tidak berhutang apa-apa kepada sesiapa. Mereka hanya berhutang untuk saling mengasihi satu sama lain (ay. 8-10). Mereka harus sentiasa mengasihi kerana hutang tersebut tidak akan boleh dilunaskan. Dengan mengasihi sesama mereka seperti mana mereka mengasihi diri sendiri, mereka sebenarnya sedang memenuhi hukum Musa. Paulus menyeru mereka untuk bangun dari tidur dan sedar bahawa hari penyelamatan semakin dekat (ay. 11-12). Oleh itu, mereka mesti meninggalkan hal-hal kegelapan dan menjalani kehidupan dalam cahaya. Sebagai orang yang menjadi milik Kristus, mereka tidak harus terlibat dalam aktiviti-aktiviti berdosa, sebaliknya mereka harus mengambil sifat-sifat Kristus dan menjalani kehidupan seperti Kristus (ay. 13-14).

**ay. 8-10** Setelah memberitahu mereka bahawa mereka jangan berhutang apa-apa kepada pihak berkuasa yang memerintah, sama ada cukai atau penghormatan, kini Paulus memberitahu mereka bahawa sebenarnya, mereka tidak perlu berasa terhutang apa-apa kepada sesiapa pun. Setiap hutang harus sentiasa dilunaskan kecuali satu hutang ini, iaitu hutang kasih. Selepas selesai melunaskan hutang kita, kita tidak mempunyai sebarang kewajipan lagi. Kasih, bagaimana pun, adalah sesuatu yang kita ‘terhutang’ kepada orang lain yang tidak akan pernah dapat dilunaskan.

Dengan saling mengasihi, orang percaya telah memenuhi hukum Musa. Paulus menyebut daripada Sepuluh Hukum Allah untuk menunjukkan bahawa bersama-sama dengan perintah-perintah Allah yang lain, ia disimpulkan menjadi satu perintah ‘Kasihilah sesama manusia sebagai mana kamu mengasihi dirimu sendiri’ (Imamat 19:18). Paulus menyatakan apa yang telah diajar oleh Yesus sendiri (Matius 22:37-40) bahawa perintah kedua terbesar selepas mengasihi Allah adalah mengasihi sesama manusia seperti kita mengasihi diri kita sendiri. Dia merumus bahawa dengan kasih, kita tidak boleh sekali-kali berbuat jahat kepada orang lain. Dengan mengasihi, kita memenuhi perintah-perintah Allah.

**ay. 11-14** Paulus memberikan sebab mengapa dia menyeru mereka untuk berbuat demikian. Hari kedatangan Kristus

semakin dekat daripada apabila mereka mula-mula percaya. Oleh itu, mereka perlu bangun menghadapi realiti dan mula menjalani kehidupan seperti kehidupan Kristus. Mereka harus berhenti melakukan hal-hal yang salah dan bertentangan dengan jalan Allah. Sebaliknya, mereka harus sedar bahawa kehidupan Kristian adalah suatu peperangan. Untuk memenangi peperangan ini, mereka harus hidup dengan benar dan kudus.

Paulus menggesa mereka untuk berkelakuan sopan dan bertindak mengikut cara yang layak dengan orang yang menjadi milik Kristus. Mereka tidak seharusnya terlibat dengan tingkah-laku yang hanya memuaskan keinginan-keinginan mereka yang berdosa, sebaliknya, mereka harus mengenakan karakter Kristus. Mereka harus menunjukkan dengan sikap luaran mereka apa yang mereka alami secara dalaman sebagai orang yang telah diubah oleh Kristus.

**Teropong**

<sup>d</sup> Paulus menggunakan imej tentera, di mana seorang askar menanggalkan baju tidurnya untuk mengenakan kelengkapan senjata. Perbuatan-perbuatan jahat bukan sebahagian daripada kelengkapan mereka sebagai Kristian. Sebaliknya, mereka harus melengkapkan diri mereka dengan ‘kelengkapan senjata cahaya’, iaitu kelengkapan





senjata kehidupan yang benar. Bagi Paulus, kehidupan Kristian adalah suatu peperangan yang bertempur melawan keinginan diri yang berdosa dan kuasa-kuasa kegelapan.

5) Sebagai hasilnya, apakah yang kita dipanggil untuk melakukan? (ay. 12-14)

### Soalan

1) Apakah yang Paulus maksudkan apabila dia berkata kita tidak perlu berasa terhutang kepada sesiapa (ay. 8)? Adakah hal ini bermakna anda tidak boleh meminjam sebarang wang untuk membeli harta benda yang besar seperti rumah atau kereta?



Bolehkah anda memikirkan seseorang yang dianggap sesama anda yang tidak begitu anda kasih?

2) Apakah satu-satunya hutang yang kita boleh ada (ay. 8)? Mengapakah hutang ini adalah sesuatu yang tidak boleh dilunaskan sepenuhnya?

Bagaimanakah anda boleh mempraktikkan perintah Allah untuk mengasih orang ini sebagai mana anda mengasih diri anda sendiri?

3) Menurut perumpamaan Orang Samaria yang Baik (Lukas 10:25-37), siapakah yang Yesus katakan adalah sesama kita? Apakah yang dimaksudkan dengan mengasih sesama manusia sebagai mana kamu mengasih dirimu sendiri? (ay. 9)



Paulus mengingatkan kita untuk tidak lagi melakukan hal-hal yang tidak benar atau yang tidak memuliakan Allah memandangkan kita adalah milik Kristus dan hari kedatangan-Nya sudah dekat. Apakah antara perkara-perkara yang anda lakukan yang anda sembunyikan daripada orang lain kerana anda tahu ia tidak benar?

Apa kata ambil sedikit masa untuk berbicara kepada Allah tentang hal-hal tersebut dan meminta-Nya membantu anda untuk berubah?

4) Apakah sebab Paulus menyeru kita untuk bangun dari tidur? (ay. 11-12)



Saudara-saudara yang kukasih,  
marilah kita kasih-mengasih  
kerana kasih itu datang dari Allah.  
(1 Yohanes 4:7a)

**I. Yang lemah dan yang kuat (ay. 1-12)**

**14** Terimalah<sup>a</sup> orang yang lemah<sup>b</sup> imannya, tanpa menghakimi hal-hal yang boleh dipertikaikan. <sup>2</sup>Ada orang yang yakin dia boleh makan semua jenis makanan, tetapi ada juga orang yang lemah imannya dan hanya makan sayur-sayuran. <sup>3</sup>Namun demikian, orang yang makan semua jenis makanan janganlah menghina orang yang tidak makan sesuatu; dan orang yang tidak makan sesuatu janganlah menghakimi orang yang makan semua jenis makanan, kerana Allah telah menerima dia. <sup>4</sup>Siapakah kamu maka berani menghakimi hamba orang lain? Sama ada dia tetap berdiri atau jatuh, terpulanglah kepada tuannya. Malah dia akan tetap berdiri kerana Tuhan berkuasa membuatnya tetap berdiri.

<sup>5</sup>Ada orang yang mengutamakan hari tertentu daripada yang lain, dan ada pula yang menganggap semua hari sama baiknya. Setiap orang harus membuat keputusan bagi dirinya sendiri, selaras dengan keyakinannya. <sup>6</sup>Mereka yang mengutamakan hari-hari tertentu berbuat demikian untuk menghormati Tuhan. Mereka yang makan semua jenis makanan melakukannya untuk

menghormati Tuhan, kerana mereka mengucap syukur kepada Allah; manakala mereka yang tidak makan beberapa jenis makanan juga melakukannya untuk menghormati Tuhan, dan mengucap syukur kepada Allah. <sup>7</sup>Tiada seorang pun dalam kalangan kita yang hidup bagi diri sendiri, dan tiada seorang pun dalam kalangan kita yang mati bagi diri sendiri. <sup>8</sup>Jika kita hidup, kita hidup bagi Tuhan; dan jika kita mati, kita mati bagi Tuhan. Oleh itu, baik kita hidup mahu pun mati, kita ialah milik Tuhan. <sup>9</sup>Kristus mati dan bangkit lalu hidup semula untuk menjadi Tuhan kepada yang mati dan yang hidup. <sup>10</sup>Mengapakah kamu menghakimi saudaramu? Dan mengapa kamu menghina saudaramu? Kita semua akan berdiri di hadapan takhta penghakiman Allah. <sup>11</sup>Kerana telah tersurat: "Demi Aku yang hidup." Tuhan berfirman, "Setiap orang yang bertekuk lutut di hadapan-Ku; dan setiap lidah akan mengaku kepada Allah."

<sup>12</sup>Nyatalah bahawa setiap orang daripada kita akan dipertanggungjawabkan memberi pernyataan tentang dirinya kepada Allah.

**Nota****Ringkasan ay. 1-12**

Setelah menggesa para pembacanya untuk saling mengasihi dan hidup seperti Kristus, Paulus kini memulakan bahagian baru dari 14:1-15:13 di mana dia berbicara tentang apa yang dimaksudkan dengan saling mengasihi dalam komuniti Roma. Dia berbicara tentang isu tersebut dalam 14:1-12 tentang bagaimana orang Kristian harus saling menerima antara satu sama lain walaupun mereka mempunyai perasan mendalam yang berlainan tentang apa yang boleh dan tidak boleh mereka lakukan.

Paulus bermula dengan menyeru orang Kristian di Roma untuk menerima orang yang lemah imannya dan tidak memandang rendah terhadap mereka (ay. 1-3). Pada masa yang sama, orang yang lemah juga tidak seharusnya mempunyai sikap menghakimi. Kemudian dia menyatakan sebab-sebab bagi hal ini (ay. 4-9). Paulus mengingatkan mereka bahawa setiap orang Kristian adalah hamba Tuhan dan mereka bertanggungjawab kepada Tuan mereka. Kerana setiap perkara yang mereka lakukan harus memuliakan Tuhan mereka, mereka harus melakukan apa yang mereka yakini. Dia menambah bahawa pada akhirnya, setiap orang akan dipertanggungjawabkan memberi pernyataan tentang diri mereka sendiri kepada Allah (ay. 10-12).

**ay. 1-3** Setelah menggesa orang Kristian di Roma untuk menunjukkan kasih dan kehidupan Kristus dalam cara kehidupan mereka, sekarang Paulus terus berbicara tentang isu yang mungkin boleh menyebabkan perpecahan dalam komuniti orang Roma. Sarjana percaya bahawa mungkin terdapat dua kumpulan yang memegang pandangan berbeza tentang apa yang dibenarkan atau dilarang untuk dilakukan oleh iman kepercayaan mereka.

Apabila Paulus berbicara tentang lemah dalam iman, dia bukan merujuk kepada orang yang imannya kepada Kristus adalah lemah, tetapi untuk mereka yang tidak memahami implikasi penuh bagi kasih kurnia Allah dalam kehidupan mereka. Mereka memegang kepercayaan bahawa iman mereka menyuruh mereka menganggap hari-hari tertentu sebagai suci dan melarang mereka daripada memakan makanan tertentu. Nampaknya orang yang lemah adalah minoriti kerana Paulus menyeru gereja untuk menerima dan



mengalu-alukan mereka ke dalam kehidupan sebuah komuniti. Mereka tidak seharusnya menganggap orang percaya yang lemah sebagai anggota-anggota kelas kedua dan mengkritik atau mencemooh mereka bagi apa yang mereka percaya. Paulus berkata bahawa mereka harus menghormati pandangan mereka walaupun pandangan tersebut berbeza.

Kemudian dia memberikan satu contoh dengan membandingkan orang yang memakan semua jenis makanan, dan orang yang hanya memakan sayur-sayuran. Jelas sekali keduanya yakin bahawa cara hidup mereka dalam iman Kristian adalah benar, manakala yang lain adalah salah. Paulus bagaimanapun tidak mengatakan siapa yang benar atau siapa yang salah, walaupun agak jelas dia tidak menyokong pendapat orang yang lemah imannya. Sebaliknya, dia menggesa setiap orang untuk saling menerima antara satu sama lain serta mengekalkan kesatuan dalam gereja.

Mereka yang tahu bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk memakan semua jenis makanan tidak seharusnya memandang rendah kepada mereka yang lemah, yang hanya memakan sayur-sayuran. Pada masa yang sama, orang yang lemah tidak seharusnya menghakimi orang yang memakan semua jenis makanan dan mengutuk mereka. Kedua-duanya tidak seharusnya mengkritik atau menolak yang lain daripada persekutuan mereka kerana Allah telah mengalu-alukan dan menerima semua orang. Mereka harus menerima orang yang Allah telah terima.

**ay. 4** Paulus memberikan satu alasan lagi untuk tidak menghakimi tingkah laku orang lain. Mereka adalah saudara-saudari mereka dalam Kristus dan mereka adalah hamba Allah, bukannya hamba mereka. Paulus berkata mereka akan menjawab kepada Allah akibat tindakan mereka, dan bukan kepada orang tersebut. Hamba dimiliki dan dipertanggungjawabkan kepada tuannya. Sekiranya seorang hamba diterima oleh tuannya, apa yang difikirkan oleh hamba-hamba lain sudah tidak penting. Ia adalah urusan tuannya sama ada dia terjatuh atau pun berdiri, dan Paulus berkata Tuhan mampu untuk membantunya menjadi seseorang yang menyenangkan hati Allah.

**ay. 5-6** Bukan soal makanan sahaja yang tidak dipersetujui oleh mereka. Terdapat juga isu di mana ada di antara mereka yang menganggap setiap hari adalah suci, sedangkan yang lain pula menganggap hari-hari tertentu lebih suci. Ia mungkin hari-hari perayaan atau hari-hari puasa dari tradisi orang Yahudi. Apapun pandangan mereka terhadap isu tersebut, Paulus mengingatkan mereka untuk yakin dengan fikiran dan hati nurani mereka bahawa apa yang mereka fikirkan atau rasakan itu adalah hal yang benar. Kerana apa pun yang

mereka lakukan, sama ada mereka mengamalkan atau tidak melakukan sesuatu perkara, mereka harus berbuat demikian kerana mereka ingin memuliakan Allah.

Orang yang menganggap hari-hari tertentu sebagai hari suci melakukannya kerana dia benar-benar percaya hal itu memuliakan Tuhan. Begitu juga, kedua-dua orang percaya yang memakan semua jenis makanan dengan bebas dan orang yang tidak mahu memakan makanan tertentu, mengucapkan syukur kepada Allah pada waktu mereka makan kerana mereka didorong oleh keinginan untuk memuliakan Tuhan. Apa pun yang mereka lakukan atau tidak lakukan, motivasi mereka adalah untuk memuliakan Allah.

**ay. 7-9** Paulus menyambung dengan menyatakan bahawa kita tidak hidup atau mati untuk diri kita sendiri. Kita harus hidup dan mati bagi Kristus, Tuhan kita. Kristus telah mati dan bangkit kembali dengan maksud untuk menjadi Tuhan bagi yang hidup dan yang mati. Oleh itu sama ada kita hidup atau mati, kita adalah milik-Nya. Oleh yang demikian, semua yang kita lakukan haruslah demi Tuhan kita.

**ay. 10-12** Paulus kemudian menegur kedua-dua kumpulan kerana sikap mereka yang saling menghakimi dan merendahkan martabat antara satu sama lain. Dia memberitahu mereka bahawa mereka tidak berhak untuk saling menghakimi kerana suatu hari nanti mereka sendiri akan dihakimi oleh Allah. Dia menyebut Yesaya 45:23 bagi mengingatkan mereka bahawa Allah telah mengisytiharkan Dia adalah Allah di mana suatu hari nanti semua manusia akan bersujud kepada-Nya dan menghormati-Nya sebagai Allah Yang Maha Besar. Setiap kita akan berdiri di hadapan Allah dan memberikan pernyataan tentang diri kita sendiri, bukan kepada orang lain melainkan kepada Allah sendiri.



### Teropong

<sup>a</sup> Perkataan ‘terima’ bermaksud ‘mengalu-alukan’ ke dalam keluarga atau menerima seseorang sebagai rakan seperjuangan sepenuhnya. Oleh itu Paulus meminta gereja untuk bukan sahaja bertolak-ansur dengan orang yang lemah imannya, tetapi menerima mereka dengan mesra sebagai rakan-rakan dan anggota-anggota komuniti seiman. Itulah kasih Kristian yang sebenar.

<sup>b</sup> Paulus tidak pernah menjelaskan dengan terperinci siapakah orang yang lemah imannya ini. Boleh jadi orang itu adalah orang Yahudi yang telah menjadi Kristian yang masih berpendapat mereka harus mengikut ketetapan hukum ritual. Mereka menganggap sesetengah jenis makanan tidak bersih dan menganggap hari-hari perayaan dan hari-hari berpuasa lebih suci berbanding hari-hari lain.



Atau mereka mungkin bangsa-bangsa asing yang fikirannya dipengaruhi oleh latar-belakang pagan. Kumpulan lain mungkin terdiri daripada bangsa-bangsa asing Kristian bersama orang Yahudi Kristian yang 'sudah dibebaskan' seperti Paulus yang percaya bahawa kedatangan Kristus telah menamatkan ketetapan ritual hukum. Paulus tidak menyatakan yang mana benar atau yang mana salah, atau cuba menyelesaikan perbalahan tersebut, tetapi dia menggesa setiap orang untuk saling menerima antara satu sama lain. Dia lebih menitikberatkan kesatuan dan peneguhan kepercayaan sebagai tubuh Kristus.



### Soalan

- 1) Berdasarkan petikan ini siapakah yang 'lemah' imannya? (ay. 1-2, 5)
- 2) Bagaimanakah Paulus meminta gereja untuk menerima orang lemah imannya? (ay. 1)
- 3) Apakah sikap mereka terhadap satu sama lain? (ay. 3-4)
- 4) Apakah gesaan Paulus kepada mereka? Mengapakah dia meminta mereka untuk berhenti bersikap demikian? (ay. 3-4)
- 5) Paulus meminta mereka membuat keputusan untuk diri mereka sendiri. Apakah hal tersebut? (ay. 5)
- 6) Apakah sebab-sebab yang diberikan olehnya? (ay. 6-9)
- 7) Mengapakah kita tidak seharusnya saling memandang rendah atau menghakimi antara satu sama lain? (ay. 10-12)



- Fikirkan seorang Kristian atau kumpulan Kristian yang anda tidak bersetuju dengannya berkenaan suatu isu berkaitan iman anda. Apakah yang anda tidak persetujui?
- Bagaimanakah perasaan anda terhadap orang atau kumpulan tersebut? Bagaimanakah anda boleh mengaplikasikan apa yang anda pelajari daripada Paulus dalam petikan ini kepada situasi anda?



Oleh itu, janganlah lagi kita menghakimi sesama sendiri. Sebaliknya bertekadlah tidak akan membuat saudaramu tersandung atau terjatuh.  
(Roma 14:13)



## II. Jangan saling menjatuhkan (ay. 13-23)

<sup>13</sup>Oleh itu janganlah lagi kita menghakimi sesama sendiri. Sebaliknya bertekadlah tidak akan membuat saudaramu tersandung atau terjatuh. <sup>14</sup>Dalam Tuhan Yesus, aku tahu dan percaya bahawa tiada sesuatu pun yang najis. Namun demikian, sesuatu menjadi najis bagi seseorang yang menganggapnya najis. <sup>15</sup>Sekiranya saudaramu bersedih kerana sesuatu yang kamu makan, maka kamu tidaklah lagi hidup berasaskan kasih. Jangan mudaratkan sesiapa disebabkan makanamu, kerana Kristus telah berkorban nyawa untuk dia juga. <sup>16</sup>Jangan sampai sesuatu yang kamu anggap baik disebut sebagai kejahatan. <sup>17</sup>Kerajaan Allah<sup>c</sup> bukanlah soal makan minum, tetapi soal perbenaran dan kesejahteraan serta kegembiraan dalam Roh Kudus. <sup>18</sup>Orang yang mengabdikan diri kepada Kristus dengan cara ini

akan diredai Allah dan disukai manusia.

<sup>19</sup>Oleh itu marilah kita mengejar hal-hal yang membawa kesejahteraan dan yang membina kebaikan sesama sendiri. <sup>20</sup>Jangan rosakkan rancangan Allah semata-mata kerana makanan! Semua makanan adalah suci, tetapi seseorang yang dianggap bersalah sekiranya sesuatu yang dimakannya menyebabkan orang lain tersandung. <sup>21</sup>Sebaik-baiknya jauhilah makan daging atau minum anggurd<sup>d</sup> atau apa sahaja yang dapat melemahkan saudaramu. <sup>22</sup>Apa yang kamu percayai, percayailah sendirian di hadapan Allah. Diberkatilah orang yang tidak perlu mengadili dirinya tentang sesuatu yang dipercayainya benar. <sup>23</sup>Sebaliknya, seseorang yang makan sesuatu dengan perasaan was-was adalah bersalah kerana perbuatannya itu tidak berasaskan iman. Segala yang tidak berasaskan iman itu adalah dosa.



### Nota

#### Ringkasan ay. 13-23

Dalam bahagian ini, Paulus menggesa orang Kristian di Roma untuk bertindak kerana kasih dan bukannya berkeras untuk melakukan sesuatu yang mereka percaya bebas untuk dilakukan. Dia mengingatkan mereka untuk tidak mengamalkan kebebasan mereka untuk makan sekiranya ia akan menyebabkan orang percaya yang lemah iman tersandung dan jatuh ke dalam dosa (ay. 13-16). Dengan berbuat demikian, mereka tidak hidup berasaskan kasih. Dia menyatakan bahawa pada akhirnya, kerajaan Allah bukan tentang makan atau minum tetapi tentang perbenaran, kesejahteraan dan sukacita dalam Roh Kudus (ay. 17-18).

Dia mengingatkan mereka untuk menjaga kesejahteraan dan saling membina antara satu sama lain dalam komuniti (ay. 19-21). Mereka harus menahan diri daripada melakukan apa-apa yang akan membinasakan saudara seiman mereka. Dia menasihati mereka untuk menjaga keyakinan peribadi antara mereka sendiri dan Allah (ay. 22-23). Mereka diberkati jika mereka jelas akan hati nurani mereka dan tidak berasa terkutuk tentang bagaimana mereka menggunakan kebebasan mereka. Tetapi sekiranya mereka ragu-ragu, mereka harus menahan diri kerana sekiranya mereka tidak melakukan apa yang mereka percaya benar, mereka telah berdosa.

**ay. 13-16** Paulus sekali lagi menggesa orang Kristian di Roma untuk berhenti menghakimi antara satu sama lain. Sebaliknya, mereka harus memilih untuk hidup dalam cara yang tidak menyebabkan saudara seiman yang lain terjatuh secara rohani atau dibawa ke dalam dosa. Dia meyakinkan mereka bahawa dia yakin dalam kekuasaan Kristus, tiada makanan yang tidak boleh dimakan. Tetapi sekiranya seseorang percaya bahawa adalah salah untuk memakan makanan tersebut, maka itulah salah bagi dirinya. Hati nurani orang itu sedemikian dia tidak boleh memakan makanan tersebut tanpa melihat tindakan itu sebagai salah.

Oleh itu, walaupun mereka benar dalam kepercayaan mereka bahawa tiada makanan yang najis atau salah untuk dimakan, mereka harus menahan diri daripada memakannya kerana

perbuatan mereka akan mengecewakan saudara seiman mereka. Dengan menegakkan kebebasan untuk melakukan apa yang mereka percaya benar, mereka mendatangkan bahaya secara rohani kepada saudara seiman, dan oleh yang demikian, ia bukan satu perbuatan berasaskan kasih. Paulus menambah bahawa mereka tidak seharusnya membiarkan pemakanan mereka memusnahkan seseorang yang telah diberikan kehidupan oleh Kristus. Mereka tidak boleh membiarkan sesuatu yang baik bagi mereka dikritik sebagai sesuatu yang tidak baik.

**ay. 17-21** Dia mengingatkan mereka lagi tentang nilai-nilai sebenar dalam kerajaan Allah. Paulus berkata bahawa pada akhirnya, kerajaan Allah bukan tentang makan atau minum. Ia adalah tentang menjalani kehidupan yang benar, sejahtera



dan gembira dalam Roh Kudus. Apabila mereka melayani Kristus dengan sikap ini, mereka akan menyenangkan Allah dan saudara seiman mereka juga akan menyenangkannya.

Oleh yang demikian Paulus menggesa orang Kristian di Roma untuk meneruskan hubungan yang sejahtera antara satu sama lain dan saling membina. Dia mengingatkan mereka bahawa mereka boleh menyebabkan kehancuran gereja yang teruk – menghancurkan kesatuan dan kekuatannya – melalui sikap dan perbuatan mereka terhadap orang yang lemah imannya. Dia bersetuju dengan mereka bahawa semua jenis makanan boleh dimakan tetapi dia mengingatkan mereka adalah salah untuk memakannya jika itu akan menyebabkan orang lain tersandung dalam iman mereka. Mereka tidak seharusnya menjadikan hal kecil seperti makanan menghancurkan apa yang telah Allah lakukan. Dia berkata adalah lebih baik untuk tidak memakan daging atau meminum anggur atau melakukan apa-apa perkara yang akan menyebabkan saudara seiman mereka tersandung.

**ay. 22-23** Paulus memberitahu mereka bahawa walaupun mereka percaya apa yang mereka lakukan tidak salah, mereka harus menyimpankan itu hanya di antara diri mereka dan Allah sahaja. Mereka telah diberkati sekiranya mereka tidak berasa bersalah kerana melakukan sesuatu yang mereka percaya benar. Walau bagaimanapun, mereka tidak perlu bercakap besar tentang kebebasan mereka di hadapan saudara seiman yang lemah. Sebabnya adalah jika saudara seiman mereka yang lebih lemah iman dipaksa mengikuti mereka dan memakan apa yang mereka percaya iman mereka tidak benarkan untuk memakannya, mereka akan berasa terkutuk dengan perbuatan mereka. Oleh itu, sekiranya seseorang memakan daging dengan hati nurani yang gundah, dia berasa bersalah dan berdosa kerana perbuatannya tidak timbul daripada apa yang dipercayai atau dipegangnya. Kerana sekiranya kita melakukan sesuatu yang kita percaya tidak benar, maka kita berdosa.



### Teropong

<sup>c</sup> Kerajaan Allah bukan bermaksud sebuah kerajaan fizikal yang sebenar. Ia merujuk kepada pemerintahan Allah sebagai Raja yang hidup di antara umat-Nya melalui pekerjaan Kristus dan oleh Roh Kudus.

<sup>d</sup> Boleh jadi meminum anggur salah satu isu yang menyebabkan saudara seiman yang lemah imannya kerana buat pertama kali ia disebutkan di sini. Orang yang lemah imannya tidak begitu kuat menahan diri bukan kerana mereka takut akan kesan kemabukan minuman keras, tetapi mereka takut anggur mungkin berkait dengan amalan keagamaan pagan.



### Soalan

- 1) Daripada menghakimi satu sama lain, apakah yang Paulus minta mereka lakukan? (ay. 13)
- 2) Apakah pendirian Paulus tentang memakan sesuatu makanan? (ay. 14)
- 3) Adakah Paulus menggalakkan seseorang melakukan apa yang dia percayai? Mengapa atau mengapa tidak? (ay. 14-16)
- 4) Pada akhirnya, apakah yang dikatakan tentang kerajaan Allah? (ay. 17)
- 5) Apakah yang Paulus galakkan orang Kristian di Roma untuk lakukan agar membawa kesejahteraan dan membina antara satu sama lain? (ay. 19-22)
- 6) Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu adalah benar atau salah, adakah anda harus melakukannya? Mengapa dan mengapa tidak? (ay. 23)



### Mari Fikir Sejenak

- Paulus berkata bahawa janganlah kita melakukan sesuatu yang akan membuat saudara-saudari seiman kita tersandung dalam iman mereka. Misalnya, anda berpendapat bahawa meminum minuman keras adalah baik asalkan tidak mabuk. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa orang dalam kumpulan belia yang percaya bahawa adalah salah bagi orang Kristian untuk minum. Apa yang akan anda lakukan?



## I. Menerima satu sama lain (ay. 1-6)

**15** Yang kuat<sup>a</sup> dalam kalangan kita hendaklah menampung kelemahan orang yang tidak kuat, dan jangan hanya menyukakan hati sendiri.<sup>2</sup> Setiap orang antara kita haruslah menyukakan hati sesama saudaranya demi kebbaikannya supaya dia menjadi teguh. <sup>3</sup>Kristus tidak menyukakan hati-Nya sendiri; sebaliknya telah tersurat: “Segala celaan daripada mereka yang mencela-Mu telah menimpa-Ku.”

<sup>4</sup>Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penghiburan daripada Kitab Suci itu kita mendapat harapan. <sup>5</sup>Semoga Allah yang memberikan kesabaran dan galakan, mengurniaimu perpaduan yang sama terhadap satu sama lain, menurut Kristus Yesus. <sup>6</sup>Dengan demikian dapatlah kamu dengan sebulat hati dan suara memuliakan Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus.



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-6

Paulus sekarang merumuskan perbincangannya mengenai bagaimana gereja harus melayan dan menghormati mereka yang lemah dengan beberapa gesaan. Dia menggalakkan yang kuat untuk menampung kegagalan-kegagalan mereka yang lemah (ay. 1-4). Mereka harus mencontohi Tuhan mereka dalam mengutamakan kebaikan orang lain sebelum kebaikan diri mereka sendiri dan seterusnya membina mereka. Dia kemudian berdoa bagi mereka supaya Allah akan mengurniakan kepada mereka satu roh perpaduan yang akan membolehkan mereka memuji Allah bersama-sama dengan efektif (ay. 5-6).

**ay. 1-2** Buat pertama kalinya, Paulus menggunakan perkataan ‘yang kuat’ dalam iman dan mengaitkan dirinya sebagai salah seorang yang tergolong dalam kumpulan ini. Dia menerangkan bahawa yang kuat mempunyai tanggungjawab untuk menjaga yang lemah dan bukan hanya memikirkan tentang kebaikan diri mereka sendiri. Mereka harus peka dengan susah payah mereka yang lemah dan bertindak dengan cara yang akan membawa kebaikan kepada saudara seiman serta membina iman mereka.

**ay. 3-4** Paulus menunjukkan mereka kepada Kristus sebagai model untuk diikuti. Dia berkata bahkan Kristus sekali pun tidak menyukakan hati diri-Nya sendiri dan dia memetik Mazmur 69:9 untuk menggambarkan hal tersebut. Penghinaan yang Allah terima daripada keingkaran manusia telah jatuh ke atas Yesus sendiri, yang telah membawa kepada kematian-Nya di kayu salib. Semua yang dilakukan oleh Yesus ini bukan untuk menyenangkan diri-Nya sendiri tetapi untuk kebaikan orang lain. Oleh itu, yang kuat harus rela melakukan seperti Kristus, iaitu untuk menyukakan hati yang lemah dalam iman, bukannya untuk menyenangkan diri sendiri. Apa yang tertulis dalam Kitab Suci adalah untuk mengajar mereka supaya mereka terdorong untuk terus hidup dalam pengharapan sambil menunggu dengan sabar untuk Allah memenuhi janji-janji-Nya.

**ay. 5-6** Kemudian Paulus berdoa untuk mereka bahawa Allah, yang adalah sumber kekuatan dan galakan, akan memberi mereka fikiran yang sama terhadap orang lain supaya mereka boleh hidup bersama-sama dengan harmoni

ketika mereka mencontohi Tuhan Yesus. Dengan perpaduan sedemikian mereka bersama-sama boleh memuliakan dan memuji Allah, Bapa Tuhan Yesus Kristus.



### Teropong

<sup>a</sup> Walaupun Paulus telah menyatakan sebelum ini bahawa dia bersetuju dengan pemikiran ‘yang kuat iman’ di Roma, ini adalah kali pertama dia menyatakan dirinya sendiri tergolong dalam kumpulan ini. Dia melabelkan dirinya dan orang lain yang sependapat dengannya sebagai *dynatoi* (secara literal, ia bermaksud ‘yang berkuasa atau yang berupaya’), iaitu mereka yang ‘berupaya’ melihat bahawa iman mereka membenarkan mereka untuk memakan daging, meminum anggur dan sebagainya. Yang lain adalah *adynatoi*, orang percaya yang ‘tidak berupaya’ menerima kebenaran ini.

Dengan meminta yang kuat untuk menampung kelemahan yang lemah, Paulus melawan norma tradisi Yunani-Roma. Sudah menjadi kebiasaan dalam tradisi tersebut bahawa yang lemah akan menyerah kepada yang kuat.



### Soalan

1) Bagaimanakah yang kuat dalam iman harus berkelakuan kepada yang lemah dalam iman? (ay. 1-2)



- 2) Apa yang seharusnya menjadi motivasi mereka? (ay. 2)
- 3) Siapakah yang menjadi contoh dalam menyenangkan orang lain (ay. 3)? Jelaskan bagaimana dia melakukannya.
- 4) Ada orang yang berfikir bahawa oleh kerana kita mempunyai Perjanjian Baru, maka tiada nilai lagi untuk mempelajari Perjanjian Lama. Adakah Paulus bersetuju dengan pernyataan demikian (ay. 4)? Jelaskan jawapan anda.
- 5) Berdasarkan apa yang sedang berlaku digereja Roma, apakah yang Paulus doakan untuk mereka? (ay. 5-6)



- Apa yang akan anda lakukan sekiranya anda mendapati ada seseorang dalam kumpulan persekutuan belia atau Kristian yang tidak disukai oleh orang lain kerana kelakuannya?
- Bagaimanakah anda membuat orang tersebut berasa diterima dalam kumpulan anda?

## II. Berita baik bagi bangsa lain (ay. 7-13)

<sup>7</sup>Terimalah satu sama lain, sebagaimana Kristus telah menerima kita, demi kemuliaan Allah.  
<sup>8</sup>Sekarang aku berkata kepadamu bahawa Yesus Kristus telah menjadi hamba kepada umat yang bersunat demi kebenaran Allah, untuk meneguhkan janji yang telah dibuat kepada nenek moyang kita,  
<sup>9</sup>dan supaya bangsa-bangsa lain juga memuliakan Allah kerana belas kasihan-Nya, sebagaimana telah tersurat:

“Kerana itulah Aku akan memuliakan-Mu dalam kalangan bangsa lain, menyanyikan pujian bagi nama-Mu.”

<sup>10</sup>Seterusnya dikatakan lagi:

“Bergembiralah, semua bangsa, bersama umat-Nya!”

<sup>11</sup>Kemudian, “Pujilah Tuhan, hai semua bangsa! Pujilah Dia, hai kamu semua manusia!”

<sup>12</sup>Yesaya menyampaikan juga:

“Tunas Isai akan muncul; Dialah yang bangkit memerintah bangsa-bangsa, kepada-Nyalah bangsa-bangsa akan menaruh harapan.”

<sup>13</sup>Semoga Allah, sumber harapan, memenuhi hatimu dengan kegembiraan dan kesejahteraan dalam iman, supaya kamu dilimpahi harapan dengan kuasa Roh Kudus.



### Nota

#### Ringkasan ay. 7-13

Paulus merumuskan arahnya kepada yang kuat dan yang lemah dengan menyeru orang Kristian di Roma untuk saling menerima antara satu sama lain, suatu gesaan yang telah dimulakannya dalam 14:1. Mereka harus saling menerima antara satu sama lain seperti Kristus telah menerima mereka supaya Allah dapat dimuliakan (ay. 7-9). Kemudian dia mengingatkan mereka apa yang telah Kristus lakukan bagi orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing.

Dia menyebutkan Kitab Suci untuk menyokong hujahnya bahawa penyelamatan bangsa-bangsa asing telah dijangkakan dalam janji-janji yang telah dibuat dengan nenek moyang mereka (ay. 10-12). Allah telah merancang untuk menerima



orang Yahudi dan bukan Yahudi sebagai umat-Nya. Dia mengakhiri bahagian yang panjang ini dari 14:1 hingga 15:13 dengan berdoa agar Allah akan memenuhi mereka dengan kesejahteraan, kegembiraan dan pengharapan melalui kuasa Roh Kudus (ay. 13).

**ay. 7-9** Paulus mengakhiri arahnya kepada yang kuat dan yang lemah dengan kembali kepada hujah utamanya yang bermula pada 14:1. Sekali lagi dia menggesa orang Kristian di Roma untuk membuka hati mereka dan menerima antara satu lain dalam komuniti iman sama seperti Kristus telah membuka hati-Nya dan menerima mereka. Dia mengingatkan mereka bahawa dengan sikap yang saling menerima, mereka akan membawa kemuliaan kepada Allah.

Untuk mengukuhkan hujahnya tentang saling menerima antara satu sama lain, dia menunjukkan kepada apa yang Kristus telah lakukan bagi mereka -- orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing. Dia mengingatkan mereka bahawa Kristus telah datang sebagai hamba kepada orang Yahudi bagi menunjukkan bahawa Allah menepati janji-janji yang telah dibuat-Nya dengan nenek moyang mereka. Dia juga telah datang supaya bangsa-bangsa asing akan memuliakan Allah atas belas kasihan-Nya kepada mereka.

**ay. 10-12** Paulus memetik dari ayat-ayat yang datang dari bahagian utama dan kitab-kitab Perjanjian Lama – Taurat, Mazmur dan Nabi-Nabi – untuk menyokong hujahnya yang telah dinubuatkan dalam Kitab Suci bahawa bangsa-bangsa asing akan memuji Allah bagi penyelamatan yang Kristus akan bawa kepada mereka. Allah telah merancang untuk menerima orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing sebagai umat-Nya.

**ay. 13** Selepas itu dia mengakhiri bahagian 14:1-15:13 yang panjang lebar ini dengan berdoa supaya Allah memberkati saudara seimannya di Roma. Dia meminta supaya Allah, Sumber Pengharapan, akan memenuhi mereka dengan kesejahteraan dan kegembiraan selagi mereka percaya kepada-Nya sehingga kehidupan mereka akan berlimpah dengan pengharapan yang dihasilkan oleh kuasa Roh Kudus. Dengan doa ini, dia mengakhiri perbincangannya tentang yang lemah dan yang kuat, serta mengesahkan perpaduan antara Yahudi dan bangsa-bangsa asing dalam Kristus. Dalam bahagian seterusnya, dia akan berbicara tentang sesuatu yang lain pula.

 **Soalan**

- 1) Bagaimanakah Paulus meringkaskan apa yang telah gesakan dalam bab 14 dan 15? (ay. 7)
- 2) Menurut Paulus, apakah yang telah Kristus lakukan bagi orang Yahudi dan bangsa-bangsa asing? (ay. 8-9)
- 3) Mengapakah dia memetik ayat-ayat dari Perjanjian Lama? (ay. 10-12)
- 4) Apakah yang Paulus doakan bagi orang Kristian di Roma? (ay. 13)

 **Mari Fikir Sejenak**

- Fikirkan apa yang Paulus telah doakan bagi orang Kristian di Roma dalam ay. 12. Bagaimanakah anda boleh menjadi seorang yang dipenuhi dengan kegembiraan, kesejahteraan dan harapan?

 **Suatu Pegangan Hidup**

Tulis semula dalam perkataan anda sendiri doa yang Paulus tuliskan dalam ay. 12. Fikirkan seseorang yang anda ingin doakan. Kemudian luangkan sedikit masa untuk mengucap syukur kepada Allah bagi orang tersebut, dan bacakan doa ini untuknya.

**III. Pelayanan Paulus (ay. 14-21)**

<sup>14</sup>Sekarang aku yakin tentangmu, saudara-saudaraku, bahawa kamu juga penuh dengan kebaikan dan pengetahuan serta dapat saling menasihati. <sup>15</sup>Namun begitu, saudara-saudaraku, aku telah menulis kepadamu dengan lebih tegas tentang hal-hal tertentu kerana kasih kurnia yang telah dirahmati Allah kepadaku, <sup>16</sup>untuk menjadikan aku hamba<sup>b</sup> Kristus Yesus bagi bangsa-bangsa lain dalam pelayanan pemberitaan Injil Allah, supaya persembahan bangsa-bangsa lain itu diterima Allah disucikan oleh Roh Kudus. <sup>17</sup>Dengan demikian aku dapat berbangga dalam Kristus Yesus tentang hal-hal berkaitan Allah. <sup>18</sup>Aku tidak akan berani bercakap tentang sesuatu selain yang

telah dilakukan oleh Kristus melaluiku, dengan kata-kata dan perbuatan, untuk menjadikan bangsa-bangsa lain itu taat, <sup>19</sup>dalam bentuk tanda dan keajaiban besar, dengan kuasa Roh Allah. Dari Yerusalem dan sekitarnya sampai ke Illirikum<sup>c</sup> aku telah mengkhabarkan berita baik Kristus dengan sepenuhnya. <sup>20</sup>Aku ingin mengkhabarkan berita baik ini ke tempat-tempat nama Kristus belum disebut orang. Dengan demikian aku tidak membina di atas tapak yang telah diletakkan oleh orang lain. <sup>21</sup>Sebagaimana yang telah tersurat:

“Mereka yang belum pernah mendapat khabar tentang-Nya akan melihat, dan mereka yang belum pernah mendengar akan mengerti.”

**Nota****Ringkasan ay. 14-21**

Dalam bahagian ini, Paulus beralih kepada sebab dia menulis perkara-perkara ini dengan begitu berani kepada mereka. Dia menjelaskan bahawa dia berani kerana Allah telah menjadikannya seorang pelayan pemberita Injil kepada bangsa-bangsa asing, untuk mempersembahkan mereka sebagai satu persembahan yang diterima oleh-Nya (ay. 14-16). Dia bercakap tentang kebanggaannya dalam apa yang Kristus telah lakukan oleh kuasa Roh Kudus melalui penginjilannya kepada bangsa-bangsa asing di Yerusalem hingga ke Illirikum (ay. 17-19). Kemudian dia menambah bahawa cita-citanya adalah untuk berkhutbah di kawasan-kawasan di mana nama Kristus belum dikhabarkan supaya dia tidak membina di atas tapak orang lain (ay. 20-21).

**ay. 14-16** Sekarang dia telah selesai menyampaikan semua arahan dan apa yang ingin disampaikan kepada orang Kristian di Roma, Paulus cuba menjelaskan mengapa dia sangat berani dalam mengatakan apa yang telah dikatakannya kepada mereka walaupun dia tidak mengenali kebanyakan mereka. Terlebih dahulu, dia mengiktiraf karakter keKristianan dan kematangan rohani mereka kerana dia tidak mahu mereka salah-faham dan menganggap keberaniannya sebagai tidak bersetuju dengan mereka. Dia menjelaskan bahawa dia menulis untuk mengingatkan mereka akan kebenaran yang telah mereka ketahui. Dia berani kerana anugerah Allah dalam memanggilnya untuk melayani Kristus dengan membawa Injil kepada bangsa-bangsa asing yang merupakan majoriti komuniti gereja di Roma. Dia menganggap pelayanannya kepada mereka sebagai pembawa Injil Allah supaya dia boleh mempersembahkan mereka sebagai satu persembahan yang telah disucikan oleh Roh Kudus dan diterima oleh Allah.

**ay. 17-19** Oleh yang demikian, dia mempunyai sebab untuk berbangga dengan semua yang Kristus telah lakukan melaluinya dalam pelayanannya kepada Allah. Walau bagaimanapun, dia tidak berani berbangga dengan pencapaiannya sendiri tetapi hanya dalam apa yang telah

Tuhan lakukan melaluinya dalam membawa bangsa-bangsa asing untuk mengenali Kristus. Pelayanannya di kalangan bangsa-bangsa asing diiringi dengan kata-kata dan perbuatan, tanda-tanda besar dan keajaiban menakjubkan, serta oleh kuasa Roh Kudus. Dan dia telah mengisytiharkan Injil dari Yerusalem hingga ke Illirikum. Ini meliputi semua pusat populasi utama di bahagian timur Empayar Roma.

**ay. 20-21** Paulus menyatakan bahawa cita-cita dan prinsip kerasulan, penginjilan dan misinya adalah untuk mengkhabarkan Berita Baik di tempat-tempat di mana ia belum didengar, bukannya di tempat di mana gereja telah dimulakan oleh orang lain. Dia memetik Yesaya 52:15 untuk menunjukkan dia hanya mengikut perintah Allah dalam misi penginjilannya untuk membawa Berita Baik Injil kepada orang yang belum pernah mendengar mesej itu.

**Teropong**

<sup>b</sup> Perkataan yang digunakan di sini adalah ‘pelayan’ yang bermaksud seseorang yang menawarkan perkhidmatan kepada Allah.



c Apabila Paulus berkata bahawa dia telah berkhotbah dari Yerusalem hingga ke Illirikum, dia menggunakan kata keterangan yang bermaksud 'dalam lingkungan'. Ia menggambarkan bahawa dia berfikir pelayanannya telah merangkumi kawasan yang luas yang bermula di Yerusalem dan sampai sejauh Illirikum. Keluasan wilayah Roma Illirikum adalah sukar untuk dinyatakan memandangkan sempadannya berubah dari masa ke masa. Ia mungkin terletak di utara atau di timur laut Makedonia di sepanjang pantai timur Laut Adriatik. Paulus melihat dirinya telah meliputi kota-kota utama di bahagian timur Empayar Roma. Sebab itulah dia ingin melawat Sepanyol yang terletak di bahagian barat Empayar Roma.

5) Apakah matlamat Paulus dalam pelayanannya? (ay. 20-21)

 **Soalan**

1) Apakah anggapan Paulus terhadap umat Kristian di Roma? (ay. 14)

2) Mengapa dia menulis dengan begitu berani? (ay. 15-16)

3) Bagaimanakah Paulus melihat dirinya dalam hal pelayanannya kepada Allah? (ay. 17-18)

4) Apakah yang Kristus telah lakukan kepada bangsa-bangsa asing melalui Paulus? (ay. 17-19)



Senaraikan beberapa perkara yang telah anda capai dan yang telah membanggakan anda.

Pernahkah anda mengucap syukur kepada Allah kerana telah membantu anda, atau adakah anda berfikir anda telah melaksanakannya hasil usaha anda sendiri? Mengapa tidak anda meluangkan sedikit masa sekarang untuk berterima kasih dan memuji Allah bagi semua perkara yang telah dilakukan-Nya melalui anda?

Apakah impian anda untuk hidup anda? Adakah ia selaras dengan rancangan Allah untuk hidup anda? Mengapa atau mengapa tidak?



Ingatlah bahawa semua kurnia dan bakat anda datang dari Allah yang telah menciptakan anda. Semua kejayaan anda juga telah dicapai bukan hanya kerana usaha anda sendiri tetapi melalui Allah yang menjadi penolong dan pembimbing anda. Sentiasalah belajar untuk mengucap syukur kepada-Nya!

**IV. Rancangan Paulus mengunjungi Roma (ay. 22-33)**

<sup>22</sup>Itulah sebabnya selalu sahaja tergendala hasratku hendak mengunjungimu. <sup>23</sup>Namun sekarang, kerana tiada lagi tempat bagiku di sini, dan sudah bertahun-tahun aku ingin melawatmu, <sup>24</sup>aku berharap dapat singgah di tempatmu ketika aku ke Sepanyol dan dapat bertemu denganmu. Aku juga berharap kamu akan membantuku<sup>d</sup> meneruskan perjalanan ke sana setelah sejenak aku bergembira bersamamu. <sup>25</sup>Tetapi kini aku sedang dalam perjalanan ke Yerusalem untuk membawakan bantuan kepada orang salih. <sup>26</sup>Orang Makedonia dan Akhaya telah membuat keputusan turut membantu orang salih yang miskin di Yerusalem.<sup>e</sup> <sup>27</sup>Ini dilakukan mereka dengan rela hati, malah mereka menganggapnya suatu kewajipan; kerana jika bangsa-bangsa lain telah mendapat bahagian bersama orang Yahudi dalam hal-hal rohani, maka

seharusnya mereka berbakti kepada orang Yahudi di dalam hal-hal lahiriah. <sup>28</sup>Setelah menjalankan tugas ini dan menyerahkan apa yang telah dikumpulkan, aku akan belayar ke Sepanyol dan singgah di tempatmu. <sup>29</sup>Aku yakin bahawa apabila ke tempatmu, aku akan datang dengan berkat Kristus yang melimpah.

<sup>30</sup>Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, demi Tuhan Yesus Kristus dan demi kasih daripada Roh Kudus, berdoalah bersungguh-sungguh bersamaku kepada Allah bagi diriku, <sup>31</sup>supaya aku terhindar daripada orang yang tidak beriman di Yudea<sup>f</sup> dan supaya bantuan yang kubawakan ke Yerusalem ini disambut baik oleh orang salih di situ; <sup>32</sup>supaya dengan izin Allah aku sampai di tempatmu dengan gembira dan dapat berehat bersamamu. <sup>33</sup>Semoga Allah, sumber kesejahteraan, menyertai kamu semua. Amin.

**Nota****Ringkasan ay. 22-33**

Paulus menjelaskan mengapa dia tidak dapat melawat gereja di Roma lebih awal (ay. 22-24). Dia sibuk memenuhi misinya untuk menginjil di kawasan timur di antara Yerusalem dan Illirikum. Tetapi sekarang memandangkan dia telah menyelesaikan pekerjaannya di sana, dia berharap dapat memenuhi keinginannya untuk mengunjungi mereka dalam perjalanannya ke Sepanyol untuk menjalankan misi penginjilannya di sana. Dia memberitahu mereka bahawa dia tidak boleh datang dengan segera kerana dia harus pergi ke Yerusalem terlebih dahulu bagi menghantar pengumpulan yang dikutip dari gereja-gereja Yunani yang telah diasaskannya kepada orang miskin di Yerusalem (ay. 25-29). Selepas itu dia akan pergi ke Sepanyol dan dalam perjalanannya ke sana, dia akan singgah di Roma.

Paulus menggesa orang Kristian di Roma untuk berdoa bagi perjalanannya ke Yerusalem kerana dia risau akan layanan orang Yahudi yang belum percaya terhadapnya, begitu juga dengan bantuan yang dibawa bagi orang miskin di Yerusalem supaya ia diterima dengan baik (ay. 30-32). Kemudian dia mengakhiri bahagian ini dengan satu doa pemberkatan kepada komuniti Kristian di Roma (ay. 33).

**ay. 22-24** Paulus menulis bahawa apa yang dikatakannya tentang impiannya untuk pergi ke tempat-tempat di mana Injil belum dikhabarkan menjelaskan mengapa dia tidak dapat mengunjungi Roma lebih awal walaupun sudah bertahun-tahun lamanya dia ingin pergi ke sana. Tetapi sekarang memandangkan pekerjaannya di bahagian timur Empayar Roma telah selesai, dia memberitahu mereka tentang rancangannya untuk mengunjungi mereka dalam perjalanannya ke Sepanyol, mungkin untuk menjalankan pelayanan kerasulannya di sana.

Dia berharap selepas dia menikmati persekutuan dengan mereka untuk sementara waktu, mereka boleh membantunya dalam perjalanannya ke Sepanyol. Kemungkinan besar, ini akan melibatkan membekalkan orang untuk mengiringinya, makanan, kewangan atau pengangkutan untuk merentasi laut dari Roma ke Sepanyol. Kemudahan sedemikian amat

dihargai pada zaman Paulus, dan dengan cara ini, orang Kristian di Roma akan dikira sebagai satu keistimewaan untuk menjadi rakan kongsi dengan sorang Rasul yang penting.

**ay. 25-27** Bagaimanapun, dia memberitahu mereka bahawa dia tidak dapat mengunjungi mereka dengan segera. Dia telah merancang untuk pergi ke Yerusalem untuk menghantar bantuan yang telah dikumpulkan oleh gereja-gereja bangsa asing di Makedonia dan Akhaya bagi orang miskin di gereja Yerusalem. Dia menambah bahawa orang salih berbangsa asing gembira untuk melakukannya kerana mereka berasa terutang kepada orang Yahudi. Bagi Paulus, ini adalah satu tugas yang amat penting. Dia menganggap bantuan ini sebagai simbol perpaduan antara orang Yahudi dengan bangsa-bangsa asing di gereja. Dia sangat yakin bahawa memandangkan bangsa-bangsa asing menerima berkat rohani



Injil dari orang Yahudi, mereka mempunyai tanggungjawab untuk berkongsi berkat-berkat material mereka dengan orang Yahudi.

**ay. 28-29** Menerima bantuan yang dikumpul dan menghantarnya adalah sesuatu yang telah lama diusahakan oleh Paulus. Kerana itu dia ingin memastikan bantuan tersebut sampai dengan selamat di tangan gereja di Yerusalem. Dia memberitahu orang Kristian di Roma bahawa setelah tugas itu selesai, dia akan mengunjungi mereka dalam perjalanannya ke Sepanyol. Paulus yakin apabila dia tiba di Roma, Kristus akan memberkati masa bersama-sama dengan mereka dengan berlimpah-limpah.

**ay. 30-32** Bagaimanapun, Paulus mempunyai beberapa kebimbangan yang serius dan menggesa saudara-saudari seimannya di Roma berdoa dengan tekun baginya. Dia tahu ada orang Yahudi fanatik di Yudea yang akan melakukan apa sahaja untuk menghalangnya daripada menyebarkan Injil. Takut akan dia mungkin menerima permusuhan kebencian dari mereka, dia meminta sokongan doa supaya dia akan dilindungi daripada mereka. Pada masa yang sama, dia juga tidak pasti sekiranya bantuannya akan diterima dengan baik oleh orang salih di Yerusalem. Ada kemungkinan dia takut orang Kristian Yahudi mungkin menolak bantuan orang Kristian berbangsa asing atau mereka mungkin menentangnya kerana ramai di antara mereka yang berfikir bahawa dia mengajar orang salih Yahudi di kawasan Yunani untuk berpaling daripada tradisi dan hukum Yahudi (lihat Kisah Para Rasul 21:17-26). Oleh itu dia meminta mereka mendoakannya agar mereka akan menerima bantuan tersebut dengan roh yang benar. Selepas itu dengan kehendak Allah, dia akan mengunjungi mereka bersama hati yang gembira, dan dapat berehat serta menikmati layanan mereka.

**ay. 33** Dia menutup bahagian ini dengan satu pemberkatan. Tidak kira apa pun yang akan berlaku kepadanya, dia menaikkan satu pemberkatan kepada komuniti Kristian di Roma, supaya Allah yang menjadi sumber kesejahteraan akan menyertai mereka dan memberi mereka kesejahteraan. Secara rasminya, ayat ini menandakan penamat bagi bahagian utama suratnya. Bahagian terakhir suratnya, bab 16, mengandungi salamnya.



### Teropong

<sup>d</sup> Kita harus ingat bahawa penjelajah pada zaman dahulu mengambil masa yang lama dan akan memakan perbelanjaan yang banyak khususnya sejak Paulus selalu membawa bersama rakan sekerjanya. Oleh itu dia meminta bantuan daripada orang Roma supaya dapat meneruskan

perjalanannya. Ada kemungkinan Paulus tidak akan berhenti di Sepanyol tetapi akan meneruskan perjalanan misinya di luar Sepanyol.

- <sup>e</sup> Terdapat bukti bahawa kebuluran berlaku di Palestin pada zaman pemerintahan maharaja Claudius sekitar 46-48 M. Paulus menggalakkan gereja-gereja bangsa asing yang diasaskannya di Galatia, Asia, Makedonia dan Akhaya untuk mengumpul bantuan bagi orang miskin di Yerusalem. Dia menganggapnya sebagai suatu keutamaan penting dan merancang untuk diiringi oleh wakil-wakil daripada pelbagai gereja bangsa asing untuk menjelajah bersamanya ke Yerusalem. Kehadiran mereka akan memberikan bukti pekerjaan Roh Kudus melalui pengkhabaran Injil di kalangan bangsa-bangsa asing.
- <sup>f</sup> Paulus bukan sahaja berdepan dengan ancaman dari orang Yahudi yang menentang Injil, tetapi juga orang Kristian Yahudi yang menyangka dia mengajar orang Kristian Yahudi yang tinggal di kawasan-kawasan bangsa asing untuk meninggalkan hukum dan tradisi Yahudi. Dalam Kisah Para Rasul 21:20-22, kita telah diberitahu bahawa terdapat beribu-ribu orang Kristian Yahudi yang tidak menyukai Paulus. Kebimbangan Paulus bahawa dia akan diserang dan diseksa oleh orang sedemikian adalah berasas. Seperti yang benar-benar telah terjadi, dia telah diserang dan hampir dibunuh tetapi Allah telah menyelamatkan nyawanya. Paulus tidak pergi ke Roma seperti yang telah dirancangnya. Sebaliknya, dia akhirnya pergi ke Roma sebagai seorang banduan (baca kisah Paulus tentang apa yang telah berlaku di Yerusalem sehingga ketibaannya di Roma dalam Kisah Para Rasul 21:17-28:16).



### Soalan

- 1) Mengapakah hasrat Paulus untuk mengunjungi Roma terhalang? (ay. 22-23)
- 2) Apakah yang dia ingin lakukan sekarang? Apakah alasan-alasan yang diberikan untuk apa yang dia ingin lakukan? (ay. 24)



3) Pada pendapat anda, mengapakah Paulus ingin pergi ke Sepanyol? Mengapa dia meminta bantuan daripada gereja di Roma?



**Mari Fikir Sejenak**

Apabila gereja-gereja bukan Yahudi mendengar keperluan bagi orang miskin di Yerusalem, mereka memberi respons dengan membuat pengumpulan bagi orang miskin tersebut. Apakah respons anda apabila anda mendengar keperluan-keperluan di sekeliling anda?

4) Ke manakah Paulus ingin pergi sebelum dia pergi ke Roma dan Sepanyol? Apakah sebab-sebab dia ingin pergi ke sana? (ay. 25-26)

5) Mengapakah gereja-gereja bangsa asing mahu mengumpul bantuan untuk gereja-gereja di Yerusalem? (ay. 26-27)



**Ayat Hafalan**

Ingatlah firman ini: Orang yang menyemai sedikit akan menuai sedikit, dan orang yang menyemai banyak akan menuai banyak. Masing-masing hendaklah memberi setulus hati, jangan dengan rasa enggan atau terpaksa, kerana Allah mengasihi orang yang memberi dengan gembira.  
*(2 Korintus 9:6-7)*

6) Dalam ay. 30-32, Paulus meminta sokongan doa bagi dua perkara khusus. Apakah yang dirisaukannya? Baca Kisah Para Rasul 21:12-36 bagi mengetahui apa yang berlaku kepadanya apabila dia tiba di Yerusalem.

7) Walaupun dia mempunyai kekhawatiran sendiri, apa yang Paulus doakan untuk orang Kristian di Roma? (ay. 33)



## I. Salam<sup>a</sup> (ay. 1-16)

**16** Aku amanahkan<sup>b</sup> kepadamu Febe, saudari kita, seorang yang mengabdikan<sup>c</sup> diri kepada jemaah di Kengkrea, <sup>d</sup>supaya kamu menyambutnya di dalam Tuhan sebagaimana yang wajar di antara orang salih, serta membantunya apabila dia memerlukan pertolonganmu, kerana dia telah menolong<sup>e</sup> ramai orang, termasuklah aku.

<sup>3</sup>Sampaikan salamku kepada Priskila dan Akwila, rakan-rakan seperjuanganku dalam Kristus Yesus. <sup>4</sup>Mereka telah bergadai nyawa untukku. Bukan aku sahaja yang terhutang budi kepada mereka, malah seluruh jemaah daripada bangsa-bangsa lain. <sup>5</sup>Salam kepada jemaah yang berhimpun di rumah mereka.

Salam kepada Epenetus, saudara yang kukasihi, orang yang pertama beriman kepada Kristus di Asia. <sup>6</sup>Salam kepada Maria, yang telah bertungkus-lumus untukmu. <sup>7</sup>Salam kepada Andronikus dan Yunias, saudara-saudara sebangsaku dan teman-temanku dalam penjara. Mereka ialah orang terkemuka di antara para rasul, dan yang telah menerima Kristus sebelumnya.

<sup>8</sup>Salam kepada Ampliatius yang kukasihi dalam Tuhan. <sup>9</sup>Salam kepada Urbanus, rakan seperjuangan kamu dalam Kristus, dan juga kepada Stakhis yang kukasihi. <sup>10</sup>Salam kepada Apeles, yang diperkenan dalam Kristus. Salam kepada Aristobulus dan seisi rumahnya. <sup>11</sup>Salam kepada Herodion, saudara sebangsaku. Salam kepada Narkisus sekeluarga, yang hidup dalam Tuhan.

<sup>12</sup>Sampaikan salamku kepada Trifena dan Trifosa, yang telah berpenat lelah dalam Tuhan. Salam kepada Persis yang kukasihi, yang juga telah bertungkus-lumus dalam Tuhan. <sup>13</sup>Salam kepada Rufus, hamba yang terpilih dalam Tuhan, dan kepada ibunya, yang telah menjadi ibu juga kepadaku. <sup>14</sup>Salam kepada Asinkritus, Flegon, Hermes, Patrobas, Hermas dan saudara-saudara yang bersama mereka. <sup>15</sup>Salam kepada Filologus dan Yulia, Nereus dan saudara perempuannya Olimpas, serta semua orang salih yang bersama mereka.

<sup>16</sup>Bersalam-salamanlah dengan ciuman suci. Jemaah-jemaah Kristus berkirim salam kepadamu.



### Nota

#### Ringkasan ay. 1-16

Sekarang Paulus menutup suratnya dengan senarai salam yang luar biasa panjang kepada komuniti Kristian di Roma secara keseluruhan dan kepada beberapa orang tertentu yang nama mereka disebutkan secara khusus. Dia juga menyelitkan satu peringatan terakhir dan doa berkat (*benediction*).

Dia bermula dengan terlebih dahulu memuji seorang Kristian di Roma, Febe, yang merupakan rakan kerja dan diakon gereja Kengkrea (ay. 1-2). Dia meminta mereka untuk mengalu-alu dan membantunya dalam apa-apa cara yang dia perlukan. Selepas itu dia menyampaikan salam daripada individu, keluarga dan orang salih yang berhimpun di rumah, dengan menyebutkan dua puluh enam nama (ay. 3-16a). Akhir sekali, dia menyampaikan salam daripada jemaah-jemaah berbangsa asing yang telah diasaskannya kepada orang Kristian di Roma (ay. 16b).

**ay. 1-2** Surat pengenalan atau pujian amat penting pada zaman dahulu dan selalunya ditulis oleh penjelajah itu sendiri. Dalam era di mana terdapat sangat sedikit kemudahan awam (seperti hotel dan restoran), penjelajah-penjelajah bergantung kepada orang lain yang kadang-kala mereka tidak pernah temui untuk mendapatkan keperluan mereka. Para sarjana percaya bahawa kemungkinan besar Febe adalah orang yang membawa surat Paulus kepada jemaah di Roma.

Paulus menggesa jemaah di Roma yang adalah umat Allah untuk menyambut dan melihat keperluan Febe. Kemungkinan besar Paulus sangat mengenali dan mempercayai Febe sehingga dia ditugaskan untuk membawa

suratnya. Dengan peranan tersebut, dia juga telah diamanahkan tanggungjawab untuk mengulas apa-apa dalam surat yang memerlukan penjelasan, serta menjawab sebarang persoalan yang mungkin timbul.

Febe mungkin merupakan pemimpin jemaahnya di Kengkrea. Dalam terjemahan lain, Paulus juga memanggilnya sebagai seorang dermawan atau penaung kepada ramai orang termasuk dirinya. Ini menunjukkan bahawa Febe mungkin seorang ahli perniagaan wanita yang kaya, yang menggunakan kekayaannya untuk menampung dan menyokong jemaah serta para pekerja dan penginjil seperti Paulus.



**ay. 3-15** Paulus meluahkan kasihnya yang mendalam bagi orang yang telah bekerja dengannya dalam perjalanan misinya sebelum ini, atau orang yang dia kenal dari gereja-gereja yang telah diasaskannya. Adalah lumrah untuk menambahkan salam kepada individu di akhir surat pada zaman dahulu walaupun tidak banyak nama yang diselitkan. Penyelitan begitu banyak salam dalam surat ini kepada orang Roma menjadikannya unik di antara surat-surat Paulus.

Dia meminta Jemaah di Roma untuk sampaikan salamnya kepada dua puluh enam orang individu, dua buah keluarga dan tiga buah jemaah yang berhimpun di rumah. Daripada dua puluh enam individu yang dinamakan, sembilan belas orang adalah lelaki dan tujuh orang wanita. Selain itu, dua orang wanita lain juga disebut walaupun tidak dinamakan. Ramai di antara orang Kristian di Roma seperti Priskila dan Akwila telah menghabiskan masa beberapa tahun dalam buangan jauh dari Roma, di mana mereka berpeluang mengenali Paulus. Walaupun dia menyampaikan salam kepada lebih ramai lelaki berbanding wanita, dia lebih memuji wanita untuk pelayanan mereka berbanding lelaki, mungkin kerana kaum wanita berhadapan lebih banyak cabaran dalam pelayanan berbanding dengan kaum lelaki.

#### **Priskila dan Akwila (ay. 3-5a)**

Paulus terlebih dahulu berkirim salam kepada Priskila dan Akwila, pasangan yang terkenal di dalam Perjanjian Baru. Mereka pergi ke Korintus apabila Maharaja Claudius mengusir semua orang Yahudi dari Roma kerana kontroversi yang berkaitan dengan Kristus (Kisah Para Rasul 18:2). Seperti Paulus, mereka adalah pembuat khemah. Mereka melayani bersamanya di Korintus, kemudian mereka pergi ke Efesus di mana mereka melayani bersama Paulus untuk beberapa ketika sebelum kembali ke Roma setelah perintah Claudius dimansuhkan.

Cerita mereka yang sanggup mempertaruhkan nyawa untuk Paulus kemungkinan besar berlaku pada masa rusuhan di Efesus (lihat Kisah Para Rasul 19). Cerita itu menjadi terkenal kerana Paulus berkata dia dan para jemaah berbangsa asing begitu berterima kasih kepada mereka. Mereka mungkin agak kaya kerana mereka mempunyai rumah yang cukup besar untuk menampung sekumpulan orang salih bersekutu dan beribadat secara kerap di sana.

#### **Epenetus (ay. 5b)**

Dia hanya disebut sekali di sini di Perjanjian Baru. Paulus mungkin sangat mengenalinya atau sekurang-kurangnya mengingatkannya kerana dia adalah orang pertama di wilayah Asia yang menjadi Kristian. Kemungkinan besar dia menjadi Kristian ketika perjalanan misi Paulus yang kedua.

#### **Maria (ay. 6)**

Maria adalah suatu nama Yahudi yang lazim, tetapi ia juga digunakan oleh bangsa-bangsa asing. Oleh itu kita tidak dapat mengenalpasti latar-belakang etniknya. Paulus memujinya kerana dia bekerja keras untuk orang Kristian di Roma. Mungkin dia adalah seorang pemimpin komuniti Kristian di Roma.

#### **Andronikus dan Yunias (ay. 7)**

Dua nama ini adalah nama-nama yang paling dibahaskan dalam senarai Paulus. Sesetengah sarjana percaya bahawa gabungan dua nama ini menyatakan mereka adalah pasangan suami isteri yang menjadi Kristian dalam beberapa tahun pertama selepas kematian Kristus. Oleh kerana Paulus memanggil mereka sebagai rasul, mereka mungkin adalah di antara orang yang melihat Kristus selepas kebangkitan-Nya dan yang dianggap sebagai anggota-anggota asal kumpulan rasul (seperti Barnabas dan Paulus) di luar lingkungan Dua Belas Rasul.

#### **Ampliatius, Urbanus, Stakis (ay. 8-9)**

Ketiga-tiga orang ini tidak diketahui di dalam Perjanjian Baru selain daripada senarai ini. Walau bagaimanapun, Paulus sangat mengenali mereka dan menyampaikan salam kepada mereka. Ampliatius dan Urbanus mungkin hamba atau orang suruhan yang telah dibebaskan kerana nama mereka adalah nama-nama hamba yang biasa digunakan.

#### **Apeles, Aristobulus, Herodion, Narkisus (ay. 10-11)**

Paulus memuji Apeles sebagai seorang yang telah membuktikan imannya. Kemungkinan besar Aristobulus dan Narkisus bukan Kristian kerana Paulus berkirim salam bukan kepada mereka tetapi kepada keluarga atau seisi rumahnya yang melibatkan hamba-hamba yang bekerja untuk mereka. Hamba-hamba dalam keluarga yang menonjol biasanya berpelajaran dan berkuasa. Sesetengah sarjana percaya bahawa Aristobulus adalah abang kepada Herodes Agripa I, cucu kepada Raja Herodes Agung. Narkisus, biasanya adalah nama seorang hamba, mungkin merupakan orang seorang bebas yang kaya kerana dia mempunyai rumah yang cukup besar untuk jemaah berhimpun dan beribadat. Herodion juga boleh mungkin seseorang yang bebas yang pernah berkhidmat untuk keluarga Herodes Agung dan mengambil nama keluarga tersebut.

#### **Trifena, Trifosa, Persis (ay. 12)**

Trifena dan Trifosa adalah orang Kristian berbangsa asing yang mungkin berasal daripada latar belakang hamba, yang mungkin merupakan adik-beradik. Mereka adalah dari kalangan wanita yang dipuji oleh Paulus kerana mereka bekerja keras untuk Tuhan. Persis adalah nama biasa bagi hamba-hamba yang dibawa dari Parsi. Dia mungkin seorang



hamba atau orang bebas. Dia mungkin adalah bangsa asing dari latar belakang Parsi atau orang salih dari latar belakang Yahudi yang keluarganya tinggal di Parsi. Paulus juga memujinya kerana dia adalah salah seorang wanita yang telah melakukan banyak untuk Tuhan.

#### Rufus (ay. 13)

Boleh jadi Rufus adalah orang yang sama (lihat Markus 15:21) yang bapanya adalah Simon orang Kirene, lelaki yang dipaksa untuk memikul salib Yesus. Paulus turut mengenali dan berkirim salam kepada ibu Rufus serta memanggilnya seperti ibunya sendiri kerana dia mengambil berat terhadap keperluan fizikal dan melayani keperluan rohani Paulus.

#### Asinkritus, Flegon, Hermes, Patrobas, Hermas (ay. 14)

Tidak banyak yang diketahui tentang kelima-lima lelaki ini. Mereka mungkin adalah pemimpin bagi jemaah mereka dan orang yang disebut bersama mereka adalah orang Kristian yang berjumpa di rumah salah seorang daripada mereka untuk beribadat.

#### Filologus, Yulia, Nereus and saudara perempuannya, Olimpas (ay. 15)

Kelima-lima orang ini dan orang salih yang bersama-sama yang mungkin berjumpa dan berkumpul sebagai gereja di rumah. Tidak banyak yang diketahui tentang mereka.

**ay. 16** Ciuman adalah satu bentuk memberi salam yang digunakan untuk saudara-mara atau sahabat-handai yang rapat pada zaman dahulu. Ia digunakan sebanyak tujuh kali dalam Perjanjian Baru, iaitu di empat surat-surat Paulus. Ini menunjukkan bahawa ia adalah cara yang biasa digunakan bagi orang salih untuk saling menyambut antara satu sama lain pada pertengahan abad pertama. Walaupun biasanya ia adalah ciuman bibir, ia dianggap suci dan tiada konotasi seksual. Ia dilakukan sebagai tanda kasih dan menyambut anggota-anggota gereja. Paulus kemudian berakhir dengan menyampaikan satu salam daripada semua jemaah berbangsa asing yang telah diasaskannya.



#### Teropong

<sup>a</sup> Surat-surat dalam dunia Yunani-Roma selalunya diakhiri dengan satu salam dan disertai dengan ucapan-ucapan lain, seperti ucapan kesejahteraan, ucapan kesihatan, dan sebagainya. Surat-surat Paulus tidak mengikut format surat lazim Yunani-Roma. Surat-suratnya tidak disertai ucapan kesihatan dan ucapan selamat tinggal. Sebaliknya semua suratnya ditutup dengan satu doa pemberkatan Kristian.

<sup>b</sup> Surat-surat pengenalan atau pujian penting dalam dunia kuno. Penerimaan penduduk setempat terhadap para perantau amat penting pada zaman dahulu. Para perantau yang merantau dengan kemudahan yang sedikit seperti hotel dan restoran bergantung kepada bantuan orang yang tidak pernah mereka temui untuk segala keperluan mereka. Kecuali mereka diberi layanan mesra, mereka tidak mempunyai apa-apa kedudukan dalam undang-undang atau adat setempat. Layanan mesra untuk perjalanan penginjil amat penting pada abad pertama

<sup>c</sup> Perkataan yang Paulus gunakan ialah 'diakon' yang bererti 'seorang yang dipanggil untuk melayani', dan dalam hal ini, melayani Allah dan umat-Nya. Perkataan 'diakon' telah difahami dari zaman dahulu sebagai jawatan seorang pekerja di gereja. Diakon wanita dikenali sebagai orang yang membaptis kaum wanita dan menyampaikan Firman Tuhan.

<sup>d</sup> Kengkrea adalah salah sebuah pelabuhan yang terletak kira-kira 10 km di tenggara Korintus.

<sup>e</sup> Ia juga diterjemah sebagai 'dermawan atau penaung', orang yang memberi bantuan. Febe yang mampu menjadi seorang dermawan atau penaung bagi ramai orang menunjukkan dia adalah seorang yang kaya, kerana dengan kekayaannya dia mampu menyokong jemaah dan para penginjil seperti Paulus. Pelayanan di gereja dan bantuannya kepada pekerja-pekerja gereja melayakkannya untuk menerima salam Kristian dan menerima sebarang bantuan yang boleh diberikan oleh jemaah di Roma kepadanya.



#### Soalan

- 1) Walaupun Paulus tidak pernah pergi ke Roma, dia menyampaikan salam kepada lebih daripada dua puluh enam orang dengan menyebut nama mereka. Siapakah orang itu?
- 2) Apakah yang anda boleh ketahui mengenai Paulus dalam hal ini? Mengapakah dia menghargai mereka terutama sekali golongan wanita?

**Mari Fikir Sejenak**

- ☑ Kebanyakan orang yang Paulus sampaikan salam telah bekerja keras, telah memberi bantuan kepadanya, atau mempertaruhkan nyawa mereka untuknya. Bolehkah anda fikirkan beberapa cara praktikal yang anda boleh contohi mereka?

**II. Pesanan terakhir (ay. 17-24)**

<sup>17</sup>Saudara-saudaraku, aku meminta kepadamu, berwaspadalah terhadap mereka yang menimbulkan perpecahan dan menyesatkan orang daripada ajaran yang telah kamu terima. Berpalinglah daripada mereka. <sup>18</sup>Orang demikian bukanlah hamba Tuhan Kristus tetapi hamba kepada hawa nafsu mereka sendiri. Mereka memperdaya hati orang yang lurus dengan kata-kata yang manis. <sup>19</sup>Semua orang telah mengetahui ketaatanmu. Oleh itu aku bergembira tentangmu. Aku mahu kamu bijak dalam kebaikan serta bersih daripada kejahatan. <sup>20</sup>Allah, sumber kesejahteraan, akan segera membuat Iblis hancur di

bawah kakimu.

Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.

<sup>21</sup>Timotius, rakan seperjuanganku, berkirim salam kepadamu; begitu juga Lukius, Yason dan Sosipater, kawan-kawan sebangsaku.

<sup>22</sup>Aku, Tertius, yang menulis<sup>f</sup> surat ini, juga berkirim salam kepadamu dalam Tuhan.

<sup>23</sup>Gayus, yang memberiku tempat menumpang serta semua jemaah yang berhimpun di rumahnya, berkirim salam kepadamu. Salam juga daripada Erastus, bendahara kota, dan Kuartus, saudara kita. <sup>24</sup>Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.

**Nota****Ringkasan ay. 17-24**

Paulus menyatakan penegasan yang terakhir dan penutup dalam bentuk peringatan terhadap orang yang menyebabkan perpecahan (ay. 17-18). Dia mengingatkan bahawa orang demikian hanya mementingkan diri sendiri dan bukan untuk kepentingan Kristus. Yakin bahawa orang Kristian di Roma setia kepada Injil, dia menyeru mereka untuk bijak dalam kebaikan dan bersih daripada kejahatan (ay. 19-20). Dia meyakinkan mereka bahawa pada akhirnya, Allah akan mengalahkan Iblis dalam kemenangan. Kemudian dia menyampaikan salam dari rakan-rakan seperjuangannya di Korintus kepada orang Kristian di Roma sebelum mengakhiri suratnya (ay. 21-23).

**ay. 17-18** Paulus memasukkan rayuan terakhir kepada orang Kristian di Roma sebelum mengakhiri suratnya. Dia memberi amaran kepada mereka untuk berjaga-jaga dengan orang yang mengajar perkara yang bertentangan dengan Injil yang mereka telah terima. Menurut Paulus, orang sedemikian bukan sahaja menyebabkan perpecahan, tetapi turut memperdaya iman mereka. Orang tersebut amat berbahaya kerana mereka boleh mempengaruhi dengan kata-kata; lidah mereka lembut untuk memperdaya orang yang hatinya lurus. Orang sedemikian hanya mengutamakan kepentingan sendiri dan bukan Kristus. Oleh itu, Paulus menggesa orang Kristian di Roma untuk menjauhi orang seperti itu.

**ay. 19-20** Walau bagaimanapun, Paulus menambah dia bukannya risau mereka akan kehilangan iman. Dia tahu bahawa ketaatan mereka kepada Injil sudah terkenal di kalangan komuniti Kristian. Kesetiaan mereka kepada Injil sangat mengembirakannya. Dia hanya mahu mereka berjaga-jaga dan bijak melakukan apa yang baik dan bersih daripada apa yang jahat. Dia meyakinkan mereka bahawa Allah, sumber kesejahteraan, akan segera menghancurkan dan mengalahkan Iblis, sumber segala kejahatan. Selepas itu dia memohon berkat dan meminta agar kasih kurnia Kristus menyertai mereka semua.



**ay. 21-23** Ia bukan luar biasa bagi Paulus untuk menyampaikan salam dari rakan-rakan seperjuangannya di penghujung surat-suratnya, sesuai dengan kebiasaan dalam menulis surat-surat pada zaman dahulu. Memandangkan dia menulis dari Korintus di mana dia telah menetap selama tiga bulan mungkin di rumah Gayus, dia menyampaikan salam dari lapan orang yang berada di sana kepada orang Kristian di Roma.

#### **Timotius, Lukius, Yason, Sosipater (ay. 21)**

Orang pertama yang berkirim salam ialah Timotius, rakan menjelajah dan rakan seperjuangan Paulus yang paling rapat. Timotius dikenali sebagai penulis bersama Paulus dalam enam pucuk suratnya. Dia mengiringi Paulus dalam banyak perjalanan dan dia sekarang berada di Korintus bersama Paulus. Paulus menganggap Timotius sebagai anaknya yang sebenar dalam iman.

Tidak banyak yang diketahui mengenai Lukius, Yason dan Sosipater selain daripada mereka ada bersama dengan Paulus di Korintus ketika surat ini ditulis. Dia memperkenalkan mereka sebagai orang Kristian berbangsa Yahudi. Sarjana berfikir Lukius yang disebut mungkin orang yang sama dengan Lukius di Kirene (Kisah Para Rasul 13:1), yang disebut sebagai salah seorang nabi dan guru di Antiokhia. Yason juga mungkin orang yang sama dengan Yason di Tesalonika (Kisah Para Rasul 17:5-9) yang dikerah untuk tampil di hadapan pegawai-pegawai berkuasa kerana mengalu-alukan Paulus datang ke rumahnya. Sarjana berfikir bahawa Sosipater adalah orang yang sama dengan Sopater orang Beria (Kisah Para Rasul 20:4), yang bersama-sama Timotius dan beberapa orang lain, mengiringi Paulus ketika dia ingin berangkat ke Yerusalem bersama hasil kutipan bagi orang miskin.

#### **Tertius (ay. 22)**

Paulus turut membenarkan Tertius, penulis surat bagi Paulus, untuk berkirim salam. Menggunakan penulis untuk mengarang surat adalah amalan biasa pada masa dahulu.

#### **Gayus, Erastus, Kuartus (ay. 23)**

Gayus mungkin adalah salah seorang daripada dua orang yang dibaptis oleh Paulus ketika dia pertama kali datang ke Korintus (1 Korintus 1:14). Dia adalah tuan rumah yang Paulus tumpang di Korintus. Terjemahan lain menyatakan bahawa seluruh jemaah berkumpul di rumahnya, memberi gambaran bahawa semua gereja yang berbeza berkumpul di sana. Oleh itu dia dianggap sebagai seorang yang kaya kerana memiliki rumah yang begitu besar yang boleh menyediakan tempat tinggal bagi ramai jemaah di Korintus apabila mereka berkumpul bersama-sama.

Terdapat perdebatan mengenai identiti Erastus. Dia mungkin adalah salah seorang rakan seperjuangan Paulus (Kisah Para Rasul 19:22; 2 Timotius 4:20), atau seorang pemimpin terkenal di kota memandangkan dia adalah seorang bendahari kota dan boleh jadi seorang dermawan atau penaung yang kaya.

Identiti Kuartus tidak diketahui kerana dia tidak disebut di mana-mana bahagian dalam Perjanjian Baru.

**ay. 24** Kebanyakan terjemahan Inggeris dan edisi Yunani bagi Perjanjian Baru mengabaikan ayat 24 ('Semoga kasih kurnia Tuhan kita Yesus Kristus menyertai kamu semua.'). Ini adalah kerana ia tidak tertulis dalam manuskrip Yunani yang terawal dan lebih dipercayai.



#### **Teropong**

<sup>f</sup> Tertius disebut sebagai penulis Paulus hanya di dalam surat Roma. Kemungkinan Paulus menggunakan penulis-penulis lain di tempat lain. Paulus juga menunjukan suratnya kepada gereja-gereja di Galatia dan Kolose (Galatia 6:11; Kolose 4:18) dengan menggunakan penulis-penulis kerana dia menambah salam dengan tangannya sendiri bagi membuktikan ia adalah surat-suratnya. Kadang-kala penulis-penulis merupakan orang profesional dan ada kalanya, mereka adalah hamba yang berpendidikan kepada orang kaya.



#### **Soalan**

- 1) Terhadap siapakah Paulus mengingatkan para pembacanya (ay. 17)? Bagaimanakah mereka boleh menandatangani masalah kepada gereja? (ay. 17-18)
- 2) Apakah alasan Paulus memberi amaran kepada para pembacanya tentang orang sedemikian? (ay. 19-20)



#### **Mari Fikir Sejenak**

- Bagaimanakah cara anda boleh menjadi bijak tentang apa yang baik dan bersih dalam sesuatu kejahatan?

**IV. Doa penutup dan pujian (ay. 25-27)**

<sup>25</sup>Sekarang, kepada Dia yang berkuasa meneguhkan kamu menurut Injil yang kusampaikan dan perkhabaran tentang Yesus Kristus, menurut pernyataan rahsia yang tersembunyi sejak permulaan dunia <sup>26</sup>tetapi kini telah dinyatakan, dan

melalui nubuat-nubuat dalam kitab suci telah disampaikan kepada semua bangsa, menurut perintah Allah yang kekal, supaya mereka dibawa mentaati iman; <sup>27</sup>hanya kepada Allah sahaja, yang penuh bijaksana, segala kemuliaan melalui Yesus Kristus selama-lamanya. Amin.

**Nota****Ringkasan ay. 25-27**

Paulus telah merumus suratnya secara berperingkat-peringkat, dan kini dia menaikkan pujian terakhir kepada Allah. Dia memberi kemuliaan kepada Allah yang telah menjadikan mereka kuat dalam iman menurut Injil Yesus Kristus yang disampaikannya. Injil ini ialah rahsia Allah yang sekarang telah didedahkan kepada orang bukan Yahudi di mana-mana sahaja supaya mereka semua boleh percaya kepada Yesus. Akhir sekali, Paulus sekali lagi memberikan kemuliaan kepada Allah melalui Kristus.

ay. 25-27 Paulus akhirnya mengakhiri suratnya dengan satu pujian syukur (doksologi) kepada Allah. Dia memuliakan Allah kerana dia yakin bahawa Allah boleh menguatkan iman mereka menurut Injil yang disampaikan sendiri oleh Paulus. Dia menunjukkan sekali lagi bahawa Berita Baik tentang Yesus Kristus adalah kemuncak rancangan Allah yang telah tersembunyi dari awal zaman. Tetapi sekarang rancangan rahsia ini telah didedahkan kepada semua orang bukan Yahudi seperti yang telah dinubuat oleh nabi-nabi dan telah diperintahkan oleh Allah supaya semua bangsa boleh percaya dan mentaati-Nya.

Paulus juga menaikkan pujian bagi memuliakan Allah kerana kebijaksanaan-Nya. Hanya Dia sahaja yang boleh datang bersama rancangan yang menakjubkan untuk penebusan umat manusia. Paulus mengakhiri suratnya yang panjang kepada orang Kristian di Roma dengan menaikkan segala kemuliaan kepada Allah bagi pekerjaan penyelamatan-Nya melalui Anak-Nya, Yesus Kristus.

**Mari Fikir Sejenak**

- Bagaimanakah anda telah bertumbuh hasil dari pembelajaran buku Roma? Senaraikan beberapa bahagian dalam diri anda yang telah bertumbuh dan berubah.
- Sebagaimana Paulus mengakhiri suratnya dengan memuji Allah bagi rancangan penyelamatan-Nya yang menakjubkan yang juga telah melibatkan diri anda, anda juga boleh mengakhiri pelajaran buku Roma ini dengan memuji dan memuliakan Allah bagi semua perkara yang anda telah pelajari dari-Nya, terutama kerana Dia telah menyelamatkan anda dari penghakiman-Nya dan telah mengangkat anda menjadi anak-Nya.

**Soalan**

- 1) Apakah yang membuatkan Paulus mengakhiri suratnya dengan memuliakan Allah? (ay. 25-27)

**Ayat Hafalan**

Yesus menjawab, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku."  
(Yohanes 14:6)

## Senarai Rujukan

- Barclay, William. *The New Daily Study Bible: The Letter to the Romans*. (Louisville: Westminster John Knox Press, 2002)
- Barrett, C.K. *A Commentary on the Epistle to the Romans*. (London: Adam & Charles Black, 1971)
- Black, Matthew. *The New Century Bible Commentary. Romans*. (London: Marshall, Morgan & Scott, 1973)
- Bromley, G. W. Gen. Ed. *The International Standard Bible Encyclopedia*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1990)
- Bruce, F. F. *Romans. Tyndale New Testament Commentaries*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1985)
- Comfort, Philip W. Gen. Ed. *Romans Galatians. Cornerstone Biblical Commentary*. (Carol Stream: Tyndale, 2007)
- Cranfield, C.E.B. *Romans. A Shorter Commentary*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1987)
- Dumbrell, William J. *Romans. A New Covenant Commentary*. (Eugene: Wipf & Stock: 2005)
- Dunn, James D.G. *Romans. Daily Bible Commentary Series*. (Peabody: Hendrickson, 2007)
- Edwards, James R. *Romans. New international Biblical Commentary*. (Peabody: Hendrickson, 1992)
- Elwell, Walter A. Ed. *Evangelical Dictionary of Theology*. (Grand Rapids: Baker Book House, 1985)
- Hultgren, Arland J. *Paul's Letter to the Romans. A Commentary*. (Grand Rapids: Eerdmans, 2011)
- Keener, Craig S. *Romans. A New Covenant Commentary*. (Eugene: Cascade Books, 2009)
- Kruse, Colin G. *Paul's Letter to the Romans*. (Grand Rapids: Eerdmans, 2012)
- Lloyd-Jones, D.M. *Romans: The Gospel of God. An Exposition of Romans 1*. (Southampton: The Camelot Press Ltd., 1985)
- Moo, Douglas J. *Encountering the Book of Romans*. (Grand Rapids: Baker Academic, 2002)
- Moo, Douglas J. *Romans. The NIV Application Commentary*. (Grand Rapids: Zondervan, 2002)
- Moo, Douglas J. *The Epistle to the Romans. The New International Commentary on the New Testament*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1996)
- Morris, Leon. *The Epistle to the Romans*. (Grand Rapids: Eerdmans, 1988)
- Phillips, J. B. *The New Testament in Modern English for Schools*. (London: G. Bles, 1962)
- Stott, John R.W. *The Message of Romans. The Bible Speaks Today Series*. (Leicester: IVP, 1994)
- Ziesler, John. *Paul's Letter to the Romans*. (London: SCM Press, 1989)
-

Nota

Nota

Buku-buku lain dalam  
Siri Menjelajah Alkitab

